



# LAPORAN TAHUNAN 2016

جَابَتَانِ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2016



جَابَتَانِ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلِيسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA





جَابَتَانِ كَمَا جَوَانَ إِسْلَامَ مَلِيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# Kandungan

Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	4
Tinta Ketua Pengarah JAKIM	5
Info Korporat	6-7
Carta Organisasi	8-9
Pengurusan Tertinggi dan Pengarah-Pengarah Bahagian	10-12
Penyelidikan & Pembangunan Fatwa	14-41
Manifestasi Dakwah dalam Masyarakat	44-70
Pengukuhan Institusi Kekeluargaan dan Kemasyarakatan	72-87
Pengukuhan Modal Insan	90-123
Penyelarasan Pendidikan dan Pengurusan Masjid	126-155
Penggubalan dan Penyelarasan Undang-undang	158-168
Pemeriksaan Hab Halal Global	170-181
Perhubungan Antarabangsa dan Dalam Negeri	184-196
Pengurusan dan Kewangan	198-206



## Perutusan YB MENTERI di Jabatan Perdana Menteri

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

**D**engan Nama Yang Maha Kuasa, saya mendamba setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan kurnia-Nya saya diberi kesempatan bersama-sama JAKIM dalam melestarikan kewajipan dan mengharungi cabaran dalam menegakkan 'imad-Nya'. Tidak lain juga demi menyanjung keharmonian nilai Islam dan menjaga kesejahteraan sejagat seiring dengan perintah dan suruhan-Nya.

Buku Laporan Tahunan JAKIM ini diterbitkan sebagai kayu pengukur tentang program yang telah dijalankan. Ianya juga dijadikan panduan untuk setiap bahagian bagi menambah nilai impak dan serta implikasi atas setiap program yang akan dirancang. Bukan sekadar memenuhi *Key Performance Indicator* pada setiap tahun atau memenuhi sasaran kerja tahunan semata-mata. Namun *hadaf* dalam menyebarkan dakwah secara syumul kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia haruslah diutamakan.

Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada JAKIM kerana berdiri di atas kaki sendiri, berdiri dengan pendirian yang matang apabila menerima pelbagai ujian, dan cabaran. Sudah lumrah sang pejuang agama, tidak lari dari segala tohmahan yang boleh meruntuhkan kekebalan iman dalam jiwa. Realitinya kita tidak akan mengundur dalam memperjuangkan agama sehingga syahadah akhir terlafaz di bibir.

Akhir kata, semoga dengan terbitan bahan ini akan memberikan lapangan idea untuk warga JAKIM dalam merancang dan melaksanakan tugas. Serta bertanggungjawab penuh sebagai penjawat awam amnya dan memartabatkan bidang hal ehwal Islam secara khususnya. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima Kasih.

**Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**

# Tinta

## KETUA PENGARAH JAKIM



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

**A**lhamdulillah, segala puji bagi Allah, pencipta sekalian alam, dan dengan rahmat kasih sayang-Nya kita masih lagi teguh dan utuh dalam mempertahankan kedaulatan agama melalui pengurusan hal ehwal agama Islam di Malaysia.


Sekalung tahniah dan syabas buat sidang redaksi dari Bahagian Penerbitan dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAKIM bagi tahun 2016. Laporan tahunan merupakan satu dokumen penting dalam kita menilai, mengkaji dan merangka perancangan program seiring dengan fungsi bahagian di JAKIM.

Harapan saya, semoga dengan terbitan buku ini dapat memberikan impak yang positif dalam pembentukan khaira ummah untuk masa yang akan datang. Sentiasa berfikir di luar kotak dan memaksimumkan idea dalam menaikkan nama jabatan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Dengan harapan, agar semua warga JAKIM sentiasa berada di dalam rahmat dan kasih sayang-Nya. Insyaa-Allah.

*“Ukhuwwah Islamiyah Asas Perpaduan Ummah”*

**TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA**

# Info Korporat



## VISI

**VISI**  
Peneraju Dalam Membina Ketamadunan Ummah Yang Unggul

## MISI

**Misi**  
Mewujudkan Pengurusan Hal Ehwal Islam Yang Cepak dan Berkesan

## OBJEKTIF

- Objektif**
- ◆ Memastikan Ajaran Islam Tersebar Luas Kepada Seluruh Masyarakat
  - ◆ Membentuk Kepimpinan Yang Berwibawa dan Melahirkan Tenaga Pengurusan Yang Terlatih, Berketerampilan, Dedikasi dan Berhikmah
  - ◆ Menghasilkan Sistem Pengurusan Yang Berteraskan Nilai dan Etika Islam

## FUNGSI

**Fungsi**  
Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut:

**Fungsi 1:** Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak

**Fungsi 2:** Penyelarasan dan Pentadbiran Islam

**Fungsi 3:** Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

Jabatan ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai “agensi pusat” yang unggul dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam pengurusan hal ehwal Islam melalui usaha penyelarasan dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam bidang dakwah, penyelidikan, perundangan, latihan, pendidikan serta pembangunan ekonomi dan sosial dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:



- ◆ Menyediakan draf undang-undang Islam dalam tempoh enam bulan selepas semua dasar diputuskan.
- ◆ Menyediakan hasil penyelidikan dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat dalam tempoh enam bulan selepas arahan diterima.
- ◆ Menyediakan program dakwah secara komprehensif dan melaksanakannya mengikut jadual yang ditetapkan.
- ◆ Menerbitkan rancangan agama di radio dan televisyen pada setiap hari menepati waktu, dipersembahkan secara menarik dan mudah difahami.
- ◆ Menerbit dan mengedarkan buku, majalah dan risalah dalam bidang keilmuan Islam mengikut jadual yang ditetapkan.
- ◆ Menyediakan program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada kanak-kanak Islam berusia enam hingga 12 tahun mengikut kurikulum yang ditetapkan.
- ◆ Mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia bagi makanan, barangan gunaan dan perkhidmatan logistik bagi permohonan yang memenuhi syarat dalam tempoh 30 hari bekerja selepas permohonan diterima.
- ◆ Menyediakan teks khutbah Jumaat pada setiap minggu dan memaparkannya dalam portal JAKIM sebelum jam 10.00 pagi pada setiap hari Jumaat.
- ◆ Memberi latihan dalam bidang pengurusan hal ehwal Islam mengikut jadual perancangan yang ditetapkan.
- ◆ Mengeluarkan surat tawaran kepada calon yang berjaya dalam temuduga pengambilan pelajar baharu Darul Quran dalam tempoh tiga minggu selepas tarikh temuduga.
- ◆ Memastikan segala tuntutan yang lengkap diproses dan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.
- ◆ Mengeluarkan surat sokongan pas lawatan ikhtisas bagi pendakwah dan pelajar warganegara asing dalam tempoh 21 hari bekerja daripada permohonan diterima.



# Carta Organisasi



**Ketua Pengarah**

**Pengarah Kanan  
(PENGURUSAN)**

**Jabatan Agama Islam  
Wilayah Persekutuan**

**Darul Quran**

**Hab Halal**

**JAKIM Cawangan  
Sarawak**

**Institut Latihan  
Islam Malaysia**

**JAKIM Cawangan  
Sabah**

**Pengurusan  
Sumber Manusia**

**Pengurusan  
Maklumat**

**Kewangan**

**Khidmat  
Pengurusan**

# Pengurusan Tertinggi



**KETUA PENGARAH JAKIM**  
TAN SRI DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA



**TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)**  
TUAN HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM



**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN INSAN)**  
DATO' HAJI RAZALI BIN SHAHABUDIN



**PENGARAH KANAN (PENGURUSAN)**  
ENCIK MASRI BIN RAZALI

# Pengarah-pengarah Bahagian



**PENGARAH  
BAHAGIAN PERANCANGAN &  
PENYELIDIKAN**  
TUAN HAJI MOHAMAD BIN SAARI



**PENGARAH  
BAHAGIAN KEMAJUAN ISLAM**  
HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD  
YUSOFF



**PENGARAH  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN**  
HAJAH SAIMAH BINTI MOKHTAR



**PENGARAH  
BAHAGIAN PENYELARASAN  
UNDANG-UNDANG**  
TUAN AZIZ BIN HAJI MOHAMAD



**PENGARAH  
PEJABAT PENASIHAT  
UNDANG-UNDANG**  
RAZALI BIN ARIFFIN



**PENGARAH  
BAHAGIAN KELUARGA, SOSIAL  
& KOMUNITI**  
ENCIK HALIM BIN AHMAD



**PENGARAH  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN**  
TUAN HAJI SUHAIMI BIN ALI @  
AHMAD



**PENGARAH  
INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA**  
HAJAH ZAWANAH BINTI  
MUHAMMAD



**PENGARAH  
BAHAGIAN PENERBITAN**  
TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN  
MOHAMED SALLEH

# Pengarah-pengarah Bahagian



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT**  
TUAN HAJI KAMARUDIN BIN HAJI  
DOLMAIN



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**  
ENCIK ZAINUDIN BIN SULEIMAN



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN DAKWAH**  
DATO' HAJI ALI BIN MOHAMMED



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN HUB HALAL**  
DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA**  
NOR AKMAR BINTI ABDUL KARIM



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN KEWANGAN**  
ENCIK MOHD HALIMI BIN IBRAHIM



**PENGARAH**  
**JAKIM CAWANGAN SABAH**  
HAJI MAT RADZI BIN HAJI MAT ALI



**PENGARAH**  
**JAKIM CAWANGAN SARAWAK**  
TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN JUSOH



**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA**  
ENCIK MAZLAN BIN ABDULLAH

*Penyelidikan &  
Pengurusan Fatwa*

JAKIM memberikan tumpuan kajiannya dalam bidang akidah, syariah, falak, muamalat, dan media. Bidang-bidang penyelidikan yang dijalankan semakin mencabar selaras dengan keperluan, tuntutan dan cabaran semasa. Hasil kajian yang dijalankan juga menjadi sumber rujukan dan panduan kepada kerajaan dan masyarakat.

## Kajian Hukum

Melaksanakan kajian dalam bidang syariah merangkumi aspek ibadat, hal ehwal keperibadian (*ahwal syakhsyiyah*), hal ehwal kenegaraan (*siyasa syar'iyah*), jenayah (*jinayat*), sains perubatan, sains pemakanan dan fiqh semasa yang melibatkan hukum syarak bagi mencapai tujuan syariah (*maqasid syariah*) serta melaksanakan kajian istinbat hukum untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan hukum syarak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat.

## Bengkel/Mesyuarat

JAKIM telah melaksanakan beberapa mesyuarat dan siri bengkel berkaitan Pengesahan Patuh Syariah pada tahun 2016. Mesyuarat dan bengkel yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penubuhan Badan Pengesahan Patuh Syariah JAKIM yang diadakan pada 18 Februari 2016 dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Dasar, JAKIM.
2. Bengkel Cadangan Penubuhan Badan Pengesahan Patuh Syariah JAKIM bagi Kluster Undang-undang pada 10 Mac 2016.
3. Bengkel Penyediaan Draf Garis Panduan JAKIM Sebagai Badan Pengesahan Patuh Syariah pada 4 Mei 2016.
4. Bengkel Garis Panduan Pensijilan Pengesahan Patuh Syariah diadakan pada 1 Ogos 2016 mengikut empat kluster yang telah ditetapkan. Empat kluster tersebut ialah seperti berikut:
  - a. Kluster Undang-undang
  - b. Kluster Hospital dan Perkhidmatan Kesihatan
  - c. Kluster Hotel dan Pelancongan
  - d. Kluster Motivasi
5. Mesyuarat Sekretariat Bengkel Garis Panduan Pensijilan Pengesahan Patuh Syariah pada 10 Ogos 2016.



Bengkel Cadangan Penubuhan Badan Pengesahan Patuh Syariah JAKIM bagi Kluster Undang-undang



Sesi perbincangan Bengkel Garis Panduan Pensijilan Pengesahan Patuh Syariah

## Mesyuarat PPS Sepanjang Tahun 2016

Sepanjang tahun 2016, JAKIM telah berjaya melaksanakan tiga mesyuarat Panel Pakar Syariah seperti berikut:

1. Mesyuarat Panel Pakar Syariah kali ke-91 pada 4 April 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia.
2. Mesyuarat Panel Pakar Syariah kali ke-92 pada 25 Mei 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia.
3. Mesyuarat Panel Pakar Syariah kali ke-93 pada 29 September 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia.

Outcome Mesyuarat PPS:

1. Menyelesaikan isu-isu semasa berkaitan hukum kepada masyarakat dan organisasi yang memerlukan khidmat nasihat syariah.
2. Mengeluarkan garis panduan terhadap keputusan-keputusan mesyuarat PPS untuk rujukan.
3. Dibawa ke muzakarah fatwa sekiranya isu tersebut berkaitan kepentingan awam atau isu peringkat nasional untuk dijadikan fatwa.



Ahli Mesyuarat Panel Pakar Syariah kali ke-93

### Bengkel Istinbat Hukum

Pada tahun 2016, JAKIM juga telah menganjurkan Bengkel Istinbat Hukum yang menghimpunkan pegawai penyidik Jakim dan pegawai istinbat jabatan agama Islam negeri (JAIN). Bengkel yang berlangsung pada 5 September 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia ini dianjurkan bertujuan membincangkan konsep dan kaedah istinbat hukum yang merangkumi penghujahan dan analisis terhadap dalil-dalil syarak. Ia juga menjadi medium perbahasan, perkongsian dan percambahan idea kepada para pegawai penyidik JAKIM dan Jabatan Mufti berkaitan metodologi istinbat hukum dan dalam masa yang sama menjadi platform dalam menerokai bidang kajian hukum baru yang menyentuh isu sebenar umat Islam dan bersifat futuristik tanpa mengeneipkan aspek epistemologinya yang berasaskan al-Qur'an dan al-Hadith.



Peserta Bengkel Istinbat Hukum



Barisan penceramah jemputan

### KAJIAN FALAK

JAKIM melaksanakan kajian dalam bidang falak merangkumi aspek pembangunan sistem pengurusan falak, menganalisis data cerapan untuk rujukan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia bagi penentuan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah, menganalisis data piawai falak untuk menyediakan almanak, takwim hijri, hari kebesaran Islam, jadual waktu solat seluruh Malaysia, penentuan arah kiblat, objek samawi dan fenomena alam serta melaksanakan kajian istinbat hukum berkaitan falak untuk dirujuk kepada Panel Pakar Syariah dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Selain itu, menyediakan kaedah dan garis panduan bagi perkara yang melibatkan bidang falak untuk memberi kefahaman kepada masyarakat.



## Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit dan Pembiasan Cahaya di Ufuk Selepas Terbenam Matahari

Sepanjang tahun 2016, JAKIM telah menjalankan Kajian Cerapan Hilal, Kecerahan Langit dan Pembiasan Cahaya di Ufuk Selepas Terbenam Matahari bertempat di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan pada tarikh-tarikh seperti berikut:

1. 10 Januari 2016
2. 9 dan 10 Februari 2016
3. 9 dan 10 Mac 2016
4. 8 dan 9 April 2016
5. 7 dan 8 Mei 2016
6. 3 dan 4 Ogos 2016
7. 1 dan 2 Oktober 2016
8. 31 Oktober dan 1 November 2016
9. 30 November dan 1 Disember 2016
10. 30 dan 31 Disember 2016

Kajian ini diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan ahli kajian ini terdiri daripada pegawai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Universiti Malaya, Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



Gambar-gambar yang dirakam sewaktu kajian di Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan



## Majlis Cerapan dan Solat Sunat Gerhana Sempena Gerhana Matahari Separa 2016

JAKIM dengan kerjasama Masjid Putra dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menganjurkan Majlis Cerapan dan Solat Sunat Gerhana Sempena Gerhana Matahari Separa yang berlaku pada 9 Mac 2016 bersamaan 29 Jamadilawal 1437H.

Majlis tersebut turut disertai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Tan Sri Dato' Ketua Pengarah JAKIM dan pegawai-

pegawai Pengurusan Tertinggi JAKIM. Orang awam dan kakitangan kerajaan di sekitar Putrajaya juga turut tidak terlepas menyaksikan kejadian gerhana yang jarang-jarang berlaku di Malaysia.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Gerhana (*kusuf*) dan diakhiri dengan aktiviti cerapan gerhana. Beberapa buah teleskop dan peralatan teodolit disediakan untuk pengunjung bagi memudahkan aktiviti cerapan di samping memperkenalkan bidang falak dan astronomi kepada masyarakat awam dengan lebih dekat. Gerhana matahari seterusnya dijangka berlaku pada tahun 2019 di Malaysia.



Pasukan pencerap dari JAKIM dan JUPEM



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut menyaksikan gerhana matahari separa



Orang awam tidak melepaskan peluang menyaksikan gerhana matahari separa

### **Kajian Cerapan Hilal Syaaban 1437H dan Latihan Cerapan Hilal JAKIM dengan Kerjasama Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam Yala Selatan Thailand**

JAKIM telah melaksanakan Kajian Cerapan Hilal Syaaban 1437H di Pantai Mek Mas dan Menara SEDC. Selain dari Kajian Cerapan Hilal Syaaban 1437H, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Mufti negeri Kelantan turut melaksanakan Latihan Cerapan Hilal untuk wakil Majlis Agama Islam dan Pegawai Pejabat Daerah Selatan Thailand. Seramai lima orang daripada Majlis Agama Islam Daerah Yala dengan diketuai oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis, Ustaz Ahmad bin Toyong, 10 orang imam Daerah Yala dan lima orang daripada Pejabat Daerah Wilayah Selatan Thailand dengan diketuai Pegawai Daerah Selatan Thailand, Encik Chaichana Kritayand telah hadir dalam sesi latihan ini. Objektif latihan ini dilakukan adalah selaras dengan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bidang Kerjasama: Memperluas Peranan MABIMS ke Dunia Luar yang dipengerusikan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang telah melantik JAKIM untuk mengambil tindakan strategi 2: Pembangunan Bidang Sosial dengan menganjurkan aktiviti latihan kemahiran cerapan falak di negara-negara minoriti Islam. 3. Untuk permulaan, Jakim dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Kelantan telah menjemput wakil daripada komuniti Islam Wilayah Yala Selatan Thailand untuk menyertai bengkel yang diadakan di Kota Bharu Kelantan. Melalui bengkel ini, wakil komuniti tersebut telah diberi pendedahan berkenaan kaedah melihat anak bulan di Malaysia yang menggunakan peralatan berteknologi (teodolit dan teleskop) selain beberapa perkara yang berkaitan dengan falak seperti penentuan arah kiblat.



Sesi latihan dan cerapan di Pantai Mek Mas, Kota Bharu, Kelantan



Imej hilal syaaban 1437H yang berjaya dirakam di pesisir pantai Kampung Sungai Lada, Labuan pada 29 Rejab 1437H



Sesi latihan dan cerapan di Menara SEDC, Kota Bharu, Kelantan



Perjumpaan dengan Sahibus Samahah Mufti Negeri Kelantan di Pejabat Mufti Negeri Kelantan

## Kajian Fizikal dan Ketetapan Waktu Solat di Wilayah Persekutuan Labuan

JAKIM telah melaksanakan Kajian Fizikal dan Ketetapan Waktu Solat di Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diketuai oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz dari Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian ini turut disertai oleh pegawai daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Sarawak, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kajian ini dilaksanakan di pesisir pantai Kampung Lubok Temiang bagi Kajian Fizikal Waktu Solat Subuh dan Kampung Sungai Lada bagi Kajian Fizikal Waktu Solat Isyak.

Selain dari Kajian Fizikal dan Ketetapan Waktu Solat, para peserta turut berpeluang melaksanakan Kajian Cerapan Hilal Syaaban 1437H. Kajian cerapan hilal tersebut telah memberikan hasil yang sangat baik kerana satu rekod kenampakan hilal termuda telah berjaya dirakamkan. Para peserta kajian telah berpeluang menyaksikan *hilal Syaaban 1437H* dan berjaya merakam imej hilal yang berumur 14.91 jam. Imej hilal tersebut berjaya dirakam pada pada jam 6.45 petang. Rekod termuda sebelum ini adalah 15.7 jam yang dicerap pada 17 Oktober 2001 bersamaan 29 Rejab 1422H di Telok Kemang.



Kajian Cerapan Hilal Syaaban 1437H di pesisir pantai Kampung Sungai Lada, Labuan pada 29 Rejab 1437H bersamaan 7 Mei 2016

## Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara-negara Anggota MABIMS

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah berjaya menganjurkan Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS pada 2 hingga

4 Ogos 2016 bertempat di Klana Beach Resort, Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Muzakarah ini telah dihadiri oleh wakil-wakil delegasi dari negara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura serta ahli Panel Pakar Falak JAKIM. Selain itu, muzakarah ini turut dihadiri oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Sabah, Sarawak dan pegawai falak yang mewakili Jabatan Mufti negeri masing-masing. YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha telah mempengerusikan muzakarah ini sepanjang ia berlangsung.

Penganjuran muzakarah kali ini adalah untuk mencapai objektif seperti berikut:

- Menyemak semula Kriteria Imkanur Rukyah yang diguna pakai oleh negara anggota MABIMS dalam penentuan takwim hijri dan awal bulan hijri di kalangan negara anggota.
- Melakukan cerapan hilal bersama di kalangan negara anggota MABIMS.
- Melaksanakan penilaian terhadap Takwim Standard MABIMS.

Majlis perasmian muzakarah ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Turut hadir dalam majlis perasmian ialah Timbalan Menteri di JPM, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, YBhg. Dato' Sri Syed Danial bin Syed Ahmad, dan Pengarah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, YBhg. Datuk Selamat bin Paigo.



Kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), dan Timbalan Menteri di JPM, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, dalam majlis perasmian Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS



Delegasi dari Negara Brunei, Indonesia, Singapura, Malaysia, Ahli Panel Pakar Falak JAKIM, Sahibul Samahah Mufti-mufti dan tetamu jemputan bergambar bersama YB Menteri



Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, menjadi pengerusi sepanjang muzakarah berlangsung



Suasana ketika Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS sedang berlangsung

## Lawatan Kerja ke Lokasi Pembangunan Pusat Falak Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) di Pulau Bunting, Yan, Kedah

Satu lawatan kerja bagi melihat lokasi yang telah dicadangkan oleh kerajaan Negeri Kedah bagi tujuan pembangunan pusat falak tersebut telah diadakan pada 22 November 2016. Lawatan tersebut diketuai oleh Pegawai Daerah Yan, Tuan Haji Mohd Yusri bin Mad Daud. Wakil JAKIM dalam lawatan kerja tersebut ialah Pegawai Tugas Khas YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Kamaruddin bin Min, Panel Pakar Falak, JAKIM, Prof. Dato' Dr. Mohd Zambri bin Zainuddin, Panel Pakar Falak JAKIM, Ustaz Mohamad Zakuwa bin Hj. Rodzali dan beberapa pegawai JAKIM yang lain. Turut menyertai lawatan kerja ini ialah beberapa agensi lain seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Kedah.

Pusat Falak ini dibangunkan bagi tujuan penyelidikan dan kajian berkaitan falak di Malaysia. Ia juga menjadi salah satu medium memperkasakan peranan Majlis Raja-raja melalui MKI dalam pembangunan penyelidikan Islam di peringkat kebangsaan dan antarabangsa khususnya dalam bidang falak. Hasrat itu boleh direalisasikan dengan memperkenalkan pusat falak ini sebagai tempat latihan cerapan hilal bagi anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC). Lokasi tersebut telah dipilih berdasarkan kesesuaiannya yang mempunyai ufuk timur dan barat dan tidak terlindung selain memudahkan penyelidikan pergerakan objek di langit seperti bulan dan matahari.

Hasil daripada lawatan tersebut mendapati bahawa lokasi yang diberikan adalah lokasi yang terbaik dan mempunyai ketinggian hampir 142 meter daripada aras laut. Bagi mewujudkan kesedaran berkenaan falak dalam kalangan masyarakat setempat JAKIM juga berhasrat menjadikan pusat falak tersebut sebagai pusat astrotourism di mana masyarakat dapat bersama-sama menikmati pengalaman meneroka langit malam.



Taklimat ringkas berkenaan lokasi yang akan ditinjau diberikan oleh Dr. Kamarudin bin Min kepada peserta kajian berkenaan lot tanah yang dicadangkan



Wakil yang terlibat dalam mengenal pasti lokasi yang telah diluluskan antaranya: Ahli Panel Pakar Falak JAKIM, Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Wakil Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah, Wakil Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Wakil Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Kedah

## Seminar dan Bengkel Falak

1. Munaqasyah Fiqh Falak Peringkat Kebangsaan 2016  
Tarikh : 27 hingga 29 September 2016  
Tempat : The Orient Star Resort, Lumut, Perak



Gambar-gambar yang dirakam sewaktu Munaqasyah Fiqh Falak Peringkat Kebangsaan 2016 di The Orient Star Resort, Lumut, Perak

2. Bengkel Garis Panduan Arah Kiblat Siri 5  
Tarikh : 15 hingga 17 November 2016  
Tempat : Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur, Besut, Terengganu



Ahli Bengkel Garis Panduan Arah Kiblat Siri 5

## Mesyuarat Panel Pakar Falak dan Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa dan Hari Raya

1. Mesyuarat Panel Pakar Falak Bil.1/2016 pada 6 April 2016 bertempat di Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, ILIM, Bangi;



Gambar-gambar yang dirakam sewaktu Mesyuarat Panel Pakar Falak Bil.1/2016 di Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, ILIM, Bangi

- Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa dan Hari Raya & Mesyuarat Penyelarasan Waktu Imsak dan Berbuka Puasa Negeri-negeri Seluruh Malaysia 1437H/2016M pada 27 April 2016 bertempat di Dewan Syura, Aras 9, JAKIM.



Gambar-gambar yang dirakam sewaktu Mesyuarat Jawatankuasa Penetapan Awal Puasa dan Hari Raya & Mesyuarat Penyelarasan Waktu Imsak dan Berbuka Puasa Negeri-negeri Seluruh Malaysia 1437H/2016M



## PENERBITAN AKIDAH

Sebanyak lapan risalah telah dicetak semula bertujuan edaran awam bagi memenuhi permintaan *stakeholder* Jabatan ini iaitu Soal Jawab Isu Syiah di Malaysia, Istilah Terhadap Beberapa Penyelewengan dalam Tarekat, Bagaimana Mengenal Ahli Sunnah wal-Jamaah, Penjelasan Istilah yang Boleh Membawa Penyelewengan Akidah, Risalah Isu Semasa: Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat, Garis Panduan Silat Menurut Islam, Garis Panduan Program Motivasi Berunsurkan Islam dan Asas Rujukan dalam Bidang Akidah Islam.

Selain itu juga, sepertimana yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Januari 2016, JAKIM telah diberi tanggungjawab sebagai agensi untuk mengetuai pasukan penjelasan jihad bagi menyekat penularan ideologi ISU DAESH dalam pemikiran rakyat. Sehubungan dengan itu, satu risalah bertajuk “Miliran IS: TERRORISME Atas Nama Islam” telah dihasilkan untuk edaran awam. Pembentangan dan penjelasan berkaitan isu jihad kepada *stakeholders* termasuk agensi kerajaan persekutuan, swasta, Universiti awam, universiti swasta dan masyarakat awam.

## SEKSYEN AKIDAH

### Mesyuarat Panel Pakar Akidah (PPA)

Panel Pakar Akidah adalah panel penasihat JAKIM dalam isu berkaitan akidah. Antara bidang tugas panel PPA adalah membantu JAKIM dalam membuat kajian terhadap isu-isu berkaitan akidah dan memperakukan hasil kajian untuk dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Keahliannya terdiri daripada para ulama, ahli akedamik dan wakil daripada agensi yang berkaitan. Pada masa ini panel ini dipengerusikan oleh mantan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur YBhg. Dato' Wan Zahidi bin Wan Teh. Bagi tahun 2016, empat sesi mesyuarat PPA berjaya dilaksanakan. Antara isu yang dibincangkan ialah berkaitan ajaran sesat, pemikiran liberal, tarekat dan tasawuf, amalan perbomohan dan perubahan tradisional serta isu-isu semasa akidah yang berlegar dalam kalangan umat Islam di negara ini.





## KAJIAN DAN PENAPISAN

Perincian kajian yang telah dijalankan bagi tahun 2016 adalah seperti Jadual 1 di bawah;

**Jadual 1: Jumlah kajian mengikut kategori pada tahun 2016**

BIL	KAJIAN	JUMLAH
1.	Media Cetak	117 kajian/laporan
2.	Media Baharu	2,040 url
3.	Media Penyiaran	218 bahan
4.	Media Bersemuka:	
	a. Pertubuhan	35
	b. Individu	65
5.	Tafsir dan Terjemahan al-Quran	15 Naskhah

## KAJIAN MEDIA

Kajian dan semakan ke atas bahan penerbitan berunsur Islam yang disalurkan melalui empat media utama iaitu Media Cetak, Media Penyiaran, Media Baharu dan Media Bersemuka.

Media Cetak termasuklah buku-buku, akhbar, majalah dan manuskrip. Manakala Media Penyiaran meliputi radio, TV, CD/DVD/VCD dan bahan-bahan untuk tujuan hebahan dan pameran. Media Baharu pula merangkumi laman web, laman sosial dan *blog* manakala Media Bersemuka ialah kajian tapisan ke atas pertubuhan dan individu yang dirujuk oleh pihak yang berkaitan. Unit Kajian Media juga menjadi tempat rujukan untuk mengkaji dan menyemak Tafsir dan Terjemahan al-Qur'an untuk diperakukan sebelum diterbitkan.

Selain itu, Unit Kajian Media juga bertanggungjawab untuk mengkaji bahan-bahan lain seperti bahan-bahan gunaan dan perhiasan yang mengandungi cetakan ayat-ayat suci al-Qur'an yang diperolehi melalui aduan awam. Unit ini juga, turut terlibat dalam menjalankan pemantauan di premis-premis perniagaan khusus untuk memastikan bahan penerbitan berunsur Islam yang meragukan dapat dikawal penyebarannya di pasaran.

## Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam (MJPBPBI)

Kajian dan semakan yang dijalankan oleh Unit Kajian Media ke atas Media Cetak akan dikemukakan untuk perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam (MJPBPBI). Mesyuarat ini bertujuan menilai dan membuat perakuan ke atas bahan penerbitan berunsur Islam berdasarkan laporan semakan dan penilaian yang dibuat oleh Panel Penilai atau Penyemak JAKIM. Perakuan dan keputusan tersebut akan disyorkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk dikenakan Perintah Larangan (PL) atas pelanggaran kepada Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984. Ini selaras dengan Teras 3 iaitu mengukuhkan kerjasama strategik dan ukhwah Islamiah di peringkat Nasional, Serantau dan Antarabangsa ke arah penyatuan Ummah.

Bagi tahun 2016, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak satu kali iaitu bagi kali ke-88 pada 5 hingga 7 April 2016 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam.





Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam kali ke-88 pada 5 hingga 7 April 2015, bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam

Pada tahun 2016, sebanyak 28 buah buku telah diwartakan Perintah Larangan (PL) oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Senarai judul buku adalah seperti berikut:

### **Senarai Bahan Penerbitan (Buku) yang Telah Diwartakan Perintah Larangan (PI) oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) Tahun 2016**

BIL	JUDUL BUKU	TARIKH WARTA
1.	Sinema Spiritual: Dramaturgi dan Kritikan	Warta Kerajaan P.U. (A)
2.	Rasulullah SAW: Sejak Hijrah Hingga Wafat	108, 109 dan 110
3.	Tafsir Ayat-ayat Kematian	22 April 2016
4.	<i>Pergolakan Pemikiran Islam: Catatan Harian Ahmad Wahib</i>	Warta Kerajaan P.U. (A) 169 14 Jun 2016
5.	Malaysia and The Club of Doom: The Collapse of The Islamic Countries	Warta Kerajaan P.U. (A) 170 14 Jun 2016
6.	Torture in Malaysia Prisons: Who you didn't Know and need to Know to Act	Warta Kerajaan P.U. (A) 171 14 Jun 2016
7.	The Koran: A Very Short Introduction Hijrah Hingga Wafat	Warta Kerajaan P.U. (A) 172 14 Jun 2016
8.	Isu Semasa dalam Risalah: Kahwin Campur Antara Muslim dengan Non-Muslim	Warta Kerajaan P.U. (A) 191 4 Julai 2016
9.	Islam and Homosexuality Volume 1	Warta Kerajaan P.U. (A) 192 4 Julai 2016
10.	Lesbian Sex Positions 100 Positionate Positions from Intimate and Sensual to Wild and Naughty	Warta Kerajaan P.U. (A) 201
11.	Sexual Intimacy for Women a Guide for Same-Sex Couple	18 Julai 2016
12.	The Whole Lesbian Sex Book a Passionate Guide for All of Us	
13.	Mencontohi Para Wali	Warta Kerajaan P.U.(A)
14.	Syar Manifestasi Tuhan dalam Wanita	202
15.	Mereka Adalah Teroris (Sebuah Tinjauan Syariat)	18 Julai 2016

BIL	JUDUL BUKU	TARIKH WARTA
16.	Ibnu Taimiyah: Rekam Jejak Sang Pembaharu	Warta Kerajaan P.U. (A)
17.	Kitab Berlian Syahadat	203
18.	Sejarah Syekh Abdul Wahab Tuan Guru Babussalam	18 Julai 2016
19.	Primbon Wanita dan Tafsir Mimpi (Lengkap)	
20.	Kissing Cousins? Christians and Muslims Face to Face	Warta Kerajaan P.U. (A)
21.	A Treasure of Asian Literature	204
22.	What Went Wrong? The Clash Between Islam and Modernity in the Middle East	18 Julai 2016
23.	نبي الرحمة من منظر القرآن وأهل البيت Nabiyyurahmah Min Minzoril Qurani Wa Ahlil Bayt	Warta Kerajaan P.U. (A)
		205
		18 Julai 2016
24.	Misteri Alam Arwah: Persiapan Menjelang Ajal dan Kisah-kisah Mayat	Warta Kerajaan P.U. (A)
		206
		18 Julai 2016
25.	Nomad: From Islam to America a Personal Journey Through The Clash of Civilizations	Warta Kerajaan P.U. (A)
		207
		18 Julai 2016
26.	1000 Hikmat	Warta Kerajaan P.U. (A)
27.	Senjata Mukmin	208
28.	Sabda Rasulullah SAW, Mahdi Aku Ada Dua Tanda	18 Julai 2016

### High Level Committee (HLC) Mengenai Bahan Penerbitan Berunsur Islam

Pada 21 April 2016, YAB Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh beliau sendiri iaitu *High Level Committee (HLC) Mengenai Bahan Penerbitan Berunsur Islam*. Penubuhan jawatankuasa ini adalah bagi mengambil langkah proaktif ke arah memperkasakan tindakan ke atas bahan-bahan penerbitan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Tumpuan diberikan kepada aspek perundangan dan penguatkuasaan.

Mesyuarat *High Level Committee (HLC) Mengenai Bahan Penerbitan Berunsur Islam* kali pertama yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada 11 Mei 2016 dan beberapa keputusan telah dibuat bagi maksud memasukkan elemen-elemen Garis Panduan Penapisan JAKIM ke dalam undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

### Pemantauan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam di Pasaran

Sebanyak lapan siri pemantauan telah dilaksanakan bagi memastikan bahan penerbitan berunsur Islam yang telah dikenakan Perintah Larangan (PL) tidak terdapat dalam pasaran. Pemantauan ini juga bagi melihat dan memantau penjualan dan penyebaran buku-buku yang telah diwartakan Perintah Larangan oleh KDN.

Terdapat dua bentuk pemantauan yang telah dilaksanakan oleh Unit Kajian Media, iaitu:

1. Pemantauan Berkala:  
Dijalankan berdasarkan aduan – tiga siri
2. Pemantauan Bersepadu  
Dijalankan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), pihak berkuasa tempatan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi lain yang berkaitan – lima siri
3. Mesyuarat lanjut mengenai pemantauan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 2: Senarai Pemantauan Bersepadu Dan Berkala/Aduan yang telah dijalankan pada tahun 2016**

BIL	KATEGORI	TARIKH	TEMPAT
1.	Pemantauan Bersepadu	17 Februari 2016	Bandar Baru Bangi
2.		31 Mac 2016	Pesta Buku PKNS, Bangi
3.		1 April 2016	Pesta Buku MPH, PICC
4.		31 Mei 2016	Sekitar Plaza Sungei Wang
5.		30 Ogos 2016	Selayang
6.	Pemantauan Berkala/Aduan	11 Februari 2016	Damansara One Utama, Kuala Lumpur
7.		4 Mei 2016	Dewan MAEPS, Serdang
8.		28 Julai 2016	Dewan SACC, Shah Alam

### Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia

Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan di Malaysia kali ke-12 telah berlangsung pada 21 Julai 2016 (Khamis) bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi Selangor. Pada tahun ini, penganjuran Muzakarah dianjurkan dengan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS).

Majlis perasmian muzakarah ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) manakala ucapan penutupan muzakarah disempurnakan

oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Muzakarah pada kali ini telah dipengerusikan oleh Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara, YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Ab. Rahman, manakala pakar rujuk muzakarah terdiri daripada YBhg. Dato' Seri Haji Hassan bin Haji Ahmad dan YBhg. Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim.

Penganjuran muzakarah ini berjaya mencatatkan kehadiran peserta seramai 170 orang yang terdiri daripada Ahli Panel Penasihat Syariah, Eksekutif Syariah di institusi kewangan dan Takaful, Pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti seluruh Malaysia dan ahli-ahli akademik. Hasil daripada muzakarah ini, ia dapat menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi luar dan mencari jalan formula perbahasan yang terbaik dalam isu-isu semasa muamalat yang menjadi persoalan dalam masyarakat.



YB Menteri sedang menyampaikan ucapan perasmian muzakarah



YBhg. Tan Sri KP JAKIM sedang menyampaikan ucapan dalam persidangan muzakarah



Gambar-gambar di atas menunjukkan suasana muzakarah

## Portal e-Muamalat

Portal e-Muamalat ini dibangunkan khusus untuk memuatkan perbahasan-perbahasan fiqh muamalat di samping menjadi tempat rujukan berautoriti bagi umat Islam mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini. Penambahbaikan dan pengemaskinian maklumat terkini sentiasa dilakukan ke atas portal pada menu, kandungan dan aplikasi selari dengan perkembangan terkini dalam

bidang muamalat dan kewangan Islam. Pada tahun 2016, pengemaskinian telah dilakukan dengan memuatkan 114 petikan akhbar, lima berita, enam *banner*, tujuh kertas ilmiah, tiga garis panduan dan 11 harga emas yang diperolehi daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).



Carta 1: Jumlah Pelayar Portal E-Muamalat pada tahun 2016 yang direkodkan oleh “Google Analytics”

Jadual 3: Kedudukan Pelayar mengikut negara pada tahun 2016

Country	Acquisition			Behavior		
	Sessions	% New Sessions	New Users	Bounce Rate	Pages / Session	Avg. Session Duration
	29,322 % of Total: 100.00% (29,322)	79.07% Avg for View: 79.07% (0.00%)	23,185 % of Total: 100.00% (23,185)	69.79% Avg for View: 69.79% (0.00%)	1.92 Avg for View: 1.92 (0.00%)	00:01:56 Avg for View: 00:01:56 (0.00%)
1. Malaysia	26,636 (90.84%)	78.97%	21,035 (90.73%)	69.94%	1.94	00:01:58
2. United States	544 (1.86%)	80.33%	437 (1.88%)	71.51%	1.49	00:00:45
3. Indonesia	498 (1.70%)	80.92%	403 (1.74%)	75.50%	2.02	00:01:47
4. Singapore	274 (0.93%)	87.96%	241 (1.04%)	70.07%	1.73	00:01:33
5. United Kingdom	216 (0.74%)	92.06%	201 (0.87%)	67.13%	1.62	00:00:21
6. Brunei	162 (0.55%)	74.69%	121 (0.52%)	66.05%	1.87	00:01:48
7. Russia	136 (0.46%)	7.35%	10 (0.04%)	13.24%	1.88	00:04:40
8. India	113 (0.39%)	72.57%	82 (0.35%)	79.65%	1.43	00:01:35
9. (not set)	100 (0.34%)	85.00%	85 (0.37%)	81.00%	1.32	00:00:15
10. Jordan	67 (0.23%)	67.16%	45 (0.19%)	64.18%	2.75	00:03:27


Jadual 4: Kedudukan Negeri dan Pelayar Tertinggi yang mengunjungi portal pada tahun 2016

Region	Acquisition			Behavior		
	Sessions	% New Sessions	New Users	Bounce Rate	Pages / Session	Avg. Session Duration
	26,637 % of Total: 90.84% (29,322)	78.97% Avg for View: 79.07% (-0.12%)	21,036 % of Total: 90.73% (23,185)	69.94% Avg for View: 69.79% (0.21%)	1.94 Avg for View: 1.92 (0.82%)	00:01:58 Avg for View: 00:01:56 (2.58%)
1. Federal Territory of Kuala Lumpur	13,550 (50.87%)	79.44%	10,764 (51.17%)	71.93%	1.73	00:01:44
2. Selangor	3,701 (13.89%)	80.52%	2,980 (14.17%)	67.90%	2.06	00:02:01
3. Kedah	1,274 (4.78%)	76.53%	975 (4.63%)	71.59%	2.00	00:02:01
4. Johor	1,186 (4.45%)	83.90%	995 (4.73%)	68.47%	2.30	00:02:12
5. Perak	923 (3.47%)	81.47%	752 (3.57%)	67.39%	1.92	00:02:05
6. Putrajaya	870 (3.27%)	53.33%	464 (2.21%)	52.07%	4.03	00:04:48
7. Penang	834 (3.13%)	78.90%	658 (3.13%)	69.42%	2.12	00:02:09
8. Terengganu	828 (3.11%)	79.47%	658 (3.12%)	68.96%	2.12	00:02:13
9. Pahang	696 (2.61%)	79.31%	552 (2.62%)	68.68%	1.78	00:01:49
10. Malacca	688 (2.58%)	84.16%	579 (2.75%)	67.88%	1.88	00:02:10

## Jurnal Muamalat

Penerbitan Jurnal Muamalat merupakan salah satu misi dakwah JAKIM ke arah menyebarkan ilmu pengetahuan yang menyentuh tentang aspek muamalah dan ekonomi Islam. Pewujudan Jurnal Muamalat ini adalah selaras dengan komitmen JAKIM sebagai agensi agama di peringkat persekutuan bagi mendukung aspirasi kerajaan dalam mempromosi Malaysia sebagai pusat kewangan Islam di persada antarabangsa menerusi penghasilan bahan-bahan penerbitan ilmiah yang berkualiti.

Panel Penilai Jurnal Muamalat dilantik khusus oleh JAKIM yang terdiri daripada ahli ilmuan mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan dan ekonomi Islam. Jurnal Muamalat telah diiktiraf sebagai *refereed journal* (jurnal ilmiah). Pada tahun 2016, JAKIM telah menerbitkan Jurnal Muamalat Bil.8/2015 dan Bil.9/2016. Kandungan koleksi jurnal muamalat disediakan secara percuma dan boleh diperolehi di [www.e-muamalat.islam.gov.my](http://www.e-muamalat.islam.gov.my).



## MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN PANEL PAKAR MUAMALAT (PPM), JAKIM

Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Panel Pakar Muamalat (PPM), JAKIM telah diadakan pada 22 November 2016 bertempat di Hotel Putra, Kuala Lumpur. Seramai 14 orang ahli PPM telah hadir untuk menerima surat pelantikan yang telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Barisan panel yang dilantik terdiri daripada mufti, hakim syarie,

ahli akademik serta pegawai syariah dalam industri kewangan Islam yang mempunyai kepakaran dalam bidang syariah, fiqh muamalat, ekonomi, perakaunan dan undang-undang.

Panel Pakar Muamalat, JAKIM ditubuhkan dengan objektif untuk membantu kerajaan dalam menentukan dasar dan hala tuju berkaitan pelaksanaan sistem muamalat dan sosioekonomi Islam di Malaysia. Di samping itu, PPM juga berperanan sebagai memberi pandangan dari sudut hukum syarak terhadap isu-isu muamalat dan sosioekonomi di negara ini demi kemajuan ummah.



YB Menteri menyampaikan amanat kepada ahli-ahli Panel Pakar Muamalat yang dilantik



Panel Pakar Muamalat yang dilantik bergambar bersama-sama YB Menteri

## Pertemuan antara Dua Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

JAKIM melalui Seksyen Muamalat dan Sosioekonomi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan telah mengatur pertemuan antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) bersama-sama dengan Menteri KPDNKK, YB Dato' Seri Hamzah bin Zainuddin dan Menteri KPKT, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Pertemuan tersebut diadakan pada tarikh yang berbeza. Pertemuan antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri KPDNKK telah diatur pada 23 Februari 2016 manakala pertemuan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri KPKT telah diatur pada 30 Ogos 2016. Tujuan pertemuan tersebut adalah untuk membincangkan penyelarasan kerjasama dalam usaha untuk membangunkan Akta Pajak Gadai Islam.



Ketibaan YB Menteri KPDNKK diiringi YB Menteri di JPM

### 1. Seminar Pemahaman Takaful

Pada 19 April 2016, Seminar Pemahaman Takaful 2016 telah berjaya dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Bangi Selangor. Seminar ini telah disertai seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pelajar institusi pengajian tinggi. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Objektif utama seminar adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta berkenaan takaful menurut pandangan Islam.



Seminar Pemahaman Takaful



Bergambar kenangan

### 2. Wacana Muamalat Islam Peringkat Negeri Pahang Tahun 2016

Pada 27 Disember 2016, Wacana Muamalat Islam Peringkat Negeri Pahang tahun 2016 telah berjaya diadakan di Dewan Utama Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kuantan. Wacana ini dianjurkan secara bersama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA) serta Institut Kewangan dan Perbankan Islam Malaysia (IBFIM). Wacana ini telah disertai seramai 420 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, ahli akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi Sekitar Negeri Pahang. Wacana kali ini bertemakan "Pematuhan Syariah Perkukuh Ekonomi Ummah." Objektif wacana kali ini adalah untuk memberi

kefahaman kepada peserta berkenaan muamalat Islam, takaful dan perancangan kewangan kewangan peribadi.

Wacana ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas Negeri Pahang, YB Dato' Syed Ibrahim bin Syed Ahmad mewakili YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob. Turut hadir dan memberi ucapan alu-aluan ialah Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM, YBhg. Tuan Haji Mohamad bin Saari, yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM.



Ucapan alu-aluan oleh YBhg. Tuan Haji Mohamad bin Saari



Ucapan perasmian oleh YB Dato' Syed Ibrahim bin Syed Ahmad

Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, pada 1 April 2016. Delegasi JAKIM diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) iaitu Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim. Turut hadir dalam delegasi tersebut Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YBhg. Tuan Haji Mohamad bin Saari, berserta tiga orang pegawai daripada Seksyen Muamalat dan Sosioekonomi.

Kunjung hormat ini diadakan dengan objektif untuk mendapatkan pandangan serta idea-idea yang bernas daripada YB Senator berhubung dengan hala dan perancangan strategik Seksyen Muamalat dan Sosioekonomi terutama dalam perkara yang menyentuh bidang muamalat dan sosioekonomi dalam masyarakat dan negara.



Sesi perbincangan antara YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki dengan Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim



Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim menyampaikan cenderahati kepada YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki

## KUNJUNG HORMAT

### 1. Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

JAKIM melalui Seksyen Muamalat dan Sosioekonomi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan telah mengadakan kunjung hormat ke Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato'

### 2. Institut Kajian Zakat dan Wakaf Malaysia (IKaZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam

Pada 11 Januari 2016 – JAKIM telah menerima kunjung hormat dari Institut Kajian Zakat dan Wakaf Malaysia (IKaZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Selangor. Delegasi daripada UiTM ini diketuai oleh Pengarah Institut Kajian Zakat dan Wakaf Malaysia (IKaZ), YBhg. Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani, turut disertai oleh Prof. Madya Dr. Baharuddin bin Sayin dan Prof. Madya Dr. Ramawan bin Ab. Rahman.

Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Tuan Haji Mohamad bin Saari, menerusi ucapannya mengalu-alukan kunjungan hormat yang diatur oleh delegasi UiTM. Menurut beliau, JAKIM sentiasa membuka ruang kerjasama yang bersesuaian khususnya dalam bidang penyelidikan dengan pelbagai agensi melalui strategi lautan biru kebangsaan. Kunjungan hormat ini berjaya mencapai objektif yang digariskan oleh kedua-dua agensi iaitu untuk mengembangkan kerjasama strategik antara JAKIM dan IKaZ, ACIS, UiTM dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan program, serta menggalakkan perkongsian maklumat antara kedua-dua agensi berkaitan perkembangan semasa industri zakat dan wakaf di Malaysia dan peringkat global.



Sesi bergambar delegasi UiTM bersama-sama Pengarah dan pegawai-pegawai Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM

## BENGKEL

### 1. Wakaf Al-Qur'an

JAKIM dalam usaha membangunkan Garis Panduan Pungutan Khairat berkaitan Wakaf al-Qur'an. Sehubungan dengan itu, beberapa bengkel telah diadakan pada 8 Mac 2016, 9 Jun 2016 dan 16 Disember 2016 yang dihadiri oleh agensi terlibat seperti Perbadanan Wakaf Selangor, Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Panel Pakar Muamalat, JAKIM bagi

menyemak dan memurnikan garis panduan ini. Tujuan garis panduan ini adalah untuk dijadikan panduan dan rujukan pihak berkenaan yang berhasrat untuk mengadakan Wakaf al-Qur'an.

### 2. Bengkel Semakan Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (MLM) Menurut Syariah

JAKIM telah mengadakan Bengkel Semakan Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (MLM) menurut Syariah pada 7 Oktober 2016 yang dihadiri oleh pakar berkaitan kewangan Islam iaitu Dr. Ahmad Sufian bin Che Abdullah, Encik Wan Rumaizi bin Wan Husin dan Encik Zaharudin bin Muhammad. Objektif bengkel diadakan untuk menambahbaik garis panduan MLM sedia ada agar ianya bersesuaian dengan perubahan masa dan masyarakat. Garis panduan ini dijadikan panduan dan rujukan untuk masyarakat.

## DARUL HADITH

### Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia Bil.1/2016

Pada 17 Ogos 2016, JAKIM telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia Bil.1/2016 bertempat di ILIM. Mesyuarat dihadiri oleh pakar-pakar hadith yang dilantik oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), yang terdiri daripada pensyarah IPTA/IPTS serta agensi-agensi yang berkaitan seperti KDN dan IKIM.

Bidang tugas Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia adalah seperti berikut:

1. Merancang pelan tindakan bagi strategi jangka pendek dan jangka panjang ke arah penubuhan dan pembangunan DHM.
2. Memperakukan kajian dan *takhrij* hadith untuk keperluan semasa jabatan, agensi kerajaan dan orang awam.
3. Mengkaji dan membincangkan isu-isu semasa hadith yang timbul dalam masyarakat atau yang dikemukakan oleh mana-mana pihak untuk merumuskan satu pendapat yang selaras dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah.



4. Memberi pandangan dari sudut fiqh terhadap sesuatu isu hadith sebelum mensabitkan sesuatu hadith.
5. Meneliti, mengkaji dan membahaskan kertas-kertas kajian dan terjemahan hadith serta menyediakan keputusan untuk dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkaitan.
6. Memperakukan hadith-hadith yang dirujuk bagi memantapkan kefahaman Islam dan mengawal salah faham ajaran sesat dan anti hadith terhadap ajaran Islam.
7. Membincangkan perselisihan ulama' hadith dalam menentukan status hadith.
8. Bertukar-tukar fikiran dan berkongsi kepakaran, maklumat, serta pangkalan data maklumat hal ehwal hadith melalui pakar-pakar hadith Malaysia.
9. Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia ini telah dipersetujui ditubuhkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, dalam mesyuarat MKI ke-61 pada 28 Jun 2016.



Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia  
Bil.1/2016



Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia  
Bil.1/2016 sedang membincangkan isu-isu yang berbangkit

## **KAJIAN MODEL PEMBANGUNAN DARUL HADITH DI INSTITUT KAJIAN HADITH (INHAD) KOLEJ UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**

Satu lawatan kajian model pembangunan Darul Hadith telah dilakukan di INHAD, KUIS pada 20 September 2016. Ahli yang terlibat adalah terdiri daripada Jawatankuasa Kerja Darul Hadith Malaysia seramai lima orang yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia, Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh.

Objektif kajian adalah untuk menjalankan kajian model pembangunan Darul Hadith dalam negara dan melihat secara dekat mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh INHAD. Di samping itu, mesyuarat jawatankuasa kerja dijalankan pada tarikh yang sama. Satu taklimat mengenai penubuhan INHAD diberikan kepada ahli mesyuarat.

## **KAJIAN MODEL PEMBANGUNAN DARUL HADITH DI ETABLISSEMENT EL-HADITH EL-HASSANIA DAN MARKAZ AL-QATTAN, MOROCCO**

Satu lawatan kajian model pembangunan Darul Hadith telah dilakukan di dua buah pusat penyelidikan hadith iaitu Etablissement El-Hadith El-Hassania dan Markaz Al-Qattan, Morocco pada 30 November hingga 8 Disember 2016. Ahli yang terlibat adalah terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia seramai dua orang yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Darul Hadith Malaysia, Datuk Wan Zahidi bin Wan Teh dan Dr. Muhamad Hapizi bin Sulaiman (JAKIM).

Objektif kajian adalah untuk menjalankan kajian model pembangunan Darul Hadith di luar negara dan melihat secara dekat mengenai aktiviti yang dilaksanakan oleh kedua-dua buah pusat penyelidikan tersebut. Adalah diharapkan menerusi lawatan kajian tersebut, Negara Malaysia dapat membina sebuah pusat kajian Darul Hadith dengan objektif yang telah ditetapkan bagi manfaat umat Islam menghayati hadith-hadith nabi dalam kehidupan mereka di negara ini.



Lawatan kajian model pembangunan Darul Hadith di Etablissement El-Hadith El-Hassania



Sesi perbincangan ketika lawatan ke Maghribi

## PERANCANGAN STRATEGIK

### Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) JAKIM 2016

Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) JAKIM merupakan platform membincangkan pencapaian Pelan Strategik JAKIM 2015 - 2019 bagi tahun semasa dan merancang program JAKIM bagi tahun yang akan datang.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha dan dianggotai oleh Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kanan JAKIM.

Bagi tahun 2016, Mesyuarat SKS telah diadakan seperti butiran yang berikut:

1. Mesyuarat Sasaran Kerja Strategik (SKS) JAKIM (Pertengahan Tahun 2016)  
Tarikh : 8 hingga 9 Ogos 2016  
Tempat : Akademi Percukaian Malaysia, Bandar Baru Bangi, Selangor.



Sekitar Mesyuarat SKS (Pertengahan Tahun 2016) di Akademi Percukaian Malaysia, Bandar Baru Bangi

## KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI), JAKIM

Pada tahun 2016, JAKIM dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan lima KPI YB Menteri dan pencapaiannya adalah seperti yang berikut:

**Jadual 5: KPI JAKIM kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

BIL	MKPI	SASARAN	PENCAPAIAN
1.	Anugerah Inovasi Islam Peringkat JAIN/MAIN dan Agensi Agama di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri	100%	100%
2.	Dasar Pendidikan Tahfiz Negara	100%	100%
3.	Skim Pensijilan Halal Malaysia (Antarabangsa)	100%	100%
4.	<i>Resolving AuG Report issues</i> (KAFA)	88%	102.7%
5.	Dialog Penganut Antara Agama	1750 peserta	290% (5081 peserta)
	PENCAPAIAN KESELURUHAN		138.54%

Manakala bilangan KPI bahagian-bahagian dalam JAKIM adalah sebanyak 83 KPI. Purata pencapaian atau pencapaian keseluruhan KPI tersebut adalah 95.9%.

### Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan (JAPPIS)

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan Islam Peringkat Kebangsaan (JAPPIS) kali ke-34/ 2016

Tarikh : 24 November 2016.

Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 8, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya.

Di samping berkongsi maklumat dan membincangkan isu-isu penyelidikan terkini, ahli Mesyuarat diberi penerangan berkenaan Global Ikhwan Holding Sdn Bhd: Pasca Kematian Ummu Jah, Perkembangan Liberalisme Agama di Malaysia, Perkembangan Terkini Syiah di Malaysia, Pembentangan Kertas Kerja oleh JAKIM Cawangan Sarawak berkenaan Kajian Isu-isu Semasa Agama di Sarawak dan Pembentangan Kertas Kerja oleh JAKIM Cawangan Sabah berkaitan Kajian Isu-isu Semasa Agama di Sabah.



Suasana ketika mesyuarat berlangsung

### FATWA VIRUS ZIKA

#### TPM Mampengerusikan Mesyuarat HLC Bagi Menangani Isu Virus Zika

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah mampengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) bagi Menangani Isu Virus Zika pada Rabu 28 September 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk menyelaras pandangan dalam menangani isu yang berkaitan dengan virus Zika yang telah menular masuk ke negara ini.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh beberapa orang Mufti, ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa MKI, Pengerusi/ Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Pembentangan dari sudut kesihatan disampaikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah. Manakala Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, membentangkan isu berkenaan dari perspektif Islam. Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki serta Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Chen Chaw Min.



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir mengiringi YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi masuk ke dewan mesyuarat

Setelah mendapat beberapa pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli, Mesyuarat menyerahkan kepada Jawatankuasa Fatwa MKI memutuskan pandangan hukum mengenai isu berkenaan secara kolektif.

### Muzakarah Jawatankuasa Fatwa (MKI) kali ke-109

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) bagi kali ke-109 telah diadakan pada 18-19 Oktober 2016 bertempat di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam. Muzakarah tersebut yang telah dipengerusikan oleh YBhg Prof Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj Husin turut dihadiri oleh Ashabus Samahah Mufti-mufti serta ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis Raja-raja. Muzakarah pada kali ini telah membincangkan beberapa hukum yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam di Malaysia.

Pada sebelah malamnya, Kerajaan Negeri Selangor selaku tuan rumah muzakarah pada kali ini telah menganjurkan Majlis Makan Malam bagi meraikan Ahli-ahli muzakarah di hotel yang sama. Turut hadir Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B).



Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dipengerusikan oleh YBhg Prof Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj Husin



YAB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali menyampaikan cenderahati kepada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)

### Sighah Pewartaan Fatwa Diseragamkan

JAKIM bersama-sama dengan negeri-negeri telah berbangkel bagi menggubal dan memurnikan beberapa *sighah* pandangan hukum yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI bagi tujuan pewartaan di peringkat negeri-negeri. Bengkel Pemurnian *Sighah* Fatwa bagi Tujuan Pewartaan ini diadakan pada 14-16 November 2016 di The Aston Hotel, Nilai, Negeri Sembilan. Ahli-ahli Bengkel yang terlibat ialah wakil-wakil dari Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam Negeri (Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan JAKIM (Penasihat Undang-undang, Bahagian Penyelarasan Undang-undang, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Pengurusan Fatwa selaku urus setia). Penggubalan secara bersama ini bagi memastikan *sighah* yang akan diwartakan menepati dengan kehendak Undang-undang, seragam dan boleh dikuatkuasakan. Sebanyak 18 draf *sighah* pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan beberapa fatwa negeri

bagi tujuan pewartaan telah berjaya dihasilkan. Draf *sighah* berkenaan dikemukakan kepada negeri-negeri untuk diurus wartakan mengikut proses dan prosedur pewartaan yang ditetapkan di peringkat negeri masing-masing.



Bengkel Pemurnian *Sighah* Fatwa bagi Tujuan Pewartaan bertempat di The Aston Hotel, Nilai, Negeri Sembilan

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Pengurusan Fatwa selaku urus setia). Isu-isu yang dibincangkan ialah berkaitan dengan hal ehwal penyelarasan pengurusan fatwa, antara lainya ialah:

- Memperakukan Draf *Sighah* Fatwa bagi Tujuan Pewartaan 2015;
- Cadangan Mewartakan Ketetapan Hukum Jawatankuasa Fatwa;
- Cadangan Mengadakan Bengkel Aplikasi Usul Fiqh, Qawaid Fiqhiyyah dan Maqasid Syariah;
- Pembentangan Draf Pindaan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri (berkaitan fatwa);
- Resolusi Persidangan Meja Bulat Pengurusan Fatwa;
- Laporan Program Latihan Sangkutan di Akademi Fiqh Islami Antarabangsa; dan
- Laporan Fatwa Negeri-negeri.

### Mesyuarat JKPPF kali ke-10

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan dan Pembangunan Fatwa (JKPPF) kali ke-10 telah diadakan pada 29-30 Ogos 2016 bertempat di Hotel Empress, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim dihadiri oleh Timbalan Mufti/Ketua Penolong Mufti/Pegawai Fatwa Jabatan Mufti seluruh Malaysia dan Bahagian-Bahagian di JAKIM (Pejabat Penasihat Undang-undang, Bahagian Penyelarasan Undang-undang,



Ahli Mesyuarat JKPPF terdiri daripada Timbalan Mufti Negeri-negeri



Ahli Mesyuarat JKPPF

## Mesyuarat JPPF kali ke-12

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa (JPPF) kali ke-12 telah diadakan pada Selasa 20 September 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman ini bertujuan untuk meneliti beberapa proposal berkaitan isu-isu kefatwaan untuk dibuat kajian di bawah peruntukan dana khas Jawatankuasa Fatwa MKI bagi tujuan penentuan hukum oleh Jawatankuasa Fatwa MKI.



Mesyuarat JPPF kali ke-12 Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman



Para Pembentang sedang membentangkan cadangan kajian yang hendak dijalankan

## Kunjungan Penolong Setiausaha Agung Akademi Fiqh Islam Antarabangsa

Penolong Setiausaha Agung Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, Dr. Adel A. Goutah telah mengadakan kunjungan hormat kepada Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI di pejabat beliau di Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM. Pertemuan yang berlangsung selama lebih sejam itu dimanfaatkan dengan bertukar-tukar

pandangan khususnya berkenaan hal-ehwal kefatwaan antara Malaysia dan antarabangsa, khususnya Akademi Fiqh Islam Antarabangsa. Dr. Adel Goutah dalam rangka lawatan peribadi beliau ke Malaysia turut mengadakan kunjungan ke Darul Quran JAKIM di Kuala Kubu Baru, Selangor Darul Ehsan.



Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin, bersama-sama pegawai di Bahagian Pengurusan Fatwa meraikan kunjungan Dr. Adel A. Goutah

## Kunjungan Hormat Rabitah Ulama' Eritrea

Delegasi Rabitah Ulama' dari Negara Eritrea, Afrika telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa MKI, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor bin Husin pada Khamis 17 November 2016. Delegasi seramai tujuh orang ini diketuai oleh Pengerusinya, Prof. Dr. Jalaluddin Mohamed Saleh. Majlis tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat, Aras 8, Kompleks Islam Putrajaya. Tujuan kunjungan adalah untuk mendapat informasi berkenaan dengan pengurusan fatwa di Malaysia. Turut hadir pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM.



Delegasi Rabitah Ulama' dari Negara Eritrea sedang tekun mendengar penerangan berkenaan dengan pengurusan fatwa di Malaysia



Delegasi Rabitah Ulama' bergambar bersama-sama Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor dan pegawai Bahagian Pengurusan Fatwa

### Pertemuan dengan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja

JAKIM telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia, Dato' Sri Syed Danial bin Syed Ahmad pada Isnin 14 November 2016 di Pejabat Penyimpan Mohor Besar, Kuala Lumpur. Tujuan pertemuan bagi mendapat nasihat dan panduan mengenai perjalanan Jawatankuasa Fatwa MKI yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja Kali Yang 242. JAKIM diwakili oleh Bahagian Pengurusan Fatwa iaitu Pengarah, Tuan Haji Mazlan bin Abdullah dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Aminudin bin Mohamad.



Pengarah serta Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Fatwa berkunjung ke Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

### Perbincangan Status Hukum Produk Sisa Makanan dengan MARDI

Perbincangan berkaitan "status hukum produk dari sisa makanan yang bercampur" telah diadakan dengan pihak MARDI dan Syarikat Bell Enviro Sdn. Bhd. telah diadakan pada Khamis 11 Ogos 2016 di Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM. Perbincangan yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Fatwa, Aminudin Mohamad ini disertai oleh pegawai-pegawai dari MARDI yang diketuai Pegawai Penyelidik Kanan Program Teknologi Hijau MARDI, Dr. Jeffrey Lim Seng Heng, Pengarah Syarikat Bell Enviro, Rozaimie Hassan, Felo Hukum JAKIM, Prof. Madya Dr. Arief Salleh Rosman dan pegawai-pegawai Bahagian Pengurusan Fatwa. Tujuan perbincangan ialah pihak MARDI ingin mendapatkan pencerahan hukum mengenai status hukum produk sisa makanan yang akan dihasilkan oleh Syarikat Bell Enviro dengan kerjasama MARDI.



Perbincangan status hukum produk sisa makanan dengan MARDI dan pegawai Syarikat Bell Enviro dikendalikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Fatwa, Aminudin bin Mohamad

### Pegawai JAKIM Terpilih Sertai Program Tetamu Khas Raja Arab Saudi

Program Tetamu Khas Raja Arab Saudi merupakan program tahunan yang telah mengundang seramai 1,000 orang dari pelbagai latar belakang seluruh dunia ke Makkah dan Madinah bagi menunaikan umrah dan ziarah. Pada 2016, seramai 44 orang dari Malaysia telah diundang menyertai program kali ini bermula dari 20-30 April 2016. Undangan tersebut termasuk lima orang Mufti Negeri, ahli Exco Kerajaan Negeri, Hakim Mahkamah Syariah serta pegawai kanan agensi agama Islam. Rombongan dari Malaysia diketuai oleh Mufti Terengganu, SS Dato'

Dr. Zulkifli bin Muda. Pegawai JAKIM, Ustaz Mohd. Salehin bin Sopian dari Bahagian Pengurusan Fatwa telah dipilih untuk turut serta dalam program tersebut.



Beberapa orang pegawai dari JAKIM turut terpilih dalam program tersebut



Para peserta sedang mengikuti program yang telah diatur

### Pertemuan dengan Mufti Wilayah Persekutuan

JAKIM telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri pada Selasa 29 Mac 2016 di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Tujuan pertemuan bagi mendapatkan pandangan ke arah memperkasakan institusi fatwa dan mendapat pandangan mengenai perjalanan Jawatankuasa Fatwa MKI yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja Kali Yang 242. JAKIM diwakili oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Pengurusan Fatwa, Tuan Haji Mazlan bin Abdullah dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Aminudin bin Mohamad.



Pertemuan diakhiri dengan penyampaian cenderahati Ketua Pengarah JAKIM kepada SS Mufti Wilayah Persekutuan

## LAPORAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Pada 10 Februari 2015, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Indeks Syariah Malaysia sebagai satu agenda dan inisiatif utama negara bagi memastikan urus tadbir negara bergerak atas landasan Maqasid Syariah. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku agensi pusat yang bertanggungjawab dalam penyelarasan hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan fungsi dan tugas Indeks Syariah Malaysia ini dengan mewujudkan satu Unit baharu di JAKIM iaitu Unit Indeks Syariah Malaysia berkuatkuasa mulai 1 April 2015 bagi mewujudkan satu organisasi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia dan memastikan pengurusannya dapat dilaksanakan secara telus, berpusat dan sistematik.

### Visi

Menjadikan Malaysia peneraju model tadbir urus Islam yang pertama di dunia berlandaskan prinsip Maqasid Syariah.

### Misi

Memastikan pengurusan Indeks Syariah Malaysia dapat dilaksanakan secara telus, berpusat dan sistematik melalui sebuah institusi yang berautoriti dan berperanan sebagai pusat rujukan yang lengkap dan komprehensif di peringkat nasional dan antarabangsa.



## Fungsi

1. Menjadi badan pelaksana dan penyelarar Indeks Syariah Malaysia;
2. Menjadi agensi rujukan berautoriti bagi memastikan pengurusan Indeks Syariah Malaysia dapat dijalankan secara telus, berpusat dan sistematik;
3. Mewujudkan dasar dan halatuju yang strategik bagi memastikan pengukuran dan indeks yang digubal dapat mencapai matlamat Maqasid Syariah yang ditetapkan;
4. Mengenalpasti ruang-ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mencapai matlamat Maqasid Syariah;
5. Menyelarar semua program/aktiviti berkaitan pelaksanaan dan pemantauan Indeks Syariah Malaysia;
6. Meningkatkan kerjasama dan koordinasi antara Jabatan dan agensi awam serta swasta seluruh negeri bagi memastikan objektif pelaksanaan Indeks Syariah tercapai; dan
7. Menyebarkan semua maklumat berkaitan Indeks Syariah Malaysia kepada masyarakat awam melalui bahan penerbitan bercetak, media sosial, media massa dan media elektronik.
8. Menentukan tanda aras Indeks Syariah Malaysia yang kompetitif diperingkat nasional dan antarabangsa.

Bagi melaksanakan visi, misi dan fungsi Unit, tiga pendekatan utama difokuskan iaitu pendekatan 3P:

1. **Penjelasan dan Pembudayaan**
2. **Pengukuran dan Penyelidikan**
3. **Penambahbaikan**

Tiga pendekatan ini bergerak serentak bagi memastikan impak pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia dapat difahami, dihayati dan dilaksanakan oleh semua agensi dan kelompok masyarakat merentas bangsa dan agama.

Pelaksanaan ini dikukuhkan lagi dengan penubuhan tiga Jawatankuasa untuk merangka hala tuju dan memantau pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia iaitu:

1. **Jawatankuasa Khas Kabinet - Pengerusi oleh YAB Perdana menteri**
2. **Jawatankuasa Kerja - Pengerusi oleh YBhg Ketua Setiausaha Negara**
3. **Jawatankuasa Penyelidikan - Pengersui oleh YBhg Ketua Pengarah Jakim**

## PENJELASAN DAN PEMBUDAYAAN

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 28 program engagement iaitu di 13 buah Negeri dan 15 buah Kementerian dilaksanakan bagi memberi penjelasan dan pembudayaan pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia.



BIL	KEMENTERIAN & AGENSI
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia
2.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
3.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
4.	Kementerian Pendidikan Tinggi
5.	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
6.	Kementerian Kesihatan Malaysia
7.	Kementerian Kewangan
8.	Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
9.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
10.	Jabatan Perdana Menteri
11.	Jabatan Perkhidmatan Awam
12.	Jabatan Perangkaan Malaysia
13.	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
14.	Jabatan Kehakimah Syariah Malaysia
15.	Khazanah Research Institute

## PENGUKURAN DAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia dilakukan sebanyak dua kali setahun dan penyelidikan pertama telah dilaksanakan pada tahun 2015. Sebanyak lapan bidang penyelidikan iaitu bidang Perundangan, Pendidikan, Ekonomi, Politik, Sosial, Budaya, Kesihatan dan Prasarana Persekitaran yang melibatkan lima buah Universiti Awam iaitu:

1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
2. Universiti Sains Islam Malaysia
3. Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Universiti Teknologi Malaysia
5. Universiti Utara Malaysia

Kumpulan-kumpulan penyelidikan menjalankan penyelidikan kepada tiga kumpulan responden iaitu kumpulan pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat yang dipantau oleh Jawatankuasa Penyelidikan Jakim. Skor Indeks Syariah Malaysia telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Mac 2016 pada majlis Perhimpunan Perdana Ulama dan Umara bersama YAB Perdana Menteri.



## PENAMBAHBAIKAN

Bagi memastikan dapatan penyelidikan Indeks Syariah Malaysia dan pelaksanaannya dilaksanakan dengan baik, maka Jakim telah mewujudkan Sekretariat Indeks Syariah Malaysia di Kementerian-kementerian. Pada peringkat pertama, Sekretariat ISM ini ditubuhkan di Kementerian/Jabatan yang berkait rapat dengan lapangan bidang penyelidikan Indeks Syariah Malaysia. Berikut

adalah Kementerian dan Jabatan yang telah menubuhkan Sekretariat Indeks Syariah Malaysia:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3. Kementerian Alam Sekitar
4. Kementerian Komunikasi dan Multimedia
5. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
6. Kementerian Kesihatan Malaysia
7. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
8. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
9. Kementerian Kewangan Malaysia
10. Jabatan Perdana Menteri
11. MAMPU
12. ICU, JPM

Selain itu, Unit Indeks Syariah Malaysia turut menerbitkan buku, pamflet dan info untuk memberi maklumat dan sebaran info kepada masyarakat. Berikut adalah buku-buku, pamflet yang telah diterbitkan oleh Unit ISM:

1. Profil Korporat Indeks Syariah Malaysia
2. FAQ Indeks Syariah Malaysia
3. Info Ringkas Indeks Syariah Malaysia
4. Monograf Indeks Syariah Malaysia
5. Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah
6. Pelan Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia 2016-2018
7. Milestone Indeks Syariah Malaysia
8. Garis Panduan Umum Sekretariat Indeks Syariah Malaysia
9. Info Ringkas Penyelidikan ISM 2015
10. Laporan Penyelidikan ISM 2015



*Manifestasi Dakwah  
dalam Masyarakat*

## PROGRAM INTELLECTUAL DISCOURSE KONGSI PENGALAMAN MALAYSIA DENGAN PELAJAR ANTARABANGSA

JAKIM dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah dan Institut Islam Hadhari (IIH) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Program Intellectual Discourse for International Students pada 15 Mac 2016 di Auditorium Masjid Putra, Putrajaya. Bertemakan Best Practices of Islamic Approach in Malaysia, program ini berjaya menarik lebih 170 orang pelajar antarabangsa dari institut pengajian tinggi sekitar Putrajaya.

Program ini menampilkan beberapa orang tokoh sebagai pembentang seperti Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman, UKM, Penyandang Kursi A. Fahim, IIH UKM, Tan Sri Mohamad Ali Hashim, Puan Anis Zuhani Ahmad dari Lembaga Tabung Haji dan Dr. Nik Roskiman Abdul Samad dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Dalam ucapannya, YB Senator Dato' Dr. Asyraf berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan Islam secara evolusi dan berperingkat-peringkat. Beliau menjelaskan walaupun jumlah penduduk umat Islam di Malaysia lebih kurang 60% sahaja tetapi pelbagai agenda, polisi dan program Islam dapat dilaksanakan secara bersepadu sama ada dalam aspek pendidikan, ekonomi dan kewangan, pentadbiran, perundangan, sosial dan sebagainya. Perlembagaan memberikan kuasa jelas kepada pemerintah berasaskan Perkara tiga yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan. Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal



Para peserta bergambar bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato Dr. Asyraf Wajdi bin Haji Dusuki

Akademik dan Antarabangsa UKM, Prof. Dato' Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat, dan Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM, Dato' Haji Ali bin Mohammed.

## KONVENSYEN KEPIMPINAN ISLAM SARAWAK BINCANG ISU KESELAMATAN

JAKIM bersama Jabatan Agama Islam Sarawak, Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah menganjurkan Konvensyen Kepimpinan Islam Sarawak. Konvensyen tersebut telah dihadiri oleh 800 orang peserta yang terdiri daripada para guru agama, guru takmir, guru Kafa, imam-imam dan pemimpin masyarakat Islam Sarawak.

Objektif penganjuran konvensyen ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman dan penghayatan Islam serta perkongsian idea dalam isu-isu semasa berkaitan Islam yang berlaku di Malaysia, menjurus kepada isu akidah, syariah dan akhlak. Selain itu, memberi pendedahan dan penekanan kepada pemimpin masyarakat bahawa pengukuhan akidah dan pemahaman fiqh jihad penting sebagai benteng seseorang Muslim. Tiga kertas pembentangan telah disampaikan dalam konvensyen berkenaan.

Majlis Perasmian Konvensyen Kepimpinan Islam Sarawak yang julung kali diadakan ini telah berjaya disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak, YB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Ketua Pengarah JAKIM,



Dato' Haji Othman bin Mustapha, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, Tuan Haji Ismail bin Mohd Hanis, Pengarah JAKIM Cawangan Sarawak, Tuan Haji Abdul Aziz bin Jusoh dan Timbalan Pengarah 1 (Penyelidikan dan Penerbitan) Institut Wasatiyyah Malaysia, Dr. Mohd Afandi bin Mat Rani.



## KARNIVAL ~i~ FELDA RAI GOLONGAN BELIA

JAKIM dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Yayasan TAQWA, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Bank Muamalat Berhad serta beberapa agensi kerajaan dan swasta yang lain secara bersama telah menjayakan Karnival ~i~ FELDA 2016. Karnival ~i~ ini berlangsung selama empat hari bermula pada 21 hingga 24 April 2016 bertempat di Felda Palong 6, Negeri Sembilan. Ianya telah dirasmikan oleh Pengerusi FELDA, YB. Tan Sri Datuk Sri Utama Haji Mohd Isa bin Datuk Haji Abdul Samad.



Karnival ~i~ ini dianjurkan adalah untuk melebarkan jaringan tarbiah dan dakwah kepada masyarakat FELDA khususnya golongan belia. Karnival yang berkonsepkan 3 dalam 1 ini adalah bukan sekadar karnival yang mempunyai gerai-gerai jualan dan persembahan artis-artis tetapi ianya diselitkan dengan pelbagai acara antaranya program anak angkat, slot forum perdana ehwal Islam, slot bicara khas buat keluarga, slot bicara khas buat belia, slot tahsin al-Qur'an, tahsin Ibadah, qiamullail perdana, khutbah Jumaat, pertandingan memasak dan gubahan, pertandingan mewarna seni kaligrafi Islam, pertandingan futsal antara belia, majlis khatam al-Qur'an, slot motivasi kejayaan oleh All Bikers Club Malaysia (ABCM), Anugerah Keluarga Sakinah FELDA 2016, slot motivasi oleh pegawai Penjara dan lain-lain lagi.



Dalam merealisasikan objektif program, pelbagai aktiviti yang bersesuaian telah disusun kepada semua lapisan masyarakat. Seramai 80 anak angkat dari Darul Quran dan Kolej Komuniti telah mengambil bahagian dalam menjayakan program ini. Setiap keluarga angkat disyaratkan untuk menghabiskan bacaan al-Qur'an sebanyak 1 juzuk bagi setiap keluarga. Berpandukan ~i~ inilah maka segala slot yang disusun untuk membina generasi yang lebih Islamik.



## DHIYA'UZZAHRA': SEMARAKKAN PESTA IBADAH RAMADHAN

JAKIM dengan kerjasama Kumpulan Media Karang kraf, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Puspanita Kecil Cawangan JAKIM telah menjayakan Program Dhiya'uzZahra' 2016 ~ Marhaban Ya Ramadhan 1437H pada 10 Jun 2016 di Shah Alam. Program ini disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Turut hadir menyerikan majlis perasmian program ini Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, bersama isteri Puan Sri Hajah Rohani Muhammad merangkap Pengerusi Puspanita Kecil Cawangan JAKIM dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Media Karang kraf, Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Yaacob bersama isteri, Datin Jamilah binti Yahya.

Program ini merupakan inisiatif rintis Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM bagi tahun 2016 untuk mengajak bersama wanita-wanita yang berkhidmat di syarikat-syarikat korporat negara melalui aktiviti dakwah secara berhikmah dan berwibawa mengikut kehendak dan keperluan semasa.

Mengangkat tema 'Hadirmu Dinanti, Barakahmu Dicari,' antara program yang dianjurkan ialah slot Tadabbur Wa Tazakkur bertajuk #QuranExplorer, slot Sharing Is Caring oleh Tuan Haji Shamsul Azahar bin Aliddin (Shamsul Ghau-Ghau), Ikon Rumah Ngaji Kumpulan Media Karang kraf dengan tajuk #CeritaNgaji dan slot Diskusi Ramadhan oleh Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh (USIM) dan Pengarah Perpustakaan Negeri Selangor, Puan Mastura binti Haji Muhamed, dengan tajuk #La'allakumTattaqun.



Seramai 367 orang peserta yang terdiri dari kalangan kumpulan eksekutif syarikat, pegawai kanan JAKIM dan rakan-rakan media telah menghadiri majlis perasmian program seterusnya jamuan berbuka puasa bersama Timbalan Menteri di JPM dan berakhir dengan pelaksanaan solat sunat tarawih yang dipimpin oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf sendiri.

## JAKIM PRIHATIN MUSIBAH PONDOK

JAKIM telah tampil meneruskan misi bantuan kepada pihak pengurusan Madrasah Al-Diniah Al-Bakriah Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan. Sebuah bangunan dua tingkat yang menempatkan pelajar muslimat Pondok Pasir Tumbuh musnah terbakar dalam suatu kejadian kebakaran kira-kira jam 5.30 petang 17 Jun 2016. Kesemua penghuni terselamat yang kebanyakannya pelajar yang mengikuti daurah bulan Ramadhan. Kediaman pondok tersebut dihuni oleh pelajar dari dalam dan luar negara.



Program Ziarah Dakwah dan penyampaian sumbangan ini dihadiri oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Turut hadir bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Dr Hasnan bin Ramli dan juga Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM, Ustaz Ruslan bin Said.

Majlis tersebut dimulai dengan taklimat ringkas dari pihak pengurusan pondok berkaitan kejadian dan latar belakang pondok, kemudian para tetamu yang hadir turut dibawa melawat tempat kejadian kebakaran. Delegasi ziarah ini turut menunaikan Solat Zuhur berjemaah bersama 500 penduduk tempatan di Masjid Pondok Pasir Tumbuh. YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki berbesar hati menyampaikan tazkirah ringkas dan penyampaian wang sumbangan kepada pengerusi jemaah tadbir pusat pembangunan Pondok Bhd.



## SEMINAR SUFI MENURUT PENDEKATAN WASATIYYAH PERJELAS ISU TAREKAT

JAKIM telah mengadakan Seminar Sufi Menurut Pendekatan Wasatiyyah Peringkat Kebangsaan kali ke-2 Tahun 2016 pada 18 Ogos 2016 bertempat di Auditorium Masjid Al-Azim, Melaka. Program ini merupakan anjuran bersama JAKIM, Jabatan Mufti Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM). Seminar ini disertai lebih daripada 1000 orang.

Kertas kerja pertama telah dibentangkan oleh Prof. Dato' Zakaria bin Stapa yang bertajuk Sanad Tarekat: Sejauh Mana Sandarannya Kepada Amalan Para Sahabah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Kertas kerja kedua pula, dengan tajuk Hukum Mengambil Sesuatu Tarekat/Tasawuf: Antara Pro dan Kontra disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Ustaz Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah.

Ucaptama Seminar disampaikan oleh Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri, YBhg Tan Sri Dr. Abdullah bin Muhammad Zin. Pada sesi petang pula, diadakan Bicara Sufi yang bertajuk Amalan Bertarekat: Antara Kebenaran dan Kepalsuan yang menampilkan ahli panel Mufti Wilayah Persekutuan, SS Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Ustaz Dr. Izhar Ariff bin Mohd Kashim, Universiti Kebangsaan Malaysia dan moderator forum Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Bahagian Dakwah JAKIM, Ustaz Mohd Zaidi bin Ramli.





Perasmian Seminar telah disempurnakan oleh Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Datuk Wira Haji Yaakub bin Md. Amin. Beliau menegaskan program seumpama ini membuktikan komitmen pihak berkuasa agama negeri, khususnya negeri Melaka dalam usaha untuk memberi pemahaman dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu-isu tarekat dan tasawuf.



## MELAKA BOLOT ANUGERAH INOVASI ISLAM

Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi Islam 2016 anjuran JAKIM telah disempurnakan pada 25 Ogos 2016 di Masjid Putra, Putrajaya. Anugerah ini melibatkan penyertaan pelbagai agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri serta Jabatan Mufti Negeri. Antara program yang telah dijalankan sempena majlis tersebut ialah Sesi Bicara Inovasi yang membincangkan tajuk "Inovasi Pemangkin Ummah Bestari," dan sesi Pertunjukan Inovasi iaitu Science Show dari Pusat Sains Negara.

Pihak urus setia menerima sebanyak 22 penyertaan dan hanya 17 projek sahaja yang layak ke peringkat akhir. Projek yang telah terpilih ke peringkat akhir sebanyak 12 kategori perkhidmatan dan lima projek bagi kategori produk.

Berikut merupakan senarai pemenang:

### Kategori Perkhidmatan

1. Johan – Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) (Transformasi Pengurusan Bantuan Makanan Bulanan MAIM) menerima wang tunai RM6,000, piala pusingan, piala bagi Johan dan sijil penghargaan.

Transformasi MyASNAF bertitik tolak daripada langkah penambahbaikan penyampaian pengurusan bantuan makanan bulanan yang telah dijalankan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sejak tahun 1991. Sistem ini merupakan transisi penggunaan kupon kertas kepada MyKAD yang membolehkan beberapa masalah kupon dapat diatasi dengan sebaiknya. MyASNAF berjaya memendekkan proses tuntutan bayaran pembekal di Bahagian Kewangan daripada tempoh 22 hari kepada lima hari waktu bekerja.

2. Naib Johan – Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) Pulau Pinang (*e-Syariah Instant Access Procedure (e-Siap)*) menerima wang tunai RM4,000 dan sijil penghargaan. E-Shariah Instant Access Procedure (E-SIAP) merupakan proses pengurusan kes yang dilaksanakan dengan rangkaian elektronik menggunakan komputer dan telefon pintar. Sistem ini dibangunkan bagi menyelesaikan masalah kes-kes yang mempunyai persetujuan bersama mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. E-SIAP merupakan satu sistem yang menggabungkan sistem E-Pliding dan E-Judgement. E-Pliding merupakan system yang dibangunkan untuk memudahkan pelanggan menyediakan Penyata Tuntutan manakala E-Judgement ialah sistem bagi mempercepatkan proses pengeluaran perintah dan penghakiman secara bertulis.
3. Tempat Ketiga – Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) Terengganu (*Non-Physical File and Digital Signature*) menerima wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan. Sistem ini menggunakan beberapa kaedah iaitu Online Filing Record (OFR), Sistem E-Tray dan Tandatangan Digital (Digital Signature). Sistem E-Tray adalah sistem edaran dokumen pengurusan kes secara maya/digital yang pertama di Malaysia. Penggunaan fail fizikal telah diubah kepada penggunaan fail digital melalui Sistem E-Syariah. Dengan inovasi OFR, pendaftaran kes dan fail kes dibuat dan menggunakan sistem tersebut. Sistem E-Tray merupakan sistem untuk menghantar atau menerima dokumen secara maya seperti fungsi tray keluar masuk yang digunakan khas dalam pengurusan dokumen kes. Manakala Digital Signature adalah melibatkan semua dokumen sama ada saman, surat atau perintah menggunakan tandatangan digital dan terus simpan ke dalam sistem. Tandatangan digital adalah tandatangan

yang didaftarkan oleh pengeluar berlesen dan sah digunakan sebagaimana tandatangan manual seperti tertakluk dalam Akta Tandatangan Digital 1997. Tandatangan ini dibekalkan oleh MAMPU melalui JKSM.

### Kategori Produk

1. Johan – Jabatan Mufti Melaka (Qiblatain) menerima wang tunai RM6,000, piala pusingan, piala bagi Johan dan sijil penghargaan. Qiblatain bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja penandaan dan penentuan arah kiblat di bilik-bilik hotel, pejabat, surau dan masjid baharu yang hendak dibina. Kaedah pembangunan alat secara dalaman dan kerja loga, di bengkel luar. Penggunaan Qiblatain sangat signifikan kerana dapat membantu menjimatkan kos operasi dan masa dalam melaksanakan penandaan dan penentuan arah kiblat. Qiblatain terdiri daripada alat laser yang boleh menghasilkan garis sinar laser secara menegak dengan menekan butang *on/off*. Alat laser ini diletakkan di tengah plat azimut kiblat. Sinar laser dipancarkan secara menegak hingga ke siling dapat menjadi panduan kepada petugas untuk melekatkan penanda aras kiblat.
2. Naib Johan – Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) (Islamic Incinerator Mobile Machine (i<sup>2</sup>M<sup>2</sup>) menerima wang tunai RM4,000 dan sijil penghargaan. i<sup>2</sup>M<sup>2</sup> merupakan sebuah mesin ciptaan untuk melupuskan bahan-bahan terbitan Islam mengikut syarak, murah dan mudah dikendalikan. Tujuan i<sup>2</sup>M<sup>2</sup> dicipta adalah untuk mengurangkan kos pelupusan yang tinggi.
3. Tempat Ketiga – TV AlHijrah (Portal Hijrah Media.com, Portal Interaktif Video On Demand (VOD) Islamik TV AlHijrah, menerima wang tunai RM3,000 dan sijil penghargaan. Portal AlHijrahmedia (www.alhijrahmedia.com) adalah portal interaktif VOD Islamik TV AlHijrah. Melalui portal, pengguna dapat menyaksikan semula lebih daripada 4500 koleksi rancangan siaran TV AlHijrah dari serata dunia, pada bila-bila masa mengikut kesesuaian masa mereka dan berulang-ulang kali tanpa had. Portal ini merupakan 'knowledge bank' yang boleh digunakan sebagai sumber rujukan dan pembelajaran seperti slot Madrasah AlHijrah, rancangan Cinta Ilmu, 30 Minit ustaz Don, The Truth, Soal Wanita, Al-Maraaya, animasi Ahmad Muhammad, Hayya Bidoa dan sebagainya.

Satu penghargaan khas turut disampaikan kepada Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) Terengganu apabila telah dinobatkan sebagai *booth* paling kreatif dan inovatif.

Perasmian telah disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir dan tayangan video peserta yang berjaya ke peringkat akhir serta penyampaian hadiah kepada para pemenang. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini yang telah berjaya berjalan dengan jayanya.



### KONVENSYEN KEPIMPINAN MASYARAKAT SABAH

JAKIM dengan kerjasama 13 agensi kerajaan di peringkat Negeri Sabah dan Persekutuan telah berkolaborasi secara *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) menjayakan Konvensyen Kepimpinan Masyarakat Sabah pada hari Selasa, 27 September 2016, bertempat di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau, Sabah.

Seramai 600 orang peserta terdiri daripada para Penjawat Awam, Pemimpin Masyarakat, Guru Agama, Guru Takmir, Imam dan Mahasiswa IPT telah berjaya dihimpunkan dalam konvensyen berkenaan yang julung kalinya diadakan di Daerah Keningau, Sabah.

Matlamat penganjuran konvensyen ini diadakan adalah untuk menyampaikan informasi yang tepat dan tuntas berkaitan isu jihad dan keperluannya pada masa kini, konsep wasatiyyah dan isu-isu keselamatan negara serta memantapkan pemahaman masyarakat terhadap isu-isu semasa Islam kini. Antara kerja kerja yang dibentangkan ialah Jihad dan Keperluannya Pada Masa Kini Dari Perspektif Fiqh Kontemporari, Wasatiyyah Teras Keamanan Negara dan Isu-isu Keselamatan Negara.

Konvensyen yang dianjurkan ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Haji Sairin bin Haji Karno mewakili Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman.

## KONVENSYEN SAUDARA MUSLIM PERINGKAT KEBANGSAAN

JAKIM dan Jabatan Agama Islam Hal Ehwal Agama Islam pulau Pinang (JHEAIPP) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Institut Wasatiyyah Malaysia JPM, Yayasan Taqwa MAIWP dan JAIN/MAIN seluruh Malaysia telah berjaya menganjurkan Konvensyen Saudara Muslim Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 pada 8 hingga 9 Oktober 2016 di Dewan Millenium, Kepala Batas Pulau Pinang.



Penganjurannya adalah bertujuan menyediakan forum kepada saudara Muslim untuk bertukar pengalaman dan maklumat di samping memberikan pendedahan tentang isu-isu dan perkembangan semasa berkaitan mereka.

Antara pengisian yang telah diatur dalam konvensyen ini adalah sesi Wacana Minda dan Bicara Agama berkaitan Saudara Muslim. Antara panel jemputan adalah Pengarah Institut Wasatiyyah Malaysia, Dato' Haji Mohd Yusof bin Din, Pengarah Urusan Danial Zainal Consultancy, Dato' Dr. Danial bin Zainal Abidin, Presiden Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), Prof. Dr. Taufiq Yap Yun



Hin, Presiden Islamic Propagation Society International (IPSI), Tuan Haji Kamarudin bin Abdullah dan Ketua Penolong Pengarah Kanan JAKIM, Tuan Mohd Zaidi bin Ramli.

Kemuncak penganjuran program ini adalah Penganugerahan Tokoh saudara kita Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2016 kepada Ustaz Muhammad Shah Shanmugam dan Puan Nabila Shila Lama. Ia merupakan pengiktirafan kepada saudara Muslim yang begitu cekal dan teguh menyampaikan dakwah serta banyak memberi sumbangan kepada pembangunan sahsiah golongan saudara Muslim. Mereka membawa pulang wang tunai RM5,000.00 dan sijil penghargaan.

Majlis Perasmian disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas.



## KELANTAN DAN SELANGOR JOHAN FNK 2016

Festival Nasyid Kebangsaan (FNK) kali ke-23 Tahun 2016 telah berjaya dianjurkan setelah empat tahun ia tidak diadakan semenjak tahun 2012. Festival gilang-

gemilang ini merupakan hasil sinergi bersama antara JAKIM, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Yayasan Taqwa, Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka. Festival ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Bayou Lagoon Park Resort, Melaka pada 21 hingga 22 Oktober 2016 yang melibatkan dua sesi iaitu saringan dan akhir.

Selain daripada mempromosi nasyid sebagai satu hiburan alternatif serta membudayakannya sebagai satu medium dakwah, penganjuran Festival Nasyid ini juga bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu individu dan kumpulan dalam industri nasyid untuk memperkasakan dakwah dan pembangunan ummah. Selain itu, penganjuran festival ini dapat mewujudkan jaringan perkongsian pengalaman dan hubungan silaturrahim serta memperkukuhkan kemahiran bersama untuk memartabatkan industri nasyid. Hasrat ini selaras dengan tema FNK iaitu "Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah."

Pada tahun ini, sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu tradisi (11 penyertaan) dan moden (sembilan penyertaan) yang melibatkan wakil-wakil dari negeri. Lima kumpulan terbaik daripada setiap kategori beraksi dalam peringkat akhir FNK. Berikut ialah keputusan penuh FNK 2016:

### Kategori Tradisi

- Johan : CG Fanan (Kelantan)
- Naib Johan : Inspirasi (Selangor)
- Sagu Hati : Az-Zikr (Johor), Irhamnie (Melaka) dan Zahran (Sarawak)
- Lagu Terbaik : CG Fanan (Kelantan)
- Lirik Terbaik : Az-Zikr (Johor)

### Kategori Moden

- Johan : Nahwan Nur (Selangor)
- Naib Johan : Caliph@DSE (Johor)
- Sagu Hati : Fawwaz (Melaka), Insoft (Pahang) dan Lantera Rania (Sarawak)
- Lagu Terbaik : Nahwan Nur (Selangor)
- Lirik Terbaik : Insoft (Pahang)

**Persembahan Terbaik Keseluruhan** : Caliph@DSE (Johor)

Johan bagi setiap kategori menerima wang tunai RM10,000.00 berserta piala iringan manakala naib johan menerima RM8,000.00. Majlis Perasmian Penutupan

dan Penyampaian Hadiah FNK telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron dan Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Dato' Haji Othman Mustapha.



## PENCERAMAH BERKUALITI PENCETUS TRANSFORMASI

“Penceramah Berkualiti Pencetus Transformasi.” Demikian antara inti pati ucapan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Tuan Haji Paimuzi bin Yahya, semasa merasmikan Multaqa Penceramah Profesional JAKIM 2016 yang berlangsung pada 2 hingga 4 November 2016 di Bayou Lagoon Park Resort, Bukit Katil, Melaka. Beliau berharap setiap penceramah sentiasa mengemas kini maklumat mengenai isu-isu Islam semasa seperti isu jihad, halal dan juga ancaman-ancaman pemikiran terhadap akidah umat Islam supaya masyarakat mendapat maklumat yang tepat dan tidak terpedaya dengan apa yang ditularkan di media sosial. Turut hadir ialah Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM, Dato' Haji Ali bin Mohammed.

Program ini telah disertai seramai 55 orang peserta dari Jabatan Agama Islam Negeri, kader-kader JAKIM dan pegawai-pegawai daripada ibu pejabat JAKIM. Topik-topik yang dibincangkan termasuklah ancaman umat Islam masa kini, ancaman akidah, salah faham



konsep jihad, pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia, dan pensijilan halal. Antara tokoh yang menyampaikan perkongsian ilmu ialah Mufti Wilayah Persekutuan, SS Datuk Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri dan Dr Fauzi bin Naim dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selain ceramah dan perkongsian isu-isu terkini mengenai tajuk-tajuk di atas, peserta juga dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk berbangkel mengenai tajuk-tajuk tersebut bagi tujuan percambahan ilmu dan kemahiran.



## KONVENSYEN ISU-ISU ISLAM SEMASA - ANCAMAN RADIKALISME DAN EKSTREMISME KEPADA KESELAMATAN NEGARA

Konvensyen Isu-isu Islam Semasa - Ancaman Radikalisme dan Ekstremisme Kepada Keselamatan Negara berlangsung dari 18 hingga 20 November 2016 di Universiti Teknologi Mara Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Konvensyen tersebut mengumpulkan para pakar dalam bidang Radikalisme dan Ekstremisme untuk membincangkan serta membenteng perkara berkaitan dengan keselamatan negara. Antara pembentang yang terlibat adalah Timbalan Pengarah 1 Institut Wasatiyyah Malaysia, Dr. Mohd Afandi Mat Rani dengan tajuk Pengukuhan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Melalui Pendekatan Wasatiyyah, Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), Tuan Haji A. Karim Omar dengan tajuk Percaturan Geo Politik Dunia dan Kesannya Terhadap Masa Depan Umat Islam, Dekan Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Madya Dr. Arieff Salleh Rosman dengan tajuk Jihad dan Keperluannya Pada Masa Kini dari Perspektif Fiqh Kontemporari dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas PDRM Bukit Aman, YDH SAC, Dato' Ayub Khan Mydin Pitchay dengan tajuk

Terrorism, Radikalisme & Ekstremisme: Ancaman dan Bahaya Kepada Masyarakat Malaysia. Majlis Perasmian dan ucap-tama disempurnakan oleh Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin.

**Jadual 1: Program penerangan konsep jihad dan ekstremisme sepanjang tahun 2016 mengikut bulan**

BIL	BULAN	JUMLAH PROGRAM
1.	Januari	15
2.	Februari	6
3.	Mac	4
4.	April	8
5.	Mei	2
6.	Jun	8
7.	Julai	5
8.	Ogos	4
9.	September	1
10.	Oktober	2
11.	November	2
12.	Disember	3
JUMLAH KESELURUHAN		65



## SEMINAR TAWIS BINCANG CABARAN TAMADUN ISLAM

Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam (TAWIS) merupakan program tahunan anjuran JAKIM dengan institut pengajian tinggi tempatan (IPT) dalam mencapai hasrat penganjurannya iaitu menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan bidang Tamadun Islam. Pada tahun ini, JAKIM bersama-sama rakan strategik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan Taqwa MAIWP telah menganjurkan Seminar TAWIS 2016 di Bilik Senat, Bangunan Canselor, UKM pada 8 Disember 2016.

Seminar ini memfokuskan isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh Tamadun Islam meliputi pelbagai aspek seperti hiburan, kesenian, kebudayaan, pendidikan, sosial, politik dan lain-lain. Sebanyak tiga pembentangan dan satu forum telah diadakan dalam seminar TAWIS pada kali ini.



Antara tokoh yang berkongsi ilmu dan pengalaman dalam seminar ini ialah Prof. Dato' Mohamad Abu Bakar dari Universiti Malaya, Prof. Dr. Sidek Baba dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM, Prof. Dr. Wan Kamal Mujani. Satu Forum bertemakan Tamadun Islam dan Keharmonian Sejagat turut diadakan yang dikendalikan oleh Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim. Forum ini membincangkan tamadun Islam daripada perspektif politik, spiritual, keimanan, wasatiyyah dan sosiobudaya. Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Turut hadir ialah Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) UKM, Prof. Dr. Nor Ghani bin Md. Nor, Timbalan Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM, En. Che Hussin bin Isa dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM, En. Amran Awaludin. Seminar ini dihadiri 300 orang yang terdiri daripada pensyarah, penjawat awam, mahasiswa, NGO, dan masyarakat awam.



## DIKIR DAKWAH - INOVASI DAKWAH JAKIM DAN JAHEAIK

JAKIM bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah berkolaborasi menganjurkan Pertandingan Dikir Dakwah Belia Islam Peringkat Negeri Kelantan sempena Festival Islam Kelantan

2016M/1438H. Pertandingan ini diadakan pada 5 Disember 2016 bertempat di Dewan Besar Balai Islam Lundang, Kompleks Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan.

Penganjuran pertandingan ini adalah inisiatif strategik untuk mengasimilasikan keindahan Islam dengan keindahan seni warisan budaya masyarakat tempatan



dan dalam masa yang sama juga diharapkan dapat melahirkan generasi pelapis serta daie dikir dakwah.

Pertandingan ini telah menarik penyertaan lapan kumpulan dikir barat dari lapan buah Daerah di Negeri Kelantan. Program yang pertama kali diadakan ini bertemakan Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah telah mendapat sambutan hangat dengan kehadiran 500 orang penonton dari seluruh negeri Kelantan. Johan Pertandingan Dikir Dakwah Belia Islam Peringkat Negeri Kelantan telah dimenangi oleh Kumpulan Gerbang Arjuna mewakili Majlis Daerah Bachok yang membawa pulang hadiah RM5,000.00, tempat kedua dimenangi Kumpulan Tunas Muda Merangkap dari Majlis Daerah Ketereh (MDK) yang menerima hadiah RM4,000.00 dan tempat ketiga yang membawa pulang hadiah sebanyak RM3,000.00 adalah Kumpulan KADA Kadok mewakili Majlis Daerah Machang. Kumpulan Gerbang Arjuna mewakili Majlis Daerah Bachok juga merangkul ketiga-tiga anugerah khas iaitu Anugerah Persembahan Kumpulan Terbaik, Anugerah Tukang Karut Terbaik dan Anugerah Jogho/ Juara Terbaik dengan membawa pulang hadiah keseluruhan RM1,100.00.

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Tuan Haji Paimuzi bin Yahya.



## MULTAQA PENDAKWAH 2016 - GUNA MEDIA SOSIAL UNTUK BERDAKWAH

Pendakwah digalakkan menggunakan media sosial untuk berdakwah kerana ia lebih pantas dan sebarannya meluas, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki.



Beliau berkata cabaran masa kini memerlukan pendakwah yang mampu menguasai teknologi terkini untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat dengan lebih berkesan

“Suasana terkini juga memerlukan pendakwah untuk membuat pencerahan kepada masyarakat bagaimana untuk menggunakan media sosial dengan bijak mengikut prinsip al-Qur’an,” katanya pada program Multaqa Pendakwah 2016 di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, Kota Bharu pada 10 Disember 2016.

Multaqa Pendakwah sehari anjuran JAKIM ini dihadiri kira-kira 800 pendakwah termasuk imam, guru Kelas al-Qur’an dan Fardu Ain (KAFA) dan guru agama di negeri ini. Antara pengisian program ini termasuklah pembentangan kertas kerja berkaitan cabaran dan peranan pendakwah masa kini dalam menghadapi dunia siber yang makin mencabar.





## DAKWAH MEDIA BAHARU

### Portal JAKIM Berwajah Baharu

Teknologi digital maklumat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan masyarakat yang celik IT dan celik maklumat. Justeru Bahagian Pengurusan Maklumat JAKIM telah mengambil inisiatif melaksanakan usaha penambahbaikan reka bentuk dan kandungan dengan mewujudkan laman web baharu yang lebih menarik, berinformasi dan berinovatif yang menitikberatkan penyampaian maklumat kepada masyarakat. Laman web baharu ini boleh dilayari di alamat [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my).

Laman web ini mempunyai ciri "*Responsive View*" yang menghasilkan paparan mesra pengguna bagi peralatan komunikasi terkini. Paparan terbaik bagi melayari laman web JAKIM ([www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)) adalah melalui penggunaan pelayar Internet Explorer 10+, Mozilla Firefox 15+ dan Google Chrome 3+ dengan resolusi 1280 x 1024. Bagi meningkatkan tahap keselamatan CMS Joomla bagi Portal JAKIM telah dinaik taraf dari versi 3.4 kepada 3.5.1.

Dari segi sejarahnya, JAKIM merupakan antara agensi kerajaan terawal menggunakan laman web dalam mempromosikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai perantaraan dakwah dan Islam khususnya di Malaysia. Laman web JAKIM telah mengalami banyak perubahan dan peningkatan serta penambahan aplikasi sejak pelancarannya pada tahun 1996 sehinggalah yang terkini pada tahun 2016. Dengan perubahan demi perubahan yang dibuat, laman web JAKIM pernah mencatat sejarah kejayaan dengan mendapat pengiktirafan lima bintang pada tahun 2012 berdasarkan kepada Penilaian Portal dan Laman Web Portal Kerajaan Malaysia (MGPWA). Pada tahun 2016 sahaja terdapat sejumlah 895,095 orang pengunjung laman web ini.

Dalam laman web baharu ini, reka bentuk dan struktur maklumat telah ditukar untuk meningkatkan gambaran dan kebolehgunaan. Selain reka bentuk berubah dan susun atur halaman, terdapat banyak fungsi-fungsi baharu telah dilaksanakan dalam versi ini. Pada bahagian bawah laman web ini mengandungi pautan-pautan untuk kalendar JAKIM, perkhidmatan online, pautan dalaman, pautan ke laman web agensi kerajaan yang lain serta laporan, promosi dan informasi terkini mengenai aktiviti JAKIM. Direktori kakitangan juga memudahkan masyarakat mendapatkan rujukan atau khidmat nasihat. Lebih menarik lagi para pelayar juga kini boleh membuat pautan untuk facebook, twitter, Instagram

dan youtube. Ini merupakan langkah pertama JAKIM dalam media sosial ke arah penyebaran maklumat yang lebih efisien kepada masyarakat.

Bagi melancarkan kerja-kerja pengemakninan kandungan portal setiap bahagian dilantik web master masing-masing yang antara lain bertugas memuatnaik berita, mengemaskini aktiviti, makluman, direktori, iklan, program dan lain-lain yang melibatkan jabatan. Diharapkan reka bentuk laman web baru ini akan menjadi ruang menyebarkan perkongsian maklumat, aktiviti, kemudahan serta perkhidmatan yang ada di JAKIM sekali gus memberi nilai tambah dan yang tinggi bukan sahaja terhadap kakitangan JAKIM sendiri malah orang ramai sebagai pelanggan selaras dengan objektif, visi dan misi jabatan.

Berikut merupakan perbandingan laman web JAKIM:



Portal JAKIM tahun 2003



Portal JAKIM tahun 2010



Portal JAKIM tahun 2016



### Program “Live Streaming”

Pada tahun 2016, sebanyak 26 program telah disiarkan secara “Live Streaming” melalui aplikasi TV JAKIM yang merupakan siaran TV JAKIM ke seluruh dunia melalui saluran internet. 12 daripadanya adalah program

perhimpunan bulanan Jabatan yang dilaksanakan secara tetap pada setiap bulan. Pelbagai video terbitan JAKIM dan RTM boleh ditonton secara online dengan melayari <http://www.jakim.tv>. Berikut merupakan senarai program sepanjang 2016:

PROGRAM/MAJLIS	TEMPAT	TARIKH
Majlis Menghafaz al-Qur’an Peringkat Kebangsaan	Perak	15-20 Februari 2016
Majlis Tilawah al-Qur’an Peringkat Kebangsaan	Perbadanan Putrajaya	20-26 Mac 2016
Majlis Tilawah al-Qur’an & Hafazan Peringkat Antarabangsa	PWTC	29 April – 7 Mei 2016
Halal Certification Bodies Convention	Shah Alam	28 & 29 Mac 2016
Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan kali ke-41	ILIM Bangi	28 Julai 2016
Konvensyen Alumni Diploma Pengurusan Islam	ILIM Bangi	18 Ogos 2016
Majlis Anugerah Inovasi Islam 2016	Masjid Putra	25 Ogos 2016
World Muslim Women Summit & Exhibition (WISE) 2016	PWTC	23-25 September 2016
Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber Peringkat Kebangsaan	ILIM Bangi	18 Oktober 2016
Festival Nasyid Kebangsaan	Melaka	23 Oktober 2016
Liveral & Wahabi	JPJ Putrajaya	15 November 2016
Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan	Putrajaya	11-11 November 2016
Majlis Tilawah al-Qur’an Syarikat-syarikat Korporat Peringkat Kebangsaan kali ke-3	Putrajaya	14-15 Disember 2016



### Email Baharu 1GovUC

Pada tahun 2016 JAKIM merupakan salah satu agensi yang menggunakan sepenuhnya emel baharu 1Government Unified Communication atau singkatannya 1GovUC. Ini merupakan satu penghijrahan baru bagi kakitangan JAKIM yang sebelum ini menggunakan emel lama (DeskNow). Transformasi emel ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Perkhidmatan Perniagaan (Business Services) yang dikendalikan oleh MAMPU.

1Gov UC dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos yang membantu memperkasa dan menambahbaik urusan komunikasi dan kolaborasi dalam urusan harian pentadbiran atau business Sektor Awam melalui integrasi dan konsolidasi saluran-saluran komunikasi secara selamat.

Bagi melancarkan proses penyediaan emel ini, Bahagian Pengurusan Maklumat telah membuat persediaan awal dengan mengatur jadual kerja yang terperinci seperti *client installation*, *emel archiving* dan mengadakan latihan bagi cawangan PTJ masing-masing. Sebelumnya iaitu pada 30/10/2015 Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan di ruang lobi D7, JAKIM bagi mengendalikan sebarang pertanyaan berkaitan emel baharu ini.



### Keistimewaan Emel 1GovUC

- dijamin selamat untuk digunakan kerana dikawal sepenuhnya oleh kerajaan.
- 1GovUC adalah sebahagian daripada perkhidmatan sistem *cloud* kerajaan yang diletakkan di dalam Pusat Data Sektor Awam yang menggunakan perkhidmatan rangkaian 1Gov\*Net.

### Dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) JAKIM 2016-2020

Pada April 2016 yang lalu Pelan Strategik Teknologi Maklumat JAKIM 2016-2010 telah berjaya dilancarkan. Pelan ini merupakan satu *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT di setiap agensi di bawah pentadbiran JAKIM bagi satu-satu tempoh yang ditetapkan. Keperluan pewujudan pelan ini telah dinyatakan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 4/2004 iaitu Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan yang menyatakan bahawa kementerian dan agensi-agensi di bawahnya hendaklah merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program atau projek-projek ICT supaya selaras dengan PSTM kementerian atau agensi dan ini bersesuaian dengan tamatnya tempoh PSTM JAKIM sebelumnya iaitu PSTM JAKIM 2009-2014.

Antara objektif PSTM ini ialah untuk menjelaskan misi, visi, hala tuju, inisiatif strategik dan rangka kerja bagi perancangan dan pembangunan ICT di JAKIM dengan

**Tahukah Anda?**

- Dengan menggunakan emel, anda yang telah menggunakan emel lama dapat menggunakan emel yang lebih selamat dan lebih mudah digunakan.
- Dengan menggunakan emel, anda dapat menggunakan emel yang lebih selamat dan lebih mudah digunakan.

**Faedah-Faedah 1GovUC**

- Selamat
- Mudah
- Selamat
- Mudah
- Selamat
- Mudah

sokongan sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus ICT. Ini adalah selaras untuk menyokong tujuh teras strategik yang telah digariskan dalam Pelan Strategik JAKIM (2015-2019) di mana empat daripadanya melibatkan sokongan ICT.


Selain itu visi PSTM ialah sebagai pemacu transformasi teknologi maklumat dan komunikasi secara optimum ke arah kecemerlangan ummah menjelang 2020 manakala Misi PSTM ialah untuk memantapkan pengurusan hal ehwal Islam secara tuntas melalui pemeraksanaan inovasi dan kreativiti teknologi maklumat dan komunikasi serta untuk menyebarkan penyampaian dan perkongsian maklumat melalui prasarana dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkualiti dan optimum.



## DAKWAH MEDIA CETAK

### Perpustakaan Awam Islam (PAI)


PAI yang terletak di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur menyediakan perkhidmatan dan sumber rujukan mengenai Islam kepada warga JAKIM, komuniti setempat dan orang awam. Sehingga tahun 2016, PAI mempunyai 145,708 naskhah koleksi bahan rujukan.



Carta 1: Koleksi Perpustakaan PAI bagi tahun 2016

### Pengguna Perpustakaan

Jumlah pengguna perpustakaan PAI bagi tahun 2016 adalah seramai 6,239 orang. Butiran terperinci adalah seperti berikut:



**Carta 2: Statistik Pengguna PAI bagi tahun 2016**


### Pinjaman Bahan Perpustakaan

Jumlah permohonan pinjaman bahan sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 235 pinjaman.

### Pertanyaan Rujukan

Perpustakaan menerima sebanyak 730 pertanyaan rujukan sepanjang tahun 2016.

Carta statistik pencapaian perkhidmatan perpustakaan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:



**Carta 3: Statistik Perkhidmatan PAI bagi tahun 2016**

### Jenis Bahan yang dirujuk


#### 1. Koleksi Umum

Sebanyak 3,654 naskhah bahan umum dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2016.

#### 2. Koleksi Arab

Sebanyak 192 naskhah koleksi Arab dirujuk oleh pengguna perpustakaan sepanjang tahun 2016.


Berikut adalah carta statistik buku dirujuk di PAI bagi tahun 2016.



**Carta 4: Statistik buku yang dirujuk bagi tahun 2016**

### Perpustakaan Pegawai dan Kakitangan JAKIM (PPKJ)


Perpustakaan Pegawai dan Kakitangan JAKIM (PPKJ) yang terletak di Aras 1, Blok D9 Kompleks D Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya menyediakan perkhidmatan dan sumber rujukan mengenai Islam kepada warga JAKIM, komuniti setempat dan orang awam. Namun pinjaman koleksi bahan bacaan terhad kepada kakitangan dan pegawai JAKIM sahaja. Sehingga tahun 2016, PPKJ mempunyai 46,344 naskhah koleksi bahan bacaan dan rujukan.



**Carta 5: Koleksi Perpustakaan PPKJ bagi tahun 2016**

### Pengguna Perpustakaan

Jumlah pengguna Perpustakaan PPKJ bagi tahun 2016 adalah seramai 696 orang. Butiran terperinci adalah seperti berikut:



**Carta 6: Statistik Pengguna Perpustakaan PPKJ bagi tahun 2016**


### Pinjaman Bahan Perpustakaan

Jumlah pinjaman bahan sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak 225 naskhah.

### Pertanyaan Rujukan

Perpustakaan mencatatkan sebanyak 128 pertanyaan rujukan sepanjang tahun 2016.

Carta statistik pencapaian perkhidmatan perpustakaan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:



**Carta 7: Statistik Perkhidmatan PPKJ bagi tahun 2016**

## Senarai Program Jualan Luar Pejabat Skwad Unit Promosi Bahagian Penerbitan JAKIM 2016

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1.	21-26 Mac 2016	Majlis Tilawah al-Qur'an Peringkat Kebangsaan 2016	Dewan Cempaka Sari, Presint 3, Putrajaya
2.	14 April 2016	Jelajah Skwad Pro-Edar JAKIM: Edaran Buku Percuma ke RnR Highway PLUS	RnR Sabak Bernam, Rawang, Sungai Buloh
3.	19 April 2016	Seminar Pemikiran Islam Semasa	Dewan Besar al-Ghazali, IPHAM Jelebu, NS
4.	29 April 2016	Pelancaran buku baharu terbitan JAKIM di Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM	Dewan Dato' Mohd Shahir, ILIM
5.	29 April - 9 Mei 2016	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016	Dewan C, MAEPS Serdang
6.	13-15 Mei 2016	Karnival Bersama Jemaah Masjid Putra 2016	Perkarangan Masjid Putra, Putrajaya
7.	9 Ogos 2016	Seminar Kelestarian Integriti	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
8.	15 Ogos 2016	Jelajah Skwad Pro-Edar JAKIM: Edaran Buku Percuma ke RnR Highway PLUS	RnR Nilai, Seremban dan Highway Lekas
9.	25 Ogos 2016	Majlis Anugerah Inovasi Islam	Masjid Putra
10.	27 Ogos - 4 Sept 2016	Ekspo Buku Islam Pahang	Kuantan Parade, Kuantan Pahang
11.	23 Sept 2016	1 <sup>st</sup> World Muslim Women Summit and Exhibition 2016 (WISE 2016) <b>- Pameran dan Edaran Bahan Percuma</b>	Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur
12.	21-30 Okt 2016	Pesta Lelong Buku Putrajaya	Dewan Cempaka Sari, Putrajaya
13.	14-15 Dis 2016	Karnival Ibnu 'Auf Peringkat Kebangsaan kali ke-2 <b>- Pameran dan Edaran Bahan Percuma</b>	Auditorium Kompleks Islam Putrajaya

## Laporan Keseluruhan Jualan Buku JAKIM Tahun 2016

(Kutipan Jualan Bagi Kedai Buku JAKIM Kompleks D, Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jualan Luar Pejabat)

BIL	BULAN	NASKHAH	NILAI (RM)
1.	Januari	1,129	16,939.84
2.	Februari	3,864	22,372.85
3.	Mac	1,701	31,547.50
4.	April	2,534	28,557.80
5.	Mei	3,607	43,519.00
6.	Jun	3,154	34,315.19
7.	Julai	676	10,973.15
8.	Ogos	1,597	27,553.90
9.	September	421	8,989.49
10.	Oktober	384	6,906.99
11.	November	543	8,484.00
12.	Disember		
	JUMLAH KESELURUHAN	19,610	240,159.71

## Laporan Keseluruhan Jualan Buku JAKIM 2016

### (Kutipan Jualan Kedai Buku JAKIM Kompleks D (Termasuk Jualan Luar) & Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin)

BIL.	BULAN	KEDAI BUKU/JUALAN LUAR PEJABAT	NASKHAH	NILAI (RM)
1.	Januari	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	1,089 40	16,320.94 618.90
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1.129</b>	<b>16,939.84</b>
2.	Februari	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	3,857 7	22,202.65 170.20
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,864</b>	<b>22,372.85</b>
3.	Mac	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	1,635 66	29,972.60 1,574.90
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,701</b>	<b>31,547.50</b>
4.	April	Kedai Buku JAKIM Kompleks D dan PBAKL Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	2,489 45	27,728.40 829.40
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2,534</b>	<b>28,557.80</b>
5.	Mei	Kedai Buku JAKIM Kompleks D dan PBAKL Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	3,607	43,519.00
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,607</b>	<b>43,519.00</b>
6.	Jun	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	3,087 67	33,288.54 1,026.65
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,154</b>	<b>34,315.19</b>
7.	Julai	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	610 66	9,392.55 1,580.60
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>6,764</b>	<b>10,973.15</b>
8.	Ogos	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	1,558 39	26,776.15 777.75
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,597</b>	<b>27,553.90</b>
9.	September	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	301 120	6,720.74 2,268.75
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>421</b>	<b>8,989.49</b>
10.	Oktober	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	384	6,906.99
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>384</b>	<b>6,906.99</b>
11.	November	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	543	8,484.00
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>543</b>	<b>8,484.00</b>
12.	Disember	Kedai Buku JAKIM Kompleks D Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan		
		<b>Jumlah Keseluruhan</b>		
		<b>Jumlah Keseluruhan Tahunan (2016)</b>	<b>19,610</b>	<b>240,159.71</b>

#### Pecahan Jualan

> Hasil Jualan Kedai Buku JAKIM Kompleks D	RM181,294.26
> Hasil Jualan Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan	RM8,847.15
> Hasil Jualan Program Luar Yang Disertai	RM50,018.30

**Jumlah Jualan Keseluruhan** **RM240,159.71**

\*Tiada transaksi jualan pada bulan Disember Kedai Buku JAKIM terlibat dengan proses perpindahan bangunan dari Kompleks D9 Pusat Pentadbiran Persekutuan ke Kompleks Islam Putrajaya




## DAKWAH MEDIA PENYIARAN

Pada tahun 2016, JAKIM terus mengorak langkah dalam menerbitkan rancangan bagi siaran di TV1 dan TV2 serta bagi program-program Radio Nasional. Seksyen Program TV telah menerbitkan sebanyak 11 rancangan berjadual mingguan antaranya Forum Perdana Ehwal Islam, Fikrah, Hadis 40, Ikon asnaf dan lain-lain lagi.


Rancangan-rancangan terbitan JAKIM mendapat tempat dalam kalangan penonton di mana setiap

rancangan yang disiarkan mempunyai pengikut dan peminat yang tersendiri contohnya Forum Perdana Ehwal Islam. Berdasarkan rating 2016, menunjukkan jumlah penonton yang mengikuti rancangan ini adalah sangat memberangsangkan. Contohnya dapat dilihat melalui rating bagi bulan April dan Mei yang mencecah sehingga tiga juta penonton.

Rating bagi lain-lain rancangan terbitan JAKIM adalah sebagaimana berikut:



**Kedudukan Rating Forum Perdana  
Januari Hingga Jun 2016 (01/01/2016-05/06/2016)**





Siaran langsung rancangan Forum Perdana Ehwat Islam yang telah diadakan buat kali pertama di Auditorium Kompleks Islam Putrajaya

Pada tahun 2016, sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, Bahagian Media telah mengadakan kerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Tabung Haji dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi penerbitan program bermusim seperti Ikon Asnaf, Rahmat Kasih, Seruan Haji dan Akademi Pendakwah Muslimat.

Rancangan Ikon Asnaf yang diterbitkan dengan kerjasama JAWHAR dibuat sebanyak 13 episod yang menonjolkan usaha yang dilakukan oleh JAWHAR untuk golongan asnaf supaya ia dapat memberi inspirasi kepada mereka untuk berjaya dalam perniagaan.

Begitu juga rancangan Rahmat Kasih disiarkan sebanyak 13 episod memaparkan aktiviti MAIWP yang menyantuni golongan yang memerlukan dihebahkan supaya masyarakat sedar bahawa golongan berkenaan tidak dipinggirkan oleh agensi-agensi agama Islam di negara ini.



Penggambaran rancangan Rahmat Kasih

Selain itu, JAKIM telah berjaya menerbitkan Program Realiti TV, Akademi Pendakwah Muslimat 2016 dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Rakaman pertandingan separuh akhir dan akhir rancangan ini telah disiarkan di TV1.



Para peserta bersama dengan ahli jawatankuasa program dan team penerbitan yang menjayakan Program Akademi Pendakwah Muslimat 2016

JAKIM mempunyai peranan besar dalam menerbitkan program-program anjuran JAKIM yang disiarkan secara langsung di TV RTM. Program-program ini dikategorikan sebagai program khas, antaranya adalah Majlis Hafazan dan Tilawah al-Qur'an Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Program Sambutan Maal Hijrah, Sambutan Maulidur Rasul, Dokumentari Khas 50 Tahun Darul Quran, Majlis Perdana Ulama Umarak 2016, Video Klip Tokoh Huffaz Darul Quran, dokumentari, video klip tokoh serta kapsul-kapsul bersempena hari kebesaran Islam.

### Penerbitan Radio

Salamfm telah bersiaran pada 15 Februari 2009 menerusi gelombang 91.1FM di Lembah Klang, 102.5FM di Pahang Barat, 89.3FM di Ulu Tembeling, 105.1FM di Cameron Highland dan 95.6FM di Gunung Ledang.

Pada tahun 2016, Seksyen Penerbitan Radio telah berjaya membekalkan rancangan-rancangan berunsur dakwah kepada stesen-stesen: Radio Klasik, Nasionalfm, Traxxfm, Aifm, Minnalfm dan Asyikfm. Siaran tersebut boleh diikuti di seluruh negara dalam bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil, Semai, Temiar, Temuan dan Jakun (dialek Orang Asli). Berikut ialah di antara rancangan-rancangan tonggak yang diterbitkan dan diselaraskan oleh penerbitan Radio JAKIM.

## Rancangan Utama Dakwah di Radio 2016

BIL	PROGRAM	TARIKH/LOKASI PROGRAM	SIARAN	PENERBIT
1.	Sidang Media Kempen Cantik di Mata 2016	26 Jan 2016 Dewan Perdana B, Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya	Rakaman Untuk siaran di Salamfm Siaran TV: Persada Jurnal TV1	Mohamad Naim Nadri
2.	Majlis Pelancaran Kempen Cantik di Mata 2016	13 Feb 2016 Perkarangan Masjid Negara, KL	Rakaman Untuk siaran di Salamfm Siaran TV: Persada Jurnal TV1	Mohamad Naim Nadri
3.	Salam Tilawah	21 Feb 2016 Surau Baitul Mukmin	Siaran langsung dan rakaman di Salamfm	Nur Farhana Mohammad Noor
4.	Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Qur'an Peringkat Kebangsaan kali ke-59	21-26 Mac 2016 Dewan Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya, Putrajaya	Siaran langsung di Radio: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Radio Klasik</li> <li>• Traxxfm</li> <li>• Minnalfm</li> <li>• Aifm</li> <li>• Asyikfm</li> <li>• Salamfm</li> </ul>	Mohd Shah Abd Kadir (Penerbit dan Pengulas)  Nur Farhana Mohammad Noor, Mohamad Naim Nadri dan Hasmin Hamzah (Pengulas)
5.	Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa kali ke-58	2-7 Mei 2016 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), KL	Siaran langsung di Radio: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nasionalfm</li> <li>• Traxxfm</li> <li>• Minnalfm</li> <li>• Aifm</li> <li>• Asyikfm</li> <li>• Salamfm</li> </ul>	Mohamad Naim Nadri (Penerbit dan Pengulas)  Nur Farhana Mohammad Noor (Pengulas)
6.	a. Salam Muhawarah b. Salam Tilawah c. Motivasi Pelajar	25 Mei 2016 Sek. Keb. Nong Chik, Johor Bahru, Johor	Rancangan Berakam untuk siaran di Salamfm	Nur Farhana Mohammad Noor Norazlinah Nordin
7.	Sidang Media Salam Kasih Ramadhan	2 Jun 2016 Bilik Mesmera 2, Hotel Everly Putrajaya	Rakaman siaran untuk siaran Berita dan (Persada Jurnal) TV1	Nur Farhana Mohammad Noor Norazlinah Nordin
8.	Marhaban Yaa Ramadhan	4 Jun 2016 Auditorium P. Ramlee, Wisma Radio RTM, KL	Rancangan Siaran Langsung untuk siaran Minnalfm	Ameerah Abdullah
9.	Salam Kasih Ramadhan Musim ke-5	12 Jun 2016 Madrasah Az-Zakirin, Rembau, Negeri Sembilan 13 Jun 2016 Madrasah Hidayatul Mubtadiin, Nilai, Negeri Sembilan 27 Jun 2016 Maahad Tahfiz Al-Hikmah, Sg. Buloh, Selangor 28 Jun 2016 Rumah Anak Yatim Al-Barakah, Teluk Intan, Perak	Rancangan Radio di lokasi yang memaparkan kerjasama Salamfm bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menunaikan tanggungjawab sosial.  Program dijalankan pada bulan Ramadhan dengan memberi keutamaan kepada golongan asnaf dan Maahad Tahfiz	Nur Farhana Mohammad Noor  Norazlinah Nordin
10.	Forum Salam Muhawarah	29 Jun 2016 IPG Bahasa Melayu, Lembah Pantai, KL	Rancangan berakam di siarkan di Salamfm	Mohamad Naim Nadri
11.	Siaran Langsung Khutbah Jumaat	Januari - Disember 2016 Setiap hari Jumaat	Rancangan Siaran langsung untuk siaran Nasionalfm	Shahir Bakqie Salim (Penerbit Penyelaras)  Azmal Isrul Ismail Mohamad Naim Nadri Azimi Kassim Sharmizi Syarudin - sehingga Feb 2016 (Pengulas)

BIL	PROGRAM	TARIKH/LOKASI PROGRAM	SIARAN	PENERBIT
	Siaran ulangan Khutbah Jumaat	Januari – Disember 2016 Setiap hari Sabtu	Rancangan berakam disiarkan di Salamfm pada jam 12.30 pagi	Shahir Bakqie Salim (Penerbit Penyelaras)  Azmal Isrul Ismail Mohamad Naim Nadri Azimi Kassim Sharmizi Syarudin - sehingga Feb 2016 (Penerbit)
12.	Doa Akhir Tahun 1437 Hijrah dan Doa Awal Tahun 1438 Hijrah	1 Oktober 2016 Masjid Negara Kuala Lumpur	Rancangan siaran Langsung untuk siaran radio: • Nasionalfm dan relay kepada Stesen Radio negeri	Shahir Bakqie Salim (Penerbit Penyelaras dan Pengulas)
13.	Majlis Perhimpunan Maal Hijrah 1438H (Awal Muharram)	2 Oktober 2016 MAEPS Serdang	Rancangan siaran langsung di Radio: • Nasionalfm • Minnalfm • Aifm • KLfm • Asyikfm • Traxxfm • Salamfm	Mohd Shah A. Kadir (Penerbit dan Pengulas)  Hasmin Hamzah (Pengulas)
14.	Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW 1438H	11 Disember 2016 Masjid Putra, Putrajaya	Rancangan Siaran langsung di radio: • Nasionalfm • Minnalfm • Aifm • KLfm • Asyikfm • Traxxfm • Salamfm	Mohamad Naim Nadri (Penerbit dan Pengulas)  Nur Farhana Mohammad Noor (Pengulas)

## Program Kerjasama dengan Agensi Luar

Selain program di lokasi, Salamfm turut mengadakan kerjasama dengan agensi luar antaranya:

BIL	PROGRAM	AGENSI	PENERBIT
1.	30 Minit Bersama Sekretariat Dakwah Korporat (SDK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)</li> <li>➤ Tenaga Nasional Berhad (TNB)</li> <li>➤ Malaysia Airlines Berhad (MAB)</li> <li>➤ DRB Hicom Berhad</li> <li>➤ Petroleum Nasional Berhad (Petronas)</li> <li>➤ Pos Malaysia Berhad (Pos)</li> </ul>	Siti Nazdhirah Mohd Rajoli
2.	Salam Sihat	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	
3.	Rancangan Khas Bersama SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	
4.	Rancangan Khas Bersama SWCorp	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	

Rancangan-rancangan ini adalah program secara langsung, yang disiarkan setiap hari Selasa jam 11.15 malam sehingga 11.45 malam.

## Program-program Khas Radio 2016

BIL	PROGRAM	PENERBIT
1.	Israk dan Mikraj	Nur Farhana Mohammad Noor
2.	Nuzul al-Qur'an	Siti Zainab
3.	Hari Raya Aidilfitri	Norazlinah Nordin
4.	Hari Raya Haji	Azmal Isrul Ismail
5.	Awal Muharram/ Maal Hijrah	Siti Nazdhirah Mohd Rajoli
6.	Maulidur Rasul	Hasmin Hamzah



Sumbangan sebanyak RM5,000.00 daripada wakil Yayasan Taqwa kepada Rumah Anak Yatim al-Barakah

## Program Radio di Lokasi Salamfm 2016

### 1. Salam Kasih Ramadhan di Rembau, Negeri Sembilan



Penjelajahan radio Salamfm ke Madrasah Az-Zakirin, Rembau, Negeri Sembilan. Bersama pelajar-pelajar asnaf dan anak yatim



Anak-anak yatim al-Barakah sedang mendengar tazkirah ringkas daripada penceramah yang dijemput khas, sebelum bersahur

### 2. Salam Kasih Ramadhan di Teluk Intan, Perak



Program bersahur bersama Rumah Anak Yatim al-Barakah, di Teluk Intan, Perak



Program Bersahur bersama anak-anak Madrasah Hidayatul di Nilai, Negeri Sembilan



Pelajar madrasah sedang mendengar tazkirah ringkas daripada penceramah bebas Nasri Nasir, sebelum bersahur



Sumbangan sebanyak RM5,000.00 daripada wakil Yayasan Taqwa kepada Madrasah Hidayatul Nilai, Negeri Sembilan

#### 4. Salam Kasih Ramadhan di Maahad Tahfiz Darul Hikmah Saujana Utama Sungai Buloh



Bekas Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, Dato Haji Razali Shahabudin dan kumpulan Sifu Bikers, turut meluangkan masa untuk menyertai program berbuka puasa bersama-sama pelajar Tahfiz Darul Hikmah



Kumpulan Sifu Bikers yang diketuai oleh Ustaz Hanafiah Abdul Malek dengan bantuan makanan

#### 5. Kempen Cantik di Mata 2016

Kempen ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan umat Islam khususnya remaja menutup aurat. Antara tarikan yang ditampilkan dalam kempen ini ialah penyertaan secara sukarela ikon-ikon yang terkenal dalam mengedarkan tudung kepada remaja seterusnya berswa foto. Kempen diadakan sebagai alternatif kepada hari kekasih yang jelas di luar syariat Islam.



Barisan ikon program Cantik di Mata 2016, bagi seluruh Malaysia

#### 6. Program Salam Tilawah




Pelajar-pelajar yang mengikuti Salam Tilawah di Subang Jaya



Pelajar sedang belajar *Taranum Rast* oleh Ustaz Apandi Hussain bersama Perantara Akhi Abdul Rahman Hj Thair

## Rancangan Agama Terbitan Seksyen Radio JAKIM Mengikut Jam Pada Tahun 2016

### Radio Ibu Pejabat di Wisma Radio Angkasapuri KL



Buat julung kalinya JAKIM telah mengadakan Program Pencarian Bakat Baru Ikon JAKIM pada 20 Disember 2016. Seramai 48 orang dari kalangan pegawai JAKIM telah menjalani sesi uji bakat ini. Tujuan program adalah

untuk mencungkil bakat-bakat baru bagi diketengahkan sebagai moderator dan penyampai berita yang bersiaran secara langsung dari Studio JAKIM Kompleks Islam Putrajaya.

*Pengukuhan Institusi  
Kekeluargaan dan  
Kemasyarakatan*



## Seminar Kelestarian Keluarga: Cabaran Pascaperkahwinan Abad ke-21 & Pelancaran Modul Pascaperkahwinan Islam

Pada 3 Mac 2016 bertempat di Masjid Putra, Putrajaya telah diadakan Seminar Kelestarian Keluarga: Cabaran Pascaperkahwinan Abad ke-21. Seminar ini diadakan sempena Majlis Pelancaran Modul Pascaperkahwinan Islam dan Majlis Penghargaan kepada Ahli Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) 2013-2015.



Sesi forum sedang berlangsung

Seminar ini mengenengahkan isu berkaitan kekeluargaan. Antara tajuk yang dibincangkan ialah Keluarga Sakinah: Cabaran dan Masa Depan yang dibentangkan oleh Pakar Motivasi Kekeluargaan Islam, Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mamat, Konflik Rumahtangga: Pendekatan Islam Sebagai Satu Model yang disampaikan oleh Pensyarah Jabatan al-Qur'an dan Sunnah, UIAM, Dr. Sofiah Samsudin dengan Tajuk *Sharing Moment: Romantika 3 Hari 2 Malam* yang disampaikan oleh Perunding Psikologi Keluarga, Puan Suzana binti Ghazali. Manakala Dr. Mohd Izwan bin Md. Yusoff berperanan sebagai Moderator forum tersebut.

Pada seminar tersebut juga telah diadakan Majlis Pelancaran Modul Pascaperkahwinan Islam. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Modul ini dibangunkan untuk menjadi panduan dan rujukan kepada Jabatan Agama Islam Negeri dan agensi kerajaan dalam pelaksanaan kursus kepada pasangan suami isteri berdasarkan tempoh perkahwinan bagi mendepani cabaran semasa institusi keluarga.



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki menyempurnakan pelancaran Modul Pascaperkahwinan Islam



Keratan akhbar Utusan Malaysia berkaitan Majlis Pelancaran Modul Pasca Perkahwinan Islam

Modul yang dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini diserahkan kepada Pengarah dan wakil-wakil Jabatan Agama Islam Negeri untuk tujuan perlaksanaan di negeri masing-masing. Pada akhir majlis tersebut diadakan penyerahan sijil penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Penggubal Modul yang telah memberi komitmen tinggi dan kerjasama sepenuhnya sepanjang pembangunan modul ini.



Penyerahan modul kepada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri



Sesi bergambar

### **Persidangan Penyelarasan Pengurusan Perkahwinan Antara Ketua Pendaftar Nikah, Cerai, Rujuk di Malaysia dengan Yang Dipertua/ Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah-wilayah Selatan Thailand**

Persidangan yang diadakan pada 19 hingga 21 Julai 2016 bertempat di Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Ahli-ahli persidangan terdiri daripada Ketua-ketua Pendaftar Nikah Cerai Rujuk Negeri di Malaysia, Wakil daripada Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia Songkhla Thailand, Yang DiPertuan dan Timbalan Yang DiPertuan Majlis Agama Islam di lima Wilayah Selatan Thailand termasuk wakil-wakil agensi di Malaysia daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Kementerian Luar Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT).

Persidangan yang diadakan ini bertujuan untuk menyelaras, mempertingkatkan keberkesanan dan menyelesaikan isu dan masalah berhubung pengurusan perkahwinan antara Malaysia dan Thailand.



Ahli persidangan termasuk daripada Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Selatan Thailand

### **Persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Seluruh Malaysia kali ke-34 dan kali ke-35**

Persidangan KPNCR Seluruh Malaysia kali ke-34 telah diadakan pada 26 hingga 28 April 2016 bertempat di TH Hotel, Bayan Lepas, Penang dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, YBhg Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Pada persidangan ini juga dibincangkan isu penyelarasan susunan wali perkahwinan dan perbentangan kertas daripada Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Manakala persidangan KPNCR kali ke-35 diadakan pada 28 hingga 29 November 2016 di Hotel Grand Blue Wave Shah Alam. Persidangan ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, YBhg Tuan Haji Paimuzi bin Yahya, selaku pengerusi persidangan baru. Persidangan ini turut membincangkan isu penambahbaikan modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam dan perkongsian data Nikah Cerai dan Rujuk.

Ahli persidangan ini terdiri daripada Ketua-ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk Seluruh Malaysia, Wakil JKSM, KAGAT, BAKA dan Pegawai Atase Agama Malaysia di Jakarta, Indonesia. Selain itu Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM yang berkaitan turut hadir ke persidangan ini.



Persidangan sedang berlangsung

Objektif utama persidangan ini adalah untuk menghimpun Ketua-ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk seluruh Malaysia dan agensi berkaitan bagi menyelesaikan isu dan permasalahan berhubung pengurusan nikah, cerai dan rujuk orang Islam di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia. Selain itu ia bertujuan sebagai platform untuk menyelaras peraturan mengenai urusan nikah, cerai dan rujuk orang Islam di Jabatan Agama

Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia. Di samping mendapatkan maklumat, pandangan, maklum balas dan idea bagi mengatasi isu-isu perkahwinan yang tidak mengikut peraturan Negara dan berlawanan Enakmen/Akta.

Pada persidangan kali ke-34 semua ahli persidangan telah mengadakan Kunjung Hormat kepada Tuan Yang Dipertua Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas di kediamannya.



Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas di kediamannya



Gambar kenangan ahli-ahli persidangan

### **Muzakarah Pendaftar/Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk/Jurunikah Peringkat Negeri Selangor dan Johor**

Program Muzakarah Pendaftar dan Penolong Pendaftar Nikah, Cerai Dan Rujuk Peringkat Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah diadakan pada 26 Mei 2016 di Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor.

Program ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa Dan Kampung Tradisi Negeri Selangor, YB Dato' Dr. Ahmad

Yunus bin Hairi. Program ini berjaya mengumpulkan seramai hampir 500 orang peserta yang terdiri daripada pihak-pihak yang terlibat berkaitan pengurusan nikah, cerai dan rujuk negeri Selangor khususnya dalam kalangan Pendaftar, Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk dan Jurunikah seluruh negeri Selangor.

Objektif program ini adalah untuk memberi kefahaman berkaitan dengan urusan perkahwinan, perceraian dan rujuk di Malaysia dan menyelaraskan peraturan mengenai urusan perkahwinan antara agensi-agensi yang terlibat serta menyelesaikan isu dan masalah berhubung pengurusan perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat, pandangan, maklum balas dan idea bagi mengatasi isu-isu perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan negara serta mempertingkatkan keberkesanan proses urusan perkahwinan orang Islam di Malaysia dan di luar negara.

Manakala, pada 1 November 2016 bertempat di Dewan Besar Pusat Islam Iskandar Johor, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menganjurkan Multaqa Pendaftar dan Penolong Pendaftar Pernikahan, Perceraian dan Rujuk Peringkat Negeri Johor tahun 2016.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor dan disertai hampir 400 orang peserta terdiri daripada pihak yang berkaitan pengurusan nikah, cerai dan rujuk khususnya di kalangan Pendaftar, Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk dan Jurunikah seluruh negeri Johor.



Sesi Penyampaian cenderahati oleh Exco Agama Negeri Johor

Melalui program ini diharapkan pengurusan Nikah Cerai dan Rujuk di Malaysia dapat diselaraskan dengan lebih bersistematik dan efisien dari semasa ke semasa.

### Ijtima' Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam telah bermula sejak tahun 1998 dengan menggunakan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam. Oleh itu penganjuran ijtima' ini adalah untuk memberi pendedahan dan penjelasan mengenai pelaksanaan kursus yang mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.



Sesi Dialog

Ijtima' yang mengumpulkan 200 orang terdiri daripada Jabatan Agama Islam Negeri dan penganjur kursus ini telah diadakan pada 3 November 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia. Ijtima' ini adalah medium untuk memberi penerangan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam 2016. Selain itu, ia juga sebagai saluran kepada penganjur kursus untuk berkongsi pengalaman dan memberi cadangan bagi pelaksanaan kursus yang lebih bersistematik.




Antara peserta yang terdiri daripada penganjur kursus


### Pelaksanaan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM)

Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) merupakan sistem yang disediakan berasaskan proses kerja yang lengkap bermula daripada permohonan kursus praperkahwinan, permohonan kebenaran berkahwin, pendaftaran nikah, cerai dan rujuk serta runding cara di semua Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), khususnya Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) di seluruh Malaysia secara lebih efisien dan teratur.

#### Negeri-negeri SPPIM



#### Pengguna SPPIM



## Fungsi-fungsi SPPIM

Pendaftaran Penceramah Kursus Praperkahwinan Islam
Pendaftaran Penganjur Kursus Praperkahwinan Islam
Mengeluarkan Sijil Kebenaran Penganjuran Kursus Praperkahwinan
Mengurus permohonan Kursus Praperkahwinan Islam
Mengeluarkan Sijil Kursus Praperkahwinan Islam
Memproses permohonan Kebenaran Berkahwin
Mengeluarkan Surat Kebenaran Berkahwin
Memproses permohonan pendaftaran Nikah, Cerai dan Rujuk
Mengeluarkan Surat Perakuan Nikah
Mengeluarkan Surat Perakuan Perceraian
Mengeluarkan Surat Persekedudukan Semula (Rujuk)
Mengesahkan dokumen kebenaran berkahwin dan dokumen pernikahan di luar negeri oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di luar Negara
Memproses aduan runding cara
Mengeluarkan Surat Panggilan temu janji

## PENYELARASAN PROSEDUR YANG TELAH DICAPAI MELALUI SPPIM

Perkara-perkara yang berjaya diselaraskan:

1. Kad Perakuan Nikah
2. Borang-borang Nikah, Cerai dan Rujuk
3. Permohonan Kebenaran Berkahwin secara *online*
4. Aliran proses kerja yang standard bagi permohonan kebenaran berkahwin, pendaftaran nikah, cerai, rujuk, runding cara dan praperkahwinan Islam.
5. Format Sijil Kursus Praperkahwinan Islam
6. Senarai Semak bagi Permohonan Kebenaran Berkahwin.
7. Format Surat Panggilan Runding Cara
8. Tempoh sah Kebenaran Berkahwin adalah sama iaitu 90 hari sama ada dalam atau luar kariah.
9. Surat Pengesahan Dokumen Kebenaran Berkahwin dan Pengesahan Dokumen Pernikahan yang dibuat oleh Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara adalah bersistematik.



Orang awam boleh memohon Kursus Praperkahwinan secara *online*

## Hari Memperingati AIDS Peringkat Wilayah Persekutuan

Program ini telah diadakan pada 21 Mei 2016 bertempat di Masjid Negara. Objektif penganjuran majlis adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terutama golongan berisiko dijangkiti HIV/AIDS tentang bahaya HIV/AIDS dan kesannya kepada umat Islam. Sambutan ini juga diadakan bagi meningkatkan penglibatan dan sokongan golongan masyarakat daripada pelbagai agama dan bangsa dalam memerangi masalah HIV/AIDS.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan Daerah Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Dr. Rozanim bin Kamarudin, Masjid Negara, YBhg Ustaz Amru Al-Haz bin Adnan, Exco Majlis AIDS Malaysia, YBhg Prof. Dr. Azlinda binti Azman dan Timbalan Presiden Pertubuhan Amal Firdausi Kuala Lumpur dan Selangor, YBhg. Encik Mohamad Rafi bin Jaafar.

Program ini diadakan dalam dua sesi iaitu sesi Santai Ilmu pada sebelah petang dan bacaan Yasin dan Tahlil pada sebelah malam. Program bermula pada jam 2.30 petang oleh YBhg. Dr. Nurul Aida binti Salleh dari Klinik Kesihatan Tanling Kuala Lumpur yang menyampaikan ceramah mengenai Senario HIV Masa ini. Selepas itu, para hadirin dihidangkan dengan perkongsian pengalaman hidup oleh PLHIV dan pasangan.

Forum Bersama ke Arah Kuala Lumpur Sifar HIV telah dikendalikan oleh Ustaz Mohd Hariri bin Mohd Daud sebagai Moderator Forum. Panel forum terdiri daripada Ustaz Baharuddin bin Idris daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Cikgu Kandasamy A/L Velayuthan daripada Persatuan Hindu Sangam Malaysia. Pada sesi malamnya, Majlis bacaan Yasin dan Tahlil beramai-ramai telah diadakan selepas Solat Maghrib dan dipimpin oleh Imam Masjid Negara.

Melalui program ini, peserta diberikan maklumat dan pendidikan kesihatan mengenai HIV/AIDS agar tidak terjebak dengan aktiviti-aktiviti berisiko dijangkiti HIV dan dapat mengurangkan stigma dan diskriminasi masyarakat awam terhadap 'Orang yang Hidup dengan HIV.'



Sesi forum

## Bengkel Manual Islam dan HIV

Bengkel ini adalah sebagai salah satu usaha membantu kerajaan memberi maklumat dan pendedahan berkenaan Islam dan HIV/AIDS kepada ugamawan, Imam-imam, ketua masyarakat, dan NGO supaya bergerak aktif menyebarkan kepada masyarakat umum mengenai Islam dan HIV/AIDS.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyediakan panduan asas kepada pemimpin Islam bagi memudahkan penglibatan mereka untuk bergiat cergas di dalam masyarakat dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah menangani cabaran HIV/AIDS di Malaysia. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran serta tanggungjawab kepimpinan agama berhubung permasalahan HIV/AIDS di dalam masyarakat.

Sepanjang tahun 2016, bengkel ini telah diadakan sebanyak tujuh kali iaitu:

1. 4 hingga 6 April 2016 di Kuching, Sarawak
2. 3 hingga 6 Mei 2016 di Sabah
3. 31 Mei - 2 Jun 2016 di Terengganu
4. 1 hingga 3 Ogos 2016 di Pulau Pinang
5. 9 hingga 11 Ogos 2016 di Selangor
6. 22 hingga 24 Ogos 2016 di Negeri Sembilan
7. 19 hingga 21 September 2016 di Hotel Sunny, Kuala Lumpur




Peserta bengkel yang terdiri daripada pimpinan agama di peringkat masyarakat

- Membimbing dan memberikan kesedaran kerohanian/spiritual terhadap golongan LGBT melalui pendekatan agama (tauhid) untuk mereka menghadapi cabaran hidup serta kembali kepada kehidupan fitrah.
- Memberikan pendedahan dan bimbingan ilmu fardu ain kepada golongan ini bagi melaksanakan tuntutan agama.
- Memberikan pengetahuan dan kesedaran berkaitan kesihatan khususnya HIV dan lain-lain penyakit berjangkit.
- Memberikan bimbingan motivasi serta kemahiran mempertingkatkan jati diri.
- Menghapuskan stigma dan diskriminasi antara komuniti ini dengan golongan agama serta masyarakat sekeliling.

## Program Kesejahteraan Kepada Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) 2016

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), serta beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah melaksanakan program kesejahteraan terhadap golongan LGBT seperti Program *Mukhayyam* 3 hari 2 malam. Selain itu, aktiviti bagi mendekati komuniti turut dilaksanakan melalui temu seru (*outreach*) dan *Iftar Jama'i*. Usrah Bulanan juga dilaksanakan sebagai salah satu bentuk program susulan yang melibatkan komuniti. Objektif Program *Mukhayyam* adalah seperti berikut:




Elemen Pengisian Program Mukhayyam

NAMA PROGRAM	TEMPAT	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN PESERTA	OUTCOME
Program <i>Mukhayyam</i>	Johor	Man Sex With Man (MSM)	20	Kesedaran kesihatan dan pengukuhan kerohanian
Program Temu seru & Santai Ilmu Bersama Komuniti	Kedah	Man Sex With Man (MSM)	15	Kesedaran kesihatan dan kerohanian <i>Rappo</i> dan <i>engagement</i> bersama komuniti
Program <i>Mukhayyam</i>	Kedah	Man Sex With Man (MSM)	25	Kesedaran kesihatan dan pengukuhan kerohanian
Program Temu seru & Santai Ilmu Bersama Komuniti	Sarawak	Transgender (TG)	15	Kesedaran kesihatan dan kerohanian <i>Rappo</i> dan <i>engagement</i> bersama komuniti
Program Temu seru & Santai Ilmu Bersama Komuniti	Pahang	Transgender (TG)	15	Kesedaran kesihatan dan kerohanian <i>Rappo</i> dan <i>engagement</i> bersama komuniti
Program <i>Mukhayyam</i>	Pahang	Transgender (TG)	55	Kesedaran kesihatan dan pengukuhan kerohanian
Program <i>Mukhayyam</i>	Sarawak	Transgender (TG)	12	Kesedaran kesihatan dan pengukuhan kerohanian
Program Iftar & Santai Ilmu Bersama Komuniti	Johor	Man Sex With Man (MSM)	44	Kesedaran kesihatan dan kerohanian
Program Iftar & Santai Ilmu Bersama Komuniti	Perak	Transgender (TG)	25	Kesedaran kesihatan dan kerohanian
Lawatan Kajian Menangani Isu LGBT	Tangerang, Indonesia	Yayasan Peduli Sahabat	3	Perkongsian <i>input</i> metodologi bimbingan kepada LGBT

NAMA PROGRAM	TEMPAT	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN PESERTA	OUTCOME
Program <i>Outreach</i> & Pertemuan <i>Mahabbah</i> Bersama Komuniti	Sabah	Man Sex With Man (MSM)	12	<i>Rappo</i> dan <i>engagement</i> bersama komuniti
Penerbitan <i>E-book</i> Panduan Hijrah Diri Homoseksualiti	-	LGBT	-	Panduan sendiri penghijrahan diri LGBT
Penerbitan Risalah Kesedaran Isu LGBT	-	LGBT, Masyarakat Awam	-	Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat umum berkaitan isu LGBT
Penerbitan Bahan Multimedia (Video Pendek) Kesedaran Isu LGBT	-	LGBT, Masyarakat Awam	-	Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat umum berkaitan isu LGBT
Seminar Kesedaran Ummah: LGBT...Apa Yang Anda Perlu Tahu?	Kolej INTEC, Shah Alam	Guru-guru kaunseling, guru-guru sekolah dan ibu bapa, pelajar dan kakitangan IPTA dan IPTS serta masyarakat awam	350	Memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat berkenaan isu LGBT, usaha penyantunan yang boleh dilaksanakan serta memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat untuk turut terlibat dalam usaha bimbingan dan penyantunan kepada golongan LGBT

## PROGRAM JAKIM BERSAMA KOMUNITI DISAYANGI (LGBT) 2016



Gambar rajah Program Penyantunan JAKIM Terhadap Golongan LGBT 2016



Pengisian kerohanian



Sesi perkongsian



Program *Islah* Permata Dunia



Sepanjang tahun 2016, JAKIM dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan telah melaksanakan 3 siri Program *Islah* Permata Dunia yang melibatkan Orang Kena Pengawasan (OKP) Dadah di Negeri Selangor, Perlis dan Sabah. Program yang dilaksanakan bertujuan untuk menambah ilmu agama, menambah keyakinan menjalani kehidupan baru serta menghilangkan stigma dalam kalangan masyarakat dan penagih dadah. Respons yang diberikan oleh peserta adalah baik dengan menyatakan mereka mendapat kesedaran kerohanian, membina semula keyakinan diri dan membetulkan salah faham kepada Islam yang pada tanggapan mereka, tidak memberi peluang kedua kepada mereka yang terlibat dengan dadah untuk berubah.

negara. Respons yang diberikan oleh peserta adalah baik dengan menyatakan mereka mendapat mengukuhkan penghayatan agama, membina jati diri yang selari dengan tuntutan syariat dan membetulkan salah faham kepada Islam yang pada tanggapan mereka, tidak memberi peluang kedua kepada remaja yang terlibat dengan jenayah untuk berubah.



Antara pengisian program



Sebahagian aktiviti Program Kem Juara Remaja Taqwa



Antara peserta yang hadir



Peserta dan fasilitator bergambar di akhir program

### Program Kem Juara Remaja Taqwa

JAKIM dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan sebanyak tiga siri Program Kem Juara Remaja Taqwa yang melibatkan remaja juvana di bawah Bengkel Interaktif JKM di tiga buah negeri iaitu di Sekolah Tunas Bakti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak dan Kelantan dan satu program Iftar Ramadhan di Taman Seri Puteri, Cheras.

Program ini bertujuan untuk menambah ilmu agama, muhasabah kesilapan diri dan berusaha menjadi insan yang lebih baik dan berguna kepada agama, bangsa dan

### DASAR KELUARGA, SOSIAL DAN HAL EHWAL WANITA

#### Majlis Pelancaran Portal Piswi dan Forum "Bicara Usrati Jannati"

Pada 26 Julai 2016 bertempat di Auditorium Masjid Putra Putrajaya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB

Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B) telah melancarkan Portal Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI). Portal ini dibangunkan sebagai *wadah* penyampaian maklumat kepada wanita Islam.



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) menyampaikan ucapan perasmian

Dalam majlis tersebut, turut diadakan Forum Bicara 'Usrati Jannati' dengan menampilkan Ustaz Pahrol Mohd Juoi dan Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof sebagai panel serta Ustazah Marzita binti Ibrahim sebagai moderator. Tujuan utama program ini ialah untuk memberi pendedahan dan mempromosikan pendekatan Islam dalam menangani isu LGBT dan kekeluargaan.



Panel Forum Bicara Usrati Jannati, YBhg. Dr. Mohd Izwan bin Md. Yusuf sedang menyampaikan syarahan

### Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Keluarga Sakinah dan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Tindakan Perlakuan LGBT

Pada 26 Julai 2016 bertempat di Auditorium Masjid Putra Putrajaya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj. Baharom (B) telah melancarkan Pelan Tindakan Keluarga *Sakinah* dan Pelan

Tindakan Menangani Gejala Sosial Tindakan Perlakuan LGBT. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, ahli Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI), Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Karim, Ketua Pengarah Jabatan Kehakimah Syariah Malaysia (JKSM), YAA Tan Sri Dato' Paduka Ibrahim bin Lembut dan Mantan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), JAKIM, YBhg. Dato' Haji Razali bin Shahabudin.



Pelancaran dan Penyerahan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah dan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Perlakuan LGBT kepada Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri untuk pelaksanaan

Tujuan pelan ini diwujudkan bagi mempromosikan pendekatan dan strategi Islam dalam memperkukuhkan institusi keluarga ke arah keluarga yang *sakinah*. Bagi memastikan pelaksanaan pelan tersebut mencapai objektifnya, JAKIM akan bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

### Sidang Kemuncak Wanita Islam Antarabangsa (1<sup>st</sup> World Muslim Women Summit and Exhibition)

Pada 23 hingga 25 September 2016 JAKIM melalui Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) telah bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan World Islamic Forum (WIF) telah menganjurkan Sidang Kemuncak Wanita Islam Antarabangsa Kali Pertama (1<sup>st</sup> World Muslim Women Summit and Exhibition) WISE 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Penganjuran sidang kemuncak ini merupakan program rintis yang menghimpunkan wanita-wanita Islam seluruh dunia terutama dalam kalangan wanita-wanita Islam di negara yang menghadapi konflik bersenjata bagi membincangkan isu hak asasi dan peranan wanita dalam aspek pembangunan dan penyumbang kepada kedamaian dan kesejahteraan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), telah mewakili Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Razak, bagi merasmikan sidang kemuncak tersebut. Turut hadir menyampaikan ucapan dalam majlis perasmian tersebut ialah *Deputy Minister of Cultural and Family Affair* Negara Turki, HE Mehmet Ersoy dan *Director General of Cultural, Social and Family Affair OIC*, HE Mehla Ahmed Talebna mewakili *Secretary General OIC* Tan Sri Dr. Iyad Madani. Pada Majlis tersebut, turut dilancarkan Biasiswa OIC-Malaysia kepada pelajar wanita daripada negara-negara Islam OIC yang menghadapi konflik bersenjata.



Para tetamu dan jemputan bergambar kenangan. Turut hadir ialah Mdm Mehla Ahmed Talebna, mewakili Setiausaha Agong OIC, Tan Sri Iyad Madani

Program ini diserikan dengan keberangkatan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah ke Majlis Makan Malam. Turut sama menyertai sidang kemuncak ini ialah Amb. Ilham Ibrahim Mohammed Ahmed, *Vice-Chairperson of Independent Permanent Human Right Commission (IPHRC)*, OIC bersama wakil-wakil IPHRC Dr. Siti Ruhaini Dzuhayatin, Mrs. Asila Wardak dan Amb. Mostafa Alaei dan Prof. Datin Dr. Raihanah binti Abdullah.



Penyampaian cenderahati daripada YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamaruddin kepada perasmii program YB Mejar Jeneral Dato' Sri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)



Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Tuanku Hajah Haminah



Antara tetamu yang hadir ke persidangan ini



Tetamu jemputan yang hadir ke Majlis Makan Malam yang diadakan sempena persidangan

Antara program yang diadakan ialah Persidangan *Women and Peacebuilding*, *Forum World Women NGOs Meet*, Seminar #tilljannah, *World Women Quran Hour*, Festival Kebudayaan Wanita Islam serta pameran kebudayaan antarabangsa.

Sebanyak 73 kertas persidangan daripada wakil-wakil negara Turki, Nigeria, Myanmar, Afghanistan, Nigeria dan beberapa negara OIC lain telah membentangkan kertas dalam persidangan tersebut. Semua resolusi yang telah dipersetujui diterjemahkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur. Deklarasi itu adalah seperti yang berikut:

## DEKLARASI KUALA LUMPUR

- Meningkatkan Pendidikan Bersepadu Berasaskan Nilai dan latihan teknikal dan vokasional sebagai tonggak untuk memperkasakan wanita Islam di dunia Islam, menggesa semua pihak yang berkaitan untuk mempercepat pendidikan wanita dengan menyediakan akses peluang seperti biasiswa dan bantuan kewangan untuk meningkatkan bilangan wanita Islam yang berpendidikan dalam semua bidang;
- Meluaskan kesan peranan wanita Islam sebagai saintis, pembuat dasar dan keputusan, membina masyarakat sivil dan pembina keamanan pada peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa;
- Meningkatkan peranan wanita dalam memerangi Islamfobia, ekstremisme, ketidakadilan, pertumpahan darah, kejahilan dan segala bentuk peminggiran wanita Islam sebagai pembina keamanan dan pemimpin transformasi masyarakat melalui kerjasama antara dan intra-Islam dalam pergerakan manusia dan idea;
- Membangunkan program-program khusus yang direka untuk menyediakan wanita Islam melalui penglibatan mereka dalam keusahawanan dan aktiviti membuat keputusan;
- Melibatkan diri wanita Islam dalam program 'outreach' dan pertukaran dalam negara-negara anggota OIC dan di luar dengan mewujudkan platform dan mekanisme untuk berkongsi amalan terbaik, mengamalkan sukarela dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh wanita Islam dari kawasan yang berlainan;
- Mewujudkan rangkaian sokongan yang lebih luas kepada wanita Islam di seluruh dunia Islam dengan membangunkan Portal Atas Talian Wanita Islam secara menyeluruh yang mempunyai pangkalan data wanita Islam dalam segala bidang;
- Meningkatkan keterlihatan pencapaian wanita Islam sebagai contoh yang baik melalui aktiviti promosi media yang menonjolkan wanita Islam di seluruh dunia;
- Menubuhkan Majlis Wanita Islam Sedunia (WISE) di bawah UIAM sebagai kumpulan pemikir untuk mengawasi pelaksanaan program berkaitan dengan peranan wanita Islam dalam pembangunan perdamaian dan pembangunan;
- Mewujudkan Rangkaian Tindakan Muslimah Antarabangsa (IMAN) untuk penglibatan Badan bukan Kerajaan di peringkat akar umbi bagi memudahkan pelaksanaan pelan tindakan yang dirancang untuk memperkasakan wanita Muslim dalam inisiatif pembangunan perdamaian;
- Memastikan bahawa amalan yang terbaik dalam menyediakan biasiswa kepada wanita Islam yang berbakat serta memerlukan sebuah organisasi yang diinspirasikan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di WISE 2016 kekal sebagai ciri WISE dan agendanya;
- Memastikan "Anugerah WISE At-Tamayouz" dikekalkan dan digunakan sebagai mekanisme untuk mengakui, menghargai dan meraikan wanita Islam yang Berjaya sebagai contoh di seluruh dunia Islam sama ada di luar atau dalam negara bagi semua kegiatan kehidupan;
- Mengesyorkan Kerajaan Turki sebagai tuan rumah WISE 2017;
- Bersetuju untuk menerima dan mengguna pakai tarikh 9 Zulhijah bagi setiap tahun sebagai Hari Wanita Antarabangsa yang mana umat Islam di seluruh dunia bersama-sama menjayakan pembangunan perdamaian dan pembangunan masyarakat dan merancang masa hadapan.

Majlis Penutupan sidang kemuncak ini telah dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YB Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim pada 25 September 2016. Dalam majlis penutupan tersebut, turut diadakan sesi penyampaian Kuala Lumpur Deklarasi yang menyaksikan pengisytiharan 9 Zulhijah sebagai Hari Wanita Islam Sedunia oleh YB Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim. Majlis diakhiri dengan sesi penyerahan penganjuran *World Muslim Women Summit and Exhibition (WISE)* kepada Turki sebagai penganjur untuk tahun 2017.

### **Tasqif an-Nisa'**

Pada 13 Oktober 2016 JAKIM dengan kerjasama Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPK), Jabatan Penerangan Negeri Perak dan agensi-agensi lain di negeri Perak telah mengadakan Program *Tasqif al-Nisa'* di Auditorium RTM Negeri Perak. Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim telah mencemar duli bagi menyertai rakyat negeri Perak untuk turut sama dalam forum yang berlangsung. Selain baginda, majlis turut dihadiri DYT M Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan serta kepimpinan wanita negeri Perak.

Panel yang terlibat dalam forum tersebut ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamarudin, dan Pensyarah Kanan di Jabatan Siasah Syar'iyah, Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Syarifah Hayaati binti Syed Ismail. Ustaz Nabil bin Ahmad bertindak sebagai moderator forum tersebut. Seramai 500 orang peserta telah menghadiri program tersebut. Program ini merupakan inisiatif JAKIM melalui Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) bagi menyampaikan maklumat dan menjelaskan isu-isu semasa wanita Islam dalam mendepani cabaran semasa.



Forum Transformasi Wanita Islam sedang berlangsung



Panel forum bersama tetamu yang hadir



Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim sedang menikmati santapan di Raja Usai Majlis

### **Majlis Amanat dan Penyampaian Watikah Perlantikan Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) Sesi 2016-2018 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

Pada 14 Disember 2016, JAKIM telah mengadakan Majlis Amanat dan Penyampaian Watikah Perlantikan Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) di Kompleks Islam Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) dan dihadiri oleh ahli-ahli PISWI. Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Majlis ini adalah medium pertemuan antara ahli-ahli PISWI bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B).

Majlis ini adalah medium pertemuan antara ahli-ahli PISWI bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Pada majlis ini YB Menteri menyampaikan amanat beliau dan hasrat JAKIM kepada ahli PISWI sebagai usaha untuk memperkasakan fungsi dan peranan PISWI.



Penyampaian amanat oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Penyerahan watikah perlantikan kepada ahli PISWI

### Senarai Nama Ahli PISWI Sesi 2016/2018

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Prof. Dato' Seri Dr. Zaleha binti Kamaruddin	Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2.	Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim	Mantan Presiden, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI)
3.	Prof. Madya Dr. Raihanah binti Haji Abdullah	Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
4.	Datuk Hj. Zainul Rijal bin Abu Bakar	Peguambela & Peguamcara dan Peguam Syarie, Tetuan Zainul Rijal Talha & Amir
5.	Tuan Haji Izelan bin Basar	Ketua Pegawai Eksekutif, TV al-Hijrah
6.	Prof Madya Dr. Syarifah Hayati Syed Ismail	Ketua Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
7.	Dr. Zuraida binti Abdullah	Pensyarah Kanan, Jabatan Pengurusan Pentadbiran dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
8.	Dr. Yusri bin Mohamad	Yang diPertua, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
9.	Dato' Haji Razali bin Shahabudin	Pengerusi, Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM)
10.	Prof. Madya Dr. Jaffary bin Awang	Ketua Jabatan, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
11.	Dr. Anita binti Sulaiman	Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam dan Epidemiologi Penyakit Berjangkit & Ketua Sektor HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia
12.	Puan Hajah Zawanah binti Muhammad	Pengarah, Bahagian Pembangunan Insan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
13.	Prof. Datin Dr. Azizan binti Baharuddin	Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
14.	Prof. Dr. Rahmah binti Hashim	Konsultan, Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open University Malaysia
15.	Prof. Dato' Noor Aziah binti Haji Mohd Awal Timbalan Naib Canselor	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Kebangsaan Malaysia
16.	Dato' Prof. Haji Mahamad Naser bin Disa	Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM)
17.	Prof. Dr. Ashraf bin Mad Hashim	Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (Kewangan Islam), Universiti Malaya (UM)
18.	Prof. Madya Dr. Shamrahayu bin Ab Aziz	Pensyarah Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
19.	Tuan Haji Paimuzi bin Yahya	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
20.	Puan Hajah Hakiman binti Mohd Yusoff	Pengarah, Bahagian Kemajuan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
21.	Tuan Haji Mat Radzi bin Haji Mat Ali	Pengarah JAKIM Cawangan Sabah
22.	Tuan Halim bin Ahmad	Pengarah, Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

## Mesyuarat Induk Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) Bil.10/2016

Pada 14 Disember 2016, satu Mesyuarat Induk Panel Isu-isu Semasa Wanita Islam (PISWI) Bil.10/2016 telah diadakan di Kompleks Islam Putrajaya (KIP). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamarudin. Tujuan mesyuarat ini diadakan bagi mengenal pasti hala tuju dan perancangan PISWI dalam mendepani isu-isu semasa wanita Islam peringkat kebangsaan.



Mesyuarat Induk PISWI bersama ahli PISWI Sesi 2016/2018



Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin mempengerusikan persidangan

## Persidangan Jawatankuasa Bertindak (Focal Point) Menangani Gejala Sosial

Pada 16 hingga 17 Mac 2016 bertempat di Concorde Inn KLIA, JAKIM telah mengadakan Persidangan Bil.6 dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin.

Persidangan ini turut membincangkan mengenai Laporan Persidangan Jawatankuasa Bertindak (Focal Point) Menangani Gejala Sosial kali ke-5/2015, dan meneliti Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruhan Gender. Seterusnya dalam persidangan ini juga membincangkan konsep untuk Membangunkan Modul Rawatan dan Pemulihan Kepada Golongan Kecelaruhan Gender.

Persidangan Bil.7 telah diadakan pada 18 hingga 20 Oktober 2016 di RhR Hotel, Bangi Selangor dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), Tuan Haji Paimuzi bin Yahya. Persidangan kali ini turut menfokuskan isu menangani keganasan rumah tangga.



Pembentangan Mekanisme Pelaksanaan Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Kecelaruhan Gender oleh KPP, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Puan Sabariah binti Salleh

## Bahan Cetakan




Risalah Memahami Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender daripada Perspektif Seorang Muslim



Video berdurasi 3.08 minit menerangkan mengenai LGBT



Buku Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara (2017-2021)




Buku Modul Pascaperkahwinan Islam



E-Book Hijrah Diri Homoseksualiti



Buku Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Perlakuan LGBT (2017-2021)



Portal PISWI – www.piswi.islam.gov.my





*Pengukuhan Modal  
Insan*

## Darul Quran Raikan Pelajar Baharu Program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an JAKIM-UIAM Sesi 2016/2017

5 Januari 2016, seramai 116 pelajar baharu Program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an JAKIM-UIAM mula mendaftar masuk bermula jam 8.30 pagi. Para pelajar tersebut diraikan pada Majlis Sambutan Pelajar Baharu Program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an JAKIM-UIAM yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin.

Beliau dalam ucapan perasmianya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang terpilih untuk mengikuti program pengajian selama 18 bulan ini meskipun pelajar berhadapan pelbagai ujian disebabkan kejadian banjir yang menimpa kebanyakan negeri di sebelah pantai timur.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Dekan Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang juga merangkap sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran, Prof. Madya Dr. Shamsul Jamili bin Yeob yang turut menjelaskan bahawa para pelajar yang terpilih untuk masuk ke program pensijilan ini sangat bertuah kerana UIAM merupakan di antara universiti bertaraf antarabangsa yang setaraf dengan universiti terulung di dunia.

Agenda seterusnya merupakan bacaan ikrar dan majlis penyerahan pelajar kepada pihak Darul Quran. Para pelajar ini juga akan mengikuti Program Transformasi Kecemerlangan Minda (TRANSKEM) selama 5 hari bermula 5 Januari 2016 sehingga 9 Januari 2016.



Bacaan Ikrar oleh Pelajar Baharu Program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an JAKIM-UIAM

## Majlis Khatam Hafazan al-Qur'an PELAJAR PROGRAM DIPLOMA SESI PENGAJIAN 2013-2016

Seramai 205 orang pelajar semester enam program Diploma Tahfiz al-Qur'an telah diraikan dalam Majlis Khatam Hafazan al-Qur'an yang telah diadakan di Dewan Mukhtar Darul Quran baru-baru ini. Pemilihan merah jambu sebagai warna tema pada kali ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabuddin mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Beliau yang dalam ucapannya telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang telah berjaya menamatkan hafazan al-Qur'an 30 juzuk dalam tempoh tiga tahun pengajian di Darul Quran. Beliau juga telah mengingatkan pelajar agar tidak terlalu selesa dengan suasana dan *biah* di Darul Quran kerana pelajar akan berhadapan dengan cabaran yang lebih luas apabila keluar dari Darul Quran. Justeru beliau berharap pelajar perlu menjaga nama baik sebagai penghafaz al-Qur'an walau di mana sahaja berada.

Terdahulu, majlis ini telah diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an dari Surah ad-Dhuha hingga Surah an-Nas oleh pelajar 94 orang pelajar *banin* dengan dipimpin oleh tiga orang pensyarah Darul Quran iaitu Ustaz Wan Ahmad Ikram bin Wan Mohamed, Ustaz Mohd Farhan bin Khalid dan Ustaz Kyairool Nizam bin Khiruddin.

Dato' Haji Razali bin Shahabuddin yang diiringi oleh Dr Haji Nordin bin Ahmad telah menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang kepada saudara Wan Mohd Syahmi bin Wan Ahmad dan saudari Zirwatulamal binti Mohammad Idrus. Beliau juga turut menyampaikan Anugerah Pensyarah Tasmii' Cemerlang kepada Ustaz Muhammad Zaki bin Ab



Bacaan Doa Khatam al-Qur'an yang dipimpin oleh pensyarah tasmii' Darul Quran JAKIM, Wan Ahmad Ikram

Rahman dan Ustazah Nurul Firdaus binti Rejab serta siji khatam kepada 205 orang pelajar.

Turut hadir meraikan majlis ialah Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM, ketua-ketua jabatan dan pengetua-petua sekolah menengah sekitar Hulu Selangor, ibu bapa, para pensyarah serta pegawai dan kakitangan Darul Quran JAKIM.

### **Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil dan Doa Selamat Sempena Sambutan Jubli Emas Ulang Tahun Yang ke-50 Darul Quran JAKIM**

Darul Quran telah menyambut ulangtahun yang ke-50 dengan mengadakan Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil dan Doa Selamat pada 1 Mac 2016. Majlis ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Generasi ke-2 Darul Quran, Dato' Haji Hassan Mahmud Al-Hafiz. Beliau telah mengetuai bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat dan diikuti bersama warga Darul Quran serta tetamu jemputan.

Majlis yang diadakan selepas Solat Asar secara berjemaah ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Haji Razali Shahabudin mewakili Ketua Pengarah JAKIM.

Beliau yang dalam ucapannya telah menceritakan tentang sejarah perkembangan Darul Quran bermula pada tahun penubuhannya iaitu pada 1 Mac 1966 hinggalah sekarang. Beliau juga telah menyatakan bahawa Darul Quran pada 50 tahun yang lalu bermula dengan hanya lapan orang pelajar sahaja dan sekarang jumlah graduan Darul Quran adalah sebanyak 2,694 orang, tidak termasuk pelajar-pelajar dari Maahad-maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri yang bernaung di bawah Darul Quran.

Majlis diserikan lagi dengan tayangan video sejarah Darul Quran, bacaan 'haflah' tarannum serta qasidah yang dipersembahkan oleh wakil pelajar semester enam.

Sebanyak lima biji kek selain kek utama untuk gimik perasmian telah disumbangkan bagi memeriahkan lagi majlis ini. Kek-kek tersebut telah disumbangkan oleh Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz, Koperasi Darul Quran, Puspanita Darul Quran, Persatuan Kebajikan Maahad Tahfiz (PERKEMAT DQ) dan Perwakilan Mahasiswa USIM-DQ (PERMAS).



Bacaan Yaasin, Tahlil dan Doa Selamat dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Hassan Mahmud Al-Hafiz

### **Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-29 Bersidang di ILIM Bangi**

Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-29 telah berlangsung pada 28 Mac 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Abu Bakar As-Siddiq Blok Akademik A Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Dato' Haji Othman bin Mustapha dan dihadiri oleh 16 orang Ahli Lembaga Darul Quran ini telah membincangkan berkenaan lapan kertas cadangan berkaitan Kertas Laporan Peperiksaan Diploma Semester Enam & Semester Lapan Darul Quran JAKIM bagi Tahun 2016, Kertas Laporan Peperiksaan Akhir Pensijilan Semester Empat (Program Empat Semester) & Semester Tujuh (Program Tujuh Semester) JAKIM-Uniten Tahun 2015, Kertas Cadangan Semakan Semula Kurikulum Program Pensijilan Tahfiz DQ-OKUMP, Kertas Cadangan Melaksanakan Program Sijil Lanjutan Bagi Pelajar DQ-OKUMP, Kertas Cadangan Logo Darul Quran JAKIM, Kertas Cadangan Menaik Taraf Fungsi dan Peranan Darul Quran JAKIM dan Kertas Cadangan Dasar Pengambilan Pelajar Luar Negara Darul Quran JAKIM.

Selain itu, dua kertas makluman juga turut dibentangkan berkaitan Makluman Pelaksanaan Sambutan Jubli Emas Darul Quran JAKIM Tahun 2016 dan Makluman Pelaksanaan MQA01.

Ahli-ahli Lembaga Darul Quran yang hadir dalam mesyuarat pada kali ini ialah Dato' Haji Razali bin Shahabudin, Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri,

Prof. Dato' Dr. Sidek bin Baba, Prof. Dr. Zulkiple bin Abd Ghani, Prof. Madya Dr. Shamsul Jamili bin Yeob, Prof. Dr. Wan Kamal Mujani, Encik Masri bin Razali, Puan Hajjah Zawanah binti Muhammad, Encik Hassan Nudin bin A. Hamid dan Encik Imran bin Abdullah, Dr. Monika@ Munirah binti Abd Razzak, Puan Zuriyati binti Mohd Noor dan Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad selaku Setiausaha.

Turut hadir dalam Mesyuarat Lembaga ini ialah Pengetua Maahad Tahfiz al-Qur'an Masjid Saidina Ali, Bukit Katil Melaka, Haji Mohd Said bin Md Amin untuk membentangkan Kertas Cadangan Permohonan Maahad Tahfiz al-Qur'an Masjid Sayyidina Ali, Bukit Katil, Melaka bagi menawarkan Program Baru Diploma Tahfiz al-Qur'an dan Pengurusan Halal.



Barisan Ahli Lembaga Darul Quran JAKIM bergambar selepas berakhirnya persidangan yang berlangsung di ILIM, Bangi

### Darul Quran Tempat Ketiga Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat JAKIM 2016

Seramai enam kumpulan dari lima Bahagian JAKIM telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang telah diadakan pada 10 Mac 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Kumpulan-kumpulan tersebut ialah Kumpulan Q-Faz serta Q<sup>2</sup> dari Darul Quran, Kumpulan Putra Innovator dari Masjid Putra, Kumpulan G2G dari Hab Halal, Kumpulan Kicho dari JAKIM Sarawak dan Kumpulan ILIMians dari ILIM.

Tajuk-tajuk yang dipersembahkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut ialah "Membantu Meningkatkan Penguasaan Hafazan Al-Qur'an dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Awal Hafazan" dan "Tahap Penguasaan Bacaan

Qiraat 10 dalam Kalangan Pelajar Darul Quran Kurang Memuaskan" bagi Kumpulan Q-Faz serta Q<sup>2</sup>.

Manakala bagi Kumpulan Putra Innovator pula, mereka mempersembahkan tajuk "Ke Arah Memperkasakan Masjid Putra Sebagai Ikon Pelancongan Islamik Negara." Bagi Kumpulan G2G, mereka telah mempersembahkan tajuk "Kelewatan Permohonan Sijil Halal Malaysia Mendapat Pengesahan Halal Melebihi Tempoh Masa Yang Ditetapkan."

Sementara bagi Kumpulan Kicho dan ILIMians pula, mereka mempersembahkan tajuk "Tahap Pembacaan al-Qur'an Yang Tidak Memuaskan Dalam Kalangan Saudara Baharu" dan tajuk "Penggunaan Tenaga Pengajar di ILIM Yang Tidak Optimum."

Hadiah bagi pemenang tempat pertama ialah wang tunai RM5,000, sijil penyertaan serta piala pusingan. Tempat kedua; wang tunai RM3,000 serta sijil penyertaan dan tempat ketiga ialah wang tunai RM2,000 dan sijil penyertaan.

Tempat pertama Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2016 ialah Kumpulan G2G dari Hab Halal, sementara Kumpulan Kicho dari JAKIM Sarawak mendapat tempat kedua. Manakala Kumpulan Q<sup>2</sup> dari Darul Quran telah mendapat tempat ketiga. Hadiah telah disampaikan oleh Dato' Haji Othman bin Mustapha diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM, Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM, Encik Masri bin Razali dan Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM, Dato' Haji Ali bin Mohammed.



Barisan ahli Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Darul Quran bergambar selepas berjaya merangkul tempat ketiga di dalam Konvensyen KIK 2016

## Logo Darul Quran Dimasyhurkan dalam Perhimpunan Bulanan JAKIM

Logo Darul Quran telah dimasyhurkan dalam Perhimpunan Bulanan JAKIM bagi bulan April 2016 di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi pada 29 April 2016.

Logo Darul Quran ini telah diperakui oleh ahli-ahli Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-29 yang telah bersidang pada 28 Mac 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Abu Bakar As-Siddiq, Blok Akademik A, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Pemasyhuran ini dibuat dalam bentuk tayangan montaj yang berdurasi selama tiga minit. Antara perkara yang dipaparkan dalam montaj tersebut ialah logo Darul Quran, intepretasi logo dan diakhiri dengan nama pencipta logo iaitu Pensyarah Jabatan Pengajian Umum, Darul Quran JAKIM, Ustaz Muhammad Saoki bin Abd Rahman.

Berikut merupakan intepetasi kepada Logo Darul Quran:

1. Bentuk kitab terbuka di atas simbolik kepada al-Qur'an dan hadis yang merupakan dua bidang teras di samping rujukan utama dalam pembinaan dan pengembangan ilmu bagi melahirkan generasi rabbani.
2. Bentuk rehal yang sinonim dengan masyarakat Islam sebagai alas al-Qur'an simbolik kepada teguhnya pegangan al-Qur'an yang menjadi prinsip kepada umat Islam.
3. Bentuk kubah yang melambangkan syiar Islam yang merupakan panji kepada Umat Islam yang dibawa oleh Darul Quran JAKIM dan kerajaan Malaysia.
4. Empat tiang yang membentuk kubah melambangkan teras pegangan masyarakat di Malaysia yang berpegang kepada sumber al-Qur'an, Sunnah, Ijma' dan Qiyas.
5. Perkataan Darul Quran yang menggunakan khat kufi murabba' ini diintepretasikan sebagai Darul Quran merupakan nama yang tidak asing dengan peranannya sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz terulung di negara Malaysia.
6. Perkataan "Qara'a" di tengah sebagai teras dalam menuntut ilmu yang melambangkan kesungguhan para pelajar Darul Quran dalam menuntut ilmu.
7. Perkataan "Laam" yang berbentuk kubah merujuk kepada peranan Darul Quran memayungi pengajian tahfiz di Malaysia.

8. Perkataan Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam tulisan rumi bertujuan untuk memudahkan memahami perkataan Darul Quran yang merupakan salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
9. Warna *maroon* yang merupakan warna korporat Darul Quran melambangkan semangat yang mapan, kesediaan dan keupayaan Darul Quran sebagai institusi Tahfiz al-Qur'an terulung di Malaysia.
10. Warna emas diintepretasi sebagai peranan Darul Quran melahirkan penghafaz al-Qur'an yang paling bernilai sebagai aset penting negara.
11. Warna biru melambangkan warga Darul Quran yang berketrampilan, berdedikasi dan berhikmah dalam membangunkan modal insan yang berkualiti tinggi.



## Majlis Sambutan Siswa Siswi Baru Program Diploma Tahfiz al-Qur'an Sesi Pengajian 2016/2019

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan (TKPPI) JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin menyeru kepada siswa siswi baru Program Diploma Tahfiz al-Qur'an agar sentiasa menghiaskan diri dengan akhlak dan sifat mulia serta menjaga adab tidak kira kepada sesiapa pun. Ini kerana, setiap perilaku yang ditonjolkan oleh para pelajar akan menyebabkan nama Darul Quran juga turut terpalit. Beliau juga mengingatkan agar pelajar-pelajar menjaga nama baik Darul Quran dengan sebaiknya sebagaimana para pelajar menjaga nama baik ibu bapa sendiri.

Demikian antara nasihat yang diberikan oleh Dato' Haji Razali dalam ucapan perasmianya ketika Majlis Sambutan Siswa Siswi Baru Program Diploma Tahfiz al-Qur'an Sesi Pengajian 2016/2019 di Dewan Mukhtar Darul Quran pada 3 Mei 2016.

Majlis yang bermula pada jam 8:15 pagi dimulakan dengan sesi pendaftaran. Kemudian majlis diteruskan dengan taklimat kepada ibu bapa oleh Ketua Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Ustaz Kamarul Saman bin Yaacob.

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan al-Qur'an oleh pelajar Pensijilan JAKIM-UIAM Semester Tiga, saudara Muhammad Izzat bin Mukhali. Selepas ucapan aluan dan perasmian oleh Dato' Haji Razali, siswa siswi baru dikehendaki melafazkan ikrar yang merupakan akujanji para pelajar untuk menjadi orang yang beriman, beramal soleh serta berakhlak mulia.

Majlis ditamatkan dengan bacaan doa selepas penyerahan siswa siswi baru oleh ibu bapa kepada Dato' Haji Razali, Pengarah dan Pendaftar Darul Quran sebagai suatu simbolik kepercayaan ibu bapa dalam menyerahkan anak-anak mereka untuk dididik serta ditarbiyah oleh Darul Quran.



TKPPI bersalam dengan waris pelajar sebagai simbolik kepada penerimaan warga pelajar Darul Quran

### **Persidangan Pengetua-pengetua MTQN kali ke-31 di ILIM, Bangi**

Persidangan Pengetua-pengetua Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan kali ke-31 telah berjaya diadakan pada 12 Mei 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi. Persidangan pada kali ini merupakan anjuran Darul Quran JAKIM.

Persidangan ini diadakan bertujuan untuk menjadi platform atau medan perbincangan serta perkongsian buah fikiran antara Darul Quran dengan ketua-ketua institusi tahfiz yang bekerjasama dengan Darul Quran dalam menjalankan program Diploma Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat. Mengambil kira dasar penjaminan kerajaan pada tahun ini, persidangan ini diadakan dalam suasana yang sederhana tetapi mencapai objektif.

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato' Haji Razali bin Shahabudin. Beliau yang dalam ucapan perasmianya telah mengucapkan tahniah kepada MTQN yang menjadi rakan strategik Darul Quran.

Sementara itu, Dr. Haji Nordin dalam ucapan aluannya ketika mempengerusikan persidangan tersebut turut mengalu-alukan kehadiran Pengetua Institut Tahfiz al-Qur'an Negeri Sembilan (ITQAN), Haji Zamani bin Haji Ibrahim yang baru menggantikan Haji Shafie bin Haji Shaari yang telah berpindah ke Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Dr. Haji Nordin juga turut merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Haji Shafie atas komitmen yang telah diberikan sepanjang bergelar Pengetua ITQAN dan berdasarkan pengalaman mempengerusikan persidangan ini, Haji Shafie tidak pernah terkecuali daripada menghadirkan diri.

### **Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-30 Bersidang di ILIM Bangi**

Mesyuarat Lembaga Darul Quran kali ke-30 telah berlangsung pada hari Khamis, 28 Julai 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Abu Bakar As-Siddiq, Blok Akademik A, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Beliau juga telah berbesar hati menjemput kesemua ahli lembaga Darul Quran untuk menghadiri program-program sepanjang Konvokesyen kali ke-25 dan Sambutan Jubli Emas Darul Quran seperti Ekspo Konvokesyen pada 4-7 Ogos 2016, Majlis Istiadat Konvokesyen pada 6 Ogos 2016, Siaran Langsung Forum Perdana Hal Ehwal Islam pada 4 Ogos 2016 dan Simposium Tahfiz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa pada 22-24 November 2016 yang akan diadakan di ILIM.

Mesyuarat yang dihadiri oleh tujuh orang Ahli Lembaga Darul Quran ini telah membincangkan berkenaan empat kertas cadangan berkaitan Kertas Laporan Perakuan Keputusan Peperiksaan Akhir Pensijilan Tahfiz al-Qur'an Semester Tiga JAKIM-UIAM bagi Tahun 2016, Kertas Cadangan Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Sempena Istiadat Konvokesyen Darul Quran kali ke-25, Kertas Cadangan Menjenamakan Semula Program Sijil Tahfiz Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) Kepada Sijil Asas Tahfiz al-Qur'an Darul Quran JAKIM dan Kertas Cadangan Lagu Rasmi Darul Quran JAKIM.

Selain itu, mesyuarat juga turut membincangkan berkenaan Kertas Permohonan Cadangan Program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an Darul Quran-Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan dua lagi kertas makluman iaitu Kertas Makluman Mengadakan Majlis Konvokesyen Darul Quran JAKIM kali ke-25 & Sambutan Jubli Emas Darul Quran serta Kertas Makluman Penganugerahan Tokoh Huffaz Sempena Sambutan Jubli Emas Darul Quran JAKIM.



Tan Sri Othman bin Mustapha mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Darul Quran kali ke-30 yang berlangsung di ILIM, Bangi

### **Istiadat Konvokesyen Darul Quran kali ke-25 Disambut Meriah Bersama Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Darul Quran JAKIM**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B) telah berkenan untuk merasmikan Istiadat Konvokesyen kali ke-25 Dan Perasmian Sambutan Jubli Emas Darul Quran JAKIM yang berlangsung pada 6 Ogos 2016. Majlis yang berlangsung penuh gilang-gemilang itu telah diadakan di Dewan Muktamar Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Pada istiadat konvokesyen kali ini, seramai 397 orang graduan telah menerima Diploma Tahfiz al-Qur'an manakala seramai 113 graduan pula menerima Sijil Tahfiz al-Qur'an. Selain itu, 113 graduan yang tamat Program Ijazah Sarjana Muda al-Qur'an dan Sunnah Dengan Kejujuran USIM-Darul Quran turut diraikan pada majlis yang sama. Penganugerahan Sijil dan Diploma ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.

Majlis yang disambut bersama dengan Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Darul Quran ini telah menobatkan dua orang insan terpilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Huffaz. Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Dato' Haji Syaikh Ismail bin Haji Muhammad telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Huffaz Perdana manakala al-Fadhil Ustaz Ali Badri bin Abdul Majid telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Huffaz Khas. Penerima Anugerah Tokoh Huffaz Perdana telah menerima wang tunai sebanyak RM20,000, sijil penganugerahan dan medal sementara penerima Anugerah Tokoh Huffaz Khas pula menerima wang tunai sebanyak RM5000, sijil penganugerahan serta medal.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, ADUN Batang Kali, Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah JAKIM, Ahli-ahli Lembaga Darul Quran, Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran, Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM, Mantan-mantan Pengetua/Pengarah Darul Quran JAKIM dan Pengetua-pengetua Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri (MTQN).





## Istiadat Konvokesyen kali ke-25 Telah Bermula dengan Perasmian Ekspo Konvokesyen Darul Quran

Pada 4 Ogos 2016, Darul Quran telah mengadakan Majlis Perasmian Ekspo sempena Majlis Istiadat Konvokesyen kali ke-25 yang berlangsung dalam suasana sederhana tetapi istimewa kerana Majlis Istiadat Konvokesyen pada tahun ini disambut bersama Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Darul Quran JAKIM. Majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Dato Haji Razali bin Shahabudin diserikan lagi dengan persembahan dikir barat dan persembahan silat oleh para pelajar Darul Quran.

Ekspo yang akan berlangsung selama empat hari tiga malam ini akan bermula pada 4 hingga 7 Ogos 2016. Pada ekspo kali ini, Darul Quran telah mengaturkan pelbagai acara bagi menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke tapak ekspo antaranya ialah Karnival Sukan Jemputan yang melibatkan penyertaan dari IPT-IPT/MTQN-MTQN seperti pertandingan futsal, bola sepak, sepak takraw, bola jaring dan bola tampar selain sukan rakyat yang boleh disertai oleh masyarakat awam.

Selain itu, pada ekspo kali ini, Darul Quran turut mengadakan Siaran Langsung Forum Perdana Hal Ehwal Islam dengan kerjasama RTM TV1, Malam Kesenian Islam yang menampilkan kumpulan nasyid Rabbani, Pertandingan Memancing yang menawarkan keseluruhan hadiah sebanyak RM24,000, Pemeriksaan Kesihatan, Derma Darah, Klinik al-Qur'an, Lailatul Quran, Kembara Persatuan Nissan Grand Livina (PNGL) Ke Kampus Darul Quran, Pameran Motosikal Berkuasa Tinggi, aktiviti berkayak, memanah, berkuda serta banyak lagi acara yang menarik yang disediakan oleh pihak penganjur ekspo pada tahun ini.



Persembahan pelajar di Malam Kesenian Islam sempena Ekspo Konvokesyen Darul Quran

seterusnya lawatan Dato Haji Razali, diiringi Pengarah Darul Quran dan pegawai-pegawai kanan Darul Quran ke tapak-tapak pameran serta gerai-gerai jualan.

## Kursus Pensijilan Pengajaran & Pembelajaran Kerjasama DQ-UPSI

Dalam usaha meningkatkan kompetensi para pensyarah, Darul Quran JAKIM telah bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam menganjurkan Kursus Pensijilan Pengajaran & Pembelajaran yang bermula pada 10-25 Oktober 2016. Kursus selama 12 hari ini telah diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Haji Paimuzi bin Yahya selaku Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM yang baru dilantik berkuat kuasa pada 5 Oktober 2016. Ini merupakan antara tugas awal beliau selepas menjawat jawatan selaku TKPPI JAKIM. Beliau telah menyatakan harapan agar semua peserta kursus dapat menggunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya dan dapat memberikan tumpuan sepanjang tempoh kursus berjalan. Sudah semestinya dua perkara yang harus dicapai selepas selesai berkursus iaitu pertambahan ilmu serta kemahiran. Seajar dengan hasrat Darul Quran yang hendak dinaiktaraf, beliau juga menyatakan harapan agar para pensyarah Darul Quran serta Maahad-maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri (MTQN) dapat meningkatkan lagi kemahiran dari sudut pengajaran dan pembelajaran.

Kursus ini dijalankan berdasarkan tiga peringkat iaitu kursus bersemuka yang diadakan selama 12 hari bekerja yang melibatkan beberapa modul, tugas individu atau kumpulan yang akan dilakukan oleh peserta kursus dan diserahkan semula kepada pihak urusetia satu bulan dari tarikh soalan tugas diberikan dan pencerapan pengajaran ke atas peserta kursus yang akan dilakukan sebanyak dua kali oleh pensyarah berpengalaman dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Turut hadir dalam majlis ini ialah Penyelaras Unit Pembangunan Profesional & Bakat UPSI, Prof. Madya Dr. Azlan Kamari pegawai-pegawai kanan Darul Quran dan wakil dari UPSI. Kursus Pensijilan Pengajaran & Pembelajaran ini disertai oleh 14 orang pensyarah Darul Quran dan enam orang pensyarah MTQN iaitu dari Maahad Tahfiz al-Qur'an ADDIN Tapah, MTQN Pahang, MTQN Perak, MTQN Kelantan, Institut Al-Qur'an Darul Aman (IQDAR) Kedah, MTQN Sabah dan MARSAH Johor.



### Lawatan Kerja YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan ke Darul Quran

Dalam usaha memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia, Darul Quran JAKIM telah menerima lawatan kerja delegasi daripada kerajaan Negeri Sembilan pada 18 November 2016. Delegasi ini telah diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Negeri Sembilan, Dato' Haji Mat Ali bin Hassan. Lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan sedikit sebanyak maklumat dari Darul Quran berkenaan usaha-usaha menaiktaraf pendidikan tahfiz ke peringkat yang lebih tinggi.

Delegasi kerajaan Negeri Sembilan seramai lima orang ini turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Dato' Haji Selamat bin Paigo, Pengetua Institut Al-Qur'an Negeri Sembilan (ITQAN), Haji Zamani bin Ibrahim, Penolong Pengarah Pendidikan Unit Pengajian Tinggi & Pembangunan Modal Insan JHEAINS, Ustaz Amir Intizam bin Othman dan Encik Ahmad Muzhaffar bin Awaludin selaku Pegawai Khas kepada YB SUK Negeri Sembilan. Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM, Datuk Haji Nordin bin Ibrahim telah berkenan untuk mempengerusikan pertemuan antara pihak kerajaan Negeri Sembilan dengan Darul Quran JAKIM.

Agenda lawatan diteruskan dengan pembentangan berkenaan pengurusan pentadbiran dan akademik Darul Quran serta program-program pengajian yang sedang dijalankan oleh Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan (UKKP), Ustaz Shahrulkarnain bin Mohamad Nazir. Pembentangan ini turut diselangselsi dengan pertanyaan-pertanyaan dari pihak tetamu dan telah dijawab dengan baik oleh Pengarah Darul Quran, Dr. Haji Nordin bin Ahmad

serta wakil-wakil pengurusan Darul Quran. Berdasarkan hasil perbincangan, kedua-dua pihak bersetuju untuk diadakan perincian kepada beberapa tindakan susulan bagi mencapai objektif lawatan ini.

Majlis berakhir selepas pertukaran cenderahati antara kedua-dua pihak. Wakil Darul Quran yang turut hadir dalam pertemuan ini ialah Ustaz Haji Norizan bin Abd Ghani selaku Pendaftar, Ustazah Azizah binti Che Hassan selaku Timbalan Pengarah Akademik serta Ketua-ketua Penolong Pengarah dan Ketua-ketua Unit yang berkaitan.



Para tetamu merakamkan gambar kenangan selepas mengadakan pertemuan bersama Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM serta pihak pengurusan Darul Quran

### Simposium Tahfiz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Berakhir dengan Jayanya

Darul Quran JAKIM telah menganjurkan Simposium Tahfiz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa yang berlangsung pada 22 hingga 24 November 2016 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Program yang diadakan bersempena dengan sambutan Jubli Emas Darul Quran JAKIM ini dianjurkan secara bersama dengan *Centre of Quranic Research (CQR)* Universiti Malaya, ILIM dan Yayasan Taqwa.

Simposium ini telah dirasmikan pada 23 November 2016 dan disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah YB Senator Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki dan YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha selaku Ketua Pengarah JAKIM.

YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dalam ucapan perasmian telah menyatakan atas sambutan yang

menggalakkan daripada masyarakat maka kerajaan telah menubuhkan pelbagai institusi tahfiz seperti MRSM Ulul Albab di bawah kendalian Majlis Amanah Rakyat (MARA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Tahfiz dan Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Malah komitmen kerajaan terhadap bidang tahfiz tidak terhad sekadar itu, kerajaan juga turut memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Suatu dasar yang dirangka agar kurikulumnya dapat diselaraskan supaya bersifat menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan dalam bacaan serta hafalan semata-mata, namun ianya menggabungkan dua komponen ilmu iaitu ilmu hafazan al-Qur'an dengan ilmu-ilmu yang lain, yang mengintegrasikan antara ilmu aqli dan naqli. Dalam ucapan perasmian ini juga, YAB Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan pembinaan prasarana bagi menampung kemudahan bangunan pengajian dan penginapan pelajar yang dianggarkan berjumlah RM35 juta di kampus Darul Quran Kuala Kubu Bharu.

Seramai 300 orang peserta terdiri daripada Pengetua-pengetua Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri, pensyarah-pensyarah instituti pendidikan al-Qur'an serta pegawai-pegawai yang berlatarbelakangkan pendidikan tahfiz telah berkampung selama tiga hari di sepanjang simposium ini berlangsung bagi mendapatkan perkongsian pengalaman daripada tokoh-tokoh ilmuan al-Qur'an seluruh negara bukan sahaja dari Malaysia malah negara-negara lain seperti Algeria, Nigeria, Yaman, Mesir, Palestin, Turki, Jordan, Syria yang akan membentangkan kertas kerja berkaitan isu-isu pendidikan Tahfiz al-Qur'an.



YAB Timbalan Perdana Menteri menyemak buku Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Qur'an selepas merasmikan Simposium Tahfiz Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di ILIM, Bangi

### **Kursus Persediaan Bahasa Arab Bagi Peserta Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa dan Kursus Imam dan Pendakwah di Mesir 2016**

Kursus ini merupakan persediaan para peserta dari sudut komunikasi dan pengetahuan Bahasa Arab untuk menghadiri kursus di Mesir. Tenaga pengajar yang dilantik untuk kursus ini adalah Dato' Mahmud Abdul, Pengarah Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd. Seramai 35 orang telah menyertai kursus ini. Seramai 12 orang peserta daripada Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa dan 23 orang peserta daripada Kursus Imam dan Pendakwah Siri 1 dan Siri 2 tahun 2016 serta Siri I 2017. Kursus persediaan ini bermula pada 22 hingga 25 Ogos 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Selain itu, Majlis Amanat Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha bersama para peserta kursus juga diadakan pada 24 Ogos 2016.

### **Kursus Persediaan Bahasa Inggeris Bagi Peserta Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London 2016**

Kursus ini merupakan persediaan para peserta dari sudut komunikasi dan pengetahuan Bahasa Inggeris untuk menghadiri kursus di London. Tenaga pengajar yang dilantik untuk kursus ini adalah daripada Matii Education Services Sdn. Bhd. Seramai 16 orang telah menyertai kursus ini iaitu lapan orang peserta dari JAKIM dan lapan orang peserta dari agensi-agensi negeri. Kursus persediaan ini bermula pada 27 hingga 28 Ogos 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).



Sesi bergambar sempena Majlis Amanat Ketua Pengarah JAKIM bersama peserta kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa serta peserta Kursus Imam dan Pendakwah bertempat 2016 di ILIM



Kursus Persediaan Bahasa Arab bagi peserta kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa 2016 serta peserta Kursus Imam dan Pendakwah 2016 di ILIM



Kursus Persediaan Bahasa Inggeris bagi peserta kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London 2016 di ILIM

Seramai lapan orang pegawai Hal Ehwal Islam telah mengikuti Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Kaherah Mesir. Mereka terdiri daripada tiga orang pegawai JAKIM yang mendapat tajaan penuh daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan lima orang pegawai yang bertugas di Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP), Yayasan Islam Negeri Terengganu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan juga Persatuan Ulama Malaysia (PUM). Kursus ini dilaksanakan selama tiga bulan iaitu bermula 1 September 2016 hingga 30 November 2016 dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Agung Jawatankuasa Tertinggi Dakwah Islamiah al-Azhar Mesir.



Pengantaran peserta JAKIM seramai tiga orang untuk Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir ke KLIA 1



Peserta Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Mesir

*Lajnah al-'ulya lil Dakwah al-Islamiyyah al-Azhar al-Sharif di Madinah al-Buuth al-Islamiah* Kaherah, Mesir memberi peluang kepada JAKIM untuk mencalonkan 19 orang pegawai bagi mengikuti Kursus Imam dan Pendakwah 2016. Kursus ini berlangsung selama tiga siri untuk tahun 2016, seperti berikut:

1. Siri 1 – 1 Mac hingga 31 Mei 2016 (Kursus selama tiga bulan)
2. Siri 2 – 1 September hingga 31 Oktober 2016 (Kursus dipendekkan selama dua bulan)
3. Siri 3 – 1 November hingga 31 Disember 2016 (Kursus dipendekkan selama dua bulan)

Selain JAKIM, penyertaan kursus ini juga dihadiri oleh peserta-peserta dari negara-negara antarabangsa lain seperti India, Nigeria, Sudan, Maldives dan sebagainya. Bagi siri 1 seramai enam orang peserta dipilih dan siri 2 seramai tujuh orang telah terpilih. Manakala untuk siri 3 seramai enam orang yang terdiri daripada pegawai JAKIM dan pegawai dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Menariknya, kursus ini memberi peluang kepada semua peserta untuk mendalami ilmu-ilmu agama mencakupi bidang fiqh dan akidah serta ilmu al-Qur'an secara langsung dari para ilmunan yang muktabar di Mesir.

Kursus ini juga merupakan medium peningkatan keintelektualan modal insan dalam kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam sebagai persediaan untuk menangani permasalahan masyarakat masa kini.



Peserta Kursus Imam dan Pendakwah Siri 1/2016 bergambar bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki di kediaman pelajar Malaysia Abbasiyyah di Mesir



Peserta untuk Kursus Imam dan Pendakwah Siri 2/2016 bergambar kenangan bersama Pegawai Atase JAKIM di Mesir iaitu Ustaz Abdul Muhaimin bin Mahmood



Peserta Kursus Imam dan Pendakwah Siri 1/2016 bergambar bersama Ketua Jabatan Kuliah Ekonomi Universiti al-Azhar, Mesir iaitu Dr. Salah Kamel



Peserta untuk Kursus Imam dan Pendakwah Siri 3/2016 bergambar kenangan bersama sijil tamat kursus di Mesir



Penghantaran peserta untuk Kursus Imam dan Pendakwah Siri 2/2016 di Mesir ke KLIA

### Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam di London 2016

Kursus ini merupakan salah satu usaha JAKIM untuk meningkatkan kemahiran, kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan pegawai Hal Ehwal Islam khususnya dalam bidang kepimpinan dan pengurusan. Modul kursus ini telah diselaraskan bersama Matiin Education Services Sdn. Bhd. yang dilantik oleh JAKIM. Kursus ini dilaksanakan pada 18 Oktober hingga 19 November bertempat di Lim Kok Wing University of Creative Technology, London. Penyertaan peserta pada tahun ini adalah dari agensi-agensi negeri sahaja seramai tujuh orang terdiri daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri, Majlis

Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Mufti Negeri. Bagi tahun ini, modul kandungan kursus agak sedikit berlainan kerana bukan sahaja kelas secara formal diadakan tetapi program sangkutan (*attachment*) di syarikat-syarikat juga dilakukan untuk para peserta menimba pengalaman dalam bidang pengurusan.



Kunjung hormat Peserta Kursus Khas Pegawai Hal Ehwal Islam 2016 kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London

### Lawatan dan Perbincangan Bersama Pihak Razak School of Government (RSOG) Mengenai Pelaksanaan Program Pencarian Bakat (*Talent Scouting*) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Pada 26 Mei 2016, Bahagian Pembangunan Insan (BPI), JAKIM telah melakukan kunjung hormat kepada pihak RSOG di Menara Prisma, Presint 3, Putrajaya untuk membincangkan pelaksanaan program Pencarian Bakat (*Talent Scouting*) di JAKIM. Pertemuan ini telah diketuai oleh Pengarah BPI iaitu Puan Hajah Zawannah binti Muhammad. Seramai tujuh orang pegawai JAKIM dan tiga orang pegawai dari RSOG yang terlibat dalam perbincangan ini. Kunjung hormat ini adalah bertujuan untuk memohon kerjasama daripada pihak RSOG bagi pelaksanaan program tersebut.

Seterusnya, pada 6 September 2016, pertemuan kali kedua bersama pihak RSOG juga telah diadakan dan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah, BPI iaitu Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Yusof. Seramai dua orang pegawai JAKIM dan tiga orang pegawai RSOG yang terlibat dalam pertemuan ini. Tujuan perbincangan ini adalah untuk menjelaskan cadangan Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pencarian Bakat (*Talent Scouting*) JAKIM dengan kerjasama daripada pihak RSOG.



Penyampaian Cenderamata daripada Pengarah BPI, Puan Hajah Zawannah binti Muhammad kepada Pengurus Besar Corporate Services RSOG, Encik Azham Zainal Abidin pada kunjung hormat kali pertama



Pembentangan daripada Ketua Penolong Pengarah BPI, Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Yusof kepada pihak RSOG mengenai cadangan Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pencarian Bakat (*Talent Scouting*) JAKIM pada kunjung hormat kali kedua



Penyampaian Cenderamata daripada Ketua Penolong Pengarah BPI, Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Yusof kepada Pengurus Besar Corporate Services RSOG, Encik Azham Zainal Abidin

### Seminar Motivasi Penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH)

Pada 21 Julai 2016 seramai 50 orang peserta dari penerima Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) dari dalam dan luar negara telah menghadiri Seminar Motivasi

Penerima Skim Pembiayaan Hafiz. Seminar ini dianjurkan sebagai inisiatif JAKIM untuk membantu para pelajar meningkatkan tahap motivasi dan tahap kesedaran terhadap kepentingan pelajaran melalui tajaan SPH.



Wakil jemputan dari Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir. Ustaz Mohammad Shuib bin Azil menerima cenderahati dari Pengarah Bahagian Pembangunan Insan, JAKIM



Amanat disampaikan oleh Ustaz Mohd Suhaimi bin Mohd. Yusof dari Bahagian Pembangunan Insan kepada penerima-penerima Skim Pembiayaan Hafiz untuk menyampaikan maklumat terkini berkenaan Skim Pembiayaan Hafiz



Pegawai Perhubungan Awam, Ustaz Mohd Nadzri bin Mustakim menyampaikan motivasi kepada para pelajar tajaan Skim Pembiayaan Hafiz

## Majlis Penyerahan Laporan *Task Force* Kajian Penambahbaikan Pengurusan Hal Ehwal Islam

Majlis Penyerahan Laporan *Task Force* Kajian Penambahbaikan Pengurusan Hal Ehwal Islam Malaysia kepada Ketua Pengarah JAKIM telah diadakan pada 29 Ogos 2016 bertempat di Dewan Syura Utama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kajian ini telah dilaksanakan bermula pada bulan November 2014 sehingga bulan Ogos 2016. Pasukan Kajian *Task Force* ini dianggotai seramai 20 orang ahli dari pelbagai sektor berkaitan Islam. Objektif Penubuhan Pasukan Kajian ini adalah bagi menyediakan laporan berkaitan cadangan-cadangan Penambahbaikan Pengurusan Hal Ehwal Islam Malaysia.

Dengan penyerahan laporan ini, maka pihak JAKIM akan dapat meneliti hasil kajian dan mengambil tindakan susulan dalam usaha penambahbaikan dan transformasi sektor agama di Malaysia.



Penyerahan Laporan *Task Force* kepada Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha



Barisan Ahli Pasukan *Task Force* bersama Pengurusan Tertinggi JAKIM

## Program Pusat Penilaian Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) Dengan Kerjasama JAKIM

Pada 21 hingga 22 November 2016, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) dalam melaksanakan Program Pusat Penilaian (*Assessment Centre*) kepada pegawai-pegawai JAIPk yang akan dipertimbangkan ke jawatan tetap.

Tujuan pelaksanaan program ini adalah sebagai salah satu kaedah penilaian bagi mencungkil bakat dan kebolehan calon sebagai persediaan untuk memikul tanggungjawab sebagai Pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

Program penilaian ini merupakan satu usaha yang sangat baik yang telah mula dilaksanakan oleh JAKIM dan kini turut dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak dalam usaha mempertingkatkan profesionalisme dan memantapkan kaedah pengambilan pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.



Sesi aktiviti Pusat Penilaian JAIPk

## Kursus Kader JAKIM di Kementerian dan Agensi

Pada tahun 2016 JAKIM telah mengadakan beberapa siri Kursus dan Konvensyen untuk pegawai Kader JAKIM yang ditempatkan di pelbagai Kementerian dan Agensi di seluruh Malaysia. Antara kursus yang diadakan ialah:

1. Kursus Bina Jati diri Kader Siri 1 diadakan di Institut Latihan Islam Wilayah Timur (ILTIM) Terengganu pada 23 hingga 25 Februari 2016 yang telah dihadiri oleh 40 orang peserta.
2. Kursus Bina Jati diri Kader Siri 2 diadakan di Pusat Latihan Islam Kundasang (PLIK) pada 24 hingga 26 Oktober 2016 yang telah dihadiri oleh 40 orang peserta.
3. Kursus Bina Jati diri Kader Siri 2 diadakan di Pusat Latihan Islam Lahad Datu pada 23 hingga 25

November 2016 yang telah dihadiri oleh 60 orang peserta.

4. Kursus Persiapan Mental dan Fizikal Kader Zon ESSZON diadakan di Pusat Latihan Islam Lahad Datu pada 24 hingga 26 Oktober 2016 yang telah dihadiri oleh 40 orang peserta.



Ketua Pengarah JAKIM, Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha beramah mesra dengan para pegawai kader



Peserta dan urusetia Kursus Jati Diri Pegawai Kader di Pusat Latihan Islam Kundasang pada 24 hingga 26 Oktober 2016



Peserta dan urusetia Kursus Jati Diri Pegawai Kader di Pusat Latihan Islam (PLI) Lahad Datu pada 23 hingga 25 November 2016





Penyampaian sijil kepada peserta kursus oleh Pengetua PLI Lahat Datu



Aktiviti riadah peserta Kursus yang dikendalikan oleh fasilitator

Selain daripada itu JAKIM telah mengadakan program secara kerjasama dengan PKPU dan Agensi lain antaranya:

### **Program Kerjasama Dengan Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU)**

1. Program Jalinan Ukhuwwah Tan Sri KP bersama Kader JAKIM Negeri Perak pada 19 Februari 2016 bertempat di Ipoh yang dihadiri 40 orang Kader Negeri Perak.
2. Program Jalinan Ukhuwwah Tan Sri KP bersama Kader JAKIM Negeri Terengganu pada 3 April 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM) yang dihadiri 50 orang Kader.

### **Program Kerjasama dengan JAKIM Sarawak**

1. Program Jalinan Ukhuwwah Tan Sri KP bersama Kader Negeri Sarawak pada 14 April 2016 bertempat di JAKIM Sarawak yang dihadiri 50 orang Kader seluruh Sarawak

### **Program Kerjasama dengan Bahagian Dakwah JAKIM**

Program Jalinan Ukhuwwah Dato' TKPPI bersama Kader Sandakan Sabah pada 13 Mei 2016 bertempat di Pejabat Agama Islam Sandakan yang dihadiri oleh 30 orang Kader.

### **Program Kerjasama dengan JAKIM Sabah**

Program Jalinan Ukhuwwah Tan Sri KP bersama Kader Negeri Sabah pada 24 Mei 2016 bertempat di JAKIM Cawangan Sabah yang dihadiri oleh 50 orang Kader seluruh negeri Sabah.

### **Program Majlis Dialog Kerjasama dengan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

Majlis Dialog Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki bersama 40 Orang Kader seluruh negeri Kelantan pada 9 Oktober 2016 .



Sesi dialog Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki Bersama Pegawai Kader

### **Sijil Tinggi Muamalat**

Pusat Ekonomi dan Kewangan Islam (PEKI) telah melaksanakan Sijil Tinggi Muamalat (STM). Program ini mempunyai tiga tahap dan diadakan berperingkat-peringkat. Objektif program ini adalah untuk melahirkan Pegawai Hal Ehwal Islam dan kakitangan kerajaan yang mempunyai kefahaman secara komprehensif tentang prinsip syariah dalam bidang Fiqh Muamalat di samping membina kemahiran dan kepakaran kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam sektor pengurusan muamalat.

Pada tahun ini seramai 28 orang telah menyertai program ini dan hanya 27 orang peserta yang layak dianugerah sijil. Peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan beberapa agensi lain.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program STM ialah sesi ceramah, lawatan dan latihan dalam kumpulan (LDK) serta Pembentangan dan Penilaian Kajian Kes.



LDK Penyediaan Kajian Kes oleh Peserta Sijil Tinggi Muamalat



Pembentangan Kumpulan oleh Peserta Sijil Tinggi Muamalat



Lawatan Peserta Sijil Tinggi Muamalat Ke Bank Negara Kuala Lumpur



Lawatan Peserta Sijil Tinggi Muamalat ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

## Seminar Pemahaman Takaful

Selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean* (NBOS), ILIM terus komited memberi sokongan padu kepada sektor kewangan Islam di Malaysia termasuk industri takaful bagi menyebarkan kefahaman masyarakat tentang konsep dan aplikasi takaful. Inisiatif ini adalah selaras dengan Pelan Dakwah Negara yang melibatkan sinergi dengan pihak-pihak berkaitan menerusi program kesedaran masyarakat.

Justeru ILIM dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) bekerjasama mengadakan Seminar Pemahaman Takaful pada 19 April 2016. Seminar ini bukan sahaja dapat memberi pengetahuan dan kesedaran tentang peranan Takaful bahkan ia juga menjadi satu platform untuk pihak MTA mendapatkan maklum balas daripada para peserta tentang perkhidmatan Takaful, masalah-masalah lazim yang dihadapi juga idea-idea baru yang dapat diguna pakai dalam membangunkan produk-produk Takaful yang lebih inovatif.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki.



Seminar Pemahaman Takaful 2016: Kerjasama Antara Pusat Ekonomi dan Kewangan Islam, ILIM dan Persatuan Takaful Malaysia



Peserta Sedang Mengajukan Soalan Kepada Panel dalam Seminar Pemahaman Takaful 2016

## Kursus Asas Kaunseling Syarie

Pusat Pembangunan Keluarga Islam telah mengadakan Kursus Asas Kaunseling Syarie pada 2 hingga 4 Februari 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) kepada pegawai runding cara Jabatan Agama Islam Negeri, pegawai dan kakitangan JAKIM, MAIN, JAIN, Jabatan Mufti, JKSM dan kader JAKIM. Kursus ini telah dihadiri seramai 34 orang peserta.



## Kursus Pemantapan Pengurusan Keluarga

Pusat Pembangunan Keluarga Islam telah mengadakan dua siri Kursus Pemantapan Pengurusan Keluarga pada 2 hingga 4 Februari 2016 dan 4 hingga 5 Oktober 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Kursus ini telah dihadiri seramai 64 orang peserta siri pertama dan 23 orang siri kedua.

Objektif utama kursus ini bertujuan untuk melahirkan pegawai dan individu yang boleh dijadikan model dan rujukan oleh masyarakat dalam pembinaan keluarga sakinah, memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan masalah keluarga, meningkatkan kemahiran peserta dalam mengurus perkara yang berkaitan dengan masalah kekeluargaan.

Kursus ini telah dijayakan oleh penceramah berpengalaman dari ILIM iaitu Puan Zawanah binti Mohamad, Encik Zulwaqar bin Mumtaz, Puan Adawiah binti Lias, Encik Mahdi Al-Hilmy bin Arshad dan penceramah jemputan iaitu Encik Azman bin Ab. Rashid (Kementerian Kesihatan), Encik Aswandi bin Omar (Kementerian Pertahanan), Puan Faiezah binti Zainal (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.

Kursus seumpama ini memberi kefahaman yang mendalam mengenai pemantapan institusi rumah tangga dan mendapat respons yang amat baik dari peserta.

## Kursus Lanjutan Kaunseling Syarie

Pusat Pembangunan Keluarga Islam mengadakan Kursus Lanjutan Kaunseling Syarie pada 29 hingga 31 Mac 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Pegawai Runding Cara di JAIN yang telah mengikuti Kursus Asas Kaunseling Syarie. Kursus ini telah dihadiri seramai 12 orang peserta.

Objektif utama kursus ini bertujuan untuk menjelaskan konsep 'Ilaj, menjelaskan kelebihan Terapi Ruh, Terapi Tingkah laku dan Terapi Ruqyah dan menjelaskan kaedah 'Ilaj dalam kaunseling Syarie.

Kursus ini telah dijayakan oleh dua orang penceramah berpengalaman dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Prof. Madya Dr. Salasiah Hanin Hamjah dari UKM dan Ustaz Abdul Hakim bin Zakaria. Majoriti peserta melahirkan rasa puas hati terhadap kursus ini dan mengharapkan program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang.

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus Asas Kaunseling Syarie dan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kefahaman peserta mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai Perunding Cara/Kaunselor Syarie dalam menangani masalah yang dihadapi oleh *klien*.



## SIJIL TINGGI PROFESIONALISME IMAM

Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD) telah menganjurkan **Sijil Tinggi Profesionalisme Imam (STPI)** pada 26 hingga 29 Januari 2016 (Tahap 1), 7 hingga 11 Mac 2016 (Tahap 2), 23 hingga 26 Mei 2016 (Tahap 3) dan 25 hingga 28 Julai 2016 (Tahap 4 & 5) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Kursus yang mula diperkenalkan pada tahun 2015 ini melibatkan sasaran kepada imam-imam seluruh Malaysia bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam mengharungi tugas sebagai imam.

Kursus ini dilaksanakan sebanyak lima tahap dan modul kursus telah dibahagikan kepada lima sub-modul berikut:

1. Kepimpinan imam
2. Kemahiran komunikasi
3. Kemahiran ilmu teras
4. Kemahiran pengurusan masjid
5. Tahsin bacaan al-Qur'an

Kursus telah dihadiri oleh seramai 46 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Mufti Negeri serta dari agensi-agensi lain. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus STPI antaranya sesi ceramah, ujian, lawatan, hafazan, latihan dalam kumpulan (LDK) dan latihan amali.



## ASIA-PACIFIC IMAMS PROFESSIONALISM COURSE

Pusat Pengajian Sains Dakwah (PPSD) dengan kerjasama *World Assembly of Muslim Youth (WAMY)* telah Menganjurkan **Asia-Pacific Imams Professionalism Course** pada 26 September hingga 22 Oktober 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepemimpinan para peserta dalam bidang keimaman memandangkan mereka berperanan sebagai tulang belakang dalam pembangunan ummah di negara mereka.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 17 orang peserta daripada kepulauan rantau Asia Pasifik iaitu dari negara Vanuatu (seorang), Papua New Guinea (dua orang), Solomon Islands (seorang), Kiribati (seorang), Tonga (dua orang), Indonesia (seorang), Filipina (seorang), Nepal (seorang), Thailand (seorang), Bangladesh (seorang) dan Malaysia (tiga orang).

Modul yang berorientasikan pengurusan Islam dan keimaman telah diguna pakai sepenuhnya dalam pelaksanaan kursus ini. Pelbagai skop pengurusan Islam telah didedahkan seperti pengurusan keimaman yang merangkumi bidang syariat dan akidah. Pengurusan berkaitan hal ehwal Islam turut diperkenalkan seperti pengurusan halal, wakaf, zakat dan falak. Selain itu, para peserta turut didedahkan dengan program *team building*, lawatan ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya, Darul Quran JAKIM dan badan-badan bukan kerajaan. Diharapkan dengan program ini akan dapat memberikan idea dan gambaran kepada peserta tentang pengurusan hal ehwal Islam bagi meningkatkan lagi potensi komuniti minoriti Muslim di negara mereka.

### Konvensyen Latihan Islam Peringkat Kebangsaan kali ke-4

Konvensyen ini telah diadakan pada 28 Julai 2016 di Dewan Datuk Mohd Shahir dan dirasmikan oleh YB Senator Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Manakala Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), Dato' Razali bin Haji Shahabudin telah menyampaikan ucap tama dalam program ini yang dihadiri oleh seramai 56 orang peserta.

### Kursus Pengurusan Islam

Kursus ini telah diadakan pada 5 hingga 6 September 2016 dan dihadiri oleh 19 orang peserta daripada pelbagai skim gred dan skim perkhidmatan. Modul kursus ini telah diberi nafas baharu dengan mewujudkan elemen *ice breaking* dan latihan dalam kumpulan yang bersesuaian dengan tajuk ceramah. Turut hadir menyampaikan ceramah ialah Fellow ILIM, YBhg Datuk Ismail Alias.



Kursus Pengurusan Islam

Gambar aktiviti Asia-Pacific Imams Professionalism Course



Konvensyen Latihan Islam



Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi

### Seminar al-Qur'an kali ke-8 Sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Qur'an Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

Bertemakan al-Qur'an: Imla' vs Uthmani, seminar yang dihadiri oleh 120 orang penjawat awam dari seluruh Malaysia ini telah diadakan pada 5 Mei 2016 bertempat di Auditorium al-Syafie, ILIM. Seminar tahunan kali ini diadakan untuk memberi kefahaman mengenai sejarah penulisan mashaf al-Qur'an di samping meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap kepentingan menguasai disiplin dan kandungan mashaf Agung tersebut sebagai panduan dalam kehidupan. Pensyarah Jabatan Tahfiz al-Qur'an dan Qiraat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Dr. Hayati binti Hussin dan Pengarah Pusat Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Khairul Anuar bin Mohamad al-Bakri menjadi panel undangan dalam seminar tersebut.



## PROGRAM SIJIL TINGGI ILM

### Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap I)

Dihadiri oleh 28 orang penjawat awam terpilih dari agensi agama dan lain-lain agensi, tahap 1 ini telah dilaksanakan pada 22 hingga 24 Mac 2016 dengan memfokuskan perkara-perkara asas dalam bidang falak seperti kosmologi Islam, kepentingan falak dalam kehidupan seharian serta lawatan sambil belajar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Slot pimpinan beberapa penceramah undangan dari Universiti Putra Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Johor seperti Profesor Madya Dr. Mat Rofa, Ustaz Shahril Azwan dan Tuan Haji Hanafiah telah berjaya menambah ilmu pengetahuan peserta mengenai ilmu kosmologi dan asas falak di samping memberi kesedaran serta menanam minat mereka terhadap bidang falak secara berterusan.



Peserta Sijil Tinggi Falak (Tahap I) sedang membuat praktikal cerapan matahari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

## Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap II)

Program tahap dua ini telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 Mei 2016 dengan mengundang penceramah dari Jabatan Agama Islam Johor, Tuan Haji Hanafiah bagi membincangkan ilmu berkaitan asas penentuan arah kiblat serta kaedah-kaedah yang diguna pakai bagi menentukan arah kiblat. Pada tahap ini, peserta mendapat pengetahuan asas-asas kiraan dan geografi serta kemahiran lapangan menentukan arah kiblat.



## Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap III)

Pada tahap ini ILM telah mengundang penceramah dari Universiti Teknologi Malaysia, Tuan Haji Mohamad Saupi Che Awang untuk membimbing peserta tentang asas penentuan waktu solat, cara hitungannya serta kaedah penyusunan taqwim. Program yang telah dilaksanakan pada 16 hingga 18 Ogos 2016 ini telah memberikan peserta pengetahuan serta kemahiran asas berkaitan penentuan waktu solat di Malaysia khususnya.



Bergambar kenangan bersama Tuan Haji Mohamad Saupi pada hari terakhir program

## Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap IV)

Program ini telah dilaksanakan pada 29 September hingga 2 Oktober 2016 bagi mempelajari cara pengoperasian, penyelenggaraan serta penjagaan peralatan falak seperti Teodolite dan Teleskop dengan mendapat pimpinan beberapa pegawai dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Dalam tahap ini juga peserta diberi peluang untuk membuat latihan amal di lapangan bertempat di Balai Cerap Teluk Kemang, Port Dickson selama dua hari satu malam bersempena cerapan anak bulan 1 Muharram 1438H bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Universiti Malaya. Peserta dapat mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari dari tahap satu hingga empat dan mengasah kemahiran

mengendalikan teleskop dan teodolite. Seramai 22 orang peserta telah berjaya menamatkan program sijil ini dan telah diberi penganugerahan Sijil Tinggi ILIM oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam Majlis Apresiasi ILIM 2016 pada 14 Disember 2016 yang lalu.



## MAJLIS APRESIASI INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA 2016

Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) terus mengekalkan tradisi kecemerlangan dan memartabatkan ilmu berlandaskan kefahaman Islam yang benar dan telus sejak awal penubuhannya. Sejak ditubuhkan pada tahun 1997, ILIM telah berjaya melatih kira-kira seramai 87,200 orang yang terdiri daripada penjawat awam seluruh negara. Justeru itu, pada tanggal 14 Disember 2016, telah diadakan Majlis Apresiasi ILIM bagi meraikan para penerima sijil tinggi (kursus bersiri jangka sederhana, tiga hingga lima minggu) dan Sijil Pengurusan Islam (kursus wajib bagi Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S29 selama dua bulan) anjuran institut ini sepanjang tahun 2016.

Pada tahun ini, seramai 109 peserta kursus-kursus sijil tinggi dan 65 orang peserta Sijil Pengurusan Islam anjuran ILIM telah menerima sijil bagi mengiktiraf keilmuan dan pengorbanan mereka mendalami ilmu dan berkongsi pengalaman dalam sesi pembelajaran di ILIM. Antara kursus sijil tinggi yang ditawarkan ialah Sijil Tinggi Profesionalisme Imam, Sijil Tinggi Bahasa Arab, Sijil Tinggi Pengurusan Sains Dakwah, Sijil Tinggi Falak dan Sijil Kaunseling Syarie.



Sesi penyampaian sijil kepada para peserta sijil tinggi ILIM

Upacara perasmian Majlis Apresiasi ILIM telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di JPM, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Sementara itu, ucapan alu-aluan Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM, Tuan Haji Paimuzi bin Yahya. Sempena majlis ini juga, pihak ILIM telah memberi penghargaan kepada para penceramah dan fasilitator serta mengiktiraf agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta agensi swasta yang telah bersama ILIM dalam penganjuran program latihan melalui pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).





YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan ucapan perasmian MAI 2016

## PENCAPAIAN INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA ILIM 2016

### Laporan Kursus ILIM Mengikut Training Information System (i-TIS)

Pada tahun 2015, ILIM dan ILTIM telah membuat *review* terhadap pelaksanaan program-program latihan ILIM dan ILTIM. Hasil daripada itu, beberapa tindakan penambahbaikan telah dibuat iaitu antaranya; menambah baik kandungan program agar menyeluruh dan sejajar dengan isu-isu semasa, *rebranding* nama kursus, mengenal pasti sasaran yang bersesuaian dan beberapa penambahbaikan lain supaya program-program yang ditawarkan di ILIM dan ILTIM setanding atau lebih baik daripada pusat-pusat latihan lain.

Perancangan dan pelaksanaan program-program di ILIM dan ILTIM dibuat adalah berpandukan kepada Pelan Strategik, JAKIM 2015 – 2019. Bersesuaian dengan misi beriltizam membangun kompetensi dan kepakaran berteraskan Islam, ILIM dan ILTIM sentiasa konsisten melaksanakan latihan yang seimbang dan bersepadu secara sistematik, cekap dan berkesan. Program latihan di ILIM dan ILTIM dibangunkan dengan memberi penekanan dalam segenap aspek pengurusan terutama dalam pembangunan fizikal dan spiritual.

Pada tahun 2016, ILIM telah melaksanakan sebanyak 105 program dengan jumlah kehadiran peserta seramai 3832 orang. ILIM juga telah melaksanakan sebanyak 122 program di peringkat dalaman yang melibatkan semua kakitangannya.

Terdapat dua kategori kursus yang dilaksanakan di ILIM iaitu Kursus Jangka Pendek dan Kursus Jangka Sederhana. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 91 Kursus Jangka Pendek dan 14 Kursus Jangka Sederhana telah berjaya dilaksanakan. Sebanyak empat jenis sijil tinggi telah ditawarkan iaitu Sijil Tinggi Profesionalisme Imam, Sijil Tinggi Falak Syarie, Sijil Tinggi Bahasa Arab dan Sijil Tinggi Muamalat. Hasil pelaksanaan kursus sijil tinggi ini seramai 95 orang peserta telah layak dianugerahkan sijil tinggi. Perincian mengenai sijil tinggi ini adalah seperti berikut:

### Empat Program Sijil Tinggi Tahun 2016


PUSAT	NAMA PROGRAM	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PESERTA	LAYAK TERIMA SIJIL
PPSD	Sijil Tinggi Profesionalisme Imam (Tahap I)	25-29 Jan	50	37
	Sijil Tinggi Profesionalisme Imam (Tahap II)	07-11 Mac	40	
	Sijil Tinggi Profesionalisme Imam (Tahap III)	23-26 Mei	35	
	Sijil Tinggi Profesionalisme Imam (Tahap IV dan V)	25-28 Jul	41	
PQIT	Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap I)	22-24 Mac	28	23
	Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap II)	10-12 Mei	29	
	Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap III)	16-18 Ogos 2016	28	
	Sijil Tinggi Falak Syarie (Tahap IV)	29 Sept - 2 Okt	27	
PB	Sijil Tinggi Bahasa Arab Marhalah 1	05-07 April	20	8
	Sijil Tinggi Bahasa Arab Marhalah 2	24-26 Mei	13	
	Sijil Tinggi Bahasa Arab Marhalah 3	8-11 Ogos 2016	8	
PEKI	Sijil Tinggi Muamalat (Tahap I)	07-11 Mac	33	27
	Sijil Tinggi Muamalat (Tahap II)	9-12 Mei	26	
	Sijil Tinggi Muamalat (Tahap III)	8-12 Ogos	29	
	JUMLAH (14)		407	95

Berikut merupakan carta pelaksanaan program mengikut pusat:

PUSAT	JUMLAH PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Pusat Pengajian Sains Dakwah	17	1041
Pusat Pembangunan Keluarga Islam	17	617
Pusat Ekonomi Kewangan Islam	14	682
Pusat al-Qur'an dan Ilmu Teras	14	401
Pusat Pengurusan dan Undang-undang Islam	12	356
Pusat Bahasa	10	321
Pusat Teknologi Maklumat	9	105
LATIHAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN KAKITANGAN ILIM (KELAS OH MY ENGLISH)	12	240
JUMLAH	105	3832

Berdasarkan laporan I-TIS, program-program latihan yang ditawarkan oleh ILIM mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Fakta ini berdasarkan kehadiran peserta kursus daripada agensi lain (selain perkhidmatan hal

ehwal Islam) iaitu sebanyak 56% pada tahun 2016. Perbandingan secara terperinci adalah seperti di Carta 1.



Carta 1: Kehadiran peserta mengikut agensi


### Pengurusan Kursus

Dalam menganalisis penilaian dalam pengurusan kursus, ILIM telah menggariskan lapan aspek utama yang perlu diberi perhatian iaitu:

1. Peruntukan masa kursus
2. Penyediaan makanan
3. Penginapan
4. Bahan-bahan nota

5. Kelengkapan bilik kuliah
6. Perkhidmatan Perpustakaan
7. Makmal Komputer
8. Kecekapan urus setia

Kebanyakan peserta kursus berpuas hati dengan lapan aspek yang dinilai. Peratusan sangat setuju antara 71% - 81%. Manakala peratus tidak setuju antara 1% - 7%. Perisian analisis mengikut peratus pelaksanaan program latihan ILIM 2016 seperti di Carta 2.



**Carta 2: Penilaian pengurusan kursus**

Berikut merupakan laporan perincian program-program yang telah dilaksanakan oleh ILIM mengikut pusat:

(Rujuk fail mengikut pusat-pusat pengajian di ILIM)

### Program Latihan Tenaga Pengajar ILIM

Sejak tahun 2009 ILIM telah mendapat peruntukan Institut Latihan Awam (ILA) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tenaga pengajar di ILIM.

Sepanjang tahun 2016, ILIM telah berjaya melaksanakan sebanyak 18 program latihan dalam dan satu program luar negara untuk tenaga pengajar ILIM dan ILTIM. Keseluruhan kursus ini telah dianjurkan dan dilaksanakan oleh ILIM dengan kerjasama syarikat perunding latihan yang dipilih. Program latihan untuk tenaga pengajar ILIM meliputi pelbagai bidang yang berkaitan bagi memantapkan tahap profesionalisme jurulatih ILIM. Maklumat lanjut adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Program dalam negara**

BIL	NAMA KURSUS	TEMPOH KURSUS	JUMLAH PESERTA
1.	Training Road Map Workshop	5-6/5/2016	50
2.	Latihan Modul PO L ILIM: Teknik Penyampaian	16 & 23-25/5/2016	50
3.	Seminar Pembangunan Diri Melonjak Pencapaian Organisasi	24/6/2016	90
4.	Train The Trainer Program	1-4/08/2016	30
5.	Kursus Meneraju Jurulatih Berprestasi Tinggi	10-12/8/2016	35
6.	Kursus Kemahiran Pra Asas Mediasi Jurulatih ILIM	22-24/8/2016	30
7.	Kursus Asas Neuro Linguistic Programme (NLP)	5-7/9/2016	25
8.	How to Develop Effective Competency Based Training Module Workshop	19-22/9/2016	27
9.	Kursus Membina Jurulatih Kreatif & Inovatif	28-30/9/2016	45
10.	Bengkel Penyelidikan Jurulatih (Siri 2): Kajian Pra & Pasca	28/9/2016	15
11.	Kursus Persediaan ke Jepun	6-7/10/2016	4
12.	Kursus Profesionalisme Kejurulatihan ILIM, Timur	5-7/10/2016	30
13.	Kursus Penyelidikan: Asas Kuantitatif Jurulatih ILIM	10/10/2016	15
14.	Training Of Trainer (TOT) Isu-isu Aqidah Bagi Jurulatih ILIM	1-3/11/2016	25
15.	Transformasi Hati & Kecemerlangan Diri	2-3/11/2016	50
16.	Grooming Your Stailista Islamic Imej Course	15/11/2016	30
17.	Kursus Kepemimpinan Transformatif Alaf 21	6-7/12/2016	25
18.	Kursus Pengurusan Stress & Konflik	8/12/2016	32

## Train The Trainer Program

Train The Trainer Program telah diadakan pada 1 hingga 4 Ogos 2016 di ILIM, Bangi Selangor. Program ini telah dikendalikan oleh syarikat perunding latihan yang kompeten dan berkaliber sehingga menarik minat 30 orang jurulatih ILIM dan ILTIM. Bermatlamatkan *Long Life Learning*, program ini telah berjaya memberi kefahaman dan kesedaran tentang teknik-teknik penyampaian yang berkesan sebagai penceramah atau fasilitator ILIM.



Tuan Mohd Nasir bin Mustafa, dari Perfect Nine Consultant semasa sesi ceramah dan latihan



Jurulatih Zest Training & Consultancy sedang memberi latihan kepada Jurulatih ILIM



## Kursus Meneraju Jurulatih Berprestasi Tinggi

Pada 10 hingga 12 Ogos 2016, lebih 40 jurulatih ILIM telah mengikuti Kursus Meneraju Jurulatih Berprestasi Tinggi yang dikendalikan oleh Zest Training & Consultancy. Hasil daripada kursus tersebut telah berjaya memberi kefahaman dan kesedaran tentang keterlibatan dan komitmen jurulatih ILIM dan ILTIM untuk mendorong diri menjadi menjadi 'orang baru' yang sanggup menerima perubahan, berfikiran positif, berpandangan jauh dan dinamik ke arah membina budaya kerja berpasukan. Peserta juga telah memahami pentingnya kestabilan organisasi bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan dalam usaha membangunkan modul insan melalui latihan yang telah direncanakan.



Senaman regangan dan aktiviti membina menara kecemerlangan ILIM

## Kursus Kemahiran Pra Asas Mediasi Jurulatih ILIM

Kepelbagaian ilmu alat amat penting dalam proses peningkatan kompetensi jurulatih ILIM. Menyedari hakikat tersebut, Unit Pembangunan Latihan dan Penerbitan (UPLP) ILIM telah mengadakan Kursus Kemahiran Pra Asas Mediasi Jurulatih Ilim yang berlangsung pada 22 hingga 24 Ogos 2016/19 hingga 21 Zulqaidah 1437 bertempat di Hotel Empres Sepang Selangor dikelolakan oleh Persatuan Peguam-peguam Muslim Malaysia. Kursus selama tiga hari ini berobjektifkan:

- Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada jurulatih ILIM/ILTIM mengenai asas mediasi;
- Melatih jurulatih ILIM/ILTIM menjadi pembimbing (mediator) untuk merangsang kata sepakat dalam penyelesaian konflik; dan
- Mewujudkan jurulatih yang terlatih dalam proses mediasi dan menjadi mediator yang cekap.



Sesi simulasi peserta dalam Kursus Kemahiran Pra Asas Mediasi



**KURSUS KEMAHIRAN PRA ASAS MEDIASI JURULATIH ILIM  
22 -24 OGOS 2016 / 19 – 21 ZULQA'IDAH 1437  
HOTEL EMPRES SEPANG SELANGOR**

## Kursus Asas Neuro Linguistic Programme (NLP)



**NLP SENJATA PUKAU**  
Cetus Impak Dunia Dakwah.

**Penulis : Nur Fazatul Syahidah Zakaria**  
syahidah@fineacademy.com.my

**Featitator : Aiffan Ali Raman**  
aiffan@finegroup.com.my

**Peneka Grafik : Fariha Saimee Subasree**  
fariha@finegroup.com.my

**BANGI, 7 SEPTEMBER** – "Pendekatan perlu berbeza, sebab anda akan berkomunikasi dengan pelbagai latar generasi iaitu generasi X, Y dan Z". Begitu pesan Tuan Fauzul Na'im Ishak, seorang Master Coach Neuro Linguistic Programming (NLP).

Beliau berkata sedemikian di Kursus Asas NLP yang diadakan di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di sini, baru-baru ini.

Semasa kira-kira 20 orang kakitangan agensi tersebut berpeluang untuk mempelajari metod efektif dalam mengikat perhatian audiens masing-masing.

Kegiatan yang terdiri daripada pendakwah menguasai teknik mengenal individu melalui pergerakan mata dan tutur kata.

Kursus tersebut diadakan selama 3 hari bermula 5 September dan telah meninggalkan impak tersendiri dalam kalangan peserta hanya dengan aktiviti ringkas dan konsep kompleks yang dipermudahkan.

Pembekal latihan korporat, FINE Training Academy Sdn Bhd dibantu agensi dalam membantu ILIM mencapai objektif yang diarahkan.

**NLP merupakan ruang kenal potensi kumpulan sasar untuk berdakwah.**  
– Fauzul Na'im Ishak

"NLP membuatkan saya ingin berubah dalam melayari anak-anak dan hal ini sangat menyentuh hati dan perasaan saya", kongsi Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Puan Nairi Amal Che Alias.

Tambah beliau, banyak pengisian dan informasi yang diterima melalui penyampaian penceramah yang penuh dinamik.

NLP merupakan satu kaedah untuk memahami bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi.

Antara komponen NLP ialah penglihatan, pendengaran dan perasaan yang berdirian visual, auditori dan kinestetik masing-masingnya.



**FINE ACADEMY**  
FOCUS • INSIGHT • GROW • CHANGE

WWW.FACEBOOK.COM/FINEACADEMY      WWW.FINEACADEMY.COM      WWW.BRAINSIAN.COM

## Kursus Transformasi Hati & Kecemerlangan Diri

Kursus Transformasi Hati & Kecemerlangan Diri yang telah diadakan pada 2-3/11/2016 telah dihadiri oleh 50 orang peserta dari kumpulan sokongan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Penglibatan peserta dalam kursus ini

menampakkan semangat juang yang tinggi dalam usaha merangka agenda transformasi diri dan mengenal pasti wawasan baru yang lebih hebat dan mengembangkan keyakinan diri untuk menerobos limitasi dalam kehidupan yang menghalang kecemerlangan diri untuk mengatasi segala halangan hidup dengan lebih tabah.



## Grooming Your Stailista Islamic Image Course

Penampilan yang kemas, gaya dan cantik merupakan elemen yang penting kepada seseorang penceramah dan jurulatih. "Betulkan yang biasa dan biasa yang betul" berkuasa menarik *mood* dan mengupayakan suasana yang ceria dan harmoni kepada peserta. Menyedari keperluan ini, Grooming Your Stailista Islamic Image Course yang diadakan pada 15 November 2016/15 Safar 1438H. Di Bilik Ibnu Khaldun, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi telah berupaya melahirkan jurulatih ILIM yang bergaya dan berketrampilan kemas dan cantik serta mengamalkan tatacara yang betul apabila berhadapan dengan peserta.



## Kursus Pengurusan Stress & Konflik

Pada 8 Disember 2016, ILIM telah menganjurkan kursus Pengurusan Stress & Konflik yang telah dihadiri oleh 32 peserta dari semua pusat latihan di ILIM. Kursus ini telah memberi *input* dan *outcome* yang membina dalam membina pemantapan pengurusan sendiri melalui pengurusan masa yang berkesan kepada para jurulatih ILIM. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kemahiran peserta dalam mengesan, mengawal dan mengatasi tekanan dalaman diri serta memantapkan tahap kesihatan diri demi melahirkan keadaan kondusif di tempat kerja.



## Kursus Institut Latihan Awam Luar Negara

Pada 9 hingga 14 Oktober 2016 seramai empat orang jurulatih kumpulan Pengurusan & Profesional, Gred S44 dari Pusat Latihan Islam di bawah JAKIM telah menghadiri kursus "Management And Leadership Competency Programme" di Osaka, Kyoto dan Kobe, Jepun. Mereka ialah:

1. En Saiful Mukharrom bin Mohd Tahrir  
Pusat Latihan Islam Kundasang, Sabah;
2. En Majdi bin Mohd Nor (S44)  
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM, Bangi)
3. Datin Jamilah binti Mohd Zain (S44)  
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM, Cawangan Timur); dan
4. Puan Shamrifah binti Dahalan (S44)  
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM, Bangi)

Program ini diadakan dengan kerjasama antara ILIM dan JTB Corporate Sales INC. Tokyo. Antara objektif pelaksanaan kursus ini ialah:

1. Meningkatkan kualiti profesionalisme dari segi *Spiritual quotient*, *Intellectual quotient*, *Emotional quotient* dan *Physical quotient* setiap peserta mampu menjadi superleader dan jurulatih yang ampuh dengan cabaran;
2. Mengetahui dan mereka cipta teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan bersesuaian yang diamalkan oleh bangsa Jepun dan diasimilasikan dalam konteks Pusat Latihan Islam;
3. Menjana idea untuk mempelbagaikan aktiviti dakwah dan latihan kepimpinan dalam masyarakat majmuk di Malaysia;

4. Memahami secara asas kerangka *conceptual framework* kepimpinan; dan
5. Membina kesedaran diri betapa pentingnya peranan seorang jurulatih Islami dalam memberi kefahaman total tentang Islam kepada masyarakat.



Peserta kursus sedang menekuni ilmu yang telah diberi oleh Zulfahmi Sensei dari Malaysia Japan Higher Education (MJHEP) semasa Kursus Persediaan ke Jepun

Peserta kursus telah menghadiri Kursus Persediaan ke Jepun yang telah diadakan pada 6 hingga 7/10/2016. Kursus ini telah diambil manfaat oleh empat orang pegawai yang akan mengikuti 'Management And Leadership Competency Programme.' Peserta kursus telah diberi pendedahan awal tentang selok-belok budaya dan kehidupan masyarakat Jepun.

Kursus ini memberikan kesan yang amat signifikan kepada para peserta dan memberikan suatu pengalaman yang baharu dalam mengenali, memahami, menghayati dan membina sifat serta sikap sebagai seorang pemimpin dan jurulatih pusat latihan Islam yang profesional menerusi pelbagai aspek.



Masjid Osaka



Masjid Kyoto



Membaca dalam keretapi



Menghormati ketua adalah sikap dan budaya yang diamalkan di Jepun




## Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM)

Sepanjang tahun 2016, ILTIM telah berjaya melaksanakan sebanyak **75 kursus** dengan penyertaan seramai **4229 peserta**. Pelaksanaan kursus ILTIM mengikut pusat/unit pada tahun 2016 sebagaimana di lampiran A. Manakala maklumat jumlah kursus dan peserta serta peratusan kehadiran peserta bagi pelaksanaan kursus setiap pusat sebagaimana berikut:

1. Jumlah kursus dan peserta yang hadir mengikut pusat:

BIL	KLUSTER	KURSUS	PESERTA
1.	KPITM	25	1167
2.	KSDP	24	1547
3.	KPI	24	1460
4.	KPPLP	2	55
	Jumlah Keseluruhan	75	4229

2. Carta pai peratusan jumlah kehadiran peserta kursus bagi setiap pusat (kluster):



Carta pai peratusan kehadiran peserta

## Perasmian EKSA ILTIM 2016

Pada April 2016, Majlis Pelancaran EKSA ILTIM 2016 disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Otman bin Mustapha dan turut hadir bersama Pengarah Bahagian Pembangunan Insan (BKI), JAKIM YBrs Hajah Zawanah Muhammad.

Majlis ini telah dihadiri semua pegawai dan kakitangan ILTIM dan satu sesi penerangan ringkas pelaksanaan Eksa ILTIM oleh pemangku pengarah, Ustaz Norawi Endut kepada YBhg Dato' dan semua hadirin.

Pelaksanaan amalan EKSA ini bagi meningkatkan lagi kualiti pusat latihan dan memberi keselesaan serta kondusif kepada pelanggan ILTIM.



## Program Syarahan Perdana dan Ihya' Ramadhan 2016

Program syarahan dan ihya' Ramadhan 1437H/2016M dapat dilaksanakan sebanyak 12 kali dan mendapat sambutan yang cukup memberangsangkan. Banyak maklumat dapat dikongsikan di antara penceramah-penceramah jemputan dengan peserta yang hadir.

Program berkenaan juga dapat merungkai persoalan-persoalan yang timbul dalam kalangan peserta mengikut kreativiti penceramah-penceramah jemputan ILTIM.

### Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan (TKP-PI) JAKIM ke ILTIM

Pada 5 Disember 2016, TKPPI JAKIM telah mengadakan lawatan dan temu mesra bersama warga ILTIM, Besut. Pertemuan ringkas itu telah membenihkan kemesraan dan dapat menyelesaikan beberapa perkara berkaitan pengurusan ILTIM dan seterusnya membincangkan penyelarasan perjalanan **Majlis Perasmian Bangunan ILTIM oleh KDYMM Sultan Terengganu** yang akan diadakan pada **4 Mei 2017**. Beliau juga sempat menyampaikan beberapa amanat dalam melestarikan keunggulan ILTIM di wilayah timur.



### Program Syarahan Perdana

Pada 17 Oktober 2016 bersamaan 26 Muharram 1438H, ILTIM melalui Pusat Pengajian Sains Dakwah telah menganjurkan Syarahan Perdana bertajuk **“INDAHNYA HIDUP BERSAMA AL QURAN.”** Panel jemputan khas pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia, Al Fadhil Dr Lokman Ibrahim, yang juga panel program Tanyalah Ustaz TV9. Majlis diakhiri dengan bacaan doa dan penyampaian cenderahati daripada pemangku Pengarah ILTIM, Ustaz Norawi bin Endut.



Pada 14 Disember 2016 bersamaan 14 Rabiul Awwal 1438H, ILTIM melalui Pusat Pengurusan Islam telah menganjurkan Syarahan Perdana bertajuk “**UKHWAH**

**ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH.”** Panel jemputan khas Pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee bin Abdullah.



### Program Ihya' Ramadhan 1437H/2016M

Program Ihya Ramadhan Siri III Pada 30 Jun 2016 bersamaan 25 Ramadhan 1437H, ini merupakan siri akhir bagi program Ihya' Ramadhan 1437H. Tajuk yang dipilih “**IBRAH DAN PENGHAYATAN DARIPADA SURAH MARYAM.”**

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh penceramah jemputan Ustaz Mhd Mohib Khouli bin Nazem. Banyak huraian yang menarik dibentang daripada surah Maryam, antaranya sejarah pekhianatan bangsa Yahudi kepada agama Allah, doa anak soleh, pembetulan fakta sejarah Nabi Isa yang telah diselewengkan oleh Yahudi, kisah hijrah sahabat ke Habsyah dan lain-lain lagi.



BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PESERTA	PESERTA	PUSAT	CATATAN
<b>JANUARI</b>						
1.	KURSUS PEMANTAPAN AKIDAH	12-14 JAN	40	JAIN, MAIN, JAKIM & LAIN-LAIN	PPI	
2.	KURSUS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	19-21 JAN	39		PPSD	
3.	KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN KELUARGA	25-27 JAN	46		PBI	
4.	SYARAHAN PERDANA	28 JAN	173		PPSD	
<b>Jumlah Kehadiran Peserta:</b>			<b>298</b>			
<b>FEBRUARI</b>						
5.	KURSUS PANDUAN MEMBACA DOA DALAM MAJLIS RASMI DAN TIDAK RASMI	1-3 FEB	43		PPSD	
6.	KURSUS TOT TEAM BUILDING	15-17 FEB	25		UPPLP	
7.	KURSUS PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MASJID	16-18 FEB	30	JAIN, MAIN,	PPI	
8.	KURSUS EJAAN JAWI	23-25 FEB	47	JAKIM &	PPSD	
9.	KURSUS TAH SIN BACAAN AL-QUR'AN	21-23 FEB	25	LAIN-LAIN	PBI	
10.	KURSUS PENGURUSAN STRES	29 FEB – 2 MAC	30		PBI	
11.	KURSUS ASAS PROTOKOL & ETIKET SOSIAL	29 FEB – 2 MAC	30		PPI	
<b>Jumlah Kehadiran Peserta:</b>			<b>230</b>			
<b>MAC</b>						
12.	KURSUS KEMAHIRAN IMAM	8-10 MAC	28		PPI	
13.	KURSUS TEAM BUILDING	9-11 MAC	40	JAIN, MAIN,	PBI	
14.	KURSUS MICROSOFT OFFICE (EXCEL) 2010	21-23 MAC	19	JAKIM &	PPI	
15.	KURSUS KOMUNIKASI DAKWAH	22-24 MAC	25	LAIN-LAIN	PPSD	
16.	KURSUS PENGURUSAN IBADAH PESAKIT	28-30 MAC	32		PBI	
<b>Jumlah Kehadiran Peserta:</b>			<b>144</b>			
<b>APRIL</b>						
17.	SEMINAR ULUL ALBAB	3 APR	336		PBI	
18.	KURSUS BAHASA ARAB ASAS	4-6 APR	28		PPI	
19.	KURSUS PENGURUSAN TAHJIZ JENAZAH	5-7 APR	25	JAIN, MAIN,	PBI	
20.	KURSUS PERBANDINGAN AGAMA	12-14 APR	21	JAKIM &	PPI	
21.	KURSUS APLIKASI TERAPI SYAR'IE	18-20 APR	27	LAIN-LAIN	PBI	NBOSKMM
22.	KURSUS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	19-21 APR	33		PPSD	
<b>Jumlah Kehadiran Peserta:</b>			<b>470</b>			
<b>MEI</b>						
23.	KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN KELUARGA	2-3 MEI	25		PBI	
24.	KURSUS PENGURUSAN DAKWAH STRATEGIK	2-3 MEI	55		PPSD	
25.	KURSUS TEAM BUILDING	3-5 MEI	35		PBI	
26.	SEMINAR SAINS SOLAT	6 MEI	350		PPSD	NBOS PUSAT MINDA BESUT
27.	KURSUS APLIKASI TERAPI SYAR'IE	8-9 MEI	19	JAIN, MAIN,	PBI	
28.	KURSUS BAHASA INGGERIS	9-10 MEI	21	JAKIM &	PPI	
29.	KURSUS KEPIMPINAN DAKWAH	16-17 MEI	32	LAIN-LAIN	PPSD	
30.	KURSUS FARAIID ASAS	17-18 MEI	23		PPI	
31.	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN BERLANDASKAN ISLAM	23-24 MEI	23		PPI	
32.	KURSUS COACHING & MENTORING	23-25 MEI	25		PPSD	
33.	SEMINAR AMBANG RAMADHAN	30 MEI	158		PPI	
34.	KURSUS PENGURUSAN STRESS	30-31 MEI	40		PBI	
<b>Jumlah Kehadiran Peserta:</b>			<b>806</b>			



*Penyelarasan Pendidikan dan  
Pengurusan Masjid*

## Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kekal Relevan Sebagai Badan Penyelaras Tertinggi Pengurusan Dasar Hal Ehwal Islam di Malaysia

Setelah 48 tahun penubuhannya, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) terus menjadi platform tertinggi sebagai badan penyelaras pentadbiran agama Islam seluruh negara, dalam menyelaras atau menggalakkan persamaan perkara-perkara berkenaan dengan undang-undang, pentadbiran agama Islam dan pendidikan agama Islam.

Untuk kali ke-61, Mesyuarat MKI telah berlangsung pada 28 Jun 2016 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Dalam perutusannya, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak selaku pengerusi mesyuarat menekankan bahawa peranan MKI kekal relevan sebagai satu-satunya badan yang berwibawa dan berautoriti bagi menyelaras pengurusan dasar hal ehwal Islam di Malaysia.

YAB Pengerusi turut melahirkan rasa gembira dan sangat berpuas hati kerana usaha meningkatkan syiar Islam di Malaysia terlaksana dengan jayanya hasil kerjasama padu dan penuh muhibah antara Kerajaan Persekutuan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri, dengan perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai Ketua Agama di peringkat negeri. Beliau berharap semoga usaha ini dapat terus dipertingkatkan dalam memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan.

Antara perkara-perkara yang dibincangkan menerusi Mesyuarat MKI kali ke-61 dalam mencapai keselarasan dengan negeri-negeri ialah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Kedudukan dan Perjalanan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI dan Pindaan Akta Pencetakan Teks al-Qur'an 1986 [Akta 326]. Secara dasarnya, negeri-negeri menyambut baik terhadap cadangan penyelesaian yang dikemukakan demi kemaslahatan umat Islam di negara ini.

Mesyuarat dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), selaku Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, merangkap Setiausaha MKI, YAB Menteri-menteri Besar, Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri-negeri, Ahli-ahli dilantik, Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).



YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak bergambar bersama-sama ahli mesyuarat MKI kali ke-61



YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak ketika mempengerusikan Mesyuarat MKI kali ke-61

## Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pendidikan Agama Islam

Pada 22 November 2016, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi (*High Level Committee*) Pendidikan Agama Islam di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa Khas, Menara Parlimen, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid dan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, YB Dato' Seri Idris Jusoh. Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan para pegawai kanan JAKIM, KPT dan KPM.

Beberapa isu telah dibincang dan diputuskan berkaitan pendidikan agama Islam khususnya yang melibatkan para pelajar daripada sekolah agama di negeri-negeri dan penyelarasan akan dilakukan supaya masalah-masalah pendidikan agama Islam yang berbangkit dapat menemui jalan penyelesaiannya.



YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) menyambut ketibaan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi



Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi (*High Level Committee*) Pendidikan Agama Islam di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa Khas, Menara Parlimen, Kuala Lumpur

## Kejohanan Sukan Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) seluruh Malaysia telah mengadakan Kejohanan Sukan Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 di Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor. Tempat diadakan SAM Salak Tinggi, SAM BESTARI Subang Jaya, Dewan Bola Tampar MBSA dan Uptown Sport Bandar Baru Bangi. JAKIM merupakan tuan rumah pada penganjuran kali ini. Seramai 1,484 orang peserta yang mewakili negeri terlibat dalam program tersebut. Objektif penganjuran pertandingan ini diadakan adalah bagi meningkatkan pencapaian dan perkembangan pendidikan di SMAN dan SMAR berdasarkan keperluan masyarakat dan negara. Ia bertepatan dengan kehendak arus perdana pendidikan negara yang memerlukan pelajar yang cerdas dalam pelajaran dan cergas dalam bersukan.

Majlis Perasmian Pembukaan diadakan di Stadium Mini Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang pada 1 Jun 2016 (Rabu) jam 9.00 pagi. Majlis dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Turut hadir dalam

majlis tersebut ialah Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan JAKIM, Pengarah Bahagian Kemajuan Islam JAKIM, Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM dan Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Sebanyak 13 kontinjen dari 13 negeri telah diperkenalkan semasa majlis perasmian dengan mengibarkan bendera setiap negeri dan maskot kejohanan setiap negeri. Seramai 1,484 atlit terlibat dan bertanding dalam setiap acara yang dipertandingkan. Sebanyak 12 acara akan dipertandingkan sepanjang kesukanan berlangsung iaitu sepak takraw, ping pong kategori lelaki dan perempuan, badminton lelaki dan perempuan, bola tampar kategori lelaki dan perempuan, bola jaring, bola sepak. Kesemua peserta yang menyertai kejohanan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah agama negeri dan rakyat (SMAN, SMAR dan SABK) yang mewakili semua negeri seluruh Malaysia. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyumbangkan Piala Pusingan johan keseluruhan kejohanan tersebut iaitu "Piala Menteri di Jabatan Perdana Menteri" yang dimenangi oleh Kontinjen dari negeri Terengganu dengan lima emas.



Kontinjen melakukan lintas hormat sempena Majlis Perasmian Pembukaan Kejohanan Sukan Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

## Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan kali ke-11

Pada 15 dan 16 November 2016 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama JAKIM telah berjaya menganjurkan Wacana Pendidikan Islam ke-11 Tahun 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi. Majlis perasmian pada 15 November 2016 disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Majlis ini juga turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, dan Timbalan Naib Canselor Wakil Rasmi Naib Canselor UKM, Prof. Dato' Dr. Noor Aziah binti Mohd Awal. Sebanyak 130 kertas penyelidikan dan kajian telah dibentangkan dalam



pembentangan selari di lima bilik seminar oleh para penyelidik dan pensyarah universiti-universiti awam di Malaysia. Peserta wacana terdiri daripada 300 orang pensyarah, pelajar pascasiswazah, pegawai pendidikan JAIN dan tetamu jemputan khas dari JAKIM dan UKM.



Ucapan perasmian oleh YB Timbalan Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki sempena Majlis Perasmian Multaqa Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (tengah), YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha (kiri) dan Prof. Dato' Dr Noor Aziah binti Mohd Awal (kanan) dalam Majlis Perasmian Pembukaan Wacana Pendidikan Islam ke-11 Tahun 2016

### Multaqa Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan Multaqa Pengetua Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 pada 12 dan 13 Mac 2016 bertempat di Hotel Emaslink Pacific, Kota Bharu, Kelantan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki telah meluangkan masa menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Multaqa tersebut. Turut hadir dalam Multaqa ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Pengarah Bahagian Kemajuan Islam (BKI) JAKIM, Puan Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Pegawai-pegawai Jabatan/Majlis Agama Islam/ Yayasan Islam Negeri-negeri dan para peserta yang terdiri daripada pengetua-pengetua SMAN dan SMAR.

### Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) Tahun 2016

Lembaga Penasihat dan Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) adalah sebuah Lembaga yang ditubuhkan berdasarkan pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Majlis Raja-raja kali ke-126 yang diadakan pada 24 Februari 1983. Keputusan penubuhan LEPAI adalah berdasarkan kepada memorandum yang disediakan oleh Setiausaha Majlis Kemajuan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kepada Majlis Raja-raja.

Fungsi utama LEPAI yang telah ditetapkan oleh MRR ialah menyelaras pelajaran dan pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah agama negeri dan sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh Malaysia.

Keahlian LEPAI yang dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik oleh MRR dan exco-exco Agama dan Pendidikan Negeri-negeri serta wakil-wakil daripada Majlis Ugama Islam Negeri telah dilihat berupaya mengangkat isu-isu pendidikan agama Islam yang disuarakan oleh pihak Berkuasa Agama di negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan. LEPAI juga telah berjaya menyampaikan hasrat Kerajaan Persekutuan dalam menyelaras pelajaran dan kurikulum sekolah-sekolah agama kepada pihak Berkuasa Agama di negeri-negeri.

Peranan LEPAI dalam hal pendidikan agama Islam amat besar dan ini boleh dilihat melalui program-program yang diasaskan oleh LEPAI. Antaranya ialah program Kelas al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) yang dilaksana di negeri-negeri, pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Tahfiz (KBD dan KBT) di sekolah-sekolah agama negeri dan rakyat, serta menyelaras pelaksanaan Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri-negeri.

## Aktiviti Lepai Bagi Tahun 2016

LEPAI telah mengadakan beberapa aktiviti pada tahun 2016, iaitu:

1. Persidangan LEPAI kali ke-46 telah diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu; dan
2. Persidangan kali ke-47 pada 25 Oktober 2016 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi Selangor.

Kedua-dua persidangan ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli LEPAI yang dilantik oleh Raja/Sultan di negeri-negeri, ahli-ahli LEPAI yang dilantik oleh Majlis Raja-raja dan Ketua Pengarah JAKIM selaku Setiausaha LEPAI, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Hadir bersama dalam persidangan ini ialah Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM, YBhg. Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim. Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam negeri-negeri, Pengarah Yayasan Islam Terengganu, para pegawai kanan JAKIM dan wakil-wakil Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Yayasan Islam Kelantan.

## Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa di Bawah Lepai Bagi Tahun 2016

Selain daripada itu, terdapat tiga jawatankuasa di bawah LEPAI yang bertanggungjawab melaksana fungsi-fungsi LEPAI iaitu Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum, Jawatankuasa Buku Teks dan Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan.

### Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi LEPAI, YBhg Prof Dato' Paduka Dr. Haji Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid, mempunyai keahlian seramai 14 orang yang terdiri daripada para pegawai kanan daripada KPM, MARA, para pensyarah universiti dan JAKIM. Mesyuarat telah bersidang sebanyak sembilan kali bagi tahun 2016 dan antara perkara dan aktiviti yang diputuskan dalam mesyuarat ini ialah:

1. Kajian Semula Kurikulum Kelas al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA).
2. Menyedia Kurikulum Untuk Sekolah Tahfiz Persendirian.
3. Menubuhkan satu jawatankuasa khas Penyelarasan Institusi Pondok Malaysia.
4. Mengadakan Persidangan Meja Bulat Tahfiz dan Pondok.

### Jawatankuasa Buku Teks

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, yang juga merupakan Setiausaha LEPAI. Keahlian mesyuarat seramai lapan orang dan ahli mesyuarat terdiri daripada para pegawai kanan daripada KPM dan JAKIM dan sebanyak dua kali mesyuarat telah dilaksanakan bagi tahun 2016.

### Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan

Jawatankuasa seramai sembilan orang ini dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, YBhg Datin Hajah Nawal binti Salleh. Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada para pegawai kanan daripada KPM dan JAKIM. Sepanjang tahun 2016, sebanyak lima kali mesyuarat telah dilaksanakan.

Secara umumnya peranan LEPAI adalah untuk menyelaras pendidikan agama Islam di negeri-negeri supaya ia tidak ketinggalan jauh daripada pendidikan yang dilaksana di sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesemua mesyuarat sama ada mesyuarat-mesyuarat LEPAI mahupun mesyuarat jawatankuasa-jawatankuasa di bawah LEPAI adalah bertujuan untuk melaksana fungsi-fungsi LEPAI yang ditetapkan oleh MRR.



Persidangan LEPAI kali ke-47 pada 25 Oktober 2016 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi Selangor



YBhg Tan Sri Dato' Prof. Dr. Mohd Yusof Noor mempengerusikan Persidangan LEPAL kali ke-47 pada 25 Oktober 2016 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi Selangor

### Tadbir Urus Agensi Agama di Bawah Jabatan Perdana Menteri Akan Diperkemas

Pada 28 November 2016, telah berlangsung Persidangan Meja Bulat Tadbir Urus Agensi Agama di Bawah Jabatan Perdana Menteri bertempat di RnR Hotel, UNITEN, Kajang. Persidangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki itu dihadiri seramai 40 orang peserta terdiri daripada Ketua-ketua Agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta wakil, kumpulan-kumpulan pakar serta ahli *Task Force* Tadbir Urus Agensi Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tujuan persidangan diadakan adalah untuk membincangkan draf Garis Panduan Tadbir Urus Islam Agensi Agama di Bawah Jabatan Perdana Menteri yang sedang dibangunkan. Garis panduan ini dikatakan yang pertama seumpamanya di dunia akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pertengahan tahun 2017 nanti.

Usaha ini dilakukan selaras dengan tuntutan dan kehendak masyarakat untuk melihat agensi Kerajaan khususnya yang berkaitan pengurusan hal ehwal Islam mempunyai sistem tadbir urus terbaik. YAB Perdana Menteri telah mengarahkan supaya sebuah jawatankuasa khas diwujudkan yang dinamakan Jawatankuasa *Task Force* (Pasukan Khas) Tadbir Urus Agensi Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri.

*Task Force* ini bertujuan menjalankan kajian dan pembangunan Garis Panduan Tadbir Urus Islam yang akan disyorkan sebagai panduan kepada agensi-agensi agama khususnya di bawah Jabatan Perdana Menteri. *Task Force* ini berada di bawah seliaan dan pemantauan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Pengerusi *Task Force* ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki

dan turut dianggotai oleh beberapa orang pakar yang telah dikenal pasti serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta.



YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki sedang mempengerusikan persidangan pada 28 November 2016 di RhR Hotel UNITEN, Kajang

### Laporan Multaqa 2016

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama JAIN/MAIN telah mengadakan lima siri program Multaqa Imam, Guru Takmir dan Guru KAFA pada tahun 2016 sebagaimana berikut:

1. Wilayah Persekutuan pada 18 Februari 2016 bertempat di Dewan Muktamar Pusat Islam Kuala Lumpur.
2. Sarawak pada 8 Mac 2016 di Dewan Kompleks Islam Sibul.
3. Selangor pada 28 April 2016 di Dewan Jubli Perak Bangunan Sultan Abdul Aziz, Shah Alam Selangor.
4. Negeri Sembilan pada 29 Ogos 2016 di Pusat Dakwah Islam Paroi, manakala yang terakhir adalah di Perak pada 28 November 2017 di Hotel Seri Malaysia Ipoh.

Objektif program ini diadakan ialah:

- Pertama: Untuk memberi ruang kepada pihak Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM dan pihak kerajaan negeri yang melibatkan JAIN/MAIN untuk berkongsi hasrat dan amanat berkaitan isu-isu dalam negara dan isu-isu pendidikan, pengurusan dan pengimarah masjid.
- Kedua: Sebagai mengiktiraf sumbangan dan perkhidmatan imam, guru takmir dan guru KAFA dalam memartabat hal ehwal Islam dan membangunkan ummah di daerah dan negeri.
- Ketiga: Menyampaikan maklumat semasa kepada para peserta khususnya berkaitan hal-ehwal Islam dan isu-isu semasa yang berkaitan agama.



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj Ibnu Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj telah berkenan untuk merasmikan program Multaqa Pegawai Masjid, Guru Takmir dan Guru KAFA Peringkat Negeri Selangor

- Keempat: Untuk memberi penekanan kepada imam, guru takmir dan guru KAFA tentang peranan mereka dalam membantu pihak kerajaan dan memartabatkan umat Islam di negara ini.
- Kelima: Sebagai platform pertemuan *ulama'* dan *umara'* bagi membudayakan persefahaman pengurusan hal ehwal Islam.

Manakala pengisian program bagi setiap multaqa ialah dua slot ceramah, penyampaian anugerah tokoh serta penyampaian *mock cheque* peruntukan bantuan kepada setiap negeri. Program ini menghimpunkan seramai 2000 orang peserta bagi setiap negeri.



Penyampaian *Mock Check* Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B)



YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan dan YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) bergambar kenangan bersama-sama pemenang Anugerah Masjid Terbaik dan Anugerah Khas Imam

## Persidangan Imam Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Masjid Negara telah mengadakan Persidangan Imam Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 pada 28 hingga 29 November 2016 di Hotel The Everly, Putrajaya. Seramai 120 orang imam yang terdiri daripada Imam Besar Masjid Negeri dan Imam-imam Masjid Daerah seluruh Malaysia.

Persidangan ini dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Turut hadir dalam persidangan ini ialah Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, serta Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM. Dalam ucapan YB Menteri, beliau menegaskan bahawa pihak kerajaan sentiasa mengambil berat dalam memperjuangkan hak imam sebagai pemimpin masyarakat. Seterusnya menyeru agar para imam sentiasa komitmen dalam meneruskan tanggungjawab sebagai pemimpin dalam membantu kerajaan memperkasakan institusi masjid dan umat Islam di negara ini. Para imam juga diminta agar dapat menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat khususnya perkara-perkara yang berkaitan isu-isu semasa media baharu dan dasar-dasar kerajaan.



Sesi bergambar YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) bersama-sama peserta Persidangan Imam Peringkat Kebangsaan Tahun 2016

## Executive Talk Ketua Pengarah JAKIM Bersama Pegawai Bahagian Kemajuan Islam (BKI) di Negeri

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan *Executive Talk* Ketua Pengarah JAKIM Bersama Pegawai Bahagian Kemajuan Islam (BKI) pada 1 dan 2 November 2016 bersamaan 1 dan 2 Safar 1438H di Nouvelle Hotel Kuala Lumpur. Program ini melibatkan semua pegawai BKI di Negeri terdiri daripada Pegawai Penyelaras Takmir Negeri (PPTN), Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD), Penyelia KAFA dan Pembantu Takmir. Seramai 352 orang telah hadir meliputi 10 orang PPTN, 82

orang PPMD, 10 orang Pembantu Takmir dan 250 orang Penyelia KAFA.

Antara objektif majlis ini adalah menjadi platform kepada pengurusan tertinggi JAKIM untuk menyampaikan amanat dan nasihat kepada semua pegawai BKI di negeri tentang hal berkaitan pengurusan bagi melahirkan penjawat awam yang berkualiti dalam menggerakkan masyarakat ke arah mencapai matlamat yang seiring dengan nilai akhlak yang mulia. Selain itu, program ini juga adalah merupakan satu saluran bagi membolehkan para peserta berjumpa sesama pegawai dan berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan dan mengeratkan silaturrahim.



Sebahagian peserta yang hadir dalam *Executive Talk* Ketua Pengarah JAKIM Bersama Pegawai Bahagian Kemajuan Islam (BKI) di Negeri



Sesi Khas Bersama Kepimpinan BKI: Pengarah Bahagian Kemajuan Islam, Puan Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff (dua, kanan), Puan Hajah Nor Hanim binti Abdul Halim (dua, kiri), Tuan Haji Mohd Ajib bin Ismail selaku moderator (kiri), dan Puan Siti Rahmaniah binti Bachok (kanan)



Sesi bergambar Ketua Pengarah JAKIM bersama-sama dengan peserta *Executive Talk* Ketua Pengarah JAKIM Bersama Pegawai Bahagian Kemajuan Islam (BKI) di Negeri

## Latihan Profesionalisme Penyelia dan Guru Kelas Al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA)

*'As teacher we must believe in change, we must know it is possible, or we wouldn't be teaching because education is a constant process of change. Every simple time you "teach" something to someone, it is ingested, something is done with it, and new human being emerges.'* (Leo Buscaglia)

Ungkapan di atas menggambarkan betapa pentingnya peranan guru sebagai penyampai ilmu dan kemahiran kepada murid selaras dengan objektif KAFA iaitu untuk memperkukuhkan asas pendidikan agama Islam bagi mencapai tahap yang tinggi dalam pendidikan dan pengetahuan agama Islam.

Justeru, melalui nota kerjasama strategik antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah ditandatangani pada 11 Mac 2014, pelaksanaan Latihan Profesionalisme Guru Kelas al-Qur'an dan Fardhu Ain (KAFA) – Kursus Guru Cemerlang telah dilaksanakan oleh Seksyen KAFA, Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM pada 18-20 Mac 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.

Seramai 120 orang guru KAFA dari zon tengah yang mewakili negeri Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor telah hadir. Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah daripada IPG, Kampus Pendidikan Islam Bangi.

Secara keseluruhannya, kursus ini memberikan impak positif kepada guru KAFA agar terus berusaha dalam mempertingkatkan kemahiran dan menambah ilmu dari semasa ke semasa agar dapat melahirkan murid KAFA yang cemerlang di dunia dan di akhirat.



Pensyarah dari IPG Bangi memberi penerangan kepada peserta

## Statistik Program KAFA Tahun 2016

**Jadual 1: Statistik Program KAFA bagi tahun 2016**

BIL	NEGERI	BILANGAN PREMIS KAFA	BILANGAN GURU KAFA			KUOTA GURU KAFA	BILANGAN PENYELIA KAFA JAKIM			KUOTA PENYELIA KAFA	BILANGAN MURID KAFA		
			L	P	J		L	P	J		L	P	J
1.	JOHOR	578	251	1,608	1,859	2,280	5	19	24	25	93,625	88,696	182,321
2.	KEDAH	447	348	2,607	2,955	2,772	10	23	33	32	40,315	40,639	80,954
3.	KELANTAN	416	965	4,387	5,352	5,262	11	16	27	33	54,929	52,553	107,482
4.	MELAKA	167	191	1,140	1,331	1,300	5	5	10	12	22,315	21,935	44,250
5.	N. SEMBILAN	292	371	1,420	1,791	1,680	2	15	17	20	23,811	22,914	46,725
6.	PAHANG	525	333	2,122	2,455	2,490	21	14	35	39	31,575	31,441	63,016
7.	PULAU PINANG	234	345	1,136	1,481	1,712	8	5	13	15	17,123	17,680	34,803
8.	PERAK	701	537	2,516	3,053	3,120	16	7	23	31	44,794	43,892	88,686
9.	PERLIS	82	123	442	565	550	5	3	8	9	5,723	5,652	11,375
10.	SELANGOR	292	506	2,023	2,529	2,700	8	22	30	32	46,631	44,654	91,285
11.	TERENGGANU	395	391	2,706	3,097	3,442	15	12	27	30	36,400	36,387	72,787
12.	SABAH	983	483	1,548	2,031	2,240	29	14	43	49	20,719	20,819	41,538
13.	SARAWAK	460	689	1,734	2,423	2,059	15	20	35	39	33,621	31,293	64,914
14.	WILAYAH PERSEKUTUAN	185	276	511	787	1,157	5	3	8	12	10,241	10,001	20,242
15.	IBU PEJABAT JAKIM PUTRAJAYA						2	3	5	5			
	JUMLAH	5,757	5,809	25,900	31,709	32,764	157	181	338	383	481,822	468,556	950,378

(Data berakhir pada 31 Disember 2016)

Sumber: Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI)

**Jadual 2: Statistik Masjid dan Surau seluruh Malaysia bagi tahun 2016**

KOD	NEGERI	KATEGORI MASJID							JUMLAH	KATEGORI SURAU		JUMLAH
		JAKIM	NEGERI	BANDAR	DAERAH	KARIAH	INSTITUSI	DIRAJA		SURAU JUMAAT	SURAU	
01	JOHOR	0	2	2	21	776	12	1	814	82	2,020	2,102
02	KEDAH	0	1	0	11	559	6	0	577	23	1,918	1,941
03	KELANTAN	0	1	7	9	573	0	0	590	0	1,011	1,011
04	MELAKA	0	1	3	3	181	2	0	190	11	741	752
05	N. SEMBILAN	0	1	0	12	276	1	0	290	15	1,070	1,085
06	PAHANG	0	1	0	29	560	15	0	605	16	1,792	1,808
07	PULAU PINANG	0	1	0	5	205	0	0	211	0	432	432
08	PERAK	0	3	2	12	582	3	1	603	62	1,846	1,908
09	PERLIS	0	1	0	3	98	3	0	105	3	176	179
10	SELANGOR	0	1	0	9	379	17	6	412	185	1,940	2,125
11	TERENGGANU	0	1	37	8	451	3	0	500	0	1,845	1,845
12	SABAH	0	1	1	18	984	11	0	1,015	103	923	1,026
13	SARAWAK	0	1	4	37	341	2	0	385	11	689	700
14	W.P. KUALA LUMPUR	1	1	0	1	61	4	0	68	91	372	463
15	W.P. LABUAN	0	1	0	0	14	0	0	15	15	29	44
16	W.P. PUTRAJAYA	2	0	0	0	0	0	0	2	12	60	72
	JUMLAH	3	18	56	178	6,040	79	8	6,382	629	16,864	17,493

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri  
Data sehingga Disember 2016

**Jadual 3: Statistik Kakitangan Masjid seluruh negeri tahun 2016**

KOD	NEGERI	KATEGORI					JUMLAH KAKITANGAN
		IMAM		JUMLAH IMAM	BILAL	NOJA	
		MENERIMA IMBUHAN JAKIM	TIADA IMBUHAN JAKIM				
01	JOHOR	1,619	410	2,029	529	658	3,216
02	KEDAH	1,161	130	1,291	144	975	2,410
03	KELANTAN	895	11	906	491	573	1,970
04	MELAKA	355	29	384	153	148	685
05	N. SEMBILAN	639	48	687	253	267	1,207
06	PAHANG	1,012	83	1,095	892	884	2,871
07	PULAU PINANG	414	32	446	337	391	1,174
08	PERAK	1,307	274	1,581	2,316	1,989	5,886
09	PERLIS	190	8	198	180	191	569
10	SELANGOR	732	165	897	723	723	2,343
11	TERENGGANU	869	205	1,074	1,042	-	2,116
12	SABAH	1,518	616	2,134	1,874	1,874	5,882
13	SARAWAK	649	117	766	61	59	886
14	WILAYAH	338	114	452	271	144	867
	JUMLAH	11,698	2,242	13,940	9,266	8,876	32,082

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri  
Data sehingga Disember 2016

**Jadual 4: Data Takmir dan Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) bagi tahun 2016**

NEGERI	KATEGORI					
	PEGAWAI TAKMIR	BILANGAN GURU TAKMIR (PENGISIAN)	BILANGAN KELAS TAKMIR	BIL PPMD (PENGISIAN)	KUOTA PPMD	KEKOSONGAN
JOHOR	-	600	4,800	10	10	-
KEDAH	-	400	3,200	12	12	-
KELANTAN	1	267	2,136	10	11	1
MELAKA	1	160	1,280	-	3	3
N. SEMBILAN	1	226	1,808	5	9	4
PAHANG	1	418	3,344	12	14	2
PULAU PINANG	1	188	1,504	6	6	-
PERAK	1	314	2,512	7	16	9
PERLIS	1	106	848	3	3	-
SELANGOR	1	125	1,000	9	9	-
TERENGGANU	1	240	1,920	4	7	3
SABAH	1	340	2,720	27	27	-
SARAWAK	1	298	2,384	29	36	7
WILAYAH	1	82	656	5	8	3
JUMLAH	12	3,764	30,112	139	171	32

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri  
Data sehingga Disember 2016

## JAKIM CAWANGAN SABAH

Pada tahun 2016, JAKIM Cawangan Sabah telah menjenamakan semula unit-unit yang terdapat di ibu pejabat JAKIM Cawangan Sabah, Kota Kinabalu kepada enam unit iaitu; Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit KAFA (Pengurusan), Unit KAFA (Latihan dan Pembangunan Insan), Unit Dakwah dan Perhubungan Korporat, Unit Perancangan Strategik, Inovasi dan Multimedia, dan Unit Penyelidikan dan Penerbitan.

Secara keseluruhan, melalui unit-unit di ibu pejabat, institut dan pusat latihan iaitu Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Pusat Latihan Dakwah Kudat (PLDK), Pusat Latihan Islam Kundasang (PLIK) dan Pusat Latihan Islam Lahad Datu (PLILD), sebanyak 314 program dan aktiviti sama ada berbentuk Sasaran Kerja Strategik (SKS) mahupun Sasaran Kerja Tahunan (SKT) telah berjaya dilaksanakan oleh JAKIM Cawangan Sabah dengan melibatkan jumlah peserta seramai 48,762 orang.

**Jadual 1: Aktiviti/Program di JAKIM Cawangan Sabah tahun 2016**

Aktiviti/Program	JAKIM Cawangan Sabah	IPDAS	Pusat Latihan Dakwah Kudat	Pusat Latihan Islam Kundasang	Pusat Latihan Islam Lahad Datu	Jumlah
Kursus	24			23	9	56
Seminar	7					7
Wacana	6	1	2			9
Bengkel	56	2	2	7	2	69
Kolokium/Konvensyen	5					5
Walkabout	1					1
Ziarah Mahabbah	8			1		9
Dakwah Bil Hal	28	3	3	1	2	37
Kelas Bimbingan	32					32
Kunjung Hormat	6					6
Majlis/Sambutan	51	1			1	53
Program Ihya' Ramadhan	24	1		2		27
Anugerah Inovasi JPM 2016	1					1
Konvokesyen			1			1
Program Ke Arah Pengiktirafan EKSA			1			1
Jumlah	249	8	9	3	14	314

## MAJLIS KONVOKESYEN PUSAT LATIHAN DAKWAH KUDAT KALI KE-20

Buat julung kalinya, Majlis Konvokesyen Pusat Latihan Dakwah Kudat kali ke-20 yang telah diadakan pada 19 November 2016 telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman. Dalam majlis yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, YAB Ketua Menteri menyatakan Kerajaan Negeri melalui Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) akan terus menyokong JAKIM dalam memartabatkan syiar Islam di bumi Sabah

yang tercinta ini. Justeru, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan pemberian elaun tambahan kepada para pelatih yang telah dilaksanakan pada tahun ini dan dibuat secara tetap mulai tahun 2017.

Kerajaan Negeri juga melalui perbincangan dan persetujuan bersama dari semasa ke semasa sentiasa mengalu-alukan inisiatif JAKIM pada masa hadapan melalui PLDK dalam menjayakan peluang pendidikan yang disediakan bagi melahirkan modal insan yang berilmu, berkualiti dan berkemahiran.





Simbolik perasmian Majlis Konvokesyen PLD Kudat kali ke-20



Ketua Menteri Sabah YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang



YAB Ketua Menteri Sabah menerima cendera kenangan daripada Ketua Pengarah

### Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) JAKIM Cawangan Sabah 2016

JAKIM Cawangan Sabah menetapkan tiga KPI untuk dicapai pada tahun 2016 iaitu pelaksanaan tiga siri Kolokium Kepimpinan Penjawat Awam Negeri Sabah, mewujudkan lima pejabat KAFA di daerah dan pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Pusat Latihan Dakwah Kudat oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pencapaian KPI JAKIM Cawangan Sabah adalah seperti berikut:

Jadual 2: Prestasi KPI JAKIM Cawangan Sabah

BIL.	Tajuk KPI	Sasaran Tahunan	Peratus Pencapaian	Uji	Create Bab	Doktor	Sert
1.	Mewujudkan Pejabat KAFA Di Daerah-daerah Negeri Sabah	4 buah pejabat (Daerah Kuala Penyu, Kota Belud, Sandakan & Kota Marudu)	84%				
2.	Kolokium Kepimpinan Penjawat Awam Negeri Sabah Tahun 2016.	3 siri kolokium	100%				
3.	Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Pusat Latihan Dakwah Kudat oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).	Pengiktirafan EKSA di PLDK diperolehi.	100%				

BIL	TAJUK KPI	SASARAN TAHUNAN	PERATUSAN PENCAPAIAN
1.	Mewujudkan Pejabat KAFA di Daerah-daerah Negeri Sabah.	Empat buah pejabat di daerah Kuala Penyu, Kota Belud, Sandakan dan Kota Marudu.	84%
2.	Kolokium Kepimpinan Penjawat Awam Negeri Sabah Tahun 2016.	Tiga siri kolokium	100%
3.	Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Pusat Latihan Dakwah Kudat oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).	Pengiktirafan EKSA di PLDK diperolehi.	100%

Gerak kerja bagi mewujudkan pejabat KAFA di daerah-daerah yang ditetapkan keseluruhannya berada pada tahap 84 peratus iaitu bagi daerah Kota Belud dan Kuala Penyu telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) melalui mesyuarat JRP pada 23 Jun 2016 di Pejabat SUP Sabah (92 peratus). Manakala bagi daerah Sandakan dan Kota Marudu JAKIM Cawangan Sabah sedang menunggu ulasan daripada enam agensi JRP iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Bomba, JPPH, Pejabat Keselamatan, MAMPU dan Kementerian Kewangan.

### Pengiktirafan EKSA kepada Pusat Latihan Dakwah Kudat oleh MAMPU

Audit pemarkahan EKSA telah dilaksanakan oleh MAMPU di PLD Kudat pada 19 dan 20 Oktober 2016. Melalui gerak kerja bersepadu dan usaha berterusan bermula awal tahun 2016 oleh warga kerja dan pelatih PLD Kudat, PLD Kudat telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam Kategori Baik oleh MAMPU pada 1 Oktober 2016. Tahniah diucapkan kepada semua warga PLD Kudat.



Audit EKSA sedang dilaksanakan oleh auditor EKSA dari MAMPU



Sijil Pengiktirafan EKSA PLD Kudat



Warga PLDK bersama Sijil Pengiktirafan EKSA

### Kolokium Kepimpinan Penjawat Awam Negeri Sabah 2016

Kolokium Penjawat Awam Negeri Sabah 2016 telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga siri iaitu pada bulan Ogos dan November 2016 di Pusat Latihan Islam Kundasang. Kolokium ini telah dihadiri seramai 88 pegawai kanan dari pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri di Sabah. Kolokium siri pertama telah dirasmikan pembukaannya oleh Setiausaha Persekutuan Sabah, YBhg Datuk Borhan bin Dolah.



Kolokium kali pertama dirasmikan oleh SUP Sabah YBhg Datuk Borhan Dolah



Kenangan bersama peserta kolokium

## National Blue Ocean Strategy (NBOS) Terus Diperkasa

JAKIM Cawangan Sabah memperkasakan agenda *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) melalui kerjasama strategik bersama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di negeri Sabah dalam setiap program yang dijalankan. Selain menjadi rakan strategik utama kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), JAKIM Cawangan Sabah juga memperluaskan jaringan kerjasama NBOS bersama agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, RELA Negeri Sabah, Biro Tatanegara Negeri Sabah (BTN), PDRM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM).

## Kursus Cinta Anak Watan

Antara lain, Pusat Latihan Islam Lahad Datu telah bekerjasama dengan BTN Negeri Sabah, MKN Negeri Sabah dan ESSCOM dalam melaksanakan Kursus Cinta Anak Watan Negara sebanyak tiga siri kepada 315 orang peserta terdiri daripada Ketua Anak Negeri, ketua kampung, Pengerusi JKKK dan Pengerusi Rukun Tetangga dari daerah Lahad Datu, Tawau dan Sandakan. Bertujuan untuk melahirkan insan yang benar-benar memahami peranan dan tanggungjawab mereka sebagai rakyat serta menjaga hubungan silaturahim tanpa mengira latar belakang, perbezaan ideologi politik, agama dan budaya.



Peserta Kursus Cinta Anak Watan di PLI Lahad Datu

## Bicara Agama dan Keselamatan

Agama sering digunakan oleh anasir-anasir penganas untuk memperluaskan pengaruh dan mengancam keselamatan umat sejagat. Menyedari pentingnya memberi kesedaran kepada ummah untuk mempertahankan agama daripada anasir jahat ini, Program Bicara Agama dan Keselamatan telah diadakan

oleh JHEAINS pada 19 April 2016 di Dewan Saadah Wisma MUIS. Manakala Wacana Transformasi Pemikiran Ummah: Ancaman Akidah dan Keselamatan telah dianjurkan oleh YADIM Zon Sabah pada 10 Mei 2016 bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Kedua-dua program turut melibatkan JAKIM Cawangan Sabah, PDRM serta pelbagai agensi sebagai rakan strategik NBOS. Secara keseluruhannya, kedua-dua program tersebut disertai sekitar 1,100 orang peserta.



Perasmian oleh Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Sabah YB Datuk Mohd Arifin bin Arif



Forum menerusi Wacana Transformasi Pemikiran Ummah Ancaman Akidah dan Keselamatan di DBP Sabah

## Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2016

Pada 15 Jun 2016, JAKIM Cawangan Sabah telah menyertai Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (AIJPM) 2016. Kumpulan SBEST yang juga merupakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JAKIM Sabah telah menyertai kategori bukan ICT melalui projek Nota Best BA. Projek Nota Best BA bagi membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPDAS pernah memenangi tempat kedua Konvensyen KIK JAKIM 2015 dan tempat kelima Konvensyen KIK Jabatan Perdana Menteri 2015.



Sesi pembentangan



Kumpulan SBEST bersama

### Seminar Media Baharu JAKIM Cawangan Sabah

Menyahut seruan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa supaya perkhidmatan awam memanfaatkan media baharu sebagai platform untuk melibatkan pihak berkepentingan terutama belia dan meningkatkan sistem penyampaian kerajaan, JAKIM Cawangan Sabah telah melaksanakan Seminar Media Baharu pada 8 Disember 2016. Seminar sehari ini dikendalikan oleh penceramah dari Pusat Komunikasi Strategik Islam (ICOMS). Seramai 30 orang dari JAKIM Cawangan Sabah dan Pusat Zakat Sabah menyertai seminar ini yang memberi pendedahan dan bimbingan kaedah mengoptimimumkan penggunaan media sosial sebagai platform menyebarkan maklumat dan menangkis fitnah secara pantas.



Perbincangan dan bimbingan daripada penceramah



Peserta seminar

### Liga Sukan Agensi Islam Sabah (LISAN 2016)

Liga Sukan Agensi Islam Sabah (LISAN 2016) telah berlangsung bermula 5 hingga 23 Oktober 2016. Pelbagai acara telah diadakan antaranya sukan badminton, futsal, bowling, bola jarring dan bola tampar. Acara pembukaan telah disempurnakan oleh Pengarah JAKIM Cawangan Sabah, Tuan Haji Mat Radzi bin Haji Mat Ali, manakala perasmian penutupan disempurnakan oleh Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, YB Datuk Mohd Arifin bin Arif. Dalam ucapan penutupan kejohanan yang berlangsung pada 23 Oktober 2016, YB Datuk Mohd Arifin bin Arif berharap supaya liga sukan yang bertujuan untuk mengeratkan ukhwah dan jalinan kerjasama antara agensi Islam di Sabah ini dapat diadakan pada setiap tahun. Pada tahun ini, JHEAINS menjadi juara keseluruhan, tempat kedua disandang oleh Pertubuhan Islam seluruh Sabah (USIA) manakala JAKIM Cawangan Sabah mendapat tempat ketiga dengan memperoleh satu emas dan dua perak.



Pembukaan LISAN 2016 oleh Pengarah JAKIM Cawangan Sabah, YBhg Tuan Haji Mat Radzi bin Haji Mat Ali



Peserta bersama Pengarah JAKIM Cawangan Sabah



YB Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah menyampaikan cenderahati kepada Pengarah JAKIM Cawangan Sabah

## MASJID NEGARA

### Program Interaktif al-Qur'an Bersama Imam Besar Masjid Negara

Lebih 1,500 orang peserta menyertai Program Interaktif al-Qur'an Bersama Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Dato' Syaikh Haji Ismail bin Haji Muhammad anjuran Masjid Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berlangsung selama tiga hari bermula 18 Oktober sehingga 20 Oktober 2016. Program Interaktif al-Qur'an ini telah diadakan di Masjid Daruhusni War Rahmah Kuching.

Pelaksanaan program ini adalah berkonsepkan jelajah atau turun padang dengan membawa kepakaran pegawai-pegawai sedia ada dari Masjid Negara ke masjid-masjid seluruh Malaysia dan sasaran peserta terdiri daripada pegawai-pegawai masjid sama ada imam, bilal dan noja.

Program Interaktif al-Qur'an ini merupakan satu program yang menjalinkan kerjasama dan perkongsian pintar di antara Masjid Negara dan masjid-masjid negeri seluruh negara dalam usaha mempersiapkan para imam dan pegawai masjid yang berkepakaran dan berketerampilan di peringkat nasional.

Objektif program adalah untuk memberi ruang kepada Masjid Negara berkongsi sedikit pengalaman dan kemahiran kepada masyarakat luar terutama para imam dan pegawai masjid untuk mempertingkatkan kualiti dan penguasaan bacaan al-Qur'an sesuai dengan kedudukan para imam yang dipandang tinggi di mata masyarakat.

Turut hadir bersama pada majlis berkenaan Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak Mufti Negeri Sarawak,

Tuan Haji Ismail Ustaz Haji Kipli Yasin, Pengarah JAKIM Sarawak, Tuan Haji Abdul Aziz Jusoh dan Imam Besar Negeri Sarawak, Dato Haji Jogi Suhaili.



Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud menerima kunjungan hormat daripada Imam Besar Masjid Negara, YBhg Tan Sri Dato Seri Syaikh Haji Ismail Muhammad di kediaman rasmi TYT sempena Program Interaktif al-Qur'an



YBhg Tan Sri Dato Seri Syaikh Haji Ismail Muhammad berinteraksi bersama Imam-imam seluruh Kuching di dalam program Interaktif al-Qur'an di Masjid Daruhusni War Rahmah Kuching

### Karnival Masjid Negara

Masjid Negara julung kalinya menganjurkan Karnival Masjid Negara yang bertemakan Iman, Cinta dan Takwa (ICT) pada 2 dan 3 September 2016 sempena bulan Kemerdekaan Malaysia yang ke-59 tahun. Tujuan karnival ini diadakan bagi memperluaskan fungsi masjid sebagai pusat aktiviti sosial ekonomi di mana ia dapat membantu usahawan-usahawan Islam untuk memasarkan produk mereka dan sekaligus mampu mengimarahkan masjid. Pelaksanaan aktiviti ini juga akan dapat menarik lebih banyak penglibatan masyarakat terutamanya belia dalam usaha menarik golongan ini mencintai masjid dan memurnikan pemikiran skeptikal sebahagian masyarakat terhadap masjid yang kebiasaannya hanya berfungsi sebagai tempat solat, kuliah dan ceramah agama sahaja.

Karnival kali ini telah mendapat kerjasama dari pihak 'Gadgets World' 666, Galeri Ilmu, Majalah Asuh serta Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dan agensi kerajaan yang lain.

Antara aktiviti yang dianjurkan adalah:

1. Qiamulail dan Solat Subuh Perdana yang dipimpin oleh Ustaz Ahmad Tirmizi Ali (Johan Tilawah al-Qur'an Peringkat Kebangsaan)
2. Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Datuk Dr. Haji Zahazan Mohamed
3. Fit Masjid Negara bersama Imam Besar Masjid Negara dan KBS
4. Kuliah Dhuha
5. Khatam Perdana
6. Aktiviti Kanak-kanak (mewarna, bercerita, kuiz)
6. *Treasure Hunt* Masjid Negara
7. Tahniq Perdana bersama Imam Besar Masjid Negara
8. Derma Darah

Pihak Masjid Negara turut menyediakan aktiviti jualan seperti *food truck* makanan dan buah-buahan dari FAMA, pameran kereta nasional, aktiviti memanah serta sebanyak 40 booth telah dibuka diruang legar Masjid Negara seperti jualan barangan gajet telefon, pakaian, buku-buku, makanan dan banyak lagi dengan harga tawaran yang menarik.



Antara aktiviti jualan yang menarik perhatian orang untuk mengunjungi Karnival Masjid Negara



Salah seorang pengunjung melakukan derma darah yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan



Kehadiran Tun Dr. Mahathir turut memeriahkan Karnival Masjid Negara



YBhg Tan Sri Dato Seri Syaikh Haji Ismail Muhammad sedang melakukan tahniq kepada bayi

## Daurah Kitab

Program Daurah Kitab siri 1/2016 hingga siri 3/2016 dilaksanakan pada 22 hingga 23 Februari 2016, 24 hingga 25 Mei 2016 dan 6 hingga 7 September 2016. Program ini dilaksanakan dengan kolaborasi bersama pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan, Badan-badan NGO, orang awam dan lain-lain pihak dengan Masjid Negara sebagai penganjur utama. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan peserta.

Program ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang isu-isu agama dan kehidupan seharian berpandukan kertas-kertas kerja dan rujukan kitab-kitab. Di samping itu juga, program ini dapat memberi kefahaman kepada peserta tentang isu-isu semasa Islam yang sebenar berpandukan al-Qur'an dan Hadith. Dengan adanya program seumpama ini, dapat meningkatkan motivasi peserta untuk meningkatkan amalan harian serta dapat mengimarahkan institusi Masjid dengan kehadiran peserta dari pelbagai Jabatan.

Majlis Perasmian dan Penutupan program ini disempurnakan oleh Imam Besar Masjid Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Syaikh Haji Ismail bin Muhammad. Semua peserta amat berpuas hati dengan kupasan tajuk yang telah disampaikan oleh penceramah.



Peserta Program Daurah Kitab sedang mendengar kupasan tajuk dari penceramah



Penceramah sedang menyampaikan ceramah kepada para peserta



Para peserta diberi taklimat oleh urus setia dalam salah satu aktiviti Kem Pemantapan Tahfiz al-Qur'an



Para peserta yang telah berjaya menamatkan aktiviti binaan monumen

## Kem Pemantapan Tahfiz al-Qur'an Masjid Negara

Pada 5 hingga 7 Disember 2016 seramai 80 orang peserta yang terdiri dari pelajar Kelas Tahfiz al-Qur'an Masjid Negara telah menghadiri Kem Pemantapan Tahfiz al-Qur'an Masjid Negara di Pusat Latihan Awam Kementerian Pertahanan (PLATIH) Bukit Fraser, Pahang.

Program ini merupakan sebuah program tahunan yang dianjurkan oleh Masjid Negara dengan kerjasama perunding latihan terpilih bagi membentuk sahsiah unggul di kalangan pelajar kelas tahfiz berkenaan. Beberapa objektif yang digariskan ialah:

1. Membentuk sahsiah unggul di kalangan Pelajar Kelas Tahfiz al-Qur'an Masjid Negara
2. Memberi pendedahan kepada pelajar mengenai ilmu-ilmu Islam selain bacaan al-Qur'an sebagai panduan hidup seharian
3. Memberi galakan dan motivasi pembelajaran secara berterusan.

Antara aspek latihan yang diberikan semasa program tersebut ialah berkaitan kepimpinan, kerjasama pasukan, komunikasi, kelasakan fizikal di samping pengisian rohani dan intelektual berteraskan sumber-sumber Islam, khususnya al-Qur'an dan as-Sunnah.

## MASJID PUTRA

Sepanjang tahun 2016, pelbagai aktiviti dan program dijalankan mengikut perancangan Sasaran Kerja Tahunan dan Indeks Prestasi Utama (KPI) Masjid Putra seterusnya mengimarahkan lagi masjid. Program dan aktiviti yang telah dirancang ini adalah menggunakan peruntukan belanja mengurus dan dana dari kelulusan Jawatankuasa Akaun Tabung Amanah Masjid Putra untuk dimanfaatkan dalam bentuk kemudahan pelancong atau pengunjung dan perlaksanaan program buat jemaah serta kariah masjid. Aktiviti adalah merangkumi kumpulan sasar golongan dewasa, suri rumah dan pelajar sekolah serta belia.



Kelas komputer sempena Cuti Persekolahan dimanfaatkan pelajar sekolah di sekitar Putrajaya



Kuliah Pengajian Umum yang diadakan setiap Ahad mendapat sambutan hangat dari kalangan jemaah



Kursus Sembelihan disampaikan penceramah bertauliah dari JAWI



Kelas Taekwondo mingguan setiap Sabtu mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelajar-pelajar sekolah sekitar Putrajaya

### Program Kerjasama Kementerian/Agensi Kerajaan/NGO

Pihak pengurusan Masjid Putra mengalu-alukan penganjuran program secara integrasi atau kerjasama bersama kementerian dan agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengimarahkan masjid. Di sepanjang tahun 2016 pelbagai agensi telah bekerjasama dengan pengurusan masjid dalam penganjuran program berbentuk keagamaan mahupun ilmiah secara perkongsian pintar (Smart Partnership).



YB Menteri di JPM mencuba peralatan cerapan gerhana bulan yang disediakan penganjur



Imam Besar Masjid Putra menyampaikan hadiah kepada pemenang acara sukaneka semasa Program Masyarakat Berjalan bersama masyarakat Orang Asli Kg. Bukit Baja, Dengkil, Selangor



YB Ahli Parlimen Putrajaya, Dato' Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bersama Tuan Haji Paimuzi bergambar bersama para pemenang Tilawah al-Qur'an Peringkat Zon Wilayah Persekutuan Putrajaya





Kaum ibu dan suri rumah juga tidak ketinggalan mengimarahkan masjid dengan aktiviti kelas jahitan anjuran masjid bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

### Program Ekpedisi Pelancong Non-Muslim ke Melaka

Masjid Putra dengan kerjasama sukarelawan Pemandu Pelancong Masjid ('Islamic Outreach' ABIM) serta 'Islamic Tourism Centre' (ITC) dengan sokongan penuh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah menjayakan Program Ekpedisi Pelancong Non-Muslim ke Negeri Melaka (Masjid Kampung Kling dan Masjid Cina Negeri Melaka) bagi mengenali lebih dekat tarikan pelancongan melalui institusi masjid. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pelancong non-Muslim (dalam dan luar negara), persatuan pemandu pelancong, sukarelawan IOA serta kakitangan Masjid Putra telah menyertai program ini menaiki bas sewa khas bermula jam 8.30 pagi sehingga 5 petang. Program mendapat sokongan penuh Imam Besar Masjid Putra, YBhg Datuk Haji Abd. Manaf Mat, dan Ketua Pengarah 'Islamic Tourism Centre' (ITC), YBrs Encik Zulkifli bin Said, yang turut menyertai rombongan pelancong dari awal hingga program selesai. Para peserta telah diberi taklimat ringkas oleh pengurusan kedua-dua masjid dan mendapat pujian dari kalangan peserta terutamanya non-muslim yang teruja dengan keunikan dan keindahan

masjid yang mempunyai ciri yang berbeza sebagai tarikan pelancong. Program ini merupakan pengalaman pertama buat kebanyakan peserta ekspedisi pelancongan.





“Bicara Usrati Jannati” & Majlis Pelancaran Portal PISWI Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara serta Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Perlakuan LGBT oleh YB Menteri di JPM



Program “Bicara Usrati Jannati” Majlis Pelancaran Portal PISWI (Pelan Tindakan Keluarga Sakinah Negara) & Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial Perlakuan LGBT



Program Berkhatan Beramai-ramai 2016 bersama Anak-anak Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya Anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan

## Kunjungan Dr. Zakir Naik ke Masjid Putra, Putrajaya

Masjid Putra telah menerima kunjungan ikon pendakwah antarabangsa terkenal, Dr. Zakir Naik pada 15 April 2016 dan turut menunaikan Solat Jumaat bersama hampir 10,000 orang jemaah. Turut kelihatan YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang juga bersolat Jumaat. Ketibaan Dr. Zakir Naik pada jam 1 tengah hari telah disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Insan), YBhg Dato’ Haji Razali bin Shahabudin, diiringi Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, YBhg Datuk Haji Abd. Manaf Mat, serta pegawai-pegawai kanan masjid.

Seperti dijangka, orang ramai dan jemaah begitu teruja dengan kehadiran pendakwah tersohor tersebut dengan mengambil peluang bersalam dan bergambar bersama beliau. Dr. Zakir Naik sempat meluangkan masa berbual bersama YB Menteri berserta pegawai kanan lain sebelum meninggalkan perkarangan masjid jam 2.45 petang.



Lawatan Dr. Zakir Naik ke Masjid Putra



Lawatan oleh Ahli-ahli Parllimen Negara Sweden ke Masjid Putra

### Program Nur Ramadhan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2016M/1437H

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Masjid Putra, Putrajaya telah menganjurkan Program Nur Ramadhan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2016M/1437H bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. Program telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dan Ahli

Parlimen Putrajaya, YB Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor pada 25 Jun 2016 (Sabtu) bermula jam 6.45 petang hingga 8.30 malam. Seramai lebih 5,000 orang tetamu dari pelbagai lapisan masyarakat telah hadir bagi memenuhi jemputan penganjur kali ini. YAB Perdana Menteri juga turut menyampaikan sumbangan bagi pihak Yayasan al-Bukhary dan Kementerian Wilayah kepada lebih 60 penerima serta pelbagai agensi termasuk Masjid Putra, Putrajaya.





Antara pelawat rasmi bagi lawatan penanda aras (Benchmarking) Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Masjid Putra



### Program Sehari Bersama Jemaah 2016

Program Sehari Bersama Jemaah merupakan acara tahunan Masjid Putra sejak tahun 2006 dan sambutan dari jemaah semakin meningkat saban tahun. Selain itu, penglibatan dan permintaan dari agensi yang mengadakan pameran amat menggalakkan adalah antara faktor utama mendorong program ini diteruskan secara tahunan. Masjid Putra, Putrajaya baru-baru ini telah menganjurkan Karnival Bersama Jemaah 2016 yang bermula pada 13 hingga 15 Mei 2016 (Jumaat hingga Ahad) bertempat di perkarangan Masjid Putra, Putrajaya. Pelbagai aktiviti dan pameran telah diadakan sepanjang karnival tersebut termasuk pameran dari pelbagai agensi dan jualan. Antara pameran yang menjadi tarikan utama karnival sepanjang tiga hari tersebut ialah dari Jabatan Bomba & Penyelamat, Bahagian Penerbitan KDN, PTPTN, PDRM, MAIWP, JAWI, Islamic Outreach ABIM, Urutan Elektromagnetik, Gajir Khat Kaligrafi, Bahagian Hab Halal & Penerbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Tabung Haji (TH). Kelab Taekwondo Masputra

menggamit perhatian dengan mengadakan sesi demo pertahanan diri sebaik semua acara pertandingan tamat. Program diceritakan lagi dengan lebih 40 cabutan nombor bertuah buat peserta pertandingan, pengunjung dan pelawat pada hari kemuncak karnival. Majlis perasmian dan penutup serta penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan Imam Besar Masjid Putra, Al-Fadhil Datuk Haji Abd. Manaf Mat.



Pertandingan mewarna bagi pelbagai kategori kanak-kanak mendapat sambutan luar biasa saban tahun



Peserta pertandingan menerima hadiah daripada Imam Besar Masjid Putra diiringi pegawai-pegawai kanan





Demonstrasi Masakan oleh Chef berpengalaman juga diadakan buat kaum ibu/suri rumah



Pengunjung tidak ketinggalan menyokong kempen derma darah yang diadakan di Masjid Putra dengan kerjasama Pusat Darah Negara



Gerai pameran Jabatan Penjara Malaysia menjadi tumpuan pelajar sekolah semasa program berlangsung



Kelab Taekwondo menggamit perhatian dengan mengadakan sesi demo pertahanan diri sebaik semua acara pertandingan tamat

## Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri 1438H/2016M

Sambutan Aidilfitri dan Aidiladha sewaktu solat sunat di Masjid Putra tidak lekang dengan jemaah yang memenuhi segenap ruang solat di Masjid Putra. Kebanyakan jemaah terdiri dari pelajar dan pelancong asing yang ingin merasai pengalaman menyambut perayaan di perantauan yang ternyata berbeza dari negara asal masing-masing. Pada 6 Julai 2016 (Rabu) bersamaan 1 Syawal 1437H, hampir 15,000 orang jemaah bertumpu ke Masjid Putra, Putrajaya bagi menunaikan solat sunat Aidilfitri berjemaah yang dipimpin Imam Besar Masjid Putra, YBhg Datuk Haji Abd. Manaf Mat. Sejumlah besar jemaah adalah dari luar negara yang bekerja dan menyambung pengajian di Malaysia. Turut mencuri tumpuan, kehadiran mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-4, Tun Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, yang bersama-sama jemaah lain bersolat. Terdapat juga jemaah yang beriktikaf, bersahur, bersolat Subuh dan seterusnya bersama-sama mendirikan solat sunat Aidilfitri berjemaah. Kaunter zakat fitrah yang dibuka dari subuh hingga jam 8 pagi menjadi tumpuan jemaah yang masih belum berpeluang sebelum ini sepanjang Ramadhan. Pihak pengurusan masjid telah bekerjasama baik dengan pihak PDRM dalam mengawasi keselamatan para jemaah yang hadir membanjiri segenap pelosok ruang Dewan Solat Utama termasuk ruang perkarangan masjid bermula dari pintu masuk utama. Khutbah Hari Raya Aidilfitri telah dibacakan Imam Besar dan berakhir pada jam 9.45 pagi.



Jemaah menunaikan zakat fitrah dan memenuhi ruang solat di Masjid Putra bersama rakan dan saudara serta keluarga bagi Solat Sunat Aidilfitri



Imam Besar Masjid Putra, YBhg Datuk Haji Abd. Manaf Mat memimpin takbir raya dan mengimamkan solat sunat Aidilfitri bersama ribuan jemaah yang hadir ke Masjid Putra



Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sentiasa mendapat perhatian dan disenangi jemaah yang hadir




Imam Besar Masjid Putra, YBhg Datuk Haji Abd. Manaf Mat menyampaikan khutbah sebaik selesai Solat Sunat Aidiladha

## Statistik Pelancong ke Masjid Putra, Putrajaya

### Laporan statistik pelancong dalam negara tahun 2016


BULAN	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	WILAYAH PERSEKUTUAN	JUMLAH
JAN	306	54	52	12	238	76	143	32	166	40	84	303	15	306	1,827
FEB	299	172	276	122	172	177	128	41	92	123	155	941	43	680	3,421
MAC	697	136	344	251	366	112	198	34	155	228	140	841	56	858	4,416
APR	260	202	105	132	99	151	107	38	130	43	58	936	12	703	2,976
MEI	368	221	795	97	251	357	178	58	190	136	118	308	305	432	3,814
JUN	540	126	210	94	72	131	113	5	95	44	69	472	72	659	2,702
JUL	65		53	35	186		30			42	25	140		654	1,230
OGOS	190	57	163	94	202	7	7		210	46	46	587	2	769	2,380
SEPT	134	159	131	65	65	120	63		85	7	34	141	201	85	1,290
OKT	453	336	368	111	91	528	183	17	344		80	179	345	3	3,038
NOV	801	387	574	259	381	372	602	135	179	46	61	611	673	983	6,064
DIS	468	814	373	127	229	160	429		215	80		511	104	575	4,085
JUMLAH	4,581	2,664	3,444	1,399	2,352	2,191	2,181	360	1,861	835	870	5,970	1,828	6,707	37,243



### Statistik pelancong ke Masjid Putra, Putrajaya

#### Laporan statistik pelancong luar negara tahun 2016

BULAN	AMERIKA SYARIKAT	AUSTRALIA	AFRIKA SELATAN	ARAB SAUDI	CHINA	FILIPINA	HONG KONG	INDIA	INDONESIA	IRAN	JERMAN	JEPUN	SINGAPURA	TAIWAN	THAILAND	VIETNAM	KOREA	LAIN-LAIN	JUMLAH
JAN	113	71	66	436	14,728	292	405	1,024	2,777	907	125	700	231	3,281	768	2,713	373	1,122	30,132
FEB	112	94	123	525	18,350	221	608	912	3,666	1,913	78	592	161	3,709	945	3,643	194	1,933	37,779
MAC	140	72	28	320	16,957	152	288	540	2,578	893	40	793	116	2,397	935	3,024	127	1,253	30,653
APR	100	117	69	318	24,870	290	487	1,078	2,774	742	100	387	128	3,639	1,350	4,369	123	1,863	42,804
MEI	151	151	31	291	30,878	519	797	1,660	3,338	1,076	45	586	260	5,245	674	8,463	200	1,471	55,836
JUN	129	138	31	263	28,495	448	876	1,080	2,050	1,068	95	679	162	5,828	644	8,124	158	1,654	51,922
JUL	231	125	44	2,554	28,709	310	693	743	1,275	490	106	572	179	5,527	679	10,273	213	1,029	53,752
OGOS	123	153	78	1,849	34,515	302	752	1,031	1,688	924	81	909	1,041	4,483	2,828	7,509	175	1,816	60,257
SEPT	85	86	9	36	23,184	274	567	631	1,316	1,098	74	821	8	3,776	282	5,892	32	2,103	40,274
OKT	42	41		36	25,417	240	469	748	1,088	1,074	29	500	15	3,664	515	4,996	46	1,405	40,325
NOV	79	48	47	151	29,249	673	794	1,164	2,291	953	45	1,014	210	3,619	298	3,835	63	1,654	46,187
DIS	145	106	14	66	34,244	462	731	1,758	4,914	2,425	74	828	147	3,638	480	3,868	231	1,513	55,644
JUMLAH	1,450	1,202	540	6,845	30,9596	4,183	7,467	12,369	29,755	13,563	892	8,381	2,658	48,806	10,398	66,709	1,935	18,816	545,565



## MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN (MTMZA)

### Bacaan Yasin, Tahlil, Doa Selamat dan Solat Hajat

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) telah melaksanakan aktiviti ini pada hari Khamis setiap minggu. Turut diadakan program bacaan yasin dan doa selamat bersempena hari kebesaran negara seperti Hari Wilayah Persekutuan, Hari Kemerdekaan, Hari Malaysia dan lain-lain sepanjang tahun 2016.



Majlis bacaan yasin dan tahlil



Bacaan yasin dan doa selamat

### Seminar Pengubatan Islam

Seminar ini dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Rawatan Kecil Darussyifa' Putrajaya pada 23 Mac 2016 (Rabu) bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, MTMZA. Seramai 400 orang peserta dari pelbagai agensi di sekitar Putrajaya yang menyertai seminar ini dan turut disertai oleh 10 orang perawat bagi membantu dalam memberi khidmat rawatan kepada peserta yang memerlukan. Objektif program ini diadakan adalah bertujuan memberi kefahaman ilmu berkaitan perubatan menurut etika syarak, menyingkap rahsia alam jin kepada masyarakat di samping membantu masyarakat yang mempunyai masalah berkaitan sihir dan sebagainya. Antara penceramah jemputan ialah: Ustaz Ahmad Dasuki bin Abd. Rani, Pengasas Kompleks Darul Thibbun Nabawi, Ustaz Ab. Razak bin Mahadi, Ustaz Mohd Fauzi bin Mustafa.



### Kursus Ibadah Haji dan Umrah

Masjid Tuanku Mizan telah berjaya menganjurkan Kursus Intensif Haji Bersiri pada hari Sabtu setiap minggu bermula pada bulan Februari hingga Mei 2016. Penganjuran kursus ini adalah tahun yang ketiga bermula sejak 2014 dan mendapat sambutan seramai 130 peserta yang amat menggalakkan. Antara objektif kursus ini ialah untuk memberi panduan, bimbingan dan praktikal kepada bakal jemaah yang akan mengerjakan haji pada tahun ini bagi melaksanakan kesempurnaan dalam ibadat tersebut.

Manakala Kursus Umrah dilaksanakan bermula pada bulan Januari hingga Julai 2016 setiap hari Sabtu secara mingguan bertempat di MTMZA dan dihadiri oleh lebih 100 orang peserta setiap minggu.







Peserta Kursus Haji 2016



Ceramah oleh Prof. Ir. Dr. Fatimah

## Seminar Sains Solat

MTMZA menganjurkan Seminar Sains Solat pada 14 Zulkaedah 1437H bersamaan 17 Ogos 2016 bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, MTMZA, Putrajaya. Seminar yang diadakan ini selaras dengan Takwim Program MTMZA 2016. Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan khususnya daripada penjawat awam dan masyarakat Putrajaya serta sekitar Lembah Klang.

Seminar ini dianjurkan bertujuan untuk mendedahkan kajian saintifik mengenai Sains Solat yang telah dilakukan oleh Prof. Ir. Dr. Fatimah binti Ibrahim, Pengarah Pusat Inovasi Kejuruteraan Perubatan, Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya. Kajian tersebut telah membuktikan kesan postur pergerakan solat terhadap fizikal dan mental seseorang termasuklah kesan terhadap komposisi badan, sistem kardiovaskular, sakit pinggang, isyarat otak, aktiviti otot dan disfungsi ereksi ataupun mati pucuk.

Penyelidikan Sains Solat yang telah dilaksanakan ini adalah cetusan idea YA Bhg Tun Abdullah bin Haji. Ahmad Badawi semasa beliau menjadi Perdana Menteri yang turut menyalurkan geran penyelidikan bagi membiayai dan menjayakan penyelidikan tersebut.

Sebanyak tiga tajuk telah dibentangkan iaitu "Kesan postur dan pergerakan solat terhadap komposisi badan," "Kesan solat dari perspektif sains kepada sistem otot dan komposisi badan," dan "Kesan solat dari perspektif sains kepada disfungsi ereksi (mati pucuk)." Melalui seminar ini juga, peserta didedahkan tentang kelebihan dan kehebatan ibadah solat yang diwajibkan kepada seluruh umat Islam yang menjadi bukti kekuasaan Allah SWT. Semoga dengan usaha murni ini dapat meningkatkan lagi keimanan umat Islam dan memberi kefahaman kepada bukan Islam.



Peserta diajar teknik solat sempurna

## Program Khatan Perdana

26 November 2016 – Musim cuti sekolah bermula, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) mengambil inisiatif menganjurkan acara berkhatan secara beramai-ramai bagi memberi peluang kepada ibu bapa yang tercari-cari tempat yang sesuai untuk mengkhatakan anak-anak mereka. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni, Timbalan Imam Besar MTMZA manakala taklimat kepada peserta disampaikan oleh pihak CUCMS iaitu Prof. Abdul Latiff bin Mohamed. Sebelum dikhatakan peserta diraikan dengan perarakan ke luar perkarangan masjid untuk dimandikan secara beramai-ramai dengan pancutan air oleh jentera bomba. Bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, MTMZA, anak-anak dan ibu bapa berkumpul dengan pelbagai ragam dan gaya. Ibu bapa mengambil peranan memupuk keyakinan dan memberi semangat kepada anak-anak mereka untuk melalui proses berkhatan di samping mewujudkan suasana mesra dan ceria dalam majlis tersebut. Seramai 84 orang peserta telah mengambil bahagian dan program ini turut mendapat kerjasama daripada Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Cyberjaya.



Anak-anak diraikan dengan perarakan dan mandi beramai-ramai

### Carboots Sales “Lets Charity”

Program ini telah bermula Januari 2016 iaitu setiap Sabtu hujung bulan dengan berkonsepkan mesra jemaah yang mensasarkan para pengunjung dan peniaga bagi menyebarkan peranan institusi masjid. Objektif penganjuran program ini juga supaya kecintaan masyarakat terhadap masjid akan terus mekar dan subur di sanubari. Di samping itu, masyarakat akan sentiasa mempunyai nilai-nilai kasih sayang dan berperikemanusiaan antara satu sama lain.

Selain daripada konsep jualan santai ianya juga turut dimeriahkan perkongsian ilmu oleh penceramah dan selebriti yang diundang khas. Antaranya, saudara Daqmie dan Ustaz Shahrul Personaliti TV Hijrah serta ramai lagi.



Para pengunjung yang hadir menjayakan menyertai Program Carboot Sales



Agensi Alam Flora turut serta menyertai Program Carboot Sales Carboot Sales Charity

### Malaysia Islamic Children’s Fair

Pada 2 hingga 4 Disember 2016 seramai 5,000 orang pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat telah hadir menjayakan program yang menghimpunkan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membentuk pendidikan anak-anak khususnya anak-anak Islam. Program yang pertama kali diadakan ini bertujuan memberi pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan anak kepada ibu bapa. Selain itu, program ini dilaksanakan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan ciri-ciri kepimpinan kepada generasi muda sebagai penyambung legasi negara pada masa akan datang. Pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang

program ini berlangsung antaranya pertandingan mencungkil bakat kanak-kanak, persembahan *Voice Of Ummi* dan penampilan istimewa oleh Maskot Didi & Friends.

Majlis perasmian telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha dan turut hadir pegawai-pegawai dari Kumpulan Karangkrak dan Zurriyat Ventures Sdn. Bhd.



Perasmian oleh Ketua Pengarah JAKIM




Penyertaan gerai-gerai pameran MICE



Para pengunjung membawa anak-anak beramah mesra bersama maskot Didi & Nana

### Pelancong Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

Secara keseluruhan kehadiran pelancong dalam negara seramai 564,620 orang. Manakala, pelancong luar negara seramai 124,350 orang.



Jumlah Pelancong dalam negara dan luar negara di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin bagi tahun 2016

## Ihtifal Lil Aftal

Program ini telah dilaksanakan pada 10 Disember 2016 yang merupakan acara tahunan jemaah anak kariah MTMZA sebagai menghargai keprihatinan ahli kariah MTMZA atau dikenali Hari Keluarga Jemaah MTMZA. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya pertandingan sukaneka, pertandingan ilmiah, persembahan bercerita, Nasyid Kumpulan *Nowseeheart*, gelagat aksi badut oleh Abang Yaya dan pelbagai lagi untuk memeriahkan program tersebut. Himpunan kehadiran jemaah ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan antara jemaah dan warga MTMZA.



Pertandingan mewarna



Peserta cilik menyertai pertandingan azan



Pertandingan memanah

## Seminar Peperiksaan PT3 dan SPM Sekolah-sekolah Menengah Putrajaya

Pada tahun 2016 MTMZA telah menganjurkan Seminar Peperiksaan PT3 untuk sekolah-sekolah menengah

Putrajaya. Seramai 250 peserta telah terlibat daripada 11 buah sekolah menengah Putrajaya. Program ini mendapat kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Seminar berlangsung selama dua hari. Fokus utama adalah mata pelajaran Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Dua orang guru pakar telah dijemput bagi menyampaikan teknik-teknik yang berkesan menjawab soalan iaitu Puan Norizan binti Mohamad dari Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 14(1) dan Ustaz Zulkifli bin Nawawi, pemeriksa kertas Bahasa Arab juga merupakan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin juga telah menganjurkan Seminar peperiksaan SPM. Seramai 250 peserta juga telah terpilih untuk mengikuti seminar ini daripada 11 buah sekolah menengah Putrajaya. Fokus utama untuk seminar ini adalah Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Seminar ini berlangsung selama dua hari. Dua orang guru pakar telah dijemput untuk menyampaikan ceramah teknik-teknik yang berkesan menjawab soalan. Dua orang guru pakar telah dijemput bagi menyampaikan teknik-teknik yang berkesan menjawab soalan iaitu Ustaz Zulkifli bin Nawawi pemeriksa kertas Bahasa Arab juga merupakan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia dan Ustaz Mohd Amri bin Md. Husin, guru pakar Pendidikan Islam dan merupakan guru cemerlang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Rinching, Semenyih, Selangor.



Puan Norizan binti Mohamad, Guru Pakar Pendidikan Islam PT3



Peserta-peserta Seminar Peperiksaan SPM



*Penggubalan dan Penyelarasan  
Undang-undang*

## KAJIAN UNDANG-UNDANG ISLAM

### Kajian Undang-undang Keluarga Islam

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Bil.146 yang diadakan pada 2 hingga 4 November 2014 telah bersetuju untuk menubuhkan empat Jawatankuasa bagi tujuan penambahbaikan terhadap undang-undang Syariah yang sedang berkuatkuasa di Wilayah-wilayah Persekutuan. Antara jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam yang mempunyai fungsi seperti yang berikut:

1. Menentukan skop kajian undang-undang Keluarga Islam (Pindaan);
2. Mengenal pasti metodologi kajian undang-undang Keluarga Islam (Pindaan);
3. Mengumpul maklumat bagi penyediaan pindaan undang-undang Keluarga Islam;
4. Mencadangkan pindaan kepada undang-undang Keluarga Islam yang sedia ada mengikut kehendak dan keperluan semasa; dan
5. Menyediakan draf model undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) untuk diseragamkan dan diselaraskan pemakaiannya di negeri-negeri.

Mesyuarat kedua telah diadakan pada 16 hingga 18 Mac 2016 di Kelantan. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam Bil.2 ini telah membentangkan dan membincangkan lima kertas kerja.



Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam Bil.3 diadakan pada 28 hingga 30 Ogos 2016 di Terengganu. Mesyuarat ini telah membincangkan penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam bermula daripada mukadimah sehingga seksyen 12 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1983.

Bagi tahun 2016 kajian Undang-undang Keluarga ditutup dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam Bil.4 yang diadakan pada 7 hingga 9 Disember 2016 di Hotel Grand Alora, Alor Star, Kedah. Mesyuarat ini telah membincangkan penambahbaikan Undang-undang Keluarga Islam bermula daripada seksyen 12 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1983 sehingga seksyen 44.

### Kajian Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah

Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah bagi tahun 2016 telah diadakan sebanyak dua kali sebagaimana yang berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Bil.2 pada 18 hingga 20 Mei 2016 di Negeri Sembilan.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Bil.3 pada 28 hingga 30 September 2016 di Terengganu.

Padamesyuarat berkenaan telah diteliti dan dibincangkan peruntukan berkaitan pra perbincangan dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998. Merujuk kepada peruntukan-peruntukan dalam kaedah-kaedah mahkamah 2012 bagi tujuan perbandingan.



## Kajian Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah

Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah telah diadakan sebanyak empat kali sepanjang tahun 2016. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh mantan Hakim Rayuan Syarie (JKSM), YBhg Dato' Muhamad Asri bin Abdullah dan dianggotai seramai 11 orang ahli.

Mesyuarat Bil.1 telah diadakan pada 21 hingga 23 Januari 2016 di Sarawak bagi membincangkan Terma Rujukan, Road Map dan kalendar aktiviti Jawatankuasa ini. Mesyuarat Bil.2 pula telah diadakan pada 9 hingga 11 Mac 2016 di Pulau Pinang dan telah membincangkan empat kertas kerja bagi tujuan penambahbaikan terhadap Undang-Undang Tatacara Syariah seperti yang berikut:

1. Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah dari Perspektif Bahagian Penguatkuasaan  
Oleh: Tuan Rahimin bin Bani
2. Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah dari Perspektif Mahkamah Syariah  
Oleh: YAA Dato' Haji. Abdul Walid bin Abu Hassan dan YA Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rusdi
3. Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah dari Perspektif Peguam Syarie  
Oleh: Tuan Roslizam bin Rahim dan Tuan Roshdan Sujak' bin Rafie
4. Penambahbaikan Kepada Akta Tatacara Jenayah Syariah 1997 [Akta 560]  
Oleh: YBhg Prof. Madya Dr. Zulfakar bin Ramlee

Mesyuarat Bil.3 telah diadakan pada 12 hingga 14 Ogos 2016 di Selangor. Dalam mesyuarat ini telah membincangkan dua kertas kerja seperti yang berikut:

1. Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah Dari Perspektif Bahagian Pendakwaan  
Oleh: Tuan Sakaria bin Semela dan YA Tuan Ibrahim bin Deris
2. Perbandingan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dengan Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]  
Oleh: Tuan Awang Armadajaya bin Awang Mahmud

Seterusnya pada 18 hingga 20 November 2016, mesyuarat Bil.4 telah diadakan di Langkawi, Kedah. Dalam mesyuarat ini, dua kertas kerja telah dibentangkan dan matriks cadangan pindaan juga telah diteliti dan dibincangkan sehingga seksyen 67.



## Kajian Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah

Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah terdiri daripada 10 orang ahli yang dilantik dan dipengerusikan oleh Mantan Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh, YBhg Dato' Dr. Haji Hassan bin Ab Rahman.

Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah telah diadakan sebanyak tiga kali di sepanjang tahun 2016 seperti yang berikut:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Bil.3 pada 15 hingga 17 April 2016;





- Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Bil.4 pada 29 hingga 31 Julai 2016; dan



- Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Bil.5 pada 23 hingga 25 September 2016.



Bagi melancarkan urusan Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah pada tahun hadapan, sebuah Jawatankuasa Kecil kepada Jawatankuasa Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah telah dibentuk bagi membantu menyiapkan draf awal Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan).

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penambahbaikan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Bil.1 telah diadakan pada 13 hingga 16 Disember 2016 di Blok A, Kompleks Islam Putrajaya.

### **Kajian untuk Mewujudkan Undang-undang atau Peraturan bagi Pungutan Khairat**

Berhubung dengan kajian untuk mewujudkan undang-undang atau peraturan bagi pungutan khairat, kertas cadangan dan draf Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pungutan Khairat) 2016 yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Bil.3/2016, telah dibentangkan dalam Majlis Dialog Undang-undang Zon 1 dan Zon 2 pada 21 hingga

22 November 2016. Seterusnya kertas cadangan dan draf kaedah tersebut telah dibentangkan dalam Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil kali ke-24 pada 5 hingga 7 Disember 2016 di Hotel Tabung Haji, Kedah.

### **Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil**

Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil merupakan kumpulan pakar pelbagai bidang khususnya perundangan Syariah dan Sivil dan dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara. Jawatankuasa ini berperanan dalam menggubal, menyelaras dan membantu JAKIM berkenaan dengan undang-undang Islam dan isu-isu perundangan semasa. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam menyemak undang-undang sedia ada ke arah mengharmonikan undang-undang Syarak dan sivil.

Bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang khususnya undang-undang Syariah, Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat kali sepanjang tahun 2016 iaitu:

- Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Bil.1/2016 pada 28 Mac 2016 (Isnin);
- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Bil.148 pada 20 hingga 22 April 2016 (Rabu hingga Jumaat);
- Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Bil.2/2016 pada 5 September 2016 (Isnin); dan
- Mesyuarat Khas Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Bil.3/2016 pada 21 Oktober 2016 (Jumaat).

Antara undang-undang yang dibincangkan adalah:

- Cadangan Pindaan kepada Akta Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993;
- Cadangan Pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355];
- Draf Kaedah-kaedah Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pungutan Khairat) 2016; dan
- Cadangan Pindaan kepada Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2016.

Selain itu, Jawatankuasa ini juga dijadikan asas rujukan apabila timbul isu dan permasalahan berkaitan undang-undang Syariah. Antara isu yang dirujuk pada tahun 2016 adalah berkaitan isu-isu berbangkit dalam Draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Jawatankuasa Kariah) dan cadangan pindaan kepada peruntukan-peruntukan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan Setiausaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dalam melaksanakan fungsinya, pada tahun ini Jawatankuasa Teknikal mengadakan perbincangan dengan negeri-negeri melalui Majlis Dialog Undang-undang dan Persidangan Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil yang melibatkan Mufti-mufti, Ketua-ketua Hakim Syarie, Penasihat Undang-undang Negeri-negeri, Pengarah Jabatan Agama Negeri-negeri dan Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Dialog Undang-undang antaranya eksploitasi kanak-kanak, kewajaran memberikan kebenaran kepada bukan warganegara untuk membuat pungutan khairat, tempat-tempat yang dibenarkan untuk membuat kutipan, isu lebihan wang pungutan dan sebagainya merupakan antara persoalan yang memerlukan kepada suatu ketetapan dan keseragaman antara negeri-negeri.

Hasil perbincangan dan perkongsian idea serta pengalaman dalam Majlis Dialog Undang-undang tersebut, Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah menyediakan suatu undang-undang model berkenaan pungutan khairat. Penyediaan suatu undang-undang model bagi tujuan penyelarasan dan keseragaman antara negeri-negeri.

### **Pembentangan Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam di Parlimen**

Pejabat Penasihat Undang-undang turut terlibat dalam pembentangan undang-undang Syariah bagi pemakaian di Wilayah-wilayah Persekutuan. Bagi tahun 2016, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 telah dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2016. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 ("Akta 505"). Sebanyak lima fasal telah diperuntukkan dalam Rang

Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 dan ianya seperti yang berikut:

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuatkuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 57A ke dalam Akta 505 untuk memperuntukkan mengenai tindakan bersaling antara Wilayah-wilayah Persekutuan dengan Negeri-Negeri mengenai pelaksanaan waran dan penyampaian saman.
3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian V Akta 505 untuk menunjukkan skop Bahagian V.
4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 505 untuk menjelaskan bahawa Pendakwa Syarie boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan untuk dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri, dan bahawa Pegawai Penguatkuasa Agama boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama kecuali hak dan kuasa yang hendaklah dijalankan oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama sendiri. Peruntukan ini penting untuk membezakan antara kuasa yang dimiliki oleh Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dengan kuasa Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama.
5. *Fasal 5* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

Pada 23 November 2016, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 telah dibacakan kali kedua dan ketiga di Dewan Rakyat yang mana dengan bacaan kali ketiga tersebut, Rang Undang-undang ini telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat.

Pada 19 Disember 2016, Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016 telah dibentangkan dalam Dewan Negara dan telah diluluskan pada hari yang sama.

## **PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH DI MALAYSIA**

Penyelarasan bagi tindakan penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah di Malaysia dilaksanakan melalui beberapa platform seperti mesyuarat, bengkel serta aktiviti utama Bahagian iaitu:

### **Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia**

Penyelarasan dan penyelesaian terhadap isu-isu penguatkuasaan dan pendakwaan Syariah sentiasa menjadi agenda utama Bahagian Penyelarasan Undang-undang JAKIM dalam penyeragaman tindakan yang dilaksanakan di negeri-negeri. Sesuai dengan matlamat tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia Bil.1-2016 telah diadakan pada 20 Disember 2016 bertempat di Kompleks Islam Putrajaya.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman Mustapha selaku Setiausaha, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Penasihat Undang-undang JAKIM, Tuan Razali bin Ariffin, Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-undang JAKIM, Tuan Aziz bin Haji Mohamad. Ahli-ahli mesyuarat adalah terdiri daripada wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

Beberapa isu telah dibincang dan diputuskan di dalam mesyuarat kali ini dan diselaraskan di peringkat negeri-negeri dalam usaha penyeragaman tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan syariah.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) sedang mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia Bil.1-2016

### **Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia kali ke-11 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pendakwaan Syariah Malaysia kali ke-11**

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Malaysia kali ke-11 telah diadakan pada 22 hingga 24 Ogos 2016 dan diikuti dengan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pendakwaan Syariah Malaysia kali ke-11 pada 23 hingga 25 Ogos 2016 bertempat di Klana Resort, Seremban. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-undang JAKIM, Tuan Haji Aziz bin Haji Mohamad ini dihadiri oleh Ketua-Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua-Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia. Mesyuarat yang berlangsung selama empat hari ini membincangkan isu-isu semasa penguatkuasaan dan pendakwaan syariah di Malaysia.



Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-undang, YBhg Tuan Haji Aziz bin Haji Mohamad



Pengarah dan Pegawai BPUU serta Ketua-ketua Pendakwa Syarie/wakil seluruh Malaysia

## Mesyuarat Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia kali ke-16

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-undang JAKIM, Tuan Aziz bin Haji Mohamad ini telah diadakan pada 10 hingga 11 Mei 2016 ini bertempat di Hotel Putra Regency, Kangar, Perlis dan dihadiri oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA), Ketua Pendakwa Syarie (KPS) seluruh Malaysia dan Penasihat Undang-undang JAKIM. Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan melibatkan satu kertas cadangan dua kertas makluman dan dua kertas taklimat.



Pembentangan kertas taklimat berkaitan ancaman ajaran sesat terhadap keselamatan negara oleh Cawangan Khas, PDRM sempena Mesyuarat Ketua Penguatkuasa dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia kali ke-16

## PENGUKUHAN KERJASAMA STRATEGIK DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan syariah dan inter agensi penguatkuasaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diteruskan pada tahun ini melalui pelbagai program iaitu:

### Diskusi Isu Penguatkuasaan dan Pendakwaan Undang-undang Syariah: Pengurusan Perkahwinan Rentas Sempadan di Selatan Thailand

Program ini telah dilaksanakan pada 11 Mei 2016 bertempat di Songkhla, Thailand. Delegasi diketuai oleh Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-undang, JAKIM, Tuan Aziz bin Haji Mohamad mewakili YBhg Datuk Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM dan melibatkan Pegawai-pegawai daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ketua-ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua-Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia.

Objektif program ini diadakan adalah untuk:

- Mendapatkan maklumat dan penjelasan yang tepat berkaitan penguatkuasaan dan pendakwaan dan pentadbiran serta kaedah-kaedah perundangan syariah;
- Meningkatkan profesionalisme pegawai melalui pertukaran maklumat, pandangan dan saranan bagi mengatasi permasalahan berkaitan penguatkuasaan, pendakwaan Syariah dan pentadbiran dengan pihak Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia, Majlis Agama Islam Songkhla, Satun, Pattani, Yala dan Narathiwat menerusi program diskusi yang diadakan;
- Meningkat dan menjalinkan hubungan strategik yang baik serta mengeratkan silaturrahim dengan agensi seperti Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia, Majlis Agama Islam Songkhla, Satun, Pattani, Yala dan Narathiwat.

Program Diskusi ini pada dasarnya berjaya membuka ruang perbincangan yang sangat berkesan dalam memahami budaya kerja, keberkesanan dan amalan serta aspek perundangan di kedua-dua negara di samping mengutarakan mekanisme pelaksanaan penguatkuasaan dan pendakwaan dalam isu nikah sindiket, pemalsuan dokumen dan isu-isu yang berkaitan.



Peserta Program Diskusi bergambar bersama-sama Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Thailand, Tuan Mohd Apandi bin Abu Bakar



Kunjung Hormat dan Diskusi bersama Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia dengan wakil Majlis Agama Islam Wilayah-wilayah Selatan Thailand di Majlis Agama Islam Songkhla, Thailand dipengerusikan oleh Konsul Jeneral Malaysia

## Program Sangkutan Pendakwa Syarie di Jabatan Peguam Negara/Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri

Penyertaan JAKIM, Jabatan Peguam Negara dan JAIN dalam melaksanakan Program Sangkutan Pendakwa Syarie di Jabatan Peguam Negara/Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri sebagai salah satu *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) merupakan sinergi bagi memperkasa tenaga mahir di kalangan Pendakwa Syarie melalui perkongsian kemahiran dan ilmu kependakwaan sivil. Program sangkutan ini mensasarkan objektif berikut:

- Meningkatkan kemahiran, kepakaran dan mutu pendakwaan kes-kes kesalahan jenayah syariah di Malaysia;
- Perkongsian kepakaran dan pengalaman; dan
- Menjalinkan kerjasama strategik antara bidang perundangan syariah dan sivil.

Program sangkutan ini terdiri daripada dua komponen iaitu Komponen 1 (Kursus Jangka Pendek) dengan nama Kursus Khas Pendakwaan Syariah. Kursus lima hari ini telah diisi dengan sembilan siri ceramah oleh penceramah dari Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Manakala Komponen 2 adalah penempatan Pendakwa Syarie secara sangkutan di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri di Seluruh Malaysia selama lapan minggu bermula 4 Oktober hingga 28 November 2016.

Kunjungan dan pemantauan Program Sangkutan Pendakwa Syarie telah dilakukan di Jabatan Peguam Negara Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Sembilan, Selangor dan Perak. Ia bertujuan untuk melihat status pelaksanaan program, mendapatkan cadangan penambahbaikan dan juga mengukuhkan lagi jalinan silaturrahim antara tiga agensi iaitu JAKIM, Unit Pendakwaan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri-negeri dan Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.



Ucapan Perasmian Penutup Kursus Khas Pendakwaan Syariah Siri 3/2016 oleh Pengarah Seksyen Syariah, YBhg Dr. Arik Sanusi bin Yeop Johari, Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara



Peserta program Sangkutan Pendakwa Syarie bergambar kenangan bersama Pengarah Seksyen Syariah, Jabatan peguam Negara dan Pengarah serta Pegawai-pegawai BPUU



Lawatan ke Mahkamah Persekutuan di Istana Kehakiman Putrajaya



Sesi ceramah yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara



Salah satu kunjungan dan pemantauan Program Sangkutan Pendakwa Syarie di Unit Pendakwaan, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang

### Konvensyen Perundangan Syariah Peringkat Kebangsaan 2016

Usaha pemerkasaan kerjasama strategik dengan Jabatan Agama Islam Negeri diteruskan dalam penganjuran Konvensyen Perundangan Syariah Peringkat Kebangsaan 2016. Konvensyen ini diadakan secara kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bertempat di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam pada 12 hingga 13 Oktober 2016. Tema Konvensyen yang diangkat pada tahun 2016 ialah “Kesatuan Kefahaman dan Tindakan.” Seramai 200 orang peserta telah hadir dalam Konvensyen tersebut terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa Agama, Pendakwa Syarie dan Hakim Syarie negeri-negeri seluruh Malaysia.

Sebanyak lima kertas kerja utama dan lima kertas kerja eksekutif telah dibentangkan dalam Konvensyen tersebut. Ucaptama Konvensyen bertajuk “Uniformiti Sedar: Keperluan Kesatuan Fikrah dan Kepentingan Untuk Bersatu dalam Kefahaman dan Tindakan” telah disampaikan oleh mantan Ketua Pengarah JAKIM, Dato’ Haji Wan Mohamad bin Dato’ Skeikh Abdul Aziz.



Pengarah BPUU, Tuan Aziz bin Haji Mohamad menyampaikan cenderahati selepas Ucaptama oleh mantan Ketua Pengarah JAKIM, Dato’ Haji Wan Mohamad bin Dato’ Skeikh Abdul Aziz

Majlis Perasmian Penutup Konvensyen disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom (B) dengan dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato’ Haji Othman bin Mustapha, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Sahibus Saadah Dato’ Haris bin Kasim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, YB Dato’ Dr. Ahmad Yunus bin Hairi dan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor, YBhg Dato’ Haji Bakhtiar bin Hussin.



YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom (B) dan barisan tetamu kehormat sedang mengaminkan bacaan doa



Antara peserta yang hadir dalam Konvensyen Perundangan Syariah Peringkat Kebangsaan 2016

### Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber

Seminar Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia pada 18 Oktober 2016. Seminar ini berjaya mengumpulkan seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada para pengamal undang-undang, Pegawai Penguatkuasa dan Pendakwa Syarie seluruh Malaysia. Antara tujuan seminar ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan terhadap kes-kes jenayah syariah seperti ancaman akidah dan pemikiran Islam yang semakin berleluasa menerusi medium siber.

Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan dengan tiga tema berbeza iaitu Fenomena Jenayah Syariah di Alam Siber, Undang-undang Jenayah Syariah dan Pembuktian Kes Jenayah Syariah di Alam Siber. Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki. Turut hadir ialah Pengerusi SKMM, Dato' Sri Dr. Halim Shafie dan Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.



Seminar ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki



Peserta yang hadir sedang mendengar pembentangan kertas kerja

## PEMANTAUAN TERHADAP PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI NEGERI-NEGERI

Selari dengan fungsi Bahagian Penyelarasan Undang-undang untuk menyediakan apa jua mekanisme bagi menyelaraskan tindakan Penguatkuasaan dan Pendakwaan di Negeri-negeri, beberapa program pemantauan telah dilaksanakan sepanjang 2015 melalui pemakaian Sistem e-Jinayat, pelaksanaan Sistem Penarafan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan dan Operasi Bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri.

## Peluasan Sistem e-Jinayat

Sistem e-Jinayat merupakan sistem aliran kerja (*work flow system*) yang seragam bagi tindakan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah. Sistem ini dibangunkan pada tahun 2010 bertujuan untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah di Malaysia. Sistem ini terdiri daripada tiga modul iaitu modul penguatkuasaan, modul pendakwaan dan modul pentadbiran. Sehingga penghujung 2015, lima negeri iaitu Pahang, Johor, Kelantan, Perak dan Melaka telah menggunakan sistem ini. Manakala lain-lain dalam usaha untuk menggunakan pada fasa berikutnya. Bagi memantapkan usaha peluasan sistem, beberapa program dilaksanakan meliputi Mesyuarat Penyelarasan, Bengkel TOT Aplikasi Sistem, penilaian semula terhadap keperluan-keperluan negeri dan pemantauan pelaksanaan di negeri-negeri.



Paparan muka depan sistem e-Jinayat



Antara paparan dalam sistem e-Jinayat

## Sistem Penarafan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan Syariah JAIN Seluruh Malaysia

Sistem Penarafan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (SPPP) Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia diperkenalkan bagi tujuan menilai dan mengukur tahap kekuatan dan pencapaian Agensi Penguatkuasaan Syariah dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dan

pendakwaan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada di negeri-negeri agar berjalan dengan lebih teratur dan berkesan.

Pelancaran Buku Sistem Penarafan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha pada 12 Ogos 2016 bertempat di Auditorium Blok D8, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Pelancaran buku ini adalah sejajar dengan inisiatif JAKIM untuk memperkenalkan SPPP bagi membantu JAIN selaku agensi pelaksana untuk mentransformasikan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan JAIN seluruh Malaysia selari dengan perkembangan semasa. Program SPPP ini berbentuk penilaian perkhidmatan (*delivery system and good governance*) berdasarkan lima kluster iaitu Kluster Pembangunan Organisasi, Kluster Pembangunan Insan, Kluster Perundangan, Kluster Diplomatik dan Perhubungan serta Kluster Penyelarasan dan Pemantauan Tindakan.

Pahang pada 23 Februari 2016, Kelantan pada 8 hingga 9 Mac 2016, Pulau Pinang pada 12 April 2016, Perak pada 31 Mei 2016, Sabah pada 6 hingga 7 September 2016 dan Sarawak pada 7 hingga 9 September 2016.



Penarafan Penguatkuasaan Syariah di Jabatan Agama Islam Perak



Penarafan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang



Montaj Pelancaran Buku Sistem Penarafan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah



Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha melancarkan Buku Sistem Penarafan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri

Pada tahun 2016, JAKIM bersama panel penilai penarafan yang dilantik telah meneruskan lagi pelaksanaan penarafan di lapan buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan pada 15 Februari 2016, Melaka pada 17 Februari 2016,

## Ops Kutip 2.0 Tahun 2016

JAKIM telah melaksanakan aktiviti Pemantauan dan Operasi Penguatkuasaan Isu Kutipan Derma atau Khairat Tanpa Kebenaran Majlis Agama Islam Negeri (Ops Kutip 2.0) dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seluruh Malaysia yang bermula bulan Ramadhan daripada 6 Jun 2015 hingga 30 Jun 2016 bersamaan 1 Ramadhan 1437 hingga 25 Ramadhan 1437H. Sepanjang sesi pemantauan dan operasi dilaksanakan, *sticker* dan *flyers* berkaitan kesedaran awam untuk menyalurkan bantuan, derma, sedekah atau khairat secara betul turut diedarkan kepada masyarakat sebagai langkah pencegahan dan pendidikan di tempat awam yang menjadi tumpuan seperti Bazar ramadhan, premis bank, stesen minyak, pusat membeli belah dan lain-lain.





Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka menahan pemungut derma/khairat tanpa kebenaran



Pengarah BPUU, Tuan Aziz bin Haji Mohamad turut serta dalam Ops Kutip 2.0 bersama-sama Pegawai Penguatkuasa JAWI

### Program *Fun Ride* Bijak Sedekah

Eksplotasi kanak-kanak dalam kegiatan kutipan derma serta jualan amal merupakan isu nasional yang sering mendapat perhatian dan liputan oleh pelbagai pihak. Justeru, JAKIM melalui Bahagian Penyelaras Undang-Undang (BPUU) telah melaksanakan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) dengan melibatkan inter agensi yang berautoriti secara bersepadu dan berterusan dalam menangani isu ini.

Selaras dengan Strategik 5 dalam Pelan Tindakan Penguatkuasaan Menangani Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-kanak iaitu Peningkatan Kempen Pencegahan dan Kesedaran BPUU dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah melaksanakan Program *Fun Ride* Bijak Sedekah yang disempurnakan majlis perasmiannya oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha pada 10 Disember 2016. Bertempat di Dataran Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka. Hadir sama adalah Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka, YBhg Datuk Wira Yaakub bin Md. Amin, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, YBhg Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka, YBhg Datuk Haji Mohamad Salleh bin Ismail dan Pengarah Bahagian

Penyelaras Undang-undang JAKIM, YBhg Tuan Haji Aziz bin Haji Mohamad. Program yang bertemakan "Bijak Sedekah pada yang Berhak" merupakan acara berbasikal santai beramai-ramai berkonsepkan riadah secara santai dengan melibatkan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan, pelajar institut pengajian tinggi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), masyarakat setempat dan lain-lain. Program *Fun Ride* Bijak Sedekah adalah bertujuan sebagai langkah advokasi bagi menyuntik kesedaran yang lebih menyeluruh dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai penguatkuasaan akta/enakmen di bawah kesalahan undang-undang Syariah yang berkaitan isu kutipan derma tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta eksploitasi kanak-kanak.

Komitmen yang diberikan oleh semua peserta terhadap program kali melambangkan sokongan terhadap agenda transformasi negara bagi membentuk sistem penyampaian perkhidmatan dalam dunia perundangan syariah yang lebih inovatif lagi. Melalui pertemuan pelbagai pihak dalam program sebegini sudah tentu amat bermakna kerana ianya merupakan peluang dan ruang untuk bertukar-tukar pandangan berkaitan bidang perundangan Syariah dan seterusnya dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan khususnya kepada masyarakat setempat dalam menyertai kempen tersebut.



Pelancaran Program *Fun Ride* Bijak Sedekah dan Kempen Cegah Jenayah Syariah Peringkat Negeri Melaka disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha



Peserta *Fun Ride* berbasikal dari Kompleks Islam Melaka ke Melaka Sentral untuk mengedarkan *Flyers* Bijak Sedekah pada yang Berhak kepada masyarakat

*Pemeriksaan Hab  
Halal Global*

## PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

Bagi tempoh Januari 2016 hingga Disember 2016, JAKIM/JAIN telah menerima sebanyak 10,115 permohonan melalui sistem MYeHALAL. Daripada jumlah tersebut, 6,936 permohonan (68.57%) telah diterima untuk diproses, 2,929 permohonan (28.96%) ditolak di peringkat awal kerana kegagalan pemohon melengkapkan dokumen permohonan dalam tempoh lima hari bekerja, manakala 250 (2.47%) permohonan ditolak kerana permohonan tidak lengkap di peringkat audit dokumen.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 5,017 (49.60%) permohonan telah diputuskan lulus. Hanya 282 (2.79%) permohonan diputuskan tidak berjaya oleh Mesyuarat Panel Pengesahan Halal JAKIM/JAIN kerana tidak mematuhi prosedur pensijilan halal. Terdapat 1,667 permohonan masih dalam tindakan proses JAKIM/JAIN.

Tahun 2016 juga telah memperlihatkan peningkatan sebanyak 677 permohonan berbanding dengan tahun 2015. Bagaimanapun jumlah permohonan yang ditolak menurun daripada 3,179 permohonan pada tahun 2016 kepada 2,650 permohonan iaitu meningkat sebanyak 529 permohonan. Permohonan yang diluluskan juga menurun sebanyak 93. Manakala permohonan yang diputuskan gagal menurun daripada 291 untuk tahun 2015 kepada 282 permohonan bagi tahun 2016.


**Jadual 1: Statistik Permohonan Pensijilan Halal Tahun 2014-2015**

TAHUN	MOHON	TOLAK	LULUS	GAGAL	DALAM TINDAKAN
2014	8,920	2,800	4,720	159	1,221
2015	9,438	2,650	5,110	291	1,387
2016	10,115	3,179	5,017	282	1,667

JAKIM dan JAIN yang diberi tanggungjawab dalam melaksanakan pengeluaran Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) menyedari akan keperluan dan permintaan yang tinggi terhadap Pensijilan Halal Malaysia walau pun sehingga kini ianya masih bersifat sukarela.

Inisiatif penambahbaikan proses pengeluaran SPHM sentiasa diambil perhatian oleh JAKIM dengan mengatur strategi baru dalam proses pengeluaran Sijil Pengesahan Halal. Proses penambahbaikan yang komprehensif telah mula dilaksanakan mulai Ogos 2016 yang lalu dengan memperkenalkan empat inisiatif baru dalam proses pengeluaran SPHM, iaitu:

1. *Fast Track* Proses;
2. *Fast Track* Audit;
3. *Fast Track* tanpa ketidakakuran; dan
4. Proses Audit Kombo.



**Carta 1: Carta Permohonan Pensijilan Halal Tahun 2014 - 2016**

Proses penambahbaikan ini juga tidak terhenti setakat itu, di mana satu lagi inisiatif baru yang baru telah diperkenalkan mulai Januari 2017 iaitu dengan mewujudkan 'white list' pemohon yang komited dengan SPHM yang antara lain akan dapat mengeluarkan SPHM dalam tempoh satu hari sahaja.

Hasilnya, sepanjang Ogos hingga Disember 2016 yang lalu, 86.74% permohonan Sijil Pengesahan Halal telah dapat diproses kurang dari 30 hari. Ianya juga menunjukkan peningkatan sebanyak 54.56% bagi bilangan permohonan yang telah dapat diproses dalam tempoh kurang dari 30 hari.

Manakala satu lagi inisiatif yang akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ialah dengan menubuhkan MyHIS (Malaysia Halal Inovative Squad) yang akan merealisasikan konsep NBOS antara JAKIM dan rakan strategik di Institusi Pengajian Tinggi. Ianya juga adalah antara langkah penambahbaikan yang akan dapat membantu proses pensijilan halal di negeri-negeri.

## PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

### Pemantauan

Pemantauan akan dilaksanakan ke atas pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dengan mengikut piawaian halal iaitu Anual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 dan pelbagai Standard Malaysia yang berkaitan. Jika mana-mana pemegang SPHM melanggar piawaian halal tersebut maka tindakan boleh dikenakan berdasarkan kesalahan Kecil (Amaran), Besar (Penggantungan SPHM) dan Serius (Penarikan SPHM). Pemeriksaan Pemantauan dilakukan secara mengejut melalui tiga kaedah berikut:

**1. Pemantauan Berkala** merupakan pemantauan yang dilakukan ke atas pemegang SPHM sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Bagi syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk yang berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah sembelih, tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan Jawatankuasa Halal Dalaman, pemantauan akan dilakukan lebih dari sekali dalam setahun.

**2. Pemantauan Susulan** adalah pemeriksaan verifikasi terhadap tindakan pembetulan yang telah diambil oleh syarikat yang gagal mematuhi Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.

**3. Pemantauan Fast Track** adalah pemantauan yang dilakukan bagi kategori permohonan pembaharuan pensijilan halal yang mendapat kelulusan *fast track* turut dilakukan oleh Cawangan Pemantauan & Penguatkuasaan serta dilakukan secara berkala bagi memastikan setiap Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang dikeluarkan kepada pemohon sentiasa menepati piawaian pensijilan halal semasa. Pemantauan bagi kelulusan permohonan pensijilan halal secara *fast track* ini turut diberi keutamaan menjelang akhir tahun 2016 memandangkan ianya telah diklasifikasikan sebagai kategori yang berisiko tinggi (*high risk*).

### Penguatkuasaan

Pemeriksaan Penguatkuasaan merupakan tindakan pemeriksaan yang dilakukan dengan menggunakan pakai undang-undang yang sedang berkuatkuasa sama ada ianya di bawah Undang-Undang Syariah mahupun Undang-Undang Sivil Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011), Akta Makanan 1983 serta mana-mana Akta/Peraturan-peraturan lain yang berkaitan dan sedang berkuatkuasa seperti termaktub dalam MPPHM. Pemeriksaan penguatkuasaan boleh dibahagikan kepada dua kaedah berikut:

**1. Pemeriksaan Aduan Awam** akan dijalankan apabila Cawangan pemantauan dan Penguatkuasaan menerima aduan daripada orang awam dan akan dilakukan bersama agensi penguatkuasa berkaitan sekiranya perlu. Agensi yang biasa terlibat adalah seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi yang difikirkan perlu.

**2. Pemantauan Penguatkuasaan/Operasi/Serbuan** akan dilakukan setelah siasatan terperinci lengkap dijalankan ke atas aduan yang dikemukakan kepada cawangan ini sama ada melalui aduan awam atau

aduan daripada agensi-agensi luar. Sebelum operasi dilaksanakan, risikan akan dilakukan terlebih dahulu bagi mengenal pasti potensi kesalahan yang dilakukan bagi mengenal pasti tindakan undang-undang yang akan diambil kepada pihak-pihak yang melakukan kesalahan. Operasi dan serbuan seterusnya dilaksanakan sama ada dengan melibatkan agensi lain seperti JAIN/KPDNKK/PBT dan lain-lain agensi yang berkaitan mengikut bidang kuasa dan undang-undang yang diguna pakai. Dalam menjalankan tugas ini, pegawai dari Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan telah dilantik sebagai Penolong Pengawal Perihal Dagangan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk melaksanakan Akta Perihal Dagangan 2011 bagi kesalahan-kesalahan melibatkan peruntukan halal. Justeru, kertas siasatan akan dibuka jika melanggar Akta Perihal Dagangan 2011.

### Gudang Simpanan Hab Halal JAKIM

Gudang Simpanan Hab Halal Puchong yang terletak di Bandar Baru Bukit Puchong, Puchong telah mula beroperasi pada Februari 2015. Gudang ini dikhususkan untuk menyimpan barang-barang kes (eksibit) yang telah diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan (APD) 2011.

Antara kemudahan yang disediakan di Gudang Simpanan Hab Halal ini adalah dua unit bilik sejuk (*cold room*) dengan suhu  $-18^{\circ}\text{C}$  bagi barangan sejuk beku, dua unit bilik sejuk (*chiller room*) dengan suhu di bawah  $40^{\circ}\text{C}$ . Selain itu, gudang ini turut dilengkapi dengan rak penyimpanan bertingkat, mesin *wrapper*, satu unit *forklift* dan keseluruhan gudang dikawal 24 jam oleh pasukan RELA yang dilantik bagi menjamin keselamatan barang kes yang ditempatkan di sana.

Bagi melancarkan urusan pendaftaran barangan kes serta lain-lain urusan di gudang, seramai tiga orang pegawai telah dilantik dan dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia sebarang aktiviti yang melibatkan gudang berkenaan. Sehingga Disember 2016, sebanyak 94 kes telah dihasilkan dan melibatkan rampasan barang kes yang melibatkan seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.



Dengan pewujudan Gudang Simpanan Hab Halal ini, pelaksanaan APD 2011 menjadi lebih teratur dan kredibiliti barang kes dapat dikawal untuk tujuan pembuktian di mahkamah kelak.


Pada Disember 2016, Gudang Hab Halal telah berpindah ke penempatan sementara di Makmal Analisis Halal Malaysia (MyHAC) di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Perpindahan ini adalah disebabkan tamatnya kontrak sewaan di gudang yang sedia ada. Dijangka pada April 2017 eksibit akan ditempatkan di gudang yang baru di Puchong, Selangor.

### STATISTIK PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Berdasarkan statistik tahun 2016, sebanyak **911** pemantauan dan penguatkuasaan telah dijalankan merangkumi pemantauan berkala sebanyak **358 (39%)**, susulan **40 (5%)** dan *fast track* **346 (38%)** serta penguatkuasaan yang melibatkan aduan **112 (12%)**, risikan **10 (1%)** dan pemeriksaan/operasi APD 2011 **45 (5%)** (rujuk Jadual 2 dan Carta 2). Secara purata cawangan ini menjalankan pemeriksaan sebanyak **76** buah premis/ kilang/ syarikat dalam sebulan. Kuantiti pemeriksaan adalah bergantung dengan bilangan kumpulan yang ditetapkan kerana keanggotaan akan bertambah atau berkurang mengikut penempatan pegawai.

**Jadual 2: Pecahan mengikut jenis pemeriksaan Januari hingga Disember 2016**


JENIS PEMERIKSAAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
BERKALA	25	61	19	67	32	50	8	20	33	10	32	1	358
SUSULAN	3	6	1	4	3	3	2	10	0	2	5	1	40
FAST TRACK	42	9	12	42	14	0	79	38	15	46	49	0	346
ADUAN	5	13	14	12	29	9	0	8	4	7	9	2	112
RISIKAN	0	0	2	1	0	5	0	0	0	0	1	1	10
OPERASI APD 2011	7	7	8	6	4	4	3	3	1	1	1	0	45
JUMLAH	82	96	56	132	82	71	92	79	53	66	97	5	911



**Carta 2: Peratusan mengikut jenis pemeriksaan dari Januari hingga Disember 2016**

**Jadual 3: Pemeriksaan pemantauan dan penguakuisaan dari Januari hingga Disember 2016**

JENIS PEMERIKSAAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
PEMANTAUAN	70	80	36	113	56	54	88	68	48	58	86	2	759
PENGUATKUASAAN	12	16	20	19	26	17	4	11	5	8	11	3	152
JUMLAH	82	96	56	132	82	71	92	79	53	66	97	5	911




**Carta 3: Peratusan perbezaan pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan dari Januari hingga Disember 2016**

### Tindakan Hasil Pemeriksaan Pemantauan dan Penguatkuasaan

Semasa pemeriksaan pemantauan bagi pemegang SPHM, pegawai pemeriksa telah mengenal pasti dan menilai sejauh mana sesuatu syarikat mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Jika premis tidak melanggar mana-mana prosedur, premis tersebut telah mematuhi prosedur yang ditetapkan. Jika berlakunya pelanggaran terhadap prosedur, *non-compliance report* (NCR) akan dikeluarkan kepada premis. Berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 ke atas pemegang SPHM, sebanyak **525** premis/kilang/syarikat telah mematuhi prosedur yang ditetapkan JAKIM. Sebanyak **191** NCR telah dikeluarkan yang meliputi kategori kesalahan kecil, besar dan serius (rujuk Jadual 4 dan Carta 4).

**Jadual 4: Pecahan mengikut penilaian pemeriksaan pemantauan ke atas pemegang SPHM dari Januari hingga Disember 2016**

PENILAIAN PEMERIKSAAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
MEMATUHI	41	52	25	83	38	22	71	50	37	48	57	1	525
PROSES AUDIT	1	0	0	1	1	1	3	3	1	2	0	0	13
PROSES PEMBAHARUAN	0	0	0	2	2	0	0	0	0	0	2	0	6
TIDAK BEROPERASI/ TUTUP SEMASA LAWATAN/ TIADA PRODUKSI	6	1	0	1	1	2	0	1	0	0	3	0	15
PINDAH/TUTUP	2	2	0	1	0	0	2	0	0	1	1	0	9
KESALAHAN KECIL/NCR	14	20	9	18	11	22	11	12	8	7	19	1	152
KESALAHAN BESAR/GANTUNG	6	5	1	6	3	7	1	1	0	0	3	0	33
KESALAHAN SERIUS/TARIK	0	0	1	1	0	0	0	1	2	0	1	0	6




**Carta 4: Peratusan penilaian pemeriksaan pemantauan ke atas pemegang SPHM dari Januari hingga Disember 2016**

Bagi pemeriksaan penguatkuasaan ke atas pemegang dan bukan pemegang SPHM, sebanyak **152** pemeriksaan telah dilakukan ke atas premis/kilang/syarikat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **137** pemeriksaan biasa bagi

premis/kilang/syarikat yang bukan pemegang SPHM, **10** risikan dan **lima** kertas siasatan telah dibuka ke atas premis/kilang/syarikat yang telah melakukan kesalahan di bawah APD 2011 (rujuk Jadual 5 dan Carta 5).

**Jadual 5: Pecahan mengikut penilaian pemeriksaan penguatkuasaan ke atas pemegang dan bukan pemegang SPHM dari Januari hingga Disember 2016**

PENILAIAN PEMERIKSAAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
BUKAN PEMEGANG SPHM	9	16	18	18	26	10	4	11	5	8	10	2	137
RISIKAN	0	0	2	1	0	5	0	0	0	0	1	1	10
OPERASI APD 2011 (IP)	3	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	5
JUMLAH	82	96	56	132	82	71	92	79	53	66	97	5	911



**Carta 5: Peratusan penilaian pemeriksaan penguatkuasaan ke atas pemegang dan bukan pemegang SPHM dari Januari hingga Disember 2016**

### Kertas Siasatan Akta Perihal Dagangan 2011

Pada tahun 2016, sebanyak **lima** kertas siasatan telah dibuka dengan nilai rampasan yang dianggarkan sebanyak **RM 39, 376.15**. Kertas siasatan dibuka kerana menyalahi Seksyen 16 (1) APD 2011, Perenggan 4 (1) (a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Perenggan 5 (1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Pecahan kategori serta jenis kesalahan yang dikenal pasti ditunjukkan di dalam jadual berikut:

**Jadual 6: Pecahan kategori siasatan mengikut skim bagi APD 2011 tahun 2016**

PECAHAN KATEGORI	
PREMIS	1
PRODUK	4
JUMLAH	5

**Jadual 7: Pecahan jenis kesalahan di bawah APD 2011 bagi tahun 2016**

JENIS KESALAHAN	
Seksyen 16 (1) APD 2011	2
Perkara 3 (1) (c) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011	-
Perkara 3 (1) (g) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011	-
Perenggan 4 (1) (a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011	2
Perenggan 5 (1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011	1
JUMLAH	5

Bermula tahun 2011 hingga tahun 2016, JAKIM telah menghasilkan sejumlah **94 kes** di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan 2011 dengan anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah **RM 1,204,337.65** (rujuk **Jadual 8**). Bagi kertas siasatan yang telah dibuka bagi setiap kes yang dihasilkan, JAKIM telah menyelesaikan sebanyak **tujuh kes** antaranya melalui bayaran kompaun, denda mahkamah, *Non Furture Action* (NFA) dan *Discharge Not Amounting to An Acquittal* (DNAA) manakala 44 kes lagi masih dalam siasatan (rujuk Jadual 9 dan Jadual 10).

**Jadual 8: Kertas siasatan yang telah dibuka bermula tahun 2011 hingga tahun 2016**

TAHUN	BILANGAN KES
2011	6
2012	17
2013	13
2014	37
2015	16
2016	5
JUMLAH KES	94

**Jadual 9: Kertas siasatan yang telah selesai bermula tahun 2011 hingga tahun 2016**

KEPUTUSAN KES	KERTAS SIASATAN
Bayaran Kompaun	2
Denda Mahkamah	1
NFA (No Furture Action)	3
DNAA (Discharge Not Amounting to An Acquittal)	1
JUMLAH	7

**Jadual 10: Kertas siasatan yang belum selesai bermula tahun 2011 hingga tahun 2016**

TAHUN	KERTAS SIASATAN
2012	7
2013	9
2014	14
2015	11
2016	3
JUMLAH	44




## Pemantauan Bersama Agensi Penguatkuasa

Dalam melaksanakan undang-undang berkaitan pensijilan halal seperti Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Makanan 1983 (Akta 281), Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Animal Rules 1962, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 serta undang-undang lain yang berkaitan, JAKIM turut mengadakan

kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan lain-lain. Kekerapan kerjasama adalah bergantung kepada kes dan keperluan semasa. Jadual pelaksanaan kerjasama adalah seperti berikut:

**Jadual 11: Pecahan pemantauan bersama agensi luar dari Januari hingga Disember 2016**

AGENSI	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
JAIN/MAIN	9	0	2	15	14	16	10	1	10	0	15	1	93
PBT	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1
KPDNKK	0	0	0	0	0	0	0	0	4	0	0	0	4
KKM	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
JUMLAH	9	1	2	15	14	16	10	2	14	0	15	1	99




**Carta 6: Peratusan pemantauan bersama agensi luar dari Januari hingga Disember 2016**

## Statistik Aduan

Pada tahun 2016, Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan telah menerima sebanyak **155 aduan** daripada pengguna dan pelbagai agensi. Aduan yang diterima adalah melalui pelbagai medium antaranya melalui aduan terus ke kaunter pejabat Bahagian Hab Halal, panggilan telefon, e-mel, surat apa-apa medium yang sesuai.

**Jadual 12: Penerimaan aduan dari Januari hingga Disember 2016**

BULAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
PENERIMAAN ADUAN	23	10	16	12	21	16	3	11	11	9	12	11	155




**Carta 7: Graf penerimaan aduan dari Januari hingga Disember 2016**

Aduan yang diterima daripada pengguna melibatkan pemegang dan bukan pemegang SPHM. Sepanjang tahun 2016, aduan yang diterima melibatkan pemegang SPHM adalah sebanyak **31 aduan** dan aduan yang melibatkan bukan pemegang SPHM adalah sebanyak **124 aduan** (rujuk Jadual 13 dan Carta 8).

**Jadual 13: Perbezaan aduan pemegang dan bukan pemegang SPHM bagi 2016**

KATEGORI ADUAN TAHUN 2016	
PEMEGANG SPHM	BUKAN PEMEGANG SPHM
31	124




**Carta 8: Peratusan perbezaan aduan pemegang dan bukan pemegang SPHM bagi 2016**

Daripada 155 aduan yang diterima sepanjang tahun 2016, sebanyak **85 aduan** telah berjaya diselesaikan manakala **70 aduan** tidak berjaya diselesaikan (rujuk Jadual 14 dan Carta 9).

**Jadual 14: Perbezaan jumlah aduan selesai dan tidak selesai tahun 2016**


STATUS ADUAN TAHUN 2016	
ADUAN SELESAI	ADUAN TIDAK SELESAI
85	70



**Carta 9: Peratusan perbezaan jumlah aduan selesai dan tidak selesai tahun 2016**

### Jumlah Pemantauan dan Penguatkuasaan dari Tahun 2011 hingga Tahun 2016

Pada tahun 2016 berlaku penurunan dari segi jumlah pemantauan dan penguatkuasaan berbanding tahun-tahun sebelumnya di mana jumlah pada tahun 2016 adalah sebanyak **911** pemeriksaan pemantauan dan penguatkuasaan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak **1,650** pemeriksaan (rujuk Carta 10). Ini disebabkan kekurangan pegawai yang bertukar ke cawangan lain atau bahagian serta menerima kenaikan pangkat.



**Carta 10: Graf jumlah pemantauan dan penguatkuasaan dari tahun 2011 hingga tahun 2016**

## Mesyuarat Majlis Halal Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Pengurusan dan Pembangunan Industri Halal Malaysia telah dibubarkan berkuatkuasa pada 11 Februari 2016 dan digantikan dengan Majlis Halal Malaysia (MHM). Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mengumumkan MHM bakal menjadi entiti khas yang menyelaras semua agensi yang terbabit dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal global.

Menurut YAB Timbalan Perdana Menteri (TPM), penubuhan MHM akan dibuat menerusi pembentangan akta khusus di Parlimen yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). YAB TPM turut menjelaskan tentang bidang tugas agensi berkaitan di mana JAKIM menerusi Bahagian Hab Halal akan berperanan dalam tadbir urus halal, pensijilan dan hal ehwal syariah manakala HDC (Perbadanan Pembangunan Industri Halal) akan menumpukan kepada dua perkara iaitu memperkasakan industri halal negara dan memperkembangkan industri halal ke peringkat antarabangsa.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Menteri-menteri dan Timbalan Menteri dari beberapa kementerian serta agensi-agensi yang terbabit dalam industri halal.

Majlis ini juga akan melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut:

1. Menetapkan dasar, peraturan serta garis panduan bagi pengurusan halal Malaysia;
2. Mengawal selia agenda pembangunan industri halal negara; dan
3. Menentukan Dasar Halal Negara berada pada landasan yang betul sejajar dengan pembangunan ekonomi negara.



## Multaqa Majlis Perundingan Islam (MPI)

JAKIM telah melaksanakan Multaqa Ekonomi Majlis Perundingan Islam pada 28 September 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Multaqa Ekonomi Majlis Perundingan Islam ini merupakan program anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang menjadi medium bagi sekumpulan pemikir untuk berbincang mengenai muamalat dan sosioekonomi umat Islam dan berfungsi sebagai wahana yang menyatukan umat Islam di negara ini. Multaqa Ekonomi ini ibarat himpunan majlis syura para ulama yang mampu membawa manfaat besar kepada ummah dan negara apabila anggotanya memainkan peranan sebagai pemikir dan pembawa resolusi bernas kepada isu dan permasalahan ekonomi umat Islam di Malaysia.





Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia Bil.1/2016 26 Ogos 2016 Dewan Syura, Aras 9, JAKIM

Perbincangan menjurus kepada penghargaan pihak UMS kepada pihak JAKIM berkenaan kerjasama yang diberi dalam memperoleh sijil halal bagi industri di China.

Turut dibincangkan berkenaan perancangan UMS untuk membantu syarikat-syarikat di negara China untuk mendapatkan sijil halal JAKIM.



### **33<sup>rd</sup> Session of The Regional Conference for Asia and Pacific 7 - 11 Mac 2016, PICC**

JAKIM telah menyertai pameran sempena program 33<sup>rd</sup> Session of The Regional Conference for Asia and Pacific di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Program anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini memberi tumpuan kepada peluang dan cabaran pekerjaan untuk meningkatkan keselamatan dalam pemakanan, produktiviti pertanian, taraf hidup populasi luar bandar serta sumbangan pertumbuhan ekonomi yang maju.



The Standard & Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIIC) 9<sup>th</sup> General Assembly di Istanbul Turki dari 23-24 Mei 2016

### **Kerjasama JAKIM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) 16 Jun 2016**

Telah berlangsung perjumpaan dan perbincangan antara JAKIM yang diketuai oleh Ketua Pengarah JAKIM YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diketuai oleh Naib Canselor Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah. Turut bersama, Dr. Sirajuddin bin Suhaimee selaku Pengarah Bahagian Hab Halal JaAKIM.



## HALAL KOREA 2016

JAKIM telah menyertai Pameran HALAL KOREA 2016 yang diadakan pada 21 Julai hingga 23 Julai 2016 bertempat di Seoul Trade Exhibition & Convention (SETEC), Seoul, Korea.

Pameran HALAL KOREA 2016 adalah anjuran Korea Federation of SMEs yang disokong oleh Kementerian Pertanian, Makanan & Hal Ehwal Hal Ehwal Luar Bandar Korea.



### Program Halal Bersama Usahawan India

Program ini adalah merupakan Kerjasama JAKIM Bersama Sekretariat Khas Memperkasakan Masyarakat India atau lebih dikenali dengan *The Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs (SEED)*. Program ini telah diadakan pada 13 Februari 2016 di Hotel Grand. Program ini memfokuskan usaha meningkatkan kesedaran akan kepentingan pensijilan halal di kalangan usahawan India.

### Program Walkabout Halal

*Halal Walkabout & Treasure Hunt 2016* adalah merupakan sebahagian daripada program kesedaran halal yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada 23 April 2016 bertempat di Pasaraya Tesco, Kota Bharu, Kelantan. Penganjuran program ini telah mendapat kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan dan rakan strategik iaitu Syarikat Yeo Hiap Seng (Malaysia) Berhad serta Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.



**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Melalui Bahagian Halal dinobatkan Sebagai Johan bagi Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2015 (Kategori ICT)**

Projek Halal Verified Engine yang memberi kemudahan kepada syarikat dan orang ramai dalam membuat rujukan dan maklumat bagi produk luar negara yang mempunyai Sijil/Logo Halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM berjaya mencuri hati juri kali ini.





*Perhubungan Antarabangsa  
dan Dalam Negeri*



## MAJLIS MENGHAFAZ AL-QUR'AN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-37 TAHUN 1438H/2016M

Majlis Menghafaz al-Qur'an Peringkat Kebangsaan (MHQK) ke-37 Tahun 1438H/2016M telah diadakan dengan jayanya pada 15 hingga 20 Februari 2016 bertempat di Pusat Konvensyen Amanjaya, Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak. Majlis selama lima hari ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Majlis Pembukaan MHQK Tahun 1438H/2016M telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam, Pembangunan Sahsiah Negeri Perak Darul Ridzuan, YB Dato' Drs. Mohd Nizar bin Zakaria. Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah pula telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Tiga kategori telah dipertandingkan iaitu kategori juzuk 1 – 10, juzuk 1 – 20 dan juzuk 1 – 30 bagi lelaki dan perempuan.



Johan Hafiz dan Hafizah Kategori 1 – 30 Juzuk



Astaka Majlis Menghafaz di Pusat Konvensyen Amanjaya,  
Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh, Perak

## MAJLIS TILAWAH AL-QUR'AN PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-59 TAHUN 1437H/2016M

Majlis Tilawah al-Qur'an Peringkat Kebangsaan ke-59 yang bermula pada 21 hingga 26 Mac 2016 di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya telah disertai seramai 30 qari dan qariah dari seluruh Malaysia.

Majlis Perasmian Pembukaan telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Majlis turut dihadiri oleh YABhg Datin Sri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, berserta isteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), berserta isteri.

Majlis Tilawah ke-59 pada tahun ini yang bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara" turut menampilkan kelainan apabila bekas-bekas juara qari dan qariah peringkat kebangsaan telah dijemput untuk memperdengarkan bacaan al-Qur'an. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah kepada peserta telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, berserta isteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) berserta isteri. Johan Qari dan Qariah membawa pulang wang tunai berjumlah RM30,000 dan sebuah kereta Proton Exora sumbangan daripada Lembaga Tabung Haji dan pakej menunaikan Haji. Naib Johan dan tempat ketiga bagi Qari dan Qariah pula membawa pulang hadiah wang tunai masing-masing berjumlah RM20,000 dan RM10,000. Hadiah saguhati berupa wang tunai RM5,000 telah diberikan kepada semua peserta yang menyertai Majlis Tilawah pada tahun ini.



Johan Qari dan Qariah



Pemenang MTQK 2016 bersama-sama hadiah Proton Exora

## MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1438H/2016M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H/2016M telah diadakan dengan jayanya pada 11 Rabiulawal 1438H bersamaan 11 Disember 2016M (Ahad), bertempat di Masjid Putra, Putrajaya.

Dengan bertemakan “Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah,” majlis telah diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, dan YABhg Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, dan YABhg Datin Seri Hamidah Khamis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom (B) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H/2016M, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Senator Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Haji Dusuki serta tetamu-tetamu kenamaan yang lain. Majlis sambutan ini turut disertai lebih 3,000 peserta termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan swasta, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.

Pada majlis ini juga, YAB Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul SAW kepada sembilan penerima anugerah. Tuan Haji Mohammed Yusof bin Haji Abu Bakar telah dipilih menerima Anugerah Perdana Maulidur Rasul SAW bagi tahun 1438H/2016M. Beliau menerima wang tunai RM50,000.00, sijil dan plak. Lapan lagi penerima Anugerah Maulidur Rasul SAW ialah YBhg. Datu Haji Putit bin Matzen, YBhg Dato’ Sallehudin bin Omar, YBrs Dr. Hashim bin Mehat, YBhg Datuk Fadilah binti Baharin, YBrs Dr. Lim Swee Tin, Puan Hasliza binti Hassan, Encik Abdul Latif bin Romly dan Encik Mohd Kamal bin Ismail. Penerima anugerah, masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000.00, sijil dan plak.



YAB Perdana Menteri menyampaikan Anugerah Perdana kepada Tuan Haji Mohammed Yusof bin Haji Abu Bakar



YAB Perdana Menteri bergambar bersama-sama penerima-penerima anugerah

## MAJLIS SAMBUTAN MA’AL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1438H/2016M

Majlis Sambutan Ma’al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H/2016M telah diadakan dengan jayanya pada 1 Muharram 1438H bersamaan 2 Oktober 2016 (Ahad), bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu’tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu’adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah berkenan menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya. Bertemakan “Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah,” majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak dan YABhg Datin Sri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom (B) dan YBhg Datin Seri Fatmawati binti Haji Saidin serta tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis tersebut turut disertai lebih 10,000 peserta meliputi Badan Kerajaan, Badan Berkanun, Badan Beruniform, Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sekolah dan orang ramai. Seramai 105 kontinjen telah mengambil bahagian dalam perarakan Ma'al Hijrah bermula dari Pintu 1 ke Dewan A MAEPS sambil mengalunkan selawat kepada Baginda Nabi Muhammad SAW.

Pada majlis tersebut juga, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan menyampaikan anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1438H/2016M kepada mantan Ketua Hakim Negara, YABhg Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz bin Datuk Sheikh Abdul Halim yang membawa pulang wang tunai sebanyak RM120,000.00, medal dan sijil penghargaan. Buat julung-julung kalinya pada tahun ini telah diperkenalkan Anugerah Khas Ma'al Hijrah dan penghormatan tersebut telah diberikan kepada Ketua Panel Dakwah, Majlis Perundingan Islam (MPI) Allahyarham Tuan Guru Dato' Dr. Haron bin Din. Kerajaan telah bersetuju memberikan sumbangan wang tunai sebanyak RM100,000.00 dan sijil penghargaan.

Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H/2016M turut diserikan lagi dengan persembahan khas gabungan Peserta Rancangan Realiti TV Adik-adikku, Pensyarah UKM/Penceramah Bebas, Ybhc Dato' Dr. Haji Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim serta artis Ameng Spring. Turut diadakan ialah acara perasmian bas "Surau Bergerak" oleh YAB Perdana Menteri. Bas yang diubah suai menjadi surau bergerak tersebut merupakan inovasi bersama Bank Rakyat dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam usaha memudahkan umat Islam menunaikan solat dengan lebih selesa untuk menghadiri program, aktiviti dan karnival di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.



Menteri di JPM, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), mengetuai perarakan sempena sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1438H/2016M



Kontinjen perarakan



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan bergambar bersama-sama penerima anugerah

## PERSIDANGAN PENERUSI-PENERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL ISLAM SELURUH MALAYSIA BIL.1/2016

Pada 12 Sya'ban 1437 bersamaan 19 Mei 2016, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Persidangan Pengerusi-pengerusi Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia Bil.1/2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Bangunan PERKIM, Kuala Lumpur. Persidangan yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), dihadiri oleh lima orang Pengerusi Hal Ehwal Islam negeri-negeri iaitu Selangor, Melaka, Perlis, Kelantan dan Pulau Pinang. Turut hadir adalah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato'



Pelepasan pasukan perarakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B)

Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, merangkap Setiausaha Persidangan, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah JAKIM, Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia, agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Hal Ehwal Khas dan Pengarah-pengarah Bahagian di JAKIM.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) bergambar bersama-sama Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia



Persidangan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B)

## PERSIDANGAN KETUA JABATAN/MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELURUH MALAYSIA (PKJ) TAHUN 2016

Sepanjang tahun 2016, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah berjaya menganjurkan tiga persidangan PKJ dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri seperti berikut:

1. PKJ kali ke-99 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 4 Mac 2016.
2. PKJ kali ke-100 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 11 Ogos 2016.
3. PKJ kali ke-101 di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah pada 18 hingga 20 November 2016.

Persidangan tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Ahli persidangan yang hadir terdiri daripada Pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam

Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta Pegawai-pegawai Kanan wakil agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Lembaga Tabung Haji serta Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. Persidangan ini turut dihadiri oleh wakil-wakil dari Jabatan Bantuan Guaman Malaysia, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Polis Diraja Malaysia dan Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM.

Persidangan ini merupakan platform terbaik untuk mengukuhkan kerjasama antara JAKIM dan JAIN/MAIN dalam pengurusan hal ehwal agama Islam di peringkat negeri dan Persekutuan. Persidangan ini juga bertujuan untuk menyelaraskan dan mewujudkan keseragaman dalam pentadbiran dan pelaksanaan hukum syarak di negeri-negeri di samping mempelajari kemajuan yang dicapai oleh JAIN/MAIN untuk dijadikan panduan dan contoh kepada yang lain.



Ahli Persidangan bergambar sempena PKJ ke-99



Sekitar Persidangan PKJ ke-100



Ahli persidangan bergambar sempena PKJ ke-101

## MESYUARAT INDUK MAJLIS PERUNDINGAN ISLAM (MPI) BIL.1/2016

Mesyuarat Induk Majlis Perundingan Islam (MPI) Bil.1/2016 telah dilaksanakan pada 11 Februari 2016 (Khamis) bertempat di Dewan Putra B2, PICC. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, ini membincangkan berkenaan hala tuju MPI, isu pembentukan sistem kehidupan dan perpaduan ummah, gejala sosial dan krisis moral serta ketuanan Islam dan sistem perundangan negara.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, dan Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai 58 orang ahli panel daripada pelbagai bidang dan latar belakang.

Antara fungsi-fungsi MPI adalah bagi menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan dengan unsur-unsur Islam yang boleh dijadikan asas serta pegangan kepada usaha-usaha pembangunan dan pentadbiran Negara serta memberi nasihat asas (*first opinion*) dan nasihat lanjutan (*second opinion*) di samping membuat penyesuaian-penyesuaian terhadap bentuk teknologi mengikut lunas-lunas Islam.

MPI juga bertindak sebagai jawatankuasa yang menggabungkan tenaga-tenaga pakar daripada disiplin ilmu sebagai *think tank* bagi membantu Kerajaan dalam memberikan idea dan cadangan yang bernas ke arah melaksanakan agenda pembangunan negara menurut landasan syarak. Selain itu, MPI juga dilihat sebagai forum bagi meningkatkan lagi hubungan antara kerajaan dengan para cendekiawan.



Sesi bergambar YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi bersama-sama Ahli Panel MPI

## MESYUARAT PANEL MAJLIS PERUNDINGAN ISLAM (MPI) BIL.1/2016

Mesyuarat Panel MPI Bil.1/2016 telah diadakan pada 12 April 2016 (Selasa) jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang bertempat di Hall 4 dan Hall 5, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) berkonsepkan makmal (*lab*) dan dilaksanakan secara serentak bagi ketujuh-tujuh panel. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, dan Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Mesyuarat ini turut disertai oleh 96 orang ahli panel daripada pelbagai bidang dan latar belakang.

Mesyuarat Panel MPI ini bertujuan untuk membincang dan memperhalusi isu-isu berkaitan panel masing-masing bagi melahirkan seberapa banyak idea baharu yang boleh memperkasakan apa yang sedia ada dengan mengambil kira Islam sebagai asas dan sandaran, seterusnya mengemukakan cadangan dan langkah penyelesaian *Quick Win* terhadap isu-isu yang telah diutarakan.



YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mempengerusikan Mesyuarat Induk MPI Bil.1/2016



Ucaptama YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi



Perbincangan Panel MPI berkonsepkan makmal



Barisan tetamu jemputan

## MULTAQA PERUNDANGAN & POLITIK MAJLIS PERUNDINGAN ISLAM (MPI)

Multaqa Perundangan dan Politik Majlis Perundangan Islam (MPI) telah dilaksanakan pada 15 Disember 2016 (Khamis) bertempat di Dewan Mesmera, Hotel Everly Putrajaya. Multaqa ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi.



Multaqa Perundangan dan Politik sedang berlangsung

Multaqa Perundangan dan Politik, Majlis Perundangan Islam (MPI) ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan medium perbincangan yang lebih tuntas dan telus bertujuan mencari kaedah terbaik dan mencadangkan penyelesaian terhadap pelbagai isu berkaitan isu Perundangan dan Politik umat Islam di Malaysia. Multaqa pada kali ini bertemakan Transformasi Perundangan dan Politik di Malaysia.

Multaqa ini turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki dan Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Multaqa ini telah dihadiri oleh seramai 500 orang peserta daripada pelbagai agensi iaitu ahli-ahli MPI, JAIN, MAIN, Ketua-ketua Jabatan, ahli Perundangan, ahli Politik, NGO dan persatuan.



Ucaptama YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

## MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QUR'AN PERINGKAT ANTARABANGSA KE-58 TAHUN 1437H/2016M

Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa (MTHQA) ke-58 Tahun 1437H/2016M telah diadakan pada 2 hingga 7 Mei 2016 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Acara tahunan yang diadakan sebelum menjelang bulan Ramadhan ini telah dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B), merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Qur'an Peringkat Antarabangsa ke-58 Tahun 1437H/2016M.

MTHQA pada tahun ini menyaksikan peningkatan penyertaan keseluruhan seramai 92 orang peserta dari 57 buah negara berbanding 82 orang peserta dari 47 buah negara pada tahun sebelum ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 69 orang peserta telah melepasi tahap kelayakan saringan, iaitu 38 orang peserta bagi kategori tilawah, terdiri daripada 22 orang qari dan 16 orang qariah. 31 orang peserta lagi, bagi kategori menghafaz 30 juzuk al-Qur'an, iaitu 22 orang peserta hafiz dan sembilan orang peserta hafizah.

Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah telah diadakan pada 7 Mei 2016 (Sabtu). Acara penyampaian

hadiah kepada peserta lelaki melibatkan kedua-dua kategori iaitu tilawah dan hafazan telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Manakala acara penyampaian hadiah kepada peserta perempuan telah disempurnakan oleh YBhg Datin Seri Fatmawati binti Saidin. Turut diadakan sempena Majlis Penutupan MTHQA kali ini ialah penyampaian sijil penghargaan kepada tokoh al-Qur'an Negara iaitu YBhg Tan Sri Datuk Haji Hassan bin Azhari sebagai mengenang jasa dan sumbangan besar beliau kepada pembangunan program al-Qur'an di tanah air khususnya kepada MTHQA.

Johan qari dan qariah membawa pulang piala iringan, wang tunai RM40,000 dan kepingan emas bernilai RM70,000 manakala johan hafiz dan hafizah memperoleh piala iringan, wang tunai RM20,000 dan kepingan emas bernilai RM40,000. Hadiah kepingan emas merupakan tajaan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM). Keputusan penuh MTHQA ke-58 Tahun 1437H/2016M adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Keputusan Qari Kategori Tilawah**

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Wan Ainuddin Hilmi bin Abdullah	Malaysia
Naib Johan	Awangku Muhd Adibul Amin bin Pengeran Haji Marjuki	Brunei
Ketiga	Haji Awaluddin bin Mohor	Indonesia
Keempat	Seyed Mostafa Hosseini	Iran
Kelima	Mohammad Nadhir Asgar, Jr	Filipina

**Jadual 2: Keputusan Qariah Kategori Tilawah**

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Nor Azrah binti Ayub	Malaysia
Naib Johan	Mastia Lestaluhi	Indonesia
Ketiga	Siti Huzzaimah Yadey	Brunei
Keempat	Salma Bounaamane	Morocco
Kelima	Sabaha P. Salik	Filipina

**Jadual 3: Keputusan Hafiz Kategori Hafazan**

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Abdulla Said Mohamed Bayoumy Elkazzaz	Mesir
Naib Johan	Mohammad Omar bin Mansu	Malaysia
Ketiga	Hamzah El Habashy	Amerika Syarikat

**Jadual 4: Keputusan Hafizah Kategori Hafazan**

KEDUDUKAN	PEMENANG	NEGARA
Johan	Mayada Mahmoud Mahmoud Abdelrahim	Mesir
Naib Johan	Fariyah binti Zulkifli	Malaysia
Ketiga	Asma Adra	Lubnan



Tetamu kenamaan di Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah MTHQA



Penyampaian hadiah kepada Johan Kategori Tilawah



Penyampaian hadiah kepada peserta Qariah Tilawah

## PERTEMUAN MABIMS KE-17: SEPAKAT DENGAN PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK MABIMS TAHUN 2016 - 2020

Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOM) ke-41 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) ke-17 telah diadakan pada 3 hingga 7 Disember 2016 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Mesyuarat SOM ke-41 telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha. Manakala Pertemuan MABIMS ke-17 telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Kesemua menteri-menteri agama negara anggota MABIMS hadir ke pertemuan kali ini. Keseluruhan kehadiran ahli Mesyuarat SOM ke-41 dan Pertemuan MABIMS ke-17 berjumlah 30 orang.

Delegasi SOM dan MABIMS telah dibawa melawat Makmal Analisis Halal JAKIM dan Kompleks Islam Putrajaya di Presint 3, Putrajaya. Selain itu, delegasi juga diraikan dalam Majlis Makan Malam di Cruise Putrajaya dan Majlis Makan Tengah Hari di Imarah Wakaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Turut diadakan Pelancaran Buku Pelan Strategik MABIMS semasa Majlis Makan Tengah Hari di Imarah Wakaf MAIWP.



Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura



Perjalanan Sidang Pertemuan MABIMS ke-17



Delegasi SOM ke-41 dan MABIMS ke-17

## MUZAKARAH RUKYAH DAN TAKWIM ISLAM NEGARA ANGGOTA MABIMS TAHUN 2016

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah berjaya menganjurkan Muzakarah Rukyah Dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS pada 2 hingga 4 Ogos 2016 bertempat di Klana Beach Resort, Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Muzakarah ini telah dihadiri oleh wakil-wakil delegasi dari negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura serta ahli Panel Pakar Falak JAKIM. Selain itu, muzakarah ini turut dihadiri oleh Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Sabah, Sarawak dan pegawai falak yang mewakili Jabatan Mufti Negeri masing-masing. Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha, telah mempengerusikan muzakarah ini sepanjang ia berlangsung.

Majlis perasmian muzakarah ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B). Turut hadir dalam majlis perasmian ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Haji Dusuki, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, YBhg Dato' Sri Syed Danial bin Syed Ahmad, dan Pengarah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, YBhg Datuk Selamat bin Paigo.

Muzakarah diakhiri dengan pembentangan resolusi muzakarah yang disampaikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM, YBrs Tuan Haji Mohamad bin Saari, manakala, ucapan penutupan muzakarah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha.



Kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam majlis perasmian Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS





Ucapan perasmian oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B)



Lawatan YB Menteri ke kubah Balai Cerap Telok Kemang, Port Dickson



Delegasi dari Negara Brunei, Indonesia, Singapura, Malaysia, Ahli Panel Pakar Falak JAKIM, S.S Mufti-mufti dan tetamu jemputan bergambar bersama-sama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha mempengerusikan muzakarah



Suasana ketika Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS sedang berlangsung

## KURSUS TAHSIN TILAWAH AL-QUR'AN KEPADA GURU-GURU AL-QUR'AN KEMBOJA SIRI PERTAMA TAHUN 2016 (KTQ-KEMBOJA 2016)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Pejabat Majlis Tertinggi Pimpinan Umat Islam Kemboja telah menganjurkan Kursus Tahsin Tilawah al-Qur'an Kepada Guru-guru al-Qur'an Kemboja Siri Pertama Tahun 2016 (KTQ-Kemboja 2016) pada 28 November hingga 2 Disember 2016 (Isnin-Jumaat) di Phnom Penh, Kemboja.

Seramai 40 orang peserta menyertai KTQ-Kemboja 2016 terdiri daripada 26 orang peserta lelaki dan 14 orang peserta perempuan. Para peserta terdiri dalam kalangan guru-guru al-Qur'an, imam, dan qari/qariah yang terlibat secara langsung dengan Majlis Tilawah al-Qur'an di Kemboja. Kandungan kursus merangkumi ceramah berkaitan bidang-bidang tilawah al-Qur'an, talaqi dan mushafahah bacaan al-Qur'an, latihan amali dan persembahan pencapaian peserta.

Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil Penyertaan KTQ-Kemboja 2016 telah disempurnakan oleh Mufti Kerajaan Kemboja, S.S Tuan Haji Kamarudin bin Yusof. Penganjuran KTQ-Kemboja 2016 amat mustahak dalam memastikan kelangsungan kerjasama pembangunan ummah dalam kalangan masyarakat Islam Kemboja khususnya dalam bidang tilawah al-Qur'an. Hal ini telah dinyatakan oleh Mufti Kerajaan Kemboja, S.S Tuan Haji Kamarudin bin Yusof, ketika berucap di Majlis Penutupan Kursus. Beliau juga mengharapkan supaya kursus ini diteruskan secara berkala pada masa akan datang ke arah melahirkan generasi umat Islam Kemboja yang menguasai bidang tilawah al-Qur'an. Kursus ini juga mampu mempertingkatkan jalinan hubungan yang lebih erat di samping menjadi satu medium penting dalam mengembangkan dakwah Islam melalui tahsin tilawah al-Qur'an.



Majlis Penutupan KTQ-Kemboja 2016 oleh SS Mufti Kerajaan Kemboja



Penyampaian Sijil Penyertaan kepada peserta

## PENGHANTARAN PESERTA MALAYSIA KE MUSABAQAH PERINGKAT ANTARABANGSA 2016

Sepanjang tahun 2016, Malaysia telah menerima jemputan bagi menyertai Musabaqah al-Qur'an Peringkat Antarabangsa yang diadakan di seluruh dunia. Pada tahun

ini sebanyak 17 musabaqah telah disertai oleh peserta Malaysia yang melibatkan 15 buah negara penganjur.

JAKIM, selaku urus setia bagi penyertaan dan penghantaran peserta ke Musabaqah Peringkat Antarabangsa telah menguruskan penghantaran seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada 33 orang peserta lelaki dan tiga orang peserta wanita. Dua kategori utama yang disertai oleh peserta negara ialah kategori Tilawah al-Qur'an dan kategori Menghafaz al-Qur'an. Bagi kategori menghafaz al-Qur'an pula terbahagi kepada bahagian 1 – 10 juzuk, 1 – 20 juzuk dan 1 – 30 juzuk berserta tafsir.

Pelbagai kejayaan dan pencapaian telah diperolehi oleh peserta-peserta yang mewakili negara pada tahun ini. Antaranya ialah bagi kategori tilawah al-Qur'an, peserta negara Abdul Khair bin Jalil telah mendapat johan dalam "7th Session of The Kuwait International Prize for Memorization, Recitation and Tajweed of The Holy Quran" di Kuwait pada 13 hingga 20 April 2016. Johan dalam "Asean al-Qur'an Recital Competition Thailand" di Bangkok, Thailand pada 30 April hingga 2 Mei 2016 disandang oleh Mohamad Husaini bin Mahmur manakala Siti Husnaa binti Hassan telah mendapat tempat kedua bagi kategori qariah. Saudara Abdullah Fahmi bin Che Nor pula telah berjaya mendapat johan dalam "17th Moscow International Quran Reciting Competition" dalam musabaqah yang diadakan pada 22 hingga 26 September 2016 di Moscow, Rusia.

Bagi kategori hafazan pula, beberapa kejayaan telah diperolehi oleh peserta negara antaranya dalam "The Annual Prince Sultan Bin Abdulaziz Alu Saud" yang diadakan di Jakarta Indonesia di mana dua orang peserta negara telah mendapat tempat ketiga bagi kategori 1 – 30 juzuk dan 1 – 20 juzuk iaitu Muhammad Syazani bin Jemy dan Syazri Muhammad Husni bin Mohd Sharoni. Manakala saudara Muhammad Hilmi bin Muhd Khalil telah mendapat tempat keempat bagi kategori 1 – 15 juzuk dalam "23rd Round of The Universal Competition for The Memorization and Recitation of The Holy Quran, di Mesir.



Abdul Khair bin Jalil mendapat johan dalam "7th Session of The Kuwait International Prize for Memorization, Recitation and Tajweed of The Holy Quran" di Kuwait pada 13 hingga 20 April 2016



Mohamad Husaini bin Mahmud mendapat tempat pertama dalam "Asean Al-Qur'an Recital Competition Thailand" di Bangkok, Thailand pada 30 April hingga 2 Mei 2016 manakala Siti Husnaa binti Hassan mendapat tempat kedua



Abdullah Fahmi bin Che Nor berjaya mendapat johan dalam "17th Moscow International Quran Reciting Competition" yang diadakan pada 22 hingga 26 September 2016 di Moscow, Rusia



Muhammad Syazani bin Jemy dan Syazri Muhammad Husni bin Mohd Sharoni dalam *The Annual Prince Sultan Bin Abdulaziz Alu Saud* di Indonesia



Muhammad Hilmi bin Muhd Khalil mendapat tempat keempat kategori 1 – 15 juzuk dalam “23<sup>rd</sup> Round of The Universal Competition for The Memorization and Recitation of The Holy Quran, di Mesir

## PERMOHONAN SOKONGAN PAS LAWATAN IKHTISAS

JAKIM telah mengendalikan urusan permohonan Surat Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas bagi warganegara asing semenjak pertengahan tahun 1995. Pas Lawatan Ikhtisas bagi tenaga pengajar dan pelajar warganegara asing perlu mendapat sokongan daripada Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN)/Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan dan memudahkan proses permohonan tersebut, pihak JAKIM telah membangunkan Sistem Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas (e-Ikhtisas) versi 2.0 bagi membolehkan permohonan surat sokongan Pas Lawatan Ikhtisas

dilaksanakan secara dalam talian (*online*). Sepanjang tahun 2016, Bahagian ini telah mengeluarkan sejumlah 2,724 surat sokongan bagi tenaga pengajar dan pelajar warganegara asing yang ingin mengajar atau belajar agama Islam di negara ini.



Paparan utama laman web Sistem Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas

## **PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR DAN SISTEM PENGELUARAN SURAT SOKONGAN PAS LAWATAN VISA IKHTISAS**

Bagi memantapkan lagi prosedur pengeluaran Surat Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas (PLI) melalui Sistem e-Ikhtisas Versi 2.0, Bahagian Perhubungan telah mengambil inisiatif melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi memberi perkhidmatan terbaik dan lebih mesra pengguna yang terdiri daripada kategori penganjur, tenaga pengajar dan pelajar antarabangsa.

Menyahut seruan Kerajaan bagi merakyatkan perkhidmatan awam, sistem versi ini membolehkan pihak penganjur mengambil surat sokongan Pas Lawatan Ikhtisas di JAIN/MAIN/Pejabat Mufti di negeri kediaman masing-masing tanpa perlu datang ke JAKIM, Putrajaya.

Versi terbaharu ini juga menyediakan kemudahan kepada pelajar dan tenaga pengajar mengisi permohonan secara dalam talian, apabila proses ini dipertanggungjawabkan kepada pihak sekolah sahaja. Sistem ini juga membolehkan pihak sekolah, masjid atau institusi untuk menyemak status proses permohonan secara dalam talian, terutamanya permohonan yang berada di peringkat tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

# *Pengurusan dan Kewangan*

## Pengurusan Aset Kerajaan

1. Pengurusan Aset adalah bertanggungjawab merancang, memantau, membuat pengawasan serta menyelia pengurusan aset di JAKIM Ibu Pejabat dan juga Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM yang lain.
2. Pada tahun 2016, telah berjaya mengendalikan empat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset (JKPAK) dan mengemukakan laporan tahunan ke Perbendaharaan Malaysia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan 1 PP yang berkuatkuasa pada 3 Julai 2014 pada tarikh seperti berikut:

**Jadual 1: Mesyuarat Pengurusan Aset**

BIL	MESYUARAT JKPAK JAKIM	TARIKH
1.	JKPAK Bil.1/2016	20 April 2016
2.	JKPAK Bil.2/2016	18 Julai 2016
3.	JKPAK Bil.3/2016	20 Oktober 2016
4.	JKPAK Bil.4/2016	17 Januari 2017

3. JKPAK ini turut bertanggungjawab dalam memastikan kompetensi dan pengetahuan pegawai yang menguruskan aset dan stor di Bahagian dan PTJ sentiasa ditingkatkan melalui penganjuran kursus dan penglibatan bengkel-bengkel di peringkat JPM. Antara lain penglibatan program dan kursus yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - a. Bengkel Sistem Pengurusan Stor (SPS) yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi menaik taraf Pengurusan Stor iaitu:
  - b. Bengkel Pengurusan Aset dan Stor di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi pada 25 sehingga 27 April 2016.
4. Pada tahun 2016 telah menguruskan empat permohonan pelupusan di Ibu Pejabat dan 11 permohonan pelupusan bagi PTJ.

**Jadual 3: Program-program yang dilaksanakan**

PROGRAM	BILANGAN	PENYERTAAN
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM	10	Pengarah-pengarah Bahagian di Ibu Pejabat JAKIM dan PTJ
Mesyuarat Pagi JAKIM	21	Pengarah-pengarah Bahagian di Ibu Pejabat JAKIM
Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM	9	Warga JAKIM
Majlis Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri	1	Warga Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

5. Juga memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan aset dan stor kepada semua PTJ.
6. Juga telah menguruskan pelantikan Pegawai Aset di Ibu Pejabat (dua orang), Pegawai Aset di PTJ (12 orang), Penolong Pegawai Aset (17 orang), Pegawai Pemeriksa Aset PTJ (29 orang), Pegawai Pemeriksa Aset Ibu Pejabat (35 orang), Pegawai Pemeriksa Aset PTJ (29 orang), Pegawai Pemeriksa Aset Sabah (lapan orang), Pegawai Pemeriksa Aset Sarawak (empat orang) dan Lembaga Pemeriksaan Pelupusan Aset (17 orang).
7. Bagi tahun 2016, JAKIM Ibu Pejabat telah membuat perolehan seperti berikut:

**Jadual 2: Senarai perolehan tahun 2016**

BIL	KATEGORI	KUANTITI	RM
1.	Harta modal	2	82,334.40
2.	Aset bernilai rendah	46	9,004.00

8. Sistem Pengurusan Stor (SPS) telah dilaksanakan di semua PTJ mulai 26 Oktober 2016 manakala Ibu Pejabat akan dilaksanakan mulai Januari 2017 setelah kerja-kerja perpindahan ke bangunan baru selesai.

## Pentadbiran Am

1. Antara program utama pengurusan JAKIM yang telah dilaksanakan ialah mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan, Perhimpunan Agensi-agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Perhimpunan Bulanan JAKIM dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Berikut adalah pelaksanaan program peringkat jabatan yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2016:

2. Peranan sebagai penyelar program bagi Sektor Pengurusan JAKIM seperti Mesyuarat Pagi Sektor Pengurusan.
3. Selain itu, Pentadbiran juga berkait dengan penyediaan infrastruktur, penyelenggaraan aset-aset milik jabatan dan membuat semakan berkaitan keselamatan jabatan secara kerap dan teratur. Tugas rutin ini sentiasa dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti JKR, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, syarikat penyelenggaraan dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
4. Bagi memastikan pengurusan kenderaan Jabatan berjalan lancar bahagian ini telah membuat perolehan sebuah kenderaan baru iaitu sebuah Toyota Innova bagi tahun 2016.

### Keselamatan

1. Keselamatan merupakan nadi penggerak kepada program-program yang melibatkan keselamatan Jabatan dalam memastikan keselamatan Jabatan sentiasa berada di tahap kawalan maksima juga berperanan menganjurkan bengkel dan kursus berkaitan keselamatan seperti berikut:

**Jadual 4: Program-program yang dilaksanakan**

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel SOP Keselamatan 3 Masjid Utama JAKIM	18 hingga 19 April 2016	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKePT), Bandar Enstek
2.	Kursus Asas Keselamatan Dokumen	25 hingga 26 April 2016	Masjid Putra, Putrajaya
3.	Kursus Asas Keselamatan Kebakaran Kepada Pasukan ERT (Emergency Response Team)	3 hingga 5 Mei 2016	Akademi Bomba dan Penyelamat, Kuala Kubu Bahru, Selangor

2. Keselamatan juga berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan pelupusan dokumen secara berterusan dari masa ke semasa mengikut keperluan agar pengurusan dokumen di Jabatan berada dalam keadaan baik dan terurus sebagaimana yang telah digariskan dalam Jadual Pelupusan Rekod (JPR). Aktiviti pelupusan dokumen adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 5: Aktiviti pelupusan dokumen**

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Pelupusan Fail Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	17 Oktober 2016
2.	Pelupusan Fail Bahagian Media	7 Oktober 2016
3.	Pelupusan Fail Bahagian Khidmat Pengurusan	24 Oktober 2016
4.	Pelupusan Fail Bahagian Perancangan dan Penyelidikan	24 Oktober 2016
5.	Pelupusan Fail Bahagian Khidmat Pengurusan	29 Oktober 2016
6.	Pelupusan Fail Bahagian Bahagian Khidmat Pengurusan	31 Oktober 2016

### Komunikasi Korporat

1. Komunikasi Korporat berkaitan dengan peranan sebagai perantara JAKIM dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan masyarakat.
2. Juga berperanan sebagai pusat tumpuan pengaduan awam dan bertanggungjawab melaksanakan sistem pengendalian pengaduan awam berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.4 Tahun 1992 dan PKPA Bil.1 Tahun 2009 selaras dengan fungsi dan tanggungjawab seperti berikut:
  - a. Menerima aduan-aduan awam mengenai ketidakpuasan hati terhadap sebarang tindakan pentadbiran Kerajaan;
  - b. Menyiasat aduan-aduan awam yang mempunyai asas; dan
  - c. Melaporkan dan memperakukan hasil siasatan mengenai aduan-aduan itu di dalam Mesyuarat Pengurusan.



3. Pengaduan awam yang diterima dikendalikan cekap dan berkesan dengan mengutamakan ciri-ciri seperti berikut:
  - a. Semua aduan diselesaikan dengan cepat, tepat, adil dan cermat;
  - b. Aduan diuruskan dengan jujur, berkecuali dan identiti pengadu dirahsiakan (atas permintaan pengadu); dan
  - c. Tindakan pemulihan adalah adil, objektif dan telus.
4. Berikut adalah statistik melibatkan aktiviti Komunikasi Korporat JAKIM bagi tahun 2016:

**Jadual 6: Aktiviti Cawangan Komunikasi Korporat**

AKTIVITI	BILANGAN
Sidang media JAKIM	64 kali
Kenyataan media JAKIM	71 kenyataan
Lawatan pihak luar ke JAKIM	80 kali

**Jadual 7: Berita yang tersiar di laman web/portal JAKIM sepanjang tahun 2016**

BULAN	BILANGAN
Januari	7
Februari	5
Mac	18
April	21
Mei	9
Jun	11
Julai	8
Ogos	19
September	16
Oktober	19
November	11
Disember	12
Jumlah	156

**Jadual 8: Statistik aduan awam yang diterima dan direkodkan sepanjang tahun 2016**

BULAN	BILANGAN
Januari	7
Februari	8
Mac	12
April	13
Mei	6
Jun	9
Julai	7
Ogos	8
September	6
Oktober	7
November	15
Disember	8
Jumlah	106

5. Program-program Komunikasi Korporat seperti berikut:

**a. Majlis Apresiasi Media bersama JAKIM Tahun 2016**

Majlis Apresiasi Media bersama JAKIM Tahun 2016 telah diadakan pada 22 Oktober 2016 di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Program bercirikan aktiviti sukan yang julung kali dianjurkan ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) dengan dihadiri oleh Ketua Pengarah JAKIM, YBhg Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha dan pengamal media yang sering mendukung aspirasi JAKIM. Penyertaan pada kali ini adalah seramai hampir 300 orang. Majlis yang berkonsepkan aktiviti memanah dan berkuda bagi menghayati Sunnah Nabi SAW ini bertujuan memberi penghargaan kepada pengamal media yang sering membantu JAKIM menyebarkan fungsi dan peranan JAKIM selaku agensi Agama di peringkat persekutuan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan di samping mewujudkan kerjasama strategik dan harmoni.

## b. Kursus Pengurusan Komunikasi Korporat JAKIM Tahun 2016

Kursus Pengurusan Komunikasi Korporat JAKIM telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2016 di Shah's Beach Resort, Tanjung Kling, Melaka. Kursus ini bertujuan memperkasa gerak kerja pasukan komunikasi korporat JAKIM di samping menggalakkan peserta menyerlahkan potensi diri yang cemerlang dalam merealisasikan Pelan Strategik JAKIM.

## c. Pengurusan Media

Cawangan Komunikasi Korporat telah dipertanggungjawabkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi JAKIM untuk menguruskan sebarang interaksi pihak Jabatan dengan pengamal media sama ada media cetak, media elektronik dan media massa melalui Pelan Perancangan Strategik Media JAKIM. Ini termasuklah menguruskan semua pihak media dalam membuat liputan sebarang aktiviti dan program Jabatan serta mengendalikan sidang media berdasarkan isu-isu semasa yang timbul berkaitan peranan dan bidang kuasa Jabatan.

## d. Menangani Krisis Media Sosial

Satu taklimat berkaitan Kaedah Menangani Krisis Media Sosial telah diadakan pada 27 Oktober 2016 dengan kerjasama *Islamic Strategic Communications Centre (ICOMS)* dan Persatuan Kakitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU) khusus untuk memberi pendedahan dan perkongsian ilmu kepada pegawai JAKIM kaedah terbaik menguruskan krisis media sosial, kaedah menghadapi keganasan persepsi, strategi pemulihan persepsi dan kaedah membuat jangkakan awal risiko serangan persepsi.



Bergambar kenangan bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas perasmian



Peserta diberikan taklimat untuk aktiviti memanah

## Penghijrahan JAKIM ke Kompleks Islam Putrajaya (KIP)

Bahagian Khidmat Pengurusan JAKIM juga telah komited dalam menjayakan perpindahan JAKIM dari Blok D7 dan D9, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya ke Kompleks Islam Putrajaya (KIP) di Presint 3, Putrajaya yang secara strategik terletak di bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3, Putrajaya. Operasi perpindahan dimulakan dengan penghijrahan Pembangunan Insan yang dahulunya beroperasi di Cyberjaya, Bahagian Pengurusan Maklumat serta Bahagian Hab Halal masing-masing ditempatkan di Blok A dan Blok D Kompleks Islam Putrajaya (KIP).

Sepanjang perpindahan berlangsung pegawai-pegawai penyelaras bahagian telah memainkan peranan penting dalam memastikan aset-aset, peralatan dan dokumen di peringkat Bahagian sampai dalam keadaan baik dan selamat. Perpindahan secara berfasa ini mengambil masa selama hampir enam minggu dan JAKIM secara rasminya telah memulakan operasi di Kompleks Islam Putrajaya (KIP) pada 1 Disember 2016.

## KEWANGAN

Bermula pada tahun 2012, JAKIM telah menggunakan Sistem Bajet Berasaskan Outcome (*Outcome Based Budgeting – OBB*) dan menggunakan kod program iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Kod Program: 050000). Pada tahun 2010, selaras dengan perubahan struktur organisasi JAKIM melalui Waran Perjawatan Bil. A 102 Tahun 2009 dan Bil. A 184 Tahun 2010, terdapat perubahan kod aktiviti bagi Bahagian dan PTJ di JAKIM. Perincian kod aktiviti tersebut seperti di Jadual 9:

**Jadual 9: Kedudukan bahagian dan PTJ mengikut kod aktiviti-aktiviti di JAKIM**

2016	
<b>050100 - Pengurusan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</li> <li>2. Bahagian Khidmat Pengurusan</li> <li>3. Bahagian Kewangan</li> <li>4. Bahagian Pengurusan Maklumat</li> </ol>
<b>050200 - Dasar</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan</li> <li>2. Bahagian Kemajuan Islam</li> <li>3. PTJ Masjid Negara</li> <li>4. PTJ Masjid Putra</li> <li>5. PTJ Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin</li> <li>6. Bahagian Pengurusan Fatwa</li> <li>7. Pejabat Penasihat Undang-undang</li> <li>8. Bahagian Penyelarasan Undang-undang</li> <li>9. PTJ Bahagian Hab Halal</li> <li>10. Bahagian Perhubungan</li> <li>11. Atase Jakarta</li> <li>12. Atase Canberra</li> <li>13. Atase Kaherah</li> </ol>
<b>050300 - Pembangunan Insan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Dakwah</li> <li>2. PTJ Institut Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia</li> <li>3. Bahagian Pembangunan Insan</li> <li>4. Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti</li> <li>5. Bahagian Penerbitan</li> <li>6. Bahagian Media</li> </ol>
<b>050400 - Darul Quran</b>	
<b>050500 - Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PTJ JAWI Labuan</li> </ol>
<b>050600 - Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PTJ ILIM Cawangan Timur (ILTIM)</li> </ol>
<b>050700 - JAKIM Sabah</b>	
<b>050800 - JAKIM Sarawak</b>	

Selain dari ibu pejabat JAKIM, terdapat 11 lagi PTJ yang mengendalikan pengurusan kewangan iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), JAWI Cawangan Labuan, JAKIM Cawangan Sabah, JAKIM Cawangan Sarawak, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Masjid Negara, Masjid Putra, Institut

Pemantapan dan Perkaderan Akidah Malaysia, Darul Quran, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Bahagian Hab Halal. Dari segi pengurusan perolehan kerajaan untuk bekalan/perkhidmatan/kerja, kesemua PTJ merupakan urusetia bagi sebut harga/tender masing-masing dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di ibu pejabat yang dilantik oleh Pegawai Pengawal kecuali JAWI yang mempunyai Jawatankuasa Sebut Harga sendiri yang dilantik oleh Pegawai Pengawal. Sementara bagi perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang memerlukan proses tender akan dikemukakan kepada Lembaga Tender, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Untuk memantau prestasi perbelanjaan mengurus, Bahagian Kewangan telah menyediakan laporan prestasi perbelanjaan setiap bulan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan JAKIM secara bulanan. Laporan ini juga turut dikemukakan kepada JPM. Bahagian Kewangan juga menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di mana mesyuarat ini diadakan setiap tiga bulan sekali. Perkara-perkara yang dibincangkan adalah mengikut format yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1:

- Pengurusan Bajet (Peruntukan Mengurus dan Pembangunan);
- Pengurusan Perakaunan;
- Pengurusan Perolehan;
- Pengurusan Aset dan Stor; dan
- Prestasi Perbelanjaan Peruntukan dari Badan Berkanun Persekutuan.

Penubuhan Jawatankuasa ini amat penting untuk memantau perbelanjaan bagi ibu pejabat dan PTJ di bawah JAKIM serta membuat penambahbaikan pengurusan kewangan melalui teguran audit yang turut dibincangkan dalam mesyuarat ini. Pada tahun 2015, JAKIM telah dianugerahkan Penarafan Empat Bintang Indeks Akauntabiliti oleh Ketua Audit Negara dalam pengurusan kewangan bagi tahun 2014.

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAKIM Tahun 2016

Prestasi perbelanjaan mengurus JAKIM tahun 2016 seperti di Jadual 10 berikut:

**Jadual 10: Prestasi perbelanjaan mengurus JAKIM tahun 2016**

DASAR	PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA %
Dasar Sedia Ada	765,577,378.00	751,664,297.73	12,666,376.17	98.35
Dasar Baru	3,679,800.00	3,678,302.72	1,497.28	99.96
One Off (Emolumen kakitangan kontrak)	28,712,745.00	28,631,160.40	81,584.60	99.72
One Off (Ke Luar Negara)	270,000,000.00	269,987.59	12.41	100.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>798,239,923.00</b>	<b>784,243,748.44</b>	<b>12,749,470.46</b>	<b>98.40</b>

### Pengurusan Perakaunan

JAKIM mempunyai enam Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan, 1957 seperti berikut:

- **Akaun Amanah JAKIM** (kod amanah 82305) – merupakan gabungan Akaun Amanah Tabung Penyelidikan Islam Sarawak (bertarikh 9 Mei 1986), Akaun Amanah Pusat Islam Malaysia (28 Jun 2000) dan Akaun Amanah Hari Kebesaran Islam (1 Oktober 1999);
- **Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara** (kod amanah 82301);

- **Akaun Amanah Masjid Putra, Putrajaya** (kod amanah 82331);
- **Akaun Amanah Darul Quran** (kod amanah 82334);
- **Akaun Amanah JAWI** (kod amanah 82339); dan
- **Akaun Amanah Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya** (kod amanah 882341).

Jawatankuasa bagi kesemua akaun amanah tersebut adalah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM. Kedudukan baki akaun-akaun amanah tersebut sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti di Jadual 11 berikut:

**Jadual 11: Kedudukan Akaun-akaun Amanah di JAKIM pada 31 Disember 2016**

AKAUN AMANAH	BAKI AWAL (A)	TERIMAAN (B)	PERBELANJAAN TERKUMPUL (C)	BAKI DIBAWA KE HADAPAN D = A+B-C
Akaun Amanah JAKIM (82305)	5,446,537.97	7,618,856.13	2,128,364.99	10,937,029.11
Akaun Amanah Tabung Wakaf Masjid Negara (82301)	3,036,271.09	1,642,977.53	1,354,391.86	3,324,856.76
Akaun Amanah Masjid Putra, Putrajaya (82331)	671,621.45	1,104,575.75	696,833.00	1,079,364.20
Akaun Amanah Darul Quran (82334)	422,262.89	559,916.90	432,489.53	549,690.26
Akaun Amanah JAWI (82339)	652,262.36	92,247,815.66	90,172,307.88	77,272,770.14
Akaun Amanah Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya (882341)	1,508,209.31	1,491,749.94	1,057,540.06	1,942,419.19
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>11,737,165.07</b>	<b>109,665,891.91</b>	<b>95,841,927.32</b>	<b>25,561,129.66</b>

### Pengurusan Perolehan

Sepanjang 2016, perolehan yang telah dibuat di Bahagian Kewangan adalah seperti di Jadual 12 berikut:

**Jadual 12: Perolehan bagi tahun 2016**

JENIS PEROLEHAN	BILANGAN	NILAI (RM)
Sebut Harga	62	12,146,957.99
Tender	12	16,537,662.36

## PRESTASI PROJEK PEMBANGUNAN JAKIM

### Di Bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) RMKe-11 (2016)

#### 1. Projek, Siling dan Peruntukan RP1 (2016-2017) RMKe-11

- a. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), projek-projek di bawah Peruntukan

Pembangunan (DE) telah diagihkan melalui *Rolling Plan* (RP) yang dilaksanakan secara dua tahun sekali. Pada tahun 2016, segala peruntukan pembangunan diagihkan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1).

- b. JAKIM telah diluluskan 12 projek dengan peruntukan sebanyak **RM21,724,810.00**. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL 2016 (RM)
1.	Pembinaan <i>Ilaj Home</i> , Mukim Bandar, Kuala Lumpur (Pusat Jagaan HIV/AIDS Muslim)	2,000,000.00
2.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur	2,988,800.00
3.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Ar-Rahah, Kerinchi, Kuala Lumpur	650,000.00
4.	Pembinaan Masjid Al-Firdaus, Segambut, Kuala Lumpur	3,600,000.00
5.	Pembinaan Masjid Kampung Sg. Bedaun, Labuan	2,500,000.00
6.	Makmal Analisis Halal, Enstek, Nilai, Negeri Sembilan	5,000,000.00
7.	Pembangunan Kaedah Analisis Halal	1,500,000.00
8.	Pembangunan Modul Latihan Kompetensi Auditor Halal	100,000.00
9.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Masjid Negara, Kuala Lumpur	2,000,000.00
10.	Membangunkan Infrastruktur <i>Disaster Recovery Centre (DRC)</i> Sistem MyHalal dan Komponen-komponen Baru Skim Persijilan	1,000,000.00
11.	Program Kesedaran Persijilan Halal Malaysia	300,000.00
12.	Menaik Taraf Masjid Wilayah Persekutuan (Penutupan Akaun)	86,010.00
	JUMLAH	21,724,810.00

#### 2. Senarai Program/Projek, Peruntukan dan Perbelanjaan JAKIM sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
1.	Pembinaan <i>Ilaj Home</i> , Mukim Bandar, Kuala Lumpur (Pusat Jagaan HIV/AIDS Muslim)	2,000,000.00	14,657.00	14,657.00	100%
2.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur	2,988,800.00	2,999,362.00	2,998,892.00	99.9%
3.	Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Ar-Rahah, Kerinchi, Kuala Lumpur	650,000.00	1,310,788.00	1,300,480.00	99.2%
4.	Pembinaan Masjid Al-Firdaus, Segambut, Kuala Lumpur	3,600,000.00	3,600,000.00	3,600,000.00	100%
5.	Pembinaan Masjid Sg. Bedaun, Labuan	2,500,000.00	138,574.06	138,573.57	100%
6.	Makmal Analisis Halal, Enstek, Nilai, Negeri Sembilan	2,000,000.00	1,267,762.00	1,267,761.11	100%
7.	Pembangunan Kaedah Analisis Halal	1,500,000.00	375,000.00	375,000.00	100%
8.	Pembangunan Modul Latihan Kompetensi Auditor Halal	100,000.00	0.00	0.00	100%
9.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Masjid Negara, Kuala Lumpur	2,000,000.00	499,297.94	499,297.94	100%
10.	Membangunkan Infrastruktur <i>Disaster Recovery Centre (DRC)</i> Sistem MyHalal dan Komponen-Komponen Baru Skim Persijilan	1,000,000.00	996,930.00	996,930.00	100%
11.	Program Kesedaran Persijilan Halal Malaysia	300,000.00	0.00	0.00	100%
12.	Menaik Taraf Masjid Wilayah Persekutuan (Penutupan Akaun)	86,010.00	86,010.00	85,603.93	99.5%
	JUMLAH	21,724,810.00	11,288,381.00	11,277,195.55	99.90%

### 3. Aktiviti/Program/Majlis Tahun 2016



Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM ke Makmal Analisis Halal, Enstek, Negeri Sembilan pada 20 Mac 2016



Lawatan Projek oleh YBhg Ketua Pengarah JAKIM ke Projek Menaik Taraf dan Membaik Pulih Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 23 Mac 2016



Majlis Penyerahan Projek SRA Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur 24 Mac 2016



Majlis Penyerahan Projek Masjid Al-Firdaus, Segambut, Kuala Lumpur pada 16 Mei 2016





Majlis Menandatangani Perjanjian *In-Kind* Kuarters Masjid Negara pada 20 September 2016



Lawatan Projek oleh YBhg Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) JPM ke Projek Pembinaan Projek SRA Ar-Rahah pada 14 Disember 2016



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya  
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 Putrajaya  
Tel: 03-8870 7000  
Fax: 03-8870 7707  
[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)